



MEMPERKASA GENERASI

LAPORAN TAHUNAN
BERSEPADU 2024

DANA YANG BERKAT

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat, renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan, menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan agar usia tua akan waras terpelihara: damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah – Mac – kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah; dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu, peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.

Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja, ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara, alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari, yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

5 – 15 Februari, 2007

A. SAMAD SAID



Visi

Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberi manfaat yang mampan secara inovatif

Misi

Mengoptimum pulangan pelaburan dan memberi perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama





MEMPERKASA GENERASI

Reka bentuk kulit hadapan Laporan Tahunan Bersepadu 2024 KWAP menampilkan jam pasir yang melambangkan peredaran masa dan kepentingan perancangan jangka panjang. Melambangkan era pendigitalan masa kini, jalur litar bercahaya bergerak menelusuri jam pasir dan menerangi gambaran yang berlatarbelakangkan keluarga berbilang generasi. Gambaran ini melambangkan anugerah yang paling berharga dalam kehidupan iaitu keluarga, perhubungan dan masa yang diluangkan bersama. Selain itu, latar belakang kulit buku ini memaparkan suasana kediaman yang selamat dan persekitaran hidup yang kondusif. Ini memaparkan peranan KWAP dalam melindungi masa hadapan kewangan para pesara dan keluarga mereka dengan memastikan kestabilan dan keselamatan mereka dalam setiap fasa kehidupan.

DALAM LAPORAN KAMI

Bahagian 1 KEMAJUAN STRATEGIK

- 06 Mengenai Laporan Ini
- 08 Sorotan Tahun 2024
- 10 Perutusan Pengerusi
- 13 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Bahagian 3 PENCIPTAAN NILAI STRATEGIK

- 27 Strategi Kami
- 30 Pihak Berkepentingan Kami
- 32 Persekitaran Operasi Kami
- 35 Risiko-risiko Utama

Bahagian 2 MAKLUMAT KORPORAT

- 18 Mengenai KWAP
- 20 Carta Organisasi
- 21 Struktur Korporat
- 22 Model Penciptaan Nilai

Bahagian 4 PENYATA KEMAMPAHAN

- 41 Strategi Kemampuan Kami



Imbas kod QR untuk
melihat Laporan
Tahunan Bersepadu
2024 kami

www.kwap.gov.my



Bahagian 5 MODAL PENCIPTAAN NILAI

- 53 Modal Kewangan
- 62 Modal Intelek
- 65 Modal Pembuatan
- 69 Modal Insan
- 80 Modal Sosial dan Perhubungan
- 97 Modal Semula Jadi

Bahagian 6 KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS

- 99 Profil Ahli Lembaga
- 106 Profil Ahli Panel Pelaburan
- 111 Profil Pengurusan Kanan
- 119 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 130 Penyata Pengurusan Risiko dan Pematuhan
- 144 Penyata Audit Dalam
- 145 Integriti dan Tadbir Urus

Bahagian 7 PENYATA KEWANGAN

- 148 Pensijilan Ketua Audit Negara
- 152 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 153 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 154 Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif
- 156 Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan
- 158 Penyata-Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 160 Penyata-Penyata Aliran Tunai
- 163 Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

Bahagian 8 MAKLUMAT TAMBAHAN

- 272 Glosari Istilah
Maklumat untuk Dihubungi



01

KEMAJUAN STRATEGIK

Mengenai Laporan Ini	06
Sorotan Tahun 2024	08
Perutusan Pengerusi	10
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	13

MENGENAI LAPORAN INI

Laporan tahunan bersepadu Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] diterbitkan sebagai komitmen kami terhadap ketelusan, akauntabiliti dan kemampanan. Kami percaya bahawa ukuran kewangan semata-mata tidak memberi impak terhadap sosial dan alam sekitar secara keseluruhan. Oleh itu, laporan ini akan menyediakan gambaran yang menyeluruh untuk prestasi penciptaan nilai dan impak sosial kami.

Matlamat laporan tahunan bersepadu ini adalah untuk meningkatkan kualiti maklumat yang sedia ada untuk pihak berkepentingan. Di KWAP, kami percaya bahawa kitaran laporan bersepadu dan pemikiran akan menghasilkan peruntukan modal yang cekap dan produktif, yang akan mendorong kestabilan kewangan serta pembangunan yang mampan untuk KWAP dan juga negara.

Laporan bersepadu ini terbahagi kepada enam bahagian, yang membolehkan pihak berkepentingan membuat penilaian bermaklumat mengenai keupayaan kami dalam mencipta dan memelihara nilai selain mengurangkan risiko hakisan nilai.

Mengenai KWAP

Tinjauan mengenai KWAP, termasuk peranan dan objektif kami, model perniagaan, serta bagaimana tujuan, visi, strategi dan nilai-nilai kami menyumbang kepada penciptaan nilai jangka panjang.

Pandangan Strategik

Tinjauan mengenai persekitaran perniagaan tempat kami beroperasi, termasuk perkara material, cara kami menguruskan risiko serta tindak balas kami secara strategik bagi memastikan penciptaan nilai yang berterusan.

Kemampanan

Tinjauan mengenai komitmen, prestasi dan kemajuan kami yang berkaitan dengan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan rangkuman amalan-amalan yang mampan untuk semua pelaburan dan operasi kami.

Prestasi

Penilaian ke atas nilai-nilai yang dicipta, dipelihara dan dipupuk untuk pihak berkepentingan.

Tadbir Urus

Tinjauan mengenai struktur tadbir urus dan kepimpinan kami yang menyokong penciptaan serta pemeliharaan nilai dengan pengawalan yang berkesan.

Penyata Kewangan

Penyata kewangan tahunan diaudit yang disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

TEMPOH PELAPORAN

Laporan bersepadu ini merangkumi tempoh dari 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024, melainkan dinyatakan sebaliknya. Laporan ini tersedia untuk terbitan dalam talian kami yang boleh didapati di laman sesawang kami di kwap.gov.my, termasuk laporan-laporan dan perihal-perihal yang berkaitan untuk pihak berkepentingan utama seperti kakitangan KWAP, para pesara, para pencarum, pihak-pihak berkuasa dan masyarakat.

PELAPORAN KEWANGAN DAN BUKAN KEWANGAN

Laporan bersepadu ini bukan sahaja merangkumi pelaporan kewangan, tetapi juga prestasi bukan kewangan, peluang-peluang, risiko-risiko dan hasil-hasil yang berkaitan dengan pihak berkepentingan. Ini memberi kesan yang signifikan ke atas keupayaan kami dalam mencipta dan memelihara nilai secara mampan serta mengurangkan risiko hakisan nilai.

RANGKA KERJA UTAMA KAWAL SELIA DAN PELAPORAN

Pelaporan kami berpandukan oleh kawal selia, rangka kerja pelaporan, garis panduan dan piawaian antarabangsa dan tempatan yang berkaitan. Pelbagai usaha telah diambil dalam menyediakan laporan yang sejajar dengan amalan-amalan dan piawaian-piawaian terbaik industri, serta menyediakan pihak berkepentingan dengan perihai-perihai penting. Rangka kerja dan garis-garis panduan ini adalah termasuk:

- Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa 2021;
- Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662);
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS);
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS);
- Piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI);
- Kehendak-kehendak Penyенераian Pasaran Utama Bursa Malaysia berkaitan Pelaporan Kemampanan;
- Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi 2022 (MCII);
- Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI);
- Kerjasama untuk Kewangan Perakaunan Karbon (PCAF);
- Piawaian Pelaburan Mampan (SIS); dan
- Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).

JAMINAN

Penyata Kewangan Tahunan 2024 kami telah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Audit dijalankan mengikut Akta Audit 1957 serta *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Pensijilan Ketua Audit Negara untuk penyata kewangan kami boleh didapati pada muka surat 148 sehingga 151.

Menyedari keterhubungan dalam kemampanan, kami juga merangkumkan rangka kerja, prinsip-prinsip, amalan-amalan dan hasil-hasil kemampanan dalam laporan ini.

PENYATA BERPANDANGAN KE HADAPAN

Laporan ini mengandungi penyata-penyata berpandangan ke hadapan mengenai kedudukan kewangan, prestasi, strategi-strategi dan operasi-operasi KWAP. Penyata-penyata ini merangkumi risiko-risiko, ketidaktentuan dan andaian-andaian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa serta bergantung pada keadaan yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Hasil sebenar mungkin berbeza secara material berbanding dengan jangkaan dalam penyata-penyata ini berikutan daripada pelbagai faktor.

KWAP tidak bertanggungjawab untuk mengemas kini sebarang penyata yang berpandangan ke hadapan bagi mencerminkan peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan selepas tarikh laporan ini, atau bagi mencerminkan kejadian peristiwa-peristiwa di luar jangkaan.

KELULUSAN LEMBAGA

Lembaga menyedari tanggungjawabnya dalam memastikan integriti laporan bersepadu ini. Menurut pendapat Lembaga, laporan ini menjawab semua isu-isu material yang berkaitan dengan keupayaan KWAP dalam mencipta nilai selain membentangkan prestasi KWAP secara adil dalam semua aspek.

Laporan ini telah diluluskan oleh Lembaga KWAP.

Ikon Navigasi Kami

MODAL

FC Modal Kewangan	MC Modal Pembuatan	SRC Modal Sosial dan Hubungan
IC Modal Intelek	HC Modal Insan	NC Modal Semula Jadi

RISIKO-RISIKO

R1 Risiko Makroekonomi dan Geopolitik	R4 Risiko Kesenambungan Perniagaan	R7 Risiko Keselamatan Siber
R2 Risiko Pelaburan	R5 Risiko Kemampanan	R8 Risiko Pematuhan
R3 Risiko Operasi	R6 Risiko Iklim	R9 Risiko Bereputasi

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

S1 Kerajaan Malaysia	S3 Komuniti Persaraan	S5 Komuniti Setempat
S2 Pencarum-pencarum	S4 Komuniti Pelaburan	S6 Kakitangan

PERKARA-PERKARA MATERIAL

M1 Dana Persaraan yang Mampan	M4 Model Operasi Sedia Masa Hadapan	M7 Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan
M2 Pengalaman Pelanggan	M5 Ikrar Kemampanan	M8 Antirasuah dan Sogokan
M3 Tadbir Urus Korporat	M6 Kewujudan dalam Industri	M9 Keselamatan Siber dan Privasi Data

6 MATLAMAT UNSDG



SOROTAN TAHUNAN 2024

Kewangan



Saiz Dana:

**RM185.60
bilion**



Pendapatan Bersih:

**RM12.96
bilion**



Kadar Pulangan Berwajaran
Masa (TWRR) Tahunan:

12.0%



Pelaburan Domestik:

**RM138.50
bilion,**

74.6% telah dilaburkan dalam
modal domestik

Alokasi Aset Strategik



Kelas Aset

Ekuiti:

51.7%

Infrastruktur:

2.2%

Ekuiti

Persendirian:

5.4%

Hartanah:

5.2%

Pendapatan
Tetap:

32.4%

Tunai:

3.1%



Pasaran Awam dan
Pasaran Persendirian

Pasaran Awam:

87.1%

Pasaran Persendirian:

12.9%

Pelan Transformasi



Pelengkapan **100%**
program transformasi 3 tahun KWAP

Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)



Peralihan elektrik **84%** kepada
tenaga boleh diperbaharui di Pejabat
Kuala Lumpur KWAP melalui Program
Tarif Elektrik Hijau TNB

Indeks Tahap Perkhidmatan



Skor Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA)

99.8% (melebihi 95% peratusan
minimum SLA)

Pembelajaran dan Pembangunan



13.60 purata hari latihan
bagi setiap kakitangan

Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan



4,048 peserta mendapat manfaat
daripada **18 Program Jelajah MyPesara**,
dan **9,440** peserta mendapat
manfaat daripada lebih **38 Program
Libat Urus Kerajaan**

Anugerah



KWAP telah menerima beberapa pengiktirafan berprestij pada tahun ini, termasuk:

- Penerima anugerah untuk 1 kategori dalam *HR Excellence Awards* oleh Human Resources Online
- Penerima anugerah untuk 1 kategori dalam *Life at Work Awards* oleh TalentCorp Malaysia
- Penerima anugerah untuk 1 kategori dalam *The BrandLaureate Brand of the Year Awards*
- Penerima anugerah untuk 1 kategori dalam *Malaysia's 100 Leading Graduate Employers Awards*
- Menerima Sijil Merit untuk *ISSA Good Practices Awards for Asia Pacific*
- Penerima anugerah untuk 1 kategori dalam *Tadbir Urus Pelaburan di Persidangan ASSA ke-41*

Pencapaian

Melengkapkan

92 hasil kerja daripada **28 inisiatif** yang meliputi **5 penggerak teras** dalam masa 3 tahun

Memungut jumlah caruman

sebanyak **RM2.78 bilion**, **melebihi sasaran sebanyak 4.3%**

Mencapai **RM51.83 juta** dalam **jumlah nilai pendedahan** daripada aktiviti yang berkaitan dengan perhubungan awam

Menganjurkan **KWAP Inspire Conference 2024** yang telah disertai oleh lebih **400 peserta**, serta menampilkan pelancaran Laporan Kemampanan KWAP yang pertama termasuk pemeteraian 5 lkrar Kemampanan KWAP

Penyertaan aktif dalam

Program GEAR-uP dengan jumlah komitmen sebanyak **RM40 bilion** dalam menyokong agenda ekonomi negara dan memperkasakan usahawan tempatan sepanjang tempoh 5 tahun (2024-2028)

Memperkenalkan rangka kerja budaya baharu KWAP yang merangkumi **7 indeks budaya**

Penempatan **1,003 graduan tempatan** dalam **Program MySTEP**

Menetapkan **Rangka Kerja dan Polisi Tadbir Urus Data KWAP**

Penghasilan

Laporan Tahunan Bersepadu pertama KWAP



Pelancaran program

Circular Economy Young Leaders for Change (CYCLE)

Menjalankan pengawasan aktif melalui penglibatan ESG dengan **10 syarikat-syarikat pelabur**



Saiz Dana

RM185.60 bilion

Pertumbuhan

9.3% Setahun



Kadar Pulangan

Berwajaran Masa Tahunan

12.0%

BERGANDING BAHU MEMACU KEMAJUAN NEGARA

KWAP terus memainkan peranan penting sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2024, kami secara aktif menyokong usaha Kerajaan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang berdaya tahan melalui pelaburan strategik dalam sektor-sektor utama seperti pusat data dan tenaga mampan menerusi inisiatif GEAR-uP. Inisiatif ini menyaksikan kerjasama erat antara KWAP dan Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) lain untuk memperkasa pertumbuhan sektor-sektor ekonomi utama menerusi pelaburan dalam pasaran swasta domestik dalam tempoh lima tahun akan datang.

Inisiatif kami melalui Dana Perintis dan Dana Pemacu mencerminkan penyelarasan tanggungjawab fidusiari KWAP dengan inovasi serta agenda nasional seperti menyokong keusahawanan. Melalui pengagihan modal secara strategik dalam bidang-bidang kritikal ini, KWAP berhasrat untuk menjana impak ekonomi yang positif dan menyumbang kepada kemakmuran negara.

Sepanjang tahun ini, KWAP turut memainkan peranan penting dalam menyokong keperluan kewangan negara melalui pengeluaran sebanyak RM5 bilion daripada dana bagi membiayai sebahagian daripada liabiliti pencen Kerajaan. Langkah ini sebahagian daripada komitmen KWAP terhadap mandatnya dalam membantu Kerajaan Persekutuan bagi menangani perkara ini.

BERPAKSIKAN TADBIR URUS YANG TEGUH

Integriti kekal menjadi keutamaan dalam semua operasi kami di KWAP. Lembaga KWAP kekal komited dalam memberi pengawasan strategik serta memastikan pelaksanaan amalan tadbir urus dalam setiap peringkat operasi KWAP. Sebagai pemegang amanah dana persaraan awam terbesar di Malaysia, kami percaya dengan hala tuju strategik yang jelas, yang digabungkan oleh tadbir urus yang kukuh, menjadi asas penting untuk mencapai objektif jangka panjang kami serta melindungi kepentingan pihak berkepentingan.

Komitmen kami terhadap rangka kerja tadbir urus dan pengurusan risiko yang kukuh adalah tidak berbelah bahagi. Kami terus mematuhi dan menambah baik rangka kerja ini, berteraskan asas teguh yang telah dibina sebelum ini. Sepanjang tahun ini, KWAP telah melaksanakan pensijilan semula piawaian ABMS serta mewujudkan Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan KWAP ("Kod") sebagai panduan kepada semua warga kerja dalam memelihara urus niaga dan reputasi KWAP selain menegakkan tahap profesionalisme dan integriti peribadi yang tinggi. Satu sistem bersepadu bagi Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan juga sedang dibangunkan bagi meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap tadbir urus dan pengurusan risiko di KWAP.

MEMACU IMPAK KITARAN DAN PELABURAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Sebagai pelabur institusi, penciptaan nilai yang mampan sebenarnya bukanlah hanya pulangan kewangan semata-mata. KWAP telah merangka dan melaksanakan dua dana pelaburan transformatif, iaitu Dana Perintis dan Dana Pemacu, yang membuktikan bahawa tanggungjawab fidusiari dan inovasi boleh wujud secara seiring. Kedua-dua dana ini dicipta untuk menegakkan tanggungjawab fidusiari sebagai sebuah dana kekayaan berdaulat sektor awam dan dana persaraan. Dana Perintis memperkasa ekosistem modal teroka dan syarikat pemula negara melalui pelaburan kukuh dalam ekosistem tersebut serta syarikat-syarikat peringkat awal, manakala Dana Pemacu menyediakan pelaburan yang disesuaikan dengan teliti bagi syarikat-syarikat berpotensi tinggi di Malaysia dan sektor-sektor kritikal, yang selaras dengan inisiatif reformasi Kerajaan GEAR-uP, Menaikkan Siling, di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Kedua-dua dana ini mencetuskan inovasi pembangunan negara secara serentak sambil memberikan pulangan kewangan terlaras berisiko.

Selain itu, sejak menjadi penandatanganan PRI pada tahun 2018, kami telah meletakkan tindakan iklim sebagai teras kepada agenda kemampanan kami. Menerusi Ikrar 3 dan 4, kami komited untuk mencapai Portfolio Sifar Bersih menjelang tahun 2050 serta meningkatkan pelaburan dalam aset peralihan kepada RM20 bilion menjelang tahun 2030, yang jelas mencerminkan dedikasi kami dalam memacu pertumbuhan ekonomi mampan.

PERUTUSAN PENGGERUSI (SAMBUNGAN)

Komitmen ini disokong oleh strategi Sifar Bersih yang menyeluruh dan merangkumi pelan menyahkarbon yang terancang melalui pendekatan tadbir urus aktif, alokasi aset strategik, serta pelan pengurangan karbon secara berperingkat. Segala usaha ini sejajar dengan aspirasi Sifar Bersih Malaysia dan turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang lebih luas, sekali gus membuka laluan ke arah Peralihan Adil.

KWAP Inspire Conference 2024 mengukuhkan kepimpinan KWAP dalam kemampanan kitaran, sekali gus mencetuskan wacana serantau dan penglibatan belia. Dengan tema “*Advancing Circular Transformation for a Climate-Smart Malaysia*”, persidangan ini menarik perhatian umum yang signifikan, dengan liputan media meluas yang merangkumi platform dalam talian, saluran penyiaran, media sosial serta media cetak. Persidangan ini disempurnakan oleh Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, menghimpunkan pakar-pakar ESG terkemuka, yang berkongsi pandangan tentang isu-isu kemampanan yang kritikal termasuk Ekonomi Kitaran, Pasaran Karbon, dan Pelaburan Berimpak.

Antara sorotan kemampanan lain yang penting pada tahun 2024 ialah penubuhan *Circular Economy Young Leaders for Change* (CYCLE) yang memperkasakan golongan belia untuk menerajui amalan ekonomi kitaran dalam KWAP, dengan satu penerokaan kerjasama strategik bersama Malaysia Forest Fund (MFF); serta langganan KWAP terhadap Tarif Elektrik Hijau (GET) yang berjaya mengurangkan jejak karbon penggunaan elektrik di pejabat KWAP di Kuala Lumpur.

KOMITMEN TIDAK BERBELAH BAHAGI YANG BERTERUSAN

Program TERAS 5 terus memainkan peranan penting dalam membentuk masa hadapan KWAP, yang memacu visi jangka panjang KWAP serta memperkukuh keupayaan operasi dan daya tahan organisasi dalam persekitaran yang sentiasa berevolusi. Kami telah mencapai saiz dana terkumpul terlaras yang amat memberangsangkan, yang mencerminkan aspirasi dan komitmen kami terhadap pertumbuhan yang berterusan.

Melangkah ke hadapan, Lembaga yakin dengan keupayaan KWAP untuk mengharungi landskap global yang semakin kompleks. Pendekatan kami yang berasaskan data dan analitik, yang disokong oleh amalan pengurusan risiko

yang teguh serta portfolio pelaburan yang berpelbagai, meletakkan KWAP dalam kedudukan yang kukuh untuk merebut peluang dan mengurangkan risiko dengan berkesan demi memastikan ketahanan dana dalam jangka panjang. Selaras dengan kemajuan Malaysia ke arah reformasi sistem pencen, KWAP komited dalam memainkan peranan penting dalam membentuk sistem pencen yang lebih berdaya tahan, inklusif dan responsif, sejajar dengan keperluan negara yang semakin berkembang.

PENGHARGAAN

Semua pencapaian KWAP pada tahun 2024 tidak akan dapat direalisasikan tanpa dedikasi dan usaha gigih seluruh warga kerja KWAP. Saya amat menghargai komitmen mereka terhadap kecemerlangan serta tumpuan yang tidak berbelah bahagi terhadap mandat yang diamanahkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan Kanan KWAP atas kepimpinan yang tidak berbelah bahagi dan sumbangan mereka dalam melaksanakan inisiatif strategik dengan berkesan.

Bagi pihak Lembaga KWAP, saya ingin merakamkan penghargaan terhadap sumbangan bermakna Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad dan Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh yang telah meletakkan jawatan dalam tempoh pelaporan. Nasihat dan pandangan mereka amat dihargai.

Kami juga mengalu-alukan kehadiran Datuk Ramzi bin Mansor, wakil Kementerian Kewangan, serta Datuk Mohd Shahrin bin Hussin, wakil Kerajaan Malaysia, ke KWAP. Kami mengalu-alukan pandangan dan perspektif baharu daripada mereka. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan, pihak pengawal selia dan rakan-rakan industri atas sokongan dan kerjasama berterusan yang diberikan.

Sebagai penutup, kami sentiasa berdiri teguh dalam misi menjamin masa hadapan kewangan para pesara sektor awam Malaysia. Kami yakin dengan keupayaan kami untuk menempuh persekitaran yang progresif dan terus memberi manfaat yang mampan untuk generasi masa hadapan.

Datuk Johan Mahmood Merican
Pengerusi

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



KWAP mencatat salah satu prestasi pelaburan terbaik setakat ini yang menjadikan tahun ini antara tahun yang paling cemerlang dalam sejarah KWAP. Pencapaian hebat ini didorong oleh usaha penyeimbangan semula portfolio pelaburan, keputusan alokasi aset yang tepat pada masanya, serta penerokaan berterusan ke dalam pasaran swasta.

Dana KWAP meningkat sebanyak RM15.78 bilion kepada RM185.60 bilion, yang merupakan satu peningkatan yang ketara sebanyak 9.3% berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan pelaburan yang mencecah RM18.01 bilion pula merupakan rekod tertinggi setakat ini dengan jumlah pulangan pelaburan sebanyak 12.0%. Pertumbuhan luar biasa ini membuktikan keberkesanan strategi pelaburan jangka panjang kami serta pelaksanaan yang berdisiplin oleh tenaga kerja KWAP dalam menjana nilai tambahan yang mampan.

Analisis terperinci terhadap prestasi pelaburan telah menyerlahkan kekuatan dan sinergi portfolio domestik dan antarabangsa kami. Pelaburan domestik mencatatkan pulangan kukuh sebanyak 12.9%, manakala pegangan antarabangsa memberi pulangan yang memberangsangkan sebanyak 9.0%. Ekuiti awam muncul sebagai pemacu utama prestasi dengan jumlah pulangan sebanyak 21.9%, dimana ekuiti domestik menyumbang sebanyak 23.2% manakala ekuiti antarabangsa pula mencatatkan 16.9%. Prestasi baik di pasaran ekuiti tersenarai Malaysia mencerminkan daya dinamik ekonomi negara, dimana KWAP memainkan peranan penting sebagai pelabur institusi jangka panjang.

Strategi alokasi aset kami kekal berpelbagai dan berdaya tahan dengan 74.6% disalurkan kepada pasaran domestik dan 25.4% disalurkan kepada pasaran antarabangsa. Sehingga 31 Disember 2024, portfolio KWAP disusun secara strategik, yang merentasi pelbagai kelas aset iaitu 51.7% dalam ekuiti, 32.4% dalam pendapatan tetap, 5.4% dalam ekuiti persendirian, 5.2% dalam hartanah, 2.2% dalam infrastruktur, dan 3.1% dalam pengurusan tunai bagi memastikan kecairan yang optimum sepanjang tahun. Kepelbagaian yang dirancang secara teliti ini adalah penting bagi mengoptimalkan pulangan dalam keadaan pasaran yang dinamik dan rumit.

Tumpuan yang menyeluruh terhadap pengurusan risiko dan daya tahan diperlukan bagi mengemudi kompleksiti sekitar kewangan antarabangsa. KWAP sentiasa komited terhadap pendekatan pelaburan berasaskan maklumat yang disokong oleh rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh serta kepelbagaian portfolio. Pendekatan ini membolehkan kami mengurus cabaran yang mendatang secara berkesan serta merebut peluang baharu secara strategik bagi memastikan keterjaminan pulangan dana dan kemampanan dana dalam masa jangka panjang.



Strategi peruntukan aset kami kekal berpelbagai dan berdaya tahan dengan 74.6% disalurkan kepada pasaran domestik dan 25.4% disalurkan kepada pasaran antarabangsa.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMBUNGAN)



INISIATIF STRATEGIK PEMACU IMPAK NEGARA DAN PERTUMBUHAN MASA HADAPAN

Pada tahun 2024, KWAP terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai pelabur institusi berprestasi tinggi, sekali gus mengesahkan dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam pembinaan negara melalui inisiatif transformatif. Tumpuan secara strategik ke atas pelaburan pasaran swasta dengan matlamat untuk memperluaskan pendedahan dalam kelas-kelas aset pasaran swasta ini akan terus dipertingkatkan. Menerusi kerjasama dan perkongsian pengetahuan, KWAP berhasrat untuk melabur dan syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi, memperkasa bakat tempatan dan seterusnya memperkukuhkan pasaran kewangan negara.

Salah satu pencapaian penting pada tahun 2024 ialah kemajuan Dana Perintis, yang merupakan komitmen bernilai RM500 juta yang dilancarkan pada tahun 2023, dengan kejayaan penyaluran peringkat awal sebanyak RM100 juta ke dalam syarikat pemula berpotensi tinggi di Malaysia serta dana modal teroka.

Selaras dengan agenda reformasi Kerajaan terhadap Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), KWAP telah memperuntukkan RM6.0 bilion bagi Pelaburan Modal Persendirian menerusi Dana Pemacu yang dilancarkan pada Mei 2024. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkukuh ekosistem modal persendirian di samping mempromosikan pelaburan yang beretika dan bertanggungjawab secara sosial. Selain itu, Dana Pemacu juga akan membuka potensi modal ekuiti Islamik dan memperbesar impak pelaburan patuh Syariah, khususnya dengan 50% daripada jumlah yang diperuntukkan adalah untuk pelaburan yang berlandaskan prinsip Syariah.

Satu lagi pencapaian utama KWAP pada tahun ini ialah penyertaan KWAP dalam *Government-linked Enterprise Activation and Reform Programme (GEAR-up)*, sebuah inisiatif nasional dalam kerangka Ekonomi MADANI yang menyelaras usaha GLIC bagi merangsang pertumbuhan sektor ekonomi utama negara. Sebagai salah satu peneraju utama, KWAP telah berikrar untuk memperuntukkan sebanyak RM40 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang dalam pasaran swasta domestik, dengan tumpuan kepada industri berpertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi.

Pelaburan terbaharu yang berjumlah RM219 juta dalam sebuah platform boleh diperbaharui luar pesisir yang berpusat di Asia mencerminkan komitmen KWAP terhadap pelaburan mampan, menyokong peralihan tenaga sambil memacu inovasi dan penciptaan nilai jangka panjang. Inisiatif ini juga membuktikan KWAP komited terhadap peralihan tenaga dengan matlamat yang bukan sahaja untuk meningkatkan kedudukan ekonomi Malaysia, malah mempertingkat kesejahteraan masyarakat melalui inovasi, pewujudan pekerjaan yang berkemahiran tinggi dan pembangunan yang mampan.

MENYEMPURNAKAN MANDAT DAN BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT DENGAN DEDIKASI DAN BERIMPAK

KWAP kekal teguh dalam misinya untuk meningkatkan kualiti bagi perkhidmatan persaraan kepada para penerima manfaat. Pada tahun 2024, kami bangga dapat berkhidmat kepada lebih 810,000 penerima pencen di seluruh negara, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 2.4% berbanding tahun sebelumnya. Usaha berterusan kami dalam mencapai kecemerlangan perkhidmatan jelas terbukti melalui pencapaian indeks prestasi Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) yang cemerlang iaitu 99.8%, jauh melebihi penanda aras sebanyak 95.0%.

Sebagai pentadbir yang diamanahkan untuk menguruskan pembayaran pencen kepada pesara kerajaan, KWAP memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Fasa 1 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM), yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2024. Kami berjaya menyelaraskan semula bayaran pencen bagi penerima yang terlibat dengan pembayaran yang dikemas kini dan dijalankan dengan tepat pada masanya pada 18 Disember 2024.

Sepanjang tahun ini, KWAP telah berinteraksi secara aktif dengan puluhan ribu pesara di seluruh Malaysia melalui program libat urus MyPesara termasuk Jelajah MyPesara dan Karnival MyPesara. Usaha ini turut diperkukuh dengan inisiatif MyPesara Prihatin yang menzahirkan tanggungjawab sosial kami melalui bantuan kecemasan yang diberikan kepada komuniti yang terjejas akibat bencana.

Sementara itu, Anugerah MyPesara yang kini memasuki tahun ketiga terus meraikan legasi yang berterusan bagi para pesara sektor awam yang kekal aktif dan menyumbang secara bermakna kepada masyarakat.

MEMPERCEPAT HALA TUJU KEMAMPAHAN KE ARAH MALAYSIA YANG CELIK IKLIM

Tahun 2024 merupakan tahun penting bagi KWAP dalam memperkukuh agenda kemampanan kami, dengan usaha yang dipergiat untuk menangani cabaran alam sekitar dan sosial dengan berpandukan komitmen yang digariskan dalam lima Ikrar Kemampanan KWAP. Sebagai pelabur institusi yang bertanggungjawab, kami komited untuk menunaikan janji dalam aspek kemampanan. Bagi mengurangkan impak alam sekitar melalui tindakan yang praktikal dan boleh diukur, KWAP telah melanggan Tarif Elektrik Hijau (GET) TNB yang menjadikan 84% penggunaan elektrik di pejabat kami di Kuala Lumpur dijana daripada tenaga boleh diperbaharui.

Menyedari peranan penting generasi muda dalam memacu perubahan, serta mengambil kira majoriti kakitangan KWAP terdiri daripada golongan belia, kami turut melancarkan CYCLE (*Circular Economy Young Leaders for Change*). Inisiatif yang dipimpin oleh golongan belia ini membolehkan kakitangan muda kami untuk menerajui amalan ekonomi kitaran dalam KWAP, sekali gus memupuk budaya kemampanan dan keterangkuman yang bermula dari peringkat awal.

Pada 6 Ogos 2024, KWAP mencatat satu lagi pencapaian penting dengan penganjuran KWAP Inspire 2024, yang bertemakan “*Advancing Circular Transformation for*

a Climate-Smart Malaysia.” Persidangan ini menghimpunkan pakar-pakar ESG dan ekonomi kitaran yang terkemuka dari seluruh rantau Asia dan Pasifik termasuklah pemilik aset, pengurus aset, pelabur institusi, pembuat dasar, ahli akademik serta para profesional kemampanan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai topik seperti aspirasi pelepasan sifar bersih, pelaburan berimpak, kewangan Islam, belia dan keselamatan sosial.

Selain itu, kerjasama KWAP dengan *Malaysia Forest Fund* (MFF) memperkukuh sokongan KWAP terhadap ekosistem karbon kredit negara melalui instrumen seperti *Forest Conservation Certificate* (FCC) dan *Forest Carbon Offset* (FCO). Ini merupakan sebahagian daripada komitmen kami terhadap pemeliharaan alam sekitar dan penyelesaian iklim yang berasaskan alam semula jadi.

MENJAYAKAN HALA TUJU TRANSFORMASI DIGITAL KWAP

Dalam usaha berterusan untuk mencapai kecemerlangan operasi dan meningkatkan nilai pihak berkepentingan, KWAP terus menggunakan kuasa transformasi teknologi digital. Sepanjang tahun 2024, kami telah mencatat kemajuan yang ketara dalam memperkukuh modal buatan melalui pelaksanaan inisiatif transformasi digital strategik yang teliti. Pelan Hala Tuju Transformasi Digital komprehensif kami yang berlandaskan Strategi Transformasi Digital KWAP menjadi panduan utama dalam semua usaha digital kami bagi memastikan pendekatan yang padu dan berfokus.

Pelan hala tuju yang terperinci ini dibina secara strategik berteraskan lima teras utama yang saling berhubung iaitu Tadbir Urus dan Perkhidmatan Digital, Ketahanan Siber, Platform Teknologi yang kukuh, Pengurusan Data yang menyeluruh serta Sistem Perniagaan Digital yang tangkas. Kelima-lima teras ini menyediakan rangka kerja yang kukuh dan tersusun yang menjadi asas kepada perjalanan KWAP dalam mencapai kecemerlangan digital secara menyeluruh di setiap peringkat organisasi.

Usaha signifikan yang telah dilaksanakan menerusi teras strategik ini jelas mencerminkan komitmen KWAP yang tidak berbelah bahagi dalam mencapai kecemerlangan operasi dan memacu penciptaan nilai jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan. Inisiatif-inisiatif ini merangkumi peningkatan kritikal terhadap teras sistem digital bagi meningkatkan kecekapan dan kebolehpercayaan, serta pengukuhan infrastruktur keselamatan siber yang teguh dan mampan untuk melindungi sensitiviti data dan mengekalkan integriti operasi.

PERUTUSAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMBUNGAN)

Selain itu, kami giat memupuk budaya digital dalam organisasi yang diperlukan untuk cemerlang dalam persekitaran digital yang kian berkembang pesat. Inisiatif-inisiatif semasa dan yang berpaksikan masa hadapan dalam pelan hala tuju ini akan memanfaatkan teknologi secara strategik bagi meningkatkan kecekapan operasi, memperkukuh keselamatan sistem dan data, dan seterusnya mempertingkatkan mutu dan akses kepada penyampaian perkhidmatan dalam meletakkan KWAP sebagai organisasi yang hanya termasuk secara digital dan berdaya tahan.

TERAS 5

TERAS 5 telah mencapai kejayaan cemerlang dengan penyempurnaan 28 sub-aliran kerja yang telah memperkukuh rangka kerja organisasi KWAP serta memperoleh kelulusan bagi rangka kerja tadbir urus kritikal, garis panduan operasi dan strategi perniagaan dalam jangka panjang. Pencapaian ini telah memacu pertumbuhan serta transformasi yang ketara di seluruh peringkat organisasi. Dengan menangani jurang asas dalam kemahiran bakat, proses, infrastruktur digital, tadbir urus dan penajajaran struktur, TERAS 5 telah meningkatkan tahap ketangkasan dan kesepaduan strategik KWAP secara signifikan, yang sekali gus meletakkan asas yang kukuh untuk inovasi dan pertumbuhan yang mampan.

Transformasi ini telah menginstitusikan tadbir urus dan pemantauan prestasi, mengoptimumkan penggunaan sumber, serta mengukuhkan kejelasan, akauntabiliti dan keberkesanan dalam membuat keputusan. Hasilnya, KWAP kini beroperasi dengan kejituan yang berasaskan data serta sistem sedia masa hadapan, memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI), analitik dan automasi bagi membuat keputusan yang lebih pantas dan bijak. Kemajuan ini bukan sahaja meningkatkan pengalaman ahli persaraan kami, malah ia turut menyumbang kepada penciptaan nilai jangka panjang.

MENGHARUNGI KETIDAKPASTIAN GLOBAL DAN MEMBENTUK MASA HADAPAN YANG BERDAYA TAHAN

KWAP komited untuk memainkan peranan penting dalam membentuk sistem pencen negara yang lebih berdaya tahan, inklusif dan anjal pada masa hadapan. Seiring dengan perubahan demografi Malaysia, keperluan untuk sistem persaraan yang kukuh dan inklusif menjadi semakin penting. KWAP menyedari bahawa keperluan serta jangkaan para pesara juga berubah sejajar dengan jangka hayat yang lebih panjang, pendigitalan yang pesat dan dinamik sosioekonomi yang semakin berubah.

Justeru itu, KWAP sedang meneroka pendekatan untuk meluaskan skop sokongan kami yang melangkaui peranan tradisional dalam pembayaran pencen. Hanya termasuk galakan ke arah penuaan aktif dan penyertaan ekonomi melalui peluang keusahawanan dalam ekonomi penuaan, penambahbaikan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan, serta pemerksaan terhadap celik digital agar para pesara kekal berhubung dan berkeupayaan.

KWAP sentiasa komited untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama dalam menyumbang secara bermakna dalam persekitaran persaraan jangka panjang negara. Fokus kami adalah untuk memastikan sistem persaraan kekal anjal, bersedia untuk masa hadapan, dan berteraskan kemampanan kewangan, selain mencerminkan aspirasi golongan yang menerima perkhidmatan KWAP.

Melangkah ke hadapan, strategi pelaburan KWAP bagi tahun 2025 akan terus bersifat adaptif dan berpaksikan analisis yang teliti dengan memanfaatkan kejayaan yang sedia ada untuk mencapai pulangan pelaburan yang optimum yang terlaras risiko. Kami akan terus meneroka peluang secara strategik dalam pasaran antarabangsa dan swasta bagi menjana pulangan optimum jangka panjang terlaras mengikut risiko.

PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi Lembaga dan Ahli-ahli Lembaga serta Panel Pelaburan KWAP atas sokongan dan bimbingan yang tidak berbelah bahagi sepanjang KWAP beroperasi. Saya juga ingin memberi pengiktirafan atas usaha gigih, dedikasi dan komitmen mantap daripada warga kerja KWAP. Usaha kolektif barisan pengurusan anggota, pasukan dan rakan kerjasama telah memainkan peranan penting dalam mencapai hasil yang terbaik ini, dan saya yakin kejayaan ini akan berterusan pada masa hadapan.

Dengan warga kerja yang memiliki pelbagai kemahiran, KWAP berada dalam kedudukan yang kukuh untuk mengharungi cabaran dan merebut peluang pada masa hadapan bagi menjana pulangan yang mampan. Komitmen kami terhadap penambahbaikan yang berterusan sentiasa teguh dalam setiap aspek operasi, dan penyampaian perkhidmatan KWAP adalah selaras dengan aspirasi kami untuk mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan mandat yang diamanahkan.

Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed
Ketua Pegawai Eksekutif

02

MAKLUMAT KORPORAT

Mengenai KWAP	18
Carta Organisasi	20
Struktur Korporat	21
Model Penciptaan Nilai	22

MENGENAI KWAP

Visi

Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberi manfaat yang mampan secara inovatif

Misi

Mengoptimum pulangan pelaburan dan memberi perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama

Nilai-Nilai



KEPIMPINAN

Keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan orang lain untuk penambahbaikan berterusan



KECEMERLANGAN DAN PENCAPAIAN

Pencapaian yang diperoleh melalui kecemerlangan



KERJA BERPASUKAN

Bekerjasama untuk memberikan hasil yang cekap dan berkesan untuk setiap pihak berkepentingan



ORIENTASI PIHAK BERKEPENTINGAN

Memberi fokus kepada semua pihak berkepentingan seperti kerajaan dan pesara-pesara



AKAUNTABILITI

Bertanggungjawab atas segala tindakan



PEMBELAJARAN DAN INOVASI BERTERUSAN

Sentiasa inovatif dan belajar dengan konsisten daripada cabaran dan pencapaian



INTEGRITI

Ciri dalaman moral dan prinsip yang kukuh

Fungsi



Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662)



Pengurusan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan pelbagai agensi berkaitan



Pengurusan dan pembayaran pencen

Penubuhan

Di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), yang menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454), KWAP ditubuhkan pada 1 Mac 2007.

Falsafah Pelaburan dan Pegangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

KWAP percaya bahawa peluang dominan wujud disebabkan oleh ketidakcekapan pasaran. Oleh itu, kami terus membangunkan strategi-strategi dalam kelas aset yang kami percaya berpotensi untuk menjadi dominan dan/atau peluang-peluang yang boleh digunakan oleh dana secara langsung atau tidak langsung. Strategi pasif akan digunakan sekiranya kami tidak yakin pengurusan aktif berupaya memberi nilai tambah.

Dalam konteks ESG, KWAP berusaha untuk mengelak daripada melabur dalam syarikat-syarikat yang berpotensi untuk menjejaskan komitmen serta kemajuan kami dalam aspek pelaburan dan ESG yang bertanggungjawab dan/atau aktiviti perniagaan syarikat-syarikat yang mempunyai risiko bereputasi atau yang memberi impak negatif ke atas KWAP.

KWAP yakin integrasi ESG akan membawa kepada masa hadapan yang mampan. Kami juga menyedari bahawa syarikat-syarikat berada pada tahap yang berbeza-beza dalam perjalanan ESG dan kelestarian mereka. Justeru, aktiviti-aktiviti berpengurusan KWAP tertumpu pada penciptaan nilai jangka panjang bersama syarikat-syarikat penerima pelaburan.

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

	Pembentukan Dasar	Kutipan Caruman Ahli	Polisi Pelaburan & Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan	Pentadbiran Anggota	Pembayaran Faedah
	Menetapkan dasar untuk pencen/dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli individu	Menetapkan dasar pelaburan dan mengawasi prestasi	Melaksanakan pengurusan pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan dan pembayaran
KAKITANGAN AWAM YANG BERTARAF PENCEN	Perbendaharaan - Pengiraan impak kewangan - Meluluskan dasar EPU - Membangun dan mengkaji semula dasar JPA - Membentuk dan mengkaji semula dasar					
ANGKATAN TENTERA	MINDEF Membentuk dan mengkaji semula dasar	LTAT - Memungut caruman daripada anggota tentera dan kakitangan Kerajaan - Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP - Berhubung dengan ahli-ahli - Mentadbir akaun ahli Hal Ehwal Veteran (MINDEF) - Berhubung dengan pesara - Mengira faedah - Mengagihkan pengeluaran - Memindahkan bayaran balik kepada KWAP				
KAKITANGAN SEKTOR SWASTA DAN AWAM TIDAK BERTARAF PENCEN	KWSP Memberi input kepada pembentukan dasar					


Petunjuk:

Perbendaharaan: Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
EPU: Unit Perancang Ekonomi
JPA: Jabatan Perkhidmatan Awam

MINDEF: Kementerian Pertahanan
LTAT: Lembaga Tabung Angkatan Tentera

KWSP: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

CARTA ORGANISASI



STRUKTUR KORPORAT



Pelaburan Hartanah

Malaysia



100.00% Harta Integra Berkat Sdn Bhd
 100.00% Capsquare Tower Sdn Bhd
 100.00% Harta Rini Sdn Bhd
 100.00% Harta Kulim Sdn Bhd
 100.00% Harta Residensi Sdn Bhd

Australia



100.00% KWAP MIT 3
 100.00% KWAP MIT 4

Syarikat Bersekutu

10.00% LOGOS Australia Logistics
 Venture (LALV) Trusts

United Kingdom



99.60% Prima Harta (Jersey)
 Unit Trust
 100.00% Prima Harta U (Jersey) Limited
 100.00% Prima Harta 2 (Jersey)
 Unit Trust
 99.60% Prima Harta 4 (Jersey)
 Unit Trust
 100.00% Prima Harta 4U (Jersey) Limited
 99.80% Prima Harta 5 (Jersey)
 Unit Trust
 100.00% Prima Harta 5 (Jersey) Limited
 99.99% Prima Harta 6 (Jersey)
 Unit Trust
 100.00% Prima Harta 6 (Jersey) Limited

Luxembourg



100.00% Prima Harta 3 (Lux) S.à r.l.



Pembangunan Hartanah

Malaysia



100.00% KWEST Sdn Bhd

Syarikat Bersekutu/ Kepentingan Usaha Sama

20.00% Compass IP Sdn Bhd
 20.00% Persada Mentari Sdn Bhd



Infrastruktur dan Perkhidmatan

Malaysia



Syarikat Bersekutu

5.83% Aerodyne Ventures Sdn Bhd
 5.29% edotco Group Sdn Bhd
 7.47% Lapasar Sdn Bhd

Luxembourg



Syarikat Bersekutu

45.00% Vantage Solar Investment
 S.à r.l.



Pendidikan

Malaysia



Syarikat Bersekutu

19.50% Asia Pacific Education Group



Perkhidmatan Pengurusan

United Kingdom



100.00% Prima Ekuiti (UK) Limited



Perdagangan dan Perkhidmatan

Malaysia



Syarikat Bersekutu

4.90% Bateriku (M) Sdn Bhd

Nota:

- Maklumat terperinci struktur korporat KWAP boleh dirujuk pada nota 11 sehingga 13 dalam penyata kewangan yang diaudit.

MODEL PENCIPTAAN NILAI

Ketersediaan dan kualiti input kami...



VISI: Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan

Modal Kewangan

FC

Asas modal, pendapatan yang dilaburkan semula dan caruman daripada Kerajaan Persekutuan dan majikan yang mencarum (Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi)

- Alokasi Kumpulan Wang Terkanun: **RM0.5 bilion**
- Caruman Pencen: **RM2.78 bilion**
- Rizab dan Lebihan: **RM18.01 bilion**

Modal Intelek

IC

Aset-aset tidak nyata, jenama, reputasi, kapasiti inovasi, pengetahuan dan kepakaran serta kerjasama strategik yang menyokong kelebihan daya saing kami

- **20** aktiviti atau acara yang berkaitan awam termasuk Pengumuman Prestasi Kewangan KWAP, pelancaran Dana Pemacu, *KWAP Inspire Conference* dan Karnival MyPesara
- **RM290,000** dibelanjakan untuk kerjasama penyelidikan bersama MyAgeing UPM dan JPA bagi penilaian tahap kesiapsiagaan persaraan dalam kalangan pesara
- Pembangunan laporan dalaman yang boleh diakses secara umum serta amalan terbaik

Modal Pembuatan

MC

Struktur perniagaan dan proses-proses operasi kami, termasuk aset-aset tetap seperti sistem teknologi maklumat (IT) yang membentuk asas penyampaian nilai

- **Perbelanjaan Modal**
Perkakasan Digital: **RM2.80 juta**
Perisian Digital: **RM4.79 juta**
- **Perbelanjaan Operasi**
Perbelanjaan Digital: **RM21.90 juta**

Modal Insan

HC

Kakitangan, budaya korporat, pengetahuan yang kolektif, kecekapan dan pengalaman menjadi asas yang memacu inovasi, kerjasama dan keberkesanan organisasi kami

- Tenaga kerja KWAP seramai **753** orang
- **RM3.9 juta** dibelanjakan untuk latihan dan pembangunan kemahiran
- Memperluaskan Penjenamaan Majikan melalui pelaburan **RM11.03 juta** dalam Program MySTEP
- Lanjutan penglibatan kakitangan melalui pelaburan **RM0.5 juta** dalam Program Skim Bantuan Pendidikan (EAS)
- Diiktiraf melalui beberapa anugerah berprestij daripada 4 kategori berbeza

Modal Sosial dan Hubungan

SRC

Hubungan dengan pihak berkepentingan, termasuk komuniti yang terlibat dalam operasi kami, merupakan asas kepada persekitaran operasi kami. Peranan kami adalah untuk membina negara dan masyarakat yang berkembang maju serta membentuk modal yang teguh dan stabil

- Berjaya mengutip caruman tertunggak berjumlah **RM1.57 juta**
- Mencapai kadar kepuasan tinggi sebanyak **96%** melalui libat urus bersama pencarum
- **RM1.18 juta** dilaburkan untuk siri Jelajah MyPesara TK2024
- Menjalankan lebih **10** inisiatif yang berkaitan dengan tanggungjawab sosial korporat (CSR) termasuk libat urus bersama persatuan korporat

Modal Semula Jadi

NC

Penggunaan sumber-sumber asli secara langsung dan penjejakan kami dalam alam sekitar menerusi aktiviti-aktiviti pelaburan dan operasi termasuklah tenaga, air, dan iklim, serta impak daripada amalan-amalan perniagaan kami

- Portfolio tenaga boleh diperbaharui diperkukuh dengan pelaburan berjumlah **RM236.2 juta**
- Mencapai kapasiti penjanaan tenaga bersih sebanyak **322 GWh** melalui tenaga solar daripada pelaburan VSUK
- Mengurangkan pelepasan Skop 2 di pejabat organisasi sebanyak **84%** di Menara Intagra

membolehkan pelaksanaan strategi kami...

negara dengan memberi manfaat yang mampan secara inovatif.




MODEL PENCIPTAAN NILAI (SAMBUNGAN)

memacu aktiviti perniagaan dalam menyampaikan perkhidmatan yang berasaskan misi...



VISI: Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan



* Skop 1, 2 dan 3 untuk garis dasar pelepasan karbon dibangunkan dengan menggunakan data bagi TK2023

S1	S2	S3	S4	S5	S6
Kerajaan Malaysia	Pencarum	Komuniti Persaraan	Komuniti Pelaburan	Komuniti Setempat	Kegiatan

serta nilai-nilai... untuk pihak berkepentingan kami.

negara dengan memberi manfaat yang mampan secara inovatif.

Modal Kewangan

- Merekodkan Pendapatan Bersih sebanyak RM12.96 bilion dan Jumlah Pendapatan Komprehensif sebanyak RM18.01 bilion
- RM5 bilion pengeluaran bagi membantu membiayai sebahagian bayaran persaraan
- 12.0% Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) tahunan
- 5.9% TWRR tahunan untuk tempoh purata 10 tahun

Modal Intelek

- RM51.83 juta nilai pendedahan keseluruhan daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan awam (nilai PR)
- Laporan Agenda Strategik Persaraan telah dilancarkan, yang merangkumi empat teras, 12 strategi, dan 78 inisiatif strategik bagi menggalakkan kesiapsiagaan persaraan serta meningkatkan pengalaman persaraan
- Pelancaran sulung Laporan Tahunan Bersepadu KWAP TK2023 dan Laporan Kemampanan
- ISSA Good Practices Award bagi Asia Pasifik melalui aplikasi MyPesara mencerminkan dedikasi KWAP dalam mempertingkatkan perjalanan persaraan pesara dan transformasi digital

Modal Pembuatan

- 100% ketersediaan sistem perniagaan
- Memperkukuh keselamatan siber dengan memperkenalkan langkah-langkah lanjutan, menjalankan simulasi ancaman dan mengurangkan risiko pancingan data daripada 2.2% pada TK2023 kepada 1.9% pada TK2024
- Penglibatan pengguna dalam Microsoft 365 Copilot dan platform kecerdasan buatan (AI) yang terpilih melalui projek pembuktian konsep

Modal Insan

- Purata hari latihan yang direkodkan adalah 13.6 hari
- 1,003 pelatih siswazah Malaysia telah ditempatkan di bawah Program MySTEP
- Lapan peserta telah berjaya menamatkan program di bawah EAS
- Penerima anugerah daripada HR Excellence Awards, Life at Work Awards, The BrandLaureate Brand of the Year Awards, dan Malaysia's 100 Leading Graduate Employers Awards

Modal Sosial dan Hubungan

- Berjaya mengutip caruman tertunggak melalui libat urus tersasar bersama 44 majikan
- Melaksanakan libat urus bersama 383 majikan, iaitu merangkumi hampir 80% daripada jumlah pencarum
- Seramai 4,048 peserta menghadiri siri Jelajah MyPesara di 18 lokasi di seluruh Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak
- Mengurus beberapa inisiatif CSR utama seperti Karnival Kampung Santuni, siri Kasih KWAP dan MyPesara Prihatin

Modal Semula Jadi

- Memperuntukkan RM236.2 juta bagi pelaburan tenaga boleh diperbaharui, termasuk pelaburan bersama dalam Cyan Renewables iaitu sebuah pengendali maritim yang menyediakan sokongan dan perkhidmatan kepada industri angin luar pesisir
- Penjana tenaga suria melalui pelaburan dalam VSUK dengan kapasiti 365 MW, yang merangkumi 24 tapak PV solar yang bersamaan dengan pembekalan tenaga kepada kira-kira 111,000 isi rumah pada setiap tahun
- Menambah baik pelepasan Skop 2 peringkat organisasi di pejabat dengan beralih kepada sumber tenaga boleh diperbaharui untuk 84% daripada penggunaan tenaga di Pejabat Menara Integra melalui program Green Electricity Tariff (GET) TNB

+ Nilai Tercipta			Nilai Terpelihara		
+	✓	✓	+	✓	✓
+	+	+	✓	+	+
✓	✓	✓	✓	✓	+
+	✓	✓	✓	✓	+
+	+	+	✓	+	✓
+	✓	✓	+	+	✓

03

PENCIPTAAN NILAI STRATEGIK

Strategi Kami	27
Pihak Berkepentingan Kami	30
Persekitaran Operasi Kami	32
Risiko-risiko Utama	35

STRATEGI KAMI

Visi, Misi dan Nilai KWAP



OBJEKTIF STRATEGIK 2020 - 2025

- i. Pengurus dana pencen tunggal bagi sektor awam negara
- ii. Memperkasakan pengalaman persaraan pihak-pihak berkepentingan termasuk para pesara dan bakal pesara
- iii. Meningkatkan aset KWAP secara mampan



FOKUS STRATEGIK 2024

01

Menerajui
Perjalanan
Transformasi Digital

02

Menerapkan budaya
yang berasaskan
matlamat dalam
kalangan warga
kerja

03

Mempelbagaikan
pelaburan
bagi aset yang
berorientasikan
pertumbuhan dan
pulangan optimum

04

Menerajui
pelaksanaan
Agenda
Kemampanan
KWAP

05

Memperkukuh
ekuiti jenama
melalui inisiatif
pembinaan negara



PEMANGKIN TK2024

TERAS 5 PENGGERAK UNTUK ORGANISASI SEDIA MASA HADAPAN



Struktur

Struktur organisasi yang berasaskan rantai nilai



Proses

Meningkatkan dan memudahkan proses perniagaan secara menyeluruh



Digital

Memacu ke arah kecemerlangan digital



Tadbir Urus

Menguatkan tadbir urus kumpulan serta pengawasan rangka kerja anak syarikat dengan pematuan yang berkesan



Modal Insan

Pembudayaan ke arah pemeraksanaan pekerja yang berterusan, dan pengurusan bakat dan organisasi yang berkesan

STRATEGI KAMI (SAMBUNGAN)

STRATEGI KAMI

Menjelang penghujung gelombang 3 (2020–2025) dalam perjalanan transformasi yang dikenali sebagai Visi 2025, kami telah berjaya menyempurnakan lapan aliran kerja dan 28 sub-aliran kerja di bawah Program TERAS 5, yang jauh lebih awal daripada yang dirancang. Kemajuan ini membina asas kukuh untuk KWAP dalam melaksanakan strategi-strategi penting bagi merealisasikan Visi 2025. Bagi lima bidang tumpuan utama yang telah dinyatakan sebelum ini, setiap satu daripadanya telah dilaksanakan melalui inisiatif strategik yang berikut:

Pelaksanaan Transformasi Digital

Modal Berkaitan MC	Fokus Strategik 2024 01	- Pembinaan keupayaan Tadbir Urus Data & Kualiti Data termasuk membangunkan Keupayaan Pembangun Warga dan Analitik Data - Penerokaan AI melalui kerjasama dengan makmal inovasi/universiti untuk menyokong pembinaan negara seperti Universiti Malaysia Kelantan - Penganjuran <i>Innovation Hackathon</i> dan Jerayawara, yang bertujuan memupuk pemikiran inovatif dalam KWAP - Peningkatan keselamatan siber melalui penubuhan keupayaan dalaman pasukan daya tahan siber seperti Red Team, iaitu satu pendekatan terkawal di mana pasukan pakar keselamatan siber berpengalaman menguji sistem dan kawalan dalaman KWAP melalui simulasi latihan
------------------------------	-----------------------------------	---

Pemupukan Budaya dalam Kalangan Warga Kerja KWAP

Modal Berkaitan HC	Fokus Strategik 2024 02	- Pembangunan Rangka Kerja Budaya KWAP yang pertama - Pengenalan indeks penanda aras baharu bagi penglibatan pekerja - Promosi teras budaya KWAP yang telah dikenal pasti melalui Duta Budaya - Penganjuran beberapa program kesedaran yang berkaitan budaya seperti Bulan Ekonomi Kitaran KWAP, Minggu Risiko dan program kesedaran Integriti dan Tadbir Urus
------------------------------	-----------------------------------	---

Usaha Berterusan untuk Mempelbagaikan Pelaburan bagi Aset Pertumbuhan

Modal Berkaitan FC	Fokus Strategik 2024 03	Pembangunan Dana yang Berfokuskan Malaysia (Ekuiti Persendirian, Infrastruktur dan Hartanah) termasuk penerokaan berasaskan Syariah seperti Dana Pemacu
------------------------------	-----------------------------------	---

Melengkapkan 5 Ikrar Kemampanan

Modal Berkaitan NC	Fokus Strategik 2024 04	- Pembangunan Strategi Penyahkarbonan Portfolio KWAP - Pembangunan Program Kecekapan Tenaga untuk bangunan dan/atau memperoleh tenaga boleh diperbaharui melalui Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui (REC) - Pembinaan keupayaan kemampanan untuk warga kerja termasuk Ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan - Pelancaran sulung Laporan Kemampanan yang merangkumi pelancaran 5 Ikrar Kemampanan KWAP - Permulaan Program Penanaman Sejuta Pokok dalam 10 tahun dengan memberi tumpuan kepada penanaman dan pemulihan habitat kelip-kelip di Pusat Konservasi Kelip-Kelip Sungai Panjang, Selangor
------------------------------	-----------------------------------	---

Inisiatif Pembinaan Negara melalui Pelaburan, Pembangunan Insan dan Agenda Ekosistem Persaraan

Modal Berkaitan SRC	Fokus Strategik 2024 03 05	- Sokongan ekosistem pemula niaga dan syarikat teroka Malaysia melalui pelaksanaan Dana Perintis - Pemindahan pengetahuan melalui pembangunan bakat tempatan dan penciptaan peluang pekerjaan melalui Program MySTEP
-------------------------------	--------------------------------------	---

Inisiatif Libat Urus dan Kepimpinan Pemikiran

Modal Berkaitan SRC IC	Fokus Strategik 2024 05	Pelaksanaan program media yang berstruktur bagi tahun 2024 melalui siri acara libat urus utama secara fizikal dan maya bersama pihak berkepentingan yang terpilih bagi memperkukuh nilai jenama KWAP dan meningkatkan pengaruh melalui: 18 pelan libat urus di seluruh negara menerusi edisi kedua Jelajah MyPesara dan Karnival MyPesara <i>KWAP Inspire Conference 2024</i> Pewujudan Rangka Kerja Pemimpin Pemikiran bagi menggariskan metodologi dan pendekatan untuk menghasilkan kandungan Pemimpin Pemikiran - Penerbitan bahan Pemimpin Pemikiran melalui kerjasama dengan institusi tempatan atau antarabangsa dalam bidang persaraan, penuaan dan/atau keselamatan sosial seperti Laporan Agenda Strategik Persaraan
----------------------------------	-----------------------------------	---

TERAS 5 Penggerak untuk Organisasi Sedia Masa Hadapan

Modal Berkaitan MC	Fokus Strategik 2024 01 05	- Lapan aliran kerja dan 28 sub-aliran kerja telah disempurnakan sebagai sebahagian daripada Program TERAS 5 - Tujuh inisiatif penggantian sistem teras berjalan dengan lancar, yang merangkumi pelbagai bidang seperti pencen, pelaburan, caruman dan penyelesaian pentadbiran
------------------------------	--------------------------------------	--

MODAL		FOKUS STRATEGIK 2024	
FC Modal Kewangan	HC Modal Insan	01 Menerajui Perjalanan Transformasi Digital	04 Menerajui pelaksanaan Agenda Kemampanan KWAP
IC Modal Intelek	SRC Modal Sosial dan Hubungan	02 Menerapkan budaya yang berasaskan matlamat dalam kalangan warga kerja	05 Memperkukuh ekuiti jenama melalui inisiatif pembinaan negara
MC Modal Pembuatan	NC Modal Semula Jadi	03 Mempelbagaikan pelaburan bagi aset yang berorientasikan pertumbuhan dan pulangan optimum	

PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Kerajaan Malaysia

S1



Menyediakan hala tuju yang strategik, membangunkan dan menyemak dasar-dasar pencen, menetapkan keperluan kawal selia, dan memantau prestasi Kumpulan Wang agar sejajar dengan matlamat kerajaan.

Menyelia manfaat persaraan untuk kakitangan perkhidmatan awam, memastikan pengagihan bayaran pencen yang tepat dan dibuat dengan segera dan bekerjasama dengan Kumpulan Wang dalam hal-hal berkaitan dengan pentadbiran pencen.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Prestasi kewangan dan kestabilan Dana termasuk nisbah pembiayaan
- Penjajaran dengan dasar-dasar dan objektif-objektif kerajaan
- Tadbir urus dan kesejahteraan Dana
- Ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana
- Sumbangan kepada kestabilan dan pembangunan ekonomi negara
- Impak sosial dan kebajikan rakyat
- Pengurusan bayaran pencen yang tepat dan dibuat pada tempoh yang ditetapkan
- Komunikasi dan sokongan untuk penerima pencen

Kaedah libat urus:

- Dialog
- Mesyuarat

Pencarum

S2



Mencarum kepada Dana yang mengikut kadar yang ditetapkan, sejajar dengan Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

Aspek penekanan/kepentingan:

- Proses mencarum yang mudah
- Libat urus dan komunikasi kakitangan
- Pematuhan kawal selia

Kaedah libat urus:

- Laman sesawang dan media sosial
- Kajian
- Forum
- Lawatan

Komuniti Pesara

S3



Termasuk para pesara, penerima pencen terbitan, serta Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang mewakili kepentingan penerima pencen.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Pengurusan pencen yang betul dan dibuat pada tempoh yang ditetapkan
- Komunikasi dan sokongan untuk penerima pencen
- Pengalaman pelanggan
- Tawaran nilai tambah seperti pendidikan mengenai perancangan persaraan dan kecelikan kewangan
- Kepercayaan dan keyakinan terhadap pengurusan dan tadbir urus dana persaraan

Kaedah libat urus:

- Laman sesawang dan media sosial
- Pusat Panggilan
- Aplikasi Mudah Alih MyPesara
- Acara sosial korporat dan program jangkauan

Komuniti Pelaburan

S4


Merangkumi pelbagai entiti yang terlibat dalam pasaran kewangan dan aktiviti-aktiviti pelaburan yang berkaitan dengan Kumpulan Wang seperti pengurus dana luar, syarikat-syarikat penerima pelaburan, Bursa Saham dan pelabur institusi.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Kepercayaan, strategi dan prestasi pelaburan
- Tadbir urus korporat dan sesi libat urus
- Dasar-dasar pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab

Kaedah libat urus:

- Mesyuarat
- Dialog dan persidangan
- Kumpulan kerja

Komuniti Setempat

S5


Komuniti setempat yang berpotensi untuk menerima kesan daripada aktiviti-aktiviti pelaburan Kumpulan Wang dan inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat, serta yang berpotensi untuk memberi input mengenai isu-isu yang berkaitan dengan komuniti.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab
- Impak sosial dan kebajikan rakyat
- Ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana
- Prestasi kewangan dan kestabilan Kumpulan Wang

Kaedah libat urus:

- Laporan yang diterbitkan
- Laman sesawang dan media sosial
- Program libat urus melalui tanggungjawab sosial korporat

Kakitangan

S6


Aset-aset penting yang amat diperlukan dalam melaksanakan strategi-strategi Kumpulan Wang serta mencapai visi dan mandatnya.

Aspek penekanan/kepentingan:

- Persekitaran tempat kerja, budaya, susunan dan keseimbangan antara kerja dan kehidupan
- Nilai-nilai, tadbir urus dan integriti korporat
- Pampasan, manfaat, pembangunan kerjaya dan kemajuan
- Pengiktirafan dan penghargaan
- Kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman

Kaedah libat urus:

- Program libat urus kakitangan
- Aktiviti korporat dan latihan
- Mesyuarat *town hall* suku tahunan

PERSEKITARAN OPERASI KAMI

HAL-HAL MATERIAL

Penilaian material merupakan komponen penting dalam strategi korporat kami di KWAP, yang berfungsi sebagai panduan untuk membantu kami mengemudi persekitaran kemampunan yang rumit dengan mengenal pasti isu-isu signifikan yang mempengaruhi organisasi dan pihak berkepentingan kami. Strategi ini menjadi panduan dalam membuat keputusan yang membentuk objektif-objektif kami dan memastikan bahawa tindakan ini mencipta impak yang bermakna. Hasilnya, kami mengenal pasti hal-hal material yang berikut, yang merupakan impak utama KWAP ke atas ekonomi, alam sekitar dan masyarakat sepanjang tahun ini. Ahli Lembaga dan Barisan Pengurusan Kanan telah membincangkan perkara-perkara material ini secara berterusan dalam mesyuarat sebagai sebahagian daripada proses strategi KWAP sebelum meluluskannya sebagai proses perancangan perniagaan tahunan.

PROSES PENILAIAN MATERIAL



PERKARA-PERKARA MATERIAL YANG DIKENAL PASTI

Persekitaran operasi pelaburan untuk KWAP dan pihak berkepentingan kami kekal tidak menentu, rumit dan tidak jelas. Ketidaktentuan ekonomi dunia yang disebabkan oleh ketegangan geopolitik, jangkaan polisi Rizab Persekutuan AS, pemulihan ekonomi China yang perlahan menjejaskan pertumbuhan pasaran ekonomi negara membangun. Selain itu, pembaharuan fiskal Malaysia yang dinanti-nantikan memerlukan KWAP untuk memperhalusi perkara-perkara material sebagai salah satu daripada perancangan perniagaan. Hal ini mencerminkan isu-isu yang berkemungkinan besar boleh menjejaskan keupayaan kami dalam mencipta nilai berterusan untuk kami dan pihak berkepentingan.

Dana Persaraan yang Mampan	M1 	Modal Berkaitan FC SRC NC	Pihak Berkepentingan S1 S2 S4
Mengurus dana untuk mencapai pulangan optimum yang mampan, yang berlandaskan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 serta dasar-dasar, rangka kerja dan/atau garis-garis panduan yang berkaitan.			

Pengalaman Pelanggan

M2


Komitmen untuk menyediakan pengalaman pelanggan yang terbaik dan memastikan kecemerlangan perkhidmatan untuk pelanggan kami.

Modal Berkaitan
IC MC SRC
Pihak Berkepentingan
S1 S2 S3

Tadbir Urus Korporat

M3


Menggalakkan pendekatan yang lebih telus, bersepadu dan cekap dalam menguruskan tadbir urus korporat dengan sokongan yang berkesan termasuk tadbir urus pelaburan.

Modal Berkaitan
**FC IC MC
HC SRC NC**
Pihak Berkepentingan
**S1 S2 S3
S4 S5 S6**

Model Operasi Sedia Masa Hadapan

M4


Bertindak sebagai pemangkin utama dan penggerak dalam merealisasikan Fasa 3 (2020 - 2025) di bawah pelan transformasi KWAP. Model operasi KWAP yang dipertingkatkan ini dibangunkan secara dalaman bagi mempersiapkan KWAP agar menjadi organisasi yang bersedia untuk masa hadapan, yang sejajar dengan perkembangan dalam ekosistem persaraan. Model ini dibangunkan dengan matlamat untuk mempertingkatkan lima penggerak iaitu Struktur, Tadbir Urus, Warga Kerja, Proses dan Digital.

Modal Berkaitan
IC MC HC
Pihak Berkepentingan
**S1 S2 S3
S6**

Ikrar Kemampanan

M5


Komitmen dalam menyampaikan lima Ikrar Kemampanan KWAP yang menekankan advokasi sosial, kerjasama kolektif, sasaran sifar bersih, pelaburan aset peralihan, dan rangka kerja tadbir urus yang dipertingkatkan.

Modal Berkaitan
**FC HC SRC
NC**
Pihak Berkepentingan
**S1 S3 S4
S5 S6**

MODAL

FC Modal Kewangan	MC Modal Pembuatan	SRC Modal Sosial dan Perhubungan
IC Modal Intelek	HC Modal Insan	NC Modal Semula Jadi

PIHAK BERKEPENTINGAN

S1 Kerajaan Malaysia	S3 Komuniti Persaraan	S5 Komuniti Setempat
S2 Pencarum	S4 Komuniti Pelaburan	S6 Kakitangan

PERSEKITARAN OPERASI KAMI (SAMBUNGAN)

Kewujudan dalam Industri

M6



Pengiktirafan sebagai pemimpin pemikiran yang dihormati dalam kalangan rakan industri bagi menyokong pembinaan negara yang mampan dalam pembangunan sosioekonomi, khususnya persaraan mampan dan agenda pelaburan.

Modal Berkaitan

IC HC SRC

Pihak Berkepentingan

S1 S2 S3
S4

Pembangunan dan Kesejahteraan Modal Insan

M7



Komitmen yang berterusan dalam menyokong pembinaan negara melalui pembangunan modal insan untuk masyarakat seperti pesara dan golongan muda warganegara Malaysia. Selain itu, kakitangan kami disediakan dengan kemahiran yang sesuai untuk menjadi organisasi yang sedia masa hadapan, serta menarik dan mengekalkan bakat yang terbaik. Komitmen dalam penglibatan yang berterusan dan inisiatif tanggungjawab sosial korporat serta menyediakan keseimbangan antara kerja dan kehidupan yang sihat serta sokongan kepada kakitangan.

Modal Berkaitan

HC SRC

Pihak Berkepentingan

S1 S3 S4
S5 S6

Antirasuah dan Sogokan

M8



Komitmen dan manifestasi mengenai pendirian antirasuah dan sogokan.

Modal Berkaitan

FC HC

Pihak Berkepentingan

S1 S5 S6

Keselamatan Siber dan Privasi Data

M9



Komitmen dalam memerangi sebarang ancaman luar keselamatan siber.

Modal Berkaitan

MC

Pihak Berkepentingan

S1 S2 S3

MODAL

FC Modal Kewangan
MC Modal Pembuatan
SRC Modal Sosial dan Perhubungan
IC Modal Intelek
HC Modal Insan
NC Modal Semula Jadi

PIHAK BERKEPENTINGAN

S1 Kerajaan Malaysia
S2 Pencarum
S3 Komuniti Persaraan
S4 Komuniti Pelaburan
S5 Komuniti Setempat
S6 Kakitangan

RISIKO-RISIKO UTAMA

Risiko Makroekonomi dan Geopolitik

R1


Sikap berwaspada mengenai risiko-risiko baharu muncul dalam pasaran domestik dan antarabangsa adalah penting kerana risiko-risiko ini boleh memberi impak yang signifikan ke atas aktiviti-aktiviti pelaburan KWAP. Persekitaran ekonomi dunia kini masih tidak menentu disebabkan oleh impak daripada pandemik COVID-19, kemungkinan kemunculan varian baharu, gangguan rantaian bekalan, tekanan inflasi serta ketidakpastian dasar monetari. Ketegangan geopolitik, konflik serantau dan peningkatan bencana alam yang berkaitan iklim memburukkan lagi keadaan, dan menggariskan keperluan untuk strategi-strategi pengurusan risiko yang komprehensif.

Kategori Risiko: Risiko Baharu Muncul

Tindak balas kami:

- Melaksanakan penilaian dalaman secara berkala/berjadual untuk risiko daripada faktor-faktor ekonomi dan potensi impak ke atas pelaburan.
- Menjalankan libat urus secara berkala dengan pengurus dana luar dan Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan untuk terus mengikuti unjuran ekonomi dan prospek industri.
- Mempertingkatkan proses-proses pelaburan kami secara berterusan, termasuk integrasi ESG dalam semua aktiviti pelaburan.
- Mewujudkan petunjuk/pencetus ekonomi utama bagi memantau tanda-tanda awal ketidakpastian ekonomi.

Risiko Pelaburan

R2


Risiko pelaburan seperti risiko pasaran, risiko kredit dan risiko pasaran swasta merujuk kepada potensi kerugian kewangan atau prestasi tidak memuaskan yang berkaitan dengan melabur dalam aset tertentu atau strategi pelaburan. Ia merangkumi pelbagai faktor, termasuk turun naik pasaran, keadaan ekonomi, perubahan pada kawal selia dan risiko khusus syarikat. Bagi entiti seperti KWAP, iaitu sebuah dana pencen untuk penjawat awam, risiko pelaburan boleh memberi impak ketara pada keupayaan untuk menunaikan obligasi kewangan jangka panjang dan menyediakan pulangan yang stabil untuk pesara, yang berpotensi untuk menjejaskan kemampuan dana dan keselamatan persaraan penjawat awam.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Mewujudkan alokasi aset strategik, yang sejajar dengan penyata kebolehterimaan risiko kami secara keseluruhan.
- Menggunakan kepelbagaian sebagai strategi pengurusan risiko bagi mengurangkan risiko-risiko yang tidak sistematik khususnya untuk penumpuan geografi dan jenis aset.
- Melaksanakan proses pemilihan pengurus dana dan penilaian strategi pelaburan yang ketat.
- Melaksanakan pelbagai had risiko termasuk had nilai berisiko, had tempoh yang diubahsuai, had risiko konsentrasi, had risiko pihak rakan niaga dan had risiko penerbit untuk menguruskan portfolio pelaburan kami.
- Menggunakan derivatif bagi melindungi nilai dan mengurangkan turun naik mata wang ke atas pelaburan antarabangsa kami.
- Menjalankan ujian tekanan berkala secara proaktif bagi menilai kelemahan portfolio pelaburan kami terhadap peristiwa tekanan pasaran lampau dan juga untuk senario jangkaan ramalan peristiwa.
- Mewujudkan proses analisis kredit yang menyeluruh, yang merangkumi pemantauan penarafan, penilaian dan semakan kredit.

RISIKO-RISIKO UTAMA (SAMBUNGAN)

Risiko Operasi

R3



Risiko operasi adalah risiko kerugian yang berpunca daripada proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal. Ini berpunca daripada kegagalan manusia, sistem atau kejadian luar jangkaan yang memberi kesan kepada perkara-perkara di atas. Ia merangkumi pelbagai risiko yang berkaitan dengan operasi harian sebuah organisasi termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan transaksi, pelanggaran undang-undang dan peraturan, serta kesihatan dan keselamatan pekerja. Ia juga boleh memberi kesan kepada risiko lain seperti risiko reputasi untuk KWAP.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Melaksanakan persekitaran kawalan dalaman yang kukuh dan teguh dalam organisasi.
- Membangunkan budaya *tone-from-the-top* yang memberi keutamaan kepada pematuhan terhadap peraturan dan tingkah laku etika.
- Mengukuhkan tadbir urus dalam operasi melalui polisi-polisi dalaman, garis panduan dan prosedur operasi standard.
- Menggunakan Insiden Risiko Operasi (ORE) untuk bertindak balas secara berkesan dan menguruskan kerugian operasi yang timbul daripada peristiwa risiko sebenar ataupun yang berpotensi.
- Melaksanakan Program Pengurusan Risiko Penipuan (FRMP) yang kukuh untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko penipuan, termasuk rasuah, dengan optimum bagi memastikan langkah-langkah pencegahan dan pengesanan yang mencukupi serta melindungi aset, reputasi KWAP dan kepercayaan daripada pihak berkepentingan.

Risiko Kesenambungan Perniagaan

R4



Risiko kesinambungan perniagaan merupakan risiko insiden yang tidak dijangka dan potensi ancaman yang boleh memberi kesan buruk kepada KWAP untuk meneruskan operasi perniagaan yang penting serta menyampaikan produk dan perkhidmatannya bagi memenuhi keperluan dan harapan pihak berkepentingan. Ancaman itu termasuk kegagalan dalam sistem dalaman atau kesilapan manusia, serangan siber, wabak atau bencana alam, yang boleh menyebabkan kerugian kepada kewangan, reputasi yang terjejas, ketidakpatuhan undang-undang dan kurang keyakinan daripada pihak berkepentingan.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Melaksanakan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM) untuk memastikan kesinambungan dan pemulihan proses perniagaan yang penting pada tempoh yang ditetapkan.
- Mereka dan menguji Pelan BCM yang komprehensif termasuk:
 - i. Melaksanakan latihan BCM yang dirancang dan secara mengejut, yang melibatkan sistem kritikal dan perniagaan berfungsi dalam persekitaran secara langsung dan tidak langsung.
 - ii. Mengadakan latihan rangkaian panggilan (*Call Tree*) untuk menguji dan mempertingkatkan protokol komunikasi serta prosedur tindak balas semasa simulasi senario kecemasan.
 - iii. Menggerakkan kakitangan KWAP ke tapak alternatif untuk melaksanakan pemulihan sistem dan fungsi perniagaan kritikal.
- Menjalankan semakan tahunan Penilaian Risiko (RA) perniagaan dan Analisis Impak Perniagaan (BIA) jabatan.

Risiko Kemampanan

R5


Risiko kemampanan merujuk kepada potensi ancaman atau kesan buruk terhadap alam sekitar, sosial atau tadbir urus (ESG), yang boleh menjejaskan kemampanan dalam jangka panjang dan daya tahan operasi sesebuah organisasi, prestasi kewangan dan reputasi. Kesan daripada risiko kemampanan adalah penting bagi KWAP kerana risiko tersebut boleh mempengaruhi pulangan pelaburan, menyebabkan aset terkandas, gangguan operasi serta meningkatkan risiko peraturan dan undang-undang. Dengan mengenal pasti risiko kemampanan ini, KWAP dapat melindungi pelaburannya, mematuhi peraturan yang berubah-ubah dan menyumbang kepada ekonomi yang lebih mampan.

Kategori Risiko: Risiko Baharu Muncul

Tindak balas kami:

- Mewujudkan Rangka Kerja Risiko Kemampanan dan Dasar Risiko Kemampanan sebagai dokumen-dokumen yang bertindak sebagai garis panduan untuk Pelan Hala Tuju Kemampanan KWAP.
- Mentakrif Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur prestasi dan matlamat kemampanan KWAP.
- Membangunkan strategi-strategi kemampanan bagi mencapai objektif-objektif dan sasaran-sasaran kemampanan.
- Menerbitkan Laporan Kemampanan dengan kemajuan terhadap sasaran yang telah ditetapkan.

Risiko Iklim

R6


Risiko iklim merupakan potensi kesan buruk yang disebabkan oleh perubahan iklim dan faktor alam sekitar yang berkaitan terhadap perniagaan, ekonomi dan masyarakat. Risiko-risiko ini timbul daripada kesan fizikal perubahan iklim seperti peristiwa cuaca melampau, peningkatan suhu, peningkatan paras laut dan perubahan corak mendakan, serta risiko peralihan yang berkaitan dengan ekonomi rendah karbon dan pelaksanaan dasar-dasar serta peraturan berkaitan iklim. Impak jangka pendek terhadap KWAP adalah termasuk gangguan operasi dan ketidakstabilan pasaran, manakala impak jangka panjangnya adalah perubahan strategik dalam model perniagaan dan penurunan nilai aset kerana tidak mengendalikan risiko iklim.

Kategori Risiko: Risiko Baharu Muncul

Tindak balas kami:

- Menerapkan prinsip-prinsip ESG dalam falsafah pelaburan kami serta memantau impak risiko iklim secara proaktif ke atas portfolio kami yang sedia ada.
- Memulakan usaha penyahkarbonan untuk portfolio pelaburan serta perniagaan kami.
- Memperuntukkan bahagian yang lebih besar untuk pelaburan berimpak dan pelaburan dalam aset peralihan.

RISIKO-RISIKO UTAMA (SAMBUNGAN)

Risiko Keselamatan Siber

R7



Risiko Keselamatan Siber merujuk kepada ancaman atau kerentanan yang berpotensi untuk menggugat keahsiaan, integriti dan ketersediaan aset digital, sistem maklumat dan data organisasi. Kebergantungan yang semakin meningkat pada teknologi dan infrastruktur digital dalam dunia yang serba digital telah meningkatkan risiko serangan siber. Dengan teknologi yang terus berkembang, risiko yang berkaitan dengan keselamatan siber berkemungkinan akan meningkat, yang menyebabkan peningkatan dalam kerugian akibat kecurian atau kegiatan keganasan siber termasuk kehilangan produktiviti disebabkan jenayah siber yang semakin berleluasa. Selain itu, penggunaan kecerdasan buatan (AI) dijangka akan digunakan secara meluas oleh penjenayah siber dan juga anggota keselamatan siber, yang mempercepatkan perubahan dalam sektor ini.

Kategori Risiko: Risiko Baharu Muncul

Tindak balas kami:

- Melaksanakan Rangka Kerja Keselamatan Siber dan Program yang kukuh untuk mengurus risiko serangan siber secara berkesan dan mengukuhkan pemantauan kawalan keselamatan.
- Mewujudkan Pelan Tindak Balas Berkaitan Insiden Keselamatan Siber dan menjalankan simulasi Insiden Keselamatan Siber untuk serangan perisian tebusan bagi menguji kesediaan KWAP dalam bertindak balas terhadap ancaman keselamatan siber.
- Mengadakan program mengenai kesedaran keselamatan secara berkala untuk kakitangan seperti modul Latihan Kesedaran Keselamatan (SAT) dan latihan simulasi pancingan.
- Penggunaan alat pengesanan dan rangkaian tindak balas untuk bertindak balas terhadap serangan siber.
- Melaksanakan kaedah Penyelesaian Kata Laluan Pentadbir Setempat (LAPS) untuk menyekat pendedahan kepada ancaman keselamatan siber.

Risiko Pematuhan

R8



Risiko Pematuhan merupakan sekatan perundangan atau kawal selia, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi sesebuah organisasi akibat kegagalan dalam mematuhi semua undang-undang, kawal selia, kod tatalaku, dan piawaian atau amalan baik yang ditetapkan.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Membangunkan Rangka Kerja Pematuhan yang membentuk blok binaan fungsi pematuhan kami.
- Proses pematuhan yang ketat, yang merangkumi proses Pengenalpastian, Penilaian, Pengakusaksian, Pemantauan dan Pelaporan serta Pengesanan.
- Pendirian tanpa kompromi terhadap pematuhan yang dimulakan oleh pihak atasan, dan diperluaskan kepada semua pengurus dana luar kami.
- Melaksanakan kawalan pematuhan seperti Dasar Tembok Penghalang, Senarai Semak Pematuhan Kendiri Automatik, Latihan Semakan Pematuhan, Lawatan Risiko dan Pematuhan ke EFM, dan Saringan Kenali Rakan Niaga Anda (KYC).

Risiko Bereputasi

R9


Risiko bereputasi merujuk kepada potensi untuk menjejaskan reputasi individu atau organisasi, kredibiliti yang disebabkan oleh tindakan, insiden ataupun tanggapan. Risiko ini boleh timbul daripada pelbagai faktor seperti pelanggaran etika, pengalaman pelanggan yang tidak memuaskan, skandal atau publisiti negatif. Risiko bereputasi adalah penting kerana reputasi yang tercemar boleh menyebabkan hilang kepercayaan, peluang perniagaan, jenama dan nilai sesebuah organisasi yang terjejas dalam jangka panjang.

Kategori Risiko: Risiko Tradisional

Tindak balas kami:

- Mengekalkan komunikasi yang proaktif bersama pihak berkepentingan, termasuk pelanggan, kakitangan dan pengawal selia dengan menyediakan pelaporan secara kerap.
- Terlibat dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang menunjukkan komitmen KWAP terhadap amalan etika, kemampanan dan impak sosial yang positif.
- Mengadakan program-program yang memupuk budaya korporat yang peka terhadap amalan dan tingkah laku yang beretika bagi memastikan kakitangan memahami peranan mereka dalam menjaga reputasi KWAP.

04

PENYATA KEMAMPAHAN

Strategi Kemampuan Kami

41

STRATEGI KEMAMPAHAN KAMI

Selaras dengan komitmen kami ke arah masa hadapan yang mampan, KWAP telah merangka lima Ikran Kemampuan yang mencerminkan pendekatan holistik dan bertanggungjawab terhadap kelestarian. Ikran ini bukan sahaja merangkumi aspek alam sekitar, malah turut menekankan teras sosial dan tadbir urus bagi meletakkan KWAP sebagai pemimpin pemikiran dalam amalan kemampuan.

Masa Hadapan yang Mampan bagi Memenuhi Keperluan Pihak Berkepentingan dan Komitmen Negara

Visi, Misi dan Nilai-nilai KWAP



Hasil Sasaran



ALAM SEKITAR

Perniagaan/Pelaburan

- Memperkasa Kerjasama untuk Tindakan Kolektif
- Portfolio Sifar Bersih menjelang tahun 2050



SOSIAL

Perniagaan/Pelaburan

- Pelaburan Berimpak sehingga RM1.50 bilion menjelang tahun 2025
- Polisi Kos Sara Hidup Perniagaan menjelang tahun 2025
- 30% bilangan wanita dalam Pengurusan Kanan menjelang tahun 2023



TADBIR URUS


Perniagaan/Pelaburan

- Rangka Kerja Tadbir Urus Kemampuan Perniagaan pada tahun 2023
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ESG untuk ahli Lembaga dan Pengurusan Kanan serta pematuhan pelaporan yang berpandukan ISSB menjelang tahun 2025



Panduan Prinsip-Prinsip

Matlamat Pembangunan Mampan



Institusi- institusi & Pengawal Selia ESG




Menginstitutionkan Polisi-Polisi dan Garis Panduan
Dalam untuk Perniagaan dan Pelaburan

STRATEGI KEMAMPAKAN KAMI (SAMBUNGAN)



PERJALANAN MENUJU KEMAMPAKAN SEHINGGA KINI



- Mewujudkan Garis Panduan ESG Peringkat Korporat dan Metodologi Penyelidikan Berasaskan ESG KWAP

2016



- Menjadi tuan rumah bagi Persidangan Tahunan *International Corporate Governance Network (ICGN) 2017*

2017



- Menandatangani *United Nations Principles of Responsible Investment (UNPRI)*
- Membangunkan Garis Panduan ESG untuk Pendapatan Tetap
- Menganjurkan KWAP Inspire: Persidangan Alam Sekitar 2018
- memenangi Anugerah Kecemerlangan Institusi

2018



2022



- Menambah dua dasar pelaburan baru bagi menyatakan pendirian tegas terhadap pelanggaran faktor ESG yang tidak ditangani
- Menyemak semula/ Mengemas kini Garis Panduan Pengundian bagi Pelaburan Ekuiti Tersenarai Domestik
- Meminda Prinsip Pelaburan KWAP (*KWAP Investment Beliefs*) untuk menggabungkan elemen ESG

2021



- Menduduki Kuintil Kedua dalam Indeks *Responsible Asset Allocator Initiative (RAAI) 2021*
- Menyemak semula Dasar dan Garis Panduan Pelaburan KWAP
- Menyemak semula metodologi penyelidikan penarafan ESG untuk menambah dua parameter baru berkaitan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) dan amalan buruh terbaik

2020



- Memulakan libat urus ESG dengan syarikat penerima pelaburan yang dikenal pasti dibawah Senarai Pemantauan ESG
- Membangunkan Garis Panduan ESG untuk Ekuiti Persendirian

STRATEGI KEMAMPAHAN KAMI (SAMBUNGAN)

IKRAR 1

MENYOKONG AGENDA SOSIAL



Bidang Tumpuan

1) Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman (DEI)

Kami menyokong prinsip DEI dalam usaha mewujudkan tempat kerja yang lebih baik serta memberi impak positif kepada komuniti. KWAP mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap diskriminasi dan menggalakkan persekitaran di mana warga kerja bebas menyuarakan pendapat tanpa rasa takut.

Rangka Kerja Budaya KWAP yang dilancarkan baru-baru ini menggariskan tiga teras budaya, iaitu Tujuan, Kepercayaan dan Semangat Setiakawan bagi memastikan KWAP kekal dinamik dan memberi kepuasan bekerja kepada kakitangannya.

2) Pembangunan Kapasiti Kemampunan

KWAP terus meningkatkan kesedaran mengenai kemampunan melalui pelaksanaan program pembangunan kapasiti yang menyeluruh. Inisiatif latihan dan pembelajaran kami memperkukuh pengetahuan warga kerja dalam bidang utama kemampunan termasuk pelaburan bertanggungjawab, ekonomi kitaran dan Protokol Gas Rumah Hijau (GHG).

Petunjuk Utama

Kesaksamaan Jantina di Tempat Kerja

Komitmen KWAP terhadap kesaksamaan jantina dicerminkan melalui perkara-perkara yang berikut:

- 52% daripada tenaga kerja kami adalah wanita.
- 40% jawatan peringkat tertinggi (*C-Suite*) disandang oleh wanita yang mencapai sasaran tahun 2023 KWAP dalam memperkasakan kepimpinan wanita untuk Pengurusan Kanan.
- 27 peserta sedang melanjutkan pengajian di bawah Skim Bantuan Pendidikan (EAS) KWAP.
- Program Peningkatan Kemahiran diteruskan dengan kohort ketiga (*KWAP Upskill Programme 3.0*) yang melibatkan 12 peserta.

Memperkukuh Keupayaan Dalam melalui Latihan ESG dan Ekonomi Kitaran

Latihan ESG dan ekonomi kitaran diwajibkan kepada semua warga kerja KWAP sebagai asas kepada inisiatif pembangunan kapasiti. Aktiviti utama latihan adalah seperti berikut:

- Enam sesi perkongsian ilmu mengenai ekonomi kitaran telah diadakan sepanjang tahun, termasuk semasa KWAP *Circular Month 2024* (KCM24) yang berlangsung selama sebulan.
- Siri latihan dalam talian bagi lima modul bertajuk “*ESG Unplugged Journey*” diwajibkan kepada semua warga kerja.
- 17 pakar ESG telah memperoleh pensijilan penuh dalam bidang *Responsible Investment in Practice* daripada PRI Academy dengan kadar lulus sebanyak 100%.
- KWAP mencatatkan purata sebanyak 13.6 jam latihan bagi setiap warga kerja yang merangkumi:
 - i. Dua sesi berfokuskan kemampunan yang direka khas untuk Ahli Lembaga, Ahli Panel Pelaburan dan Pengurusan Kanan.
 - ii. Latihan untuk warga kerja di setiap jabatan.

IKRAR 1

MENYOKONG AGENDA SOSIAL



Bidang Tumpuan

3) Budaya Kemampanan

KWAP bukan hanya menggalakkan kemampanan secara teori, tetapi juga sebagai satu budaya organisasi yang inklusif, yang menjadikannya amalan yang boleh dipraktikkan oleh warga kerja dalam kehidupan seharian mereka. Inisiatif seperti Kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai (UCO) #FueltheFuture dengan kerjasama PETRONAS Dagangan Berhad telah dilaksanakan sebagai komitmen untuk memupuk budaya kemampanan.

Selain itu, semasa KWAP Karnival MyPesara 2024 di Johor Bahru yang telah menarik lebih daripada 20,000 peserta, dua kempen ekonomi kitaran telah dilaksanakan untuk menguruskan sisa makanan dan UCO dengan kerjasama dua rakan kongsi iaitu FOLO Farm dan FatHopes.

Petunjuk Utama

Menggilap Potensi Belia demi Masa Hadapan yang berasaskan Ekonomi Kitaran

- Kami telah melancarkan *KWAP Circular Economy Young Leaders for Change (CYCLE)*, sebuah gerakan yang diterajui golongan belia dalam memacu amalan ekonomi kitaran, seiring dengan KCM24, iaitu kempen ekonomi kitaran pertama KWAP. Lebih 50 warga kerja muda telah menyertai inisiatif ini.

Pemeriksaan Komuniti

- 742 kg UCO telah berjaya dikumpulkan melalui tiga kempen *Fuel the Future* yang dijalankan di lokasi berbeza dengan penyertaan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk warga KWAP, pesara dan komuniti setempat di sekitar lokasi kempen.
- Sebanyak 79 kg sisa makanan berjaya dialihkan daripada dibuang ke tapak pelupusan. Sisa itu telah dikompos menjadi baja yang memberi manfaat kepada kebun komuniti setempat di Johor.
- Seramai 17 *Food Warriors* KWAP dengan kerjasama *What-a-Waste* telah menyalursemula 269 kg lebih makanan daripada KWAP *Inspire Conference 2024*. Ini memberi manfaat kepada 287 komuniti yang memerlukan.



Pengumpulan Minyak Masak Terpakai (UCO) yang disertai oleh pesara di KWAP Cyberjaya sempena Bulan Kitaran KWAP 2024



Pasukan *Food Warriors* KWAP yang terdiri daripada sukarelawan KWAP *CYCLE* telah menyalursemula lebih makanan semasa KWAP *Inspire Conference 2024*, dengan kerjasama *What-a-Waste* (WaW)

STRATEGI KEMAMPAKAN KAMI (SAMBUNGAN)

IKRAR 2

MEMPERKASA KERJASAMA UNTUK TINDAKAN KOLEKTIF



Bidang Tumpuan

1) Libat Urus Pemantauan

Sebagai penandatangan MCII dan PRI, KWAP menggalakkan pemantauan yang berkesan melalui interaksi secara aktif bersama syarikat penerima pelaburan melalui dasar yang jelas, pemantauan proaktif serta integrasi ESG secara langsung dan kolaboratif. Ini bagi mengoptimumkan risiko dan pulangan, memenuhi tanggungjawab fidusiari serta menyemai amalan perniagaan yang mampan.

2) Pengurusan Rantaian Bekalan

Kami memastikan amalan perolehan yang bertanggungjawab dijalankan bagi menghormati hak asasi manusia dan meningkatkan keprihatinan terhadap alam sekitar. Selaras dengan usaha kami untuk menggalakkan pembekal mengamalkan pendekatan yang lebih mampan, kami mewujudkan peluang kepada perniagaan tempatan di pasaran tempat kami beroperasi.

Strategi perolehan kami mengutamakan sumber tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti sambil mengekalkan piawai kemampanan yang tinggi.

Petunjuk Utama

Libat Urus ESG

- Mengadakan 10 sesi libat urus ESG dengan syarikat penerima pelaburan KWAP yang terpilih berdasarkan senarai pemantauan ESG KWAP. Tumpuan diberikan terhadap kemajuan ESG, jejak karbon, isu kontroversi, peluang dalam ruang pelaburan ESG dan hal-hal berkaitan ESG yang lain.

Libat Urus Kolaboratif

- Menjalankan sesi libat urus kolaboratif dengan 13 syarikat, termasuk syarikat penerima pelaburan, rakan industri serta pakar ESG bagi bertukar pandangan mengenai prestasi kewangan terkini dan kemajuan ESG.

Penglibatan Penganalisis

- KWAP telah melaksanakan 672 sesi libat urus, yang merangkumi 452 sesi domestik dan 220 sesi antarabangsa. Ini termasuk taklimat penganalisis, mesyuarat dalaman dan semakan amalan ESG oleh syarikat penerima pelaburan, sekiranya berkenaan.

- Sepanjang tahun pelaporan, lebih RM157.5 juta telah dibelanjakan bagi perolehan produk dan perkhidmatan, di mana sebanyak RM115.2 juta (73%) diperoleh daripada 499 pembekal tempatan. Pembekal tempatan ini merangkumi 89% daripada keseluruhan rangkaian pembekal kami.



Women of Will telah menghasilkan barangan kitar semula kreatif daripada kain linen hotel terpakai serta balang kaca kitar semula yang diisi dengan rempah ratus tempatan untuk Persidangan KWAP Inspire 2024, dalam usaha memperkasakan golongan ibu tunggal dari PPR Lembah Subang

IKRAR 2

MEMPERKASA KERJASAMA UNTUK TINDAKAN KOLEKTIF



Bidang Tumpuan

3) Kerjasama Strategik

KWAP menjalin kerjasama strategik untuk membangunkan penyelesaian yang berasaskan alam semula jadi dan mekanisme ofset karbon hutan yang menyokong komitmen kami terhadap sifar bersih.

Menerusi kerjasama ini, kami memanfaatkan kepakaran kolektif bagi menangani cabaran kemampuhan yang kompleks dan mempercepatkan proses mencapai matlamat alam sekitar kami.

Petunjuk Utama

- Meneroka inisiatif kerjasama dengan Malaysian Forest Fund (MFF), yang berkaitan dengan Sijil Pemuliharaan Hutan (FCC) dan Ofset Karbon Hutan (FCO).
- KWAP telah menerima jemputan eksklusif untuk menyertai sesi Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) bagi penyediaan garis panduan dan memberikan pandangan mengenai peranannya sebagai pelabur institusi yang bertanggungjawab.
- Kerjasama ini akan turut meneroka strategi lain bagi menyokong sasaran sifar bersih negara yang akan dimuktamadkan melalui satu Memorandum Persefahaman.

IKRAR 3

PORTFOLIO SIFAR BERSIH MENJELANG TAHUN 2050



Bidang Tumpuan

1) Pembangunan Strategik Sifar Bersih

Kami telah memacu aspirasi Sifar Bersih sejajar dengan aspirasi Malaysia, khususnya untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050. Strategi kami menekankan pelaburan dalam aset peralihan dan pembangunan laluan penyahkarbonan yang berstruktur, selaras dengan inisiatif utama kerajaan seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) dan inisiatif GEAR-uP. Pada masa yang sama, kami kekal komited untuk menegakkan piawaian global serta menyelaraskan usaha kami dengan matlamat Perjanjian Paris bagi mengehadkan pemanasan global kepada 1.5°C.

Petunjuk Utama

- Sebanyak 84% daripada penggunaan elektrik Pejabat KWAP di Kuala Lumpur bagi TK2024 diperoleh daripada sumber tenaga boleh diperbaharui melalui langganan Tarif Elektrik Hijau TNB, sekali gus memulihkan pelepasan skop 2 di pejabat bagi peringkat organisasi.
- Sebagai penandatanganan kepada *Partnership for Carbon Accounting Financials* (PCAF), KWAP telah menggunapakai piawaian tersebut bagi menetapkan garis dasar pelepasan yang dibiayai pada seluruh kelas aset utama. Pendekatan ini membolehkan pengukuran pelepasan yang konsisten, mengenal pasti sektor dengan pelepasan karbon yang tinggi, serta mengintegrasikan data pelepasan dalam proses pelaburan untuk menyokong usaha pengurangan karbon pada masa hadapan.

STRATEGI KEMAMPAHAN KAMI (SAMBUNGAN)

IKRAR 4

MENINGKATKAN PELABURAN DALAM ASET PERALIHAN KEPADA RM20 BILION MENJELANG TAHUN 2030



Bidang Tumpuan

1) Peruntukan Modal Strategik

Peruntukan dana kepada aset peralihan terus ditingkatkan dengan menumpukan kepada inisiatif yang menyokong peralihan ke arah ekonomi mampan dan rendah karbon serta meningkatkan daya tahan alam sekitar.

Ini merangkumi pelaburan dalam teknologi hijau, industri mampan dan hartanah yang diperakui hijau (*green-certified properties*), selaras dengan visi KWAP ke arah masa hadapan yang lebih lestari sambil mengekalkan pulangan kukuh kepada pihak berkepentingan.

2) Peralihan Tenaga

Peralihan tenaga merupakan fokus utama dalam strategi pelaburan inovatif KWAP sebagai salah satu daripada lapan bidang pelaburan tematik, di mana kami mengenal pasti peluang dalam projek yang menyokong dan mendapat manfaat daripada peralihan global ke arah kemampanan.

Menerusi Dana Perintis, KWAP mengamalkan pendekatan yang berstruktur dalam sektor transformatif yang memberi impak positif kepada alam sekitar dan sosial, selain berinteraksi secara aktif dengan syarikat penerima pelaburan bagi memastikan integrasi iklim, pengurangan karbon serta pelan peralihan kepada sifar bersih yang sejajar dengan komitmen Ikran 3 dan Ikran 4 kami.

Petunjuk Utama

- Portfolio ESG merangkumi 7.8% daripada jumlah pelaburan KWAP, yang mencerminkan komitmen kami terhadap pelaburan mampan.
- 14 daripada 22 hartanah telah diperakui hijau, manakala empat lagi dalam proses mendapatkan pensijilan.
- Mendapat label *Building Energy Intensity* (BEI) bagi dua bangunan, yang diperakui oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.
- Mendapat *GreenRE Platinum Provisional Certifications* bagi kategori Kediaman untuk Fera Courtyard Terraces, Senna Semi-Detached Homes, Maris (dahulunya Plot D), dan The Lume melalui anak syarikat pembangunan hartanah, KWEST.
- Pada tahun 2024, KWAP telah memperkukuh komitmen terhadap tenaga boleh diperbaharui melalui pelaburan sebanyak RM236.2 juta.
- Berdasarkan Senarai Pemantauan ESG 2024, KWAP telah menjalankan sesi libat urus dengan syarikat dalam portfolio yang mempunyai kadar pelepasan karbon tinggi bagi menilai pelan peralihan mereka, termasuk kemajuan strategi karbon rendah, sasaran pelepasan dan inisiatif kemampanan.
- Merangka Strategi Pelaburan menyeluruh KWAP bagi Inisiatif Peralihan Tenaga yang memberi tumpuan kepada peluang komersial yang berdaya maju dalam aset peralihan dan aset hijau, selaras dengan bidang tumpuan pelaburan kami dan keutamaan negara.

IKRAR 5

MENINGKATKAN TADBIR URUS KEMAMPAHAN



Bidang Tumpuan

1) Tindakan Kolektif dan Pemerkasaan Kerjasama Strategik

Kami giat melaksanakan libat urus secara kolaboratif bagi menggalakkan aktivisme pemegang saham dan strategi pelaburan yang berimpak melalui *Institutional Investors Council (IIC)* Malaysia.

Libat urus peringkat tinggi ini memastikan pertimbangan kemampanan diintegrasikan dalam proses membuat keputusan strategik dan tadbir urus korporat.

2) Pemilikan Aktif dan Aktivisme Pemegang Saham

KWAP mengintegrasikan faktor ESG dalam keputusan pelaburan dengan memberi tumpuan kepada penjana nilai jangka panjang melalui pemilikan aktif, kajian wajar dan libat urus bersama syarikat penerima pelaburan bagi meningkatkan amalan kemampanan serta mengurangkan risiko sepanjang kitar hayat pelaburan.

Petunjuk Utama

Pemantauan Aktif melalui *Institutional Investors Council (IIC)*

- KWAP menyertai 35 aktiviti anjuran IIC yang merangkumi latihan, program dan libat urus bersama syarikat penerima pelaburan, pemegang saham serta pengawal selia.
- Ahli aktif dalam Kumpulan Kerja Pengundian Proksi yang membangunkan satu mekanisme pengundian proksi untuk ahli-ahli IIC. Ini merupakan sebuah platform telus yang dicipta untuk menyatukan data pengundian dan menyusun resolusi bagi syarikat senarai awam di Malaysia, sekali gus memperkukuh penyelarasan dan ketelusan dalam kalangan ahli.
- Tampil sebagai panelis dalam *IIC Corporate Governance Conference* yang bertemakan "*Countdown to 2030: Investing Towards Sustainable Development in Malaysia.*"

Advokasi Dasar Melalui Tindakan Kolektif

- Menyertai kumpulan kerja utama berikut:
 - i. JC3 Jawatankuasa kecil 5 – Merapatkan Jurang Data
 - ii. Kumpulan Kerja Ekonomi Kitaran (PRI)
- Mengambil bahagian dalam empat sesi meja bulat bagi memperkukuh keupayaan KWAP dalam memacu perubahan kemampanan, bersama:
 - iii. *Asia Investor Group on Climate Change (AIGCC)*; dan
 - iv. *Global Impact Investing Network (GIIN)*.
- Turut serta secara aktif dalam sembilan sesi perkongsian awam di peringkat tempatan dan antarabangsa sebagai salah satu agenda ESG.

- Pengundian di Mesyuarat Agung Tahunan/Luar Biasa (AGM/EGM)
 - i. Sebanyak 906 resolusi AGM/EGM syarikat telah dikemukakan bagi tahun 2024, dengan hak mengundi dilaksanakan selaras dengan Garis Panduan Pengundian KWAP.
 - ii. Keputusan pengundian AGM/EGM telah diterbitkan dalam laman sesawang KWAP sejak Jun 2024.

STRATEGI KEMAMPAHAN KAMI (SAMBUNGAN)

IKRAR 5

MENINGKATKAN TADBIR URUS KEMAMPAHAN



Bidang Tumpuan

3) Tadbir Urus Kemampanan, Pematuhan dan Etika

KWAP telah memperkukuh tadbir urus kemampanan dengan menyediakan rangka kerja etika yang teguh serta instrumen pemantauan yang berkesan untuk ahli Lembaga dan Panel Pelaburan. Lembaga memainkan peranan aktif dalam menyelia inisiatif yang dilaksanakan, serta memberi tumpuan kepada penambahbaikan pelaporan karbon. KWAP turut membentuk Kumpulan Kerja Kemampanan (SWG) yang pertama daripada pelbagai jabatan bagi mempertingkatkan penyelarasan seluruh organisasi.

4) Garis Panduan berkaitan Kemampanan

KWAP telah memperkukuh rangka kerja kemampanan dengan mengemas kini garis panduan teras bagi mengintegrasikan aspek ESG dalam semua keputusan pelaburan dan operasi.

Petunjuk Utama

- Meneruskan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Kemampanan KWAP 2023–2025 dengan tumpuan terhadap pengukuhan pendedahan pelepasan karbon pada masa hadapan.
- Lembaga telah meluluskan Laporan Kemampanan KWAP 2023, Rangka Kerja Risiko Kemampanan serta Dasar Risiko Kemampanan.
- Pembentangan suku tahunan mengenai inisiatif berkaitan ESG korporat dan pelaburan ESG kepada Lembaga.
- Menubuhkan SWG pertama KWAP yang menyediakan maklumat-maklumat yang berkaitan, termasuk:
 - i. *Science-based Target* (SBTi).
 - ii. Pengenalan mengenai *Global Real Estate Sustainability Benchmark* (GRESB).
 - iii. Capital Market Malaysia (CM2) mengenai *Simplified ESG Disclosure Guide* (SEDG).
 - iv. Garis Panduan Pelaburan ESG
 - v. Pendedahan KWAP terhadap konflik Israel-Palestin daripada perspektif ESG.
- Menyemak dan menyatukan semua garis panduan ESG yang berkaitan dengan pelaburan sedia ada (termasuk Garis Panduan ESG KWAP untuk Pelaburan, ESG untuk Pelaburan Pendapatan Tetap, dan ESG untuk Pelaburan Ekuiti Persendirian) dalam satu dokumen bersepadu iaitu Garis Panduan ESG KWAP untuk Pelaburan.
- Menambahbaik rangka kerja melalui:
 - i. Penjelasan mengenai keutamaan ESG KWAP dan faktor material yang dikenal pasti.
 - ii. Kemasukan garis panduan pelaburan ESG dalam Pelaburan Hartanah.
 - iii. Pengenalan pertimbangan etika dalam proses membuat keputusan pelaburan.
 - iv. Pelaksanaan langkah berjaga-jaga bagi melindungi reputasi institusi KWAP.
- Mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama 107 warga kerja yang merentasi bahagian, bagi memperkukuh budaya ESG serta pengintegrasian dalam proses pelaburan.
- Memperkukuh proses kajian wajar ESG dalaman untuk pelaburan Pasaran Swasta agar selaras dengan amalan terbaik. Ini sekali gus memastikan penilaian ESG yang lebih kukuh, seterusnya diperluas untuk merangkumi pelaburan Kredit Swasta.
- Menambah baik Garis Panduan Kemampanan Kumpulan KWAP bagi menyediakan panduan berstruktur dalam pengintegrasian ESG dalam semua proses pelaburan dan aktiviti operasi.

IKRAR 5

MENINGKATKAN TADBIR URUS KEMAMPAHAN



Bidang Tumpuan

5) Peningkatan Skor ESG

KWAP sentiasa menambah baik metodologi penilaian ESG bagi mengintegrasikan metrik iklim dan kemampuhan dalam keputusan pelaburan, dengan memberi tumpuan dalam topik material bagi sesuatu sektor serta penyelarasan dengan piawaian pelaporan yang terus berkembang. Dengan konsistensi yang kukuh, kebolehbandingan dan wawasan masa hadapan, kami memastikan portfolio KWAP sejajar dengan piawaian kemampuhan global sambil mengenal pasti risiko dan peluang yang kian berkembang.

Petunjuk Utama

- Kaedah pemarkahan ESG telah disemak semula dengan mengintegrasikan parameter baharu yang meningkatkan kebolehbandingan, memastikan komitmen yang berwawasan serta mengambil kira keunikan sesuatu sektor.
- Penilaian diselaraskan dengan perkembangan industri sambil mengekalkan fleksibiliti untuk pertimbangan khusus mengikut sektor.
- Sebanyak 118 saham di bawah *KWAP Domestic Stock Universe* telah disemak.
- Penarafan ESG telah diintegrasikan dalam analisis kewangan, cadangan saham dan pemantauan portfolio. Kami turut melaksanakan libat urus aktif bersama syarikat penerima pelaburan bagi menggalakkan penambahbaikan prestasi dan pendedahan ESG yang boleh diukur.

05

MODAL-MODAL PENCIPTAAN NILAI

Modal Keuangan	53
Modal Intelekt	62
Modal Pembuatan	65
Modal Insan	69
Modal Sosial dan Perhubungan	80
Modal Semula Jadi	97

MODAL KEWANGAN

TINJAUAN PRESTASI KEWANGAN UNTUK 5 TAHUN

PRESTASI KEWANGAN ¹	2020	2021	2022	2023	2024
Saiz Dana (RM bilion)	153.82	159.03	158.10	169.82	185.60
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN					
Pendapatan Pelaburan Kasar (RM bilion)	6.81	6.33	7.01	6.75	7.75
Perbelanjaan Operasi (RM juta)	277.13	329.59	336.15	364.03	454.54
Pendapatan Bersih (RM bilion)	8.87	9.99	0.26	9.65	12.96
Jumlah Pendapatan Komprehensif (RM bilion)	8.40	7.28	(0.57)	12.03	18.01
NISBAH KEWANGAN					
Kadar Pulangan Perakaunan (ARR) (%)	5.88	6.39	0.17	5.88	7.07
Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar (%)	4.07	5.21	4.80	5.39	5.87
Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana (%)	0.18	0.21	0.21	0.22	0.25
PULANGAN PELABURAN					
Kadar Pulangan Berwajaran Masa Tahunan (%)	6.74	5.94	1.12	8.22	12.02
Kadar Pulangan Berwajaran Masa Tahunan untuk Purata 10 Tahun (%)	6.05	5.99	5.26	5.13	5.88
CARUMAN DAN PENGELUARAN					
Caruman Pencen (RM bilion)	2.46	2.45	2.13	2.19	2.26
Caruman Persekutuan (RM bilion)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
Pengeluaran oleh Kerajaan Persekutuan (RM bilion)	5.00	5.00	3.00	3.00	5.00
PENGURUSAN DANA					
Pengurusan Dalam (%)	88.27	89.39	89.79	89.55	88.51
Pengurusan Luar (%)	11.73	10.61	10.21	10.45	11.49
Bilangan Majikan yang Mencarum	486	485	487	489	508
Bilangan Kakitangan Majikan yang Mencarum	178,797	178,385	176,913	177,716	179,404
Bilangan Kakitangan KWAP	620	617	684	723	753
Pendapatan Kasar Setiap Kakitangan (RM juta)	10.98	10.26	10.25	9.34	10.29

Pendapatan Bersih

RM12.96 bilion

(2023: RM9.65 bilion)



Jumlah Pendapatan Komprehensif

RM18.01 bilion

(2023: RM12.03 bilion)



Perbelanjaan Operasi

RM0.45 bilion

(2023: RM0.36 bilion)



Jumlah Aset

RM186.52 bilion

(2023: RM170.23 bilion)



Saiz Dana

RM185.60 bilion

(2023: RM169.82 bilion)



Kadar Pulangan Perakaunan

7.07%

(2023: 5.88%)



Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana

0.25%

(2023: 0.22%)




¹ Nota: Angka adalah berdasarkan tahap prestasi KWAP.

MODAL KEWANGAN (SAMBUNGAN)

ULASAN KEWANGAN

Setakat 31 Disember 2024, saiz dana KWAP meningkat kepada RM185.60 bilion, iaitu pertumbuhan sebanyak 9.3% daripada RM169.82 bilion pada 31 Disember 2023 yang didorong oleh prestasi kukuh sepanjang tahun.

Bagi tahun 2024, KWAP mencatat Pendapatan Bersih tertinggi sebanyak RM12.96 bilion, yang meningkat daripada RM9.65 bilion, serta Jumlah Pendapatan Komprehensif tertinggi sebanyak RM18.01 bilion berbanding dengan RM12.03 bilion pada tahun 2023. Pendapatan Bersih yang lebih tinggi ini adalah bersamaan dengan Kadar Pulangan Perakaunan (ARR) sebanyak 7.07% berbanding dengan 5.88% pada tahun 2023.



Peningkatan ini dipacu oleh prestasi kukuh portfolio ekuiti dan pendapatan tetap. Ia telah menghasilkan keuntungan tidak nyata yang lebih tinggi bagi aset kewangan yang diklasifikasikan di bawah portfolio Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi (FVTPL) dan Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI).

Portfolio FVTPL KWAP mencatat keuntungan tidak nyata sebanyak RM4.72 bilion daripada pasaran domestik dan RM2.58 bilion daripada pasaran antarabangsa, sejajar dengan pulangan dua angka bagi kedua-dua pasaran dari tahun ke tahun. Portfolio FVOCI KWAP pula mencatat keuntungan tidak nyata sebanyak RM4.83 bilion yang mencerminkan pertumbuhan dalam pasaran domestik.

Selaras dengan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), RM5.0 bilion telah dikeluarkan daripada Dana KWAP oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun ini dan baki dana telah dilaburkan semula untuk penambahan nilai masa hadapan.

PENDAPATAN PELABURAN KASAR


KWAP mencatat Pendapatan Pelaburan Kasar (GII) sebanyak RM7.75 bilion, iaitu 14.8% lebih tinggi berbanding dengan RM6.75 bilion pada tahun 2023. Ini disebabkan oleh keuntungan bersih yang lebih tinggi daripada pelupusan saham ekuiti antarabangsa.

Pelaburan ekuiti menyumbang 51.3% kepada GII, diikuti oleh pelaburan pendapatan tetap sebanyak 35.0% serta pelaburan ekuiti persendirian dan hartanah menyumbang baki sebanyak 13.7%.

Sejumlah RM5.79 bilion atau 74.8% daripada GII diperoleh daripada pelaburan dalam pasaran domestik manakala baki RM1.95 bilion, atau 25.2%, diperoleh daripada pelaburan dalam pasaran antarabangsa.

PERBELANJAAN OPERASI

Perbelanjaan Operasi (OPEX) KWAP meningkat sebanyak 25.0% kepada RM0.45 bilion (2023: RM0.36 bilion), yang mewakili penggunaan bajet sebanyak 91.0% berbanding dengan bajet yang diluluskan sebanyak RM0.51 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh kos yang lebih tinggi bagi Perkhidmatan Profesional dan Fi, Kos Kakitangan, serta Perbelanjaan Cukai.



Kos Kakitangan

Kos Kakitangan KWAP berjumlah RM169.18 juta, iaitu 10.4% lebih tinggi berbanding dengan RM153.18 juta pada tahun 2023. Kenaikan Kos Kakitangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan bilangan kakitangan kepada 753 orang, berbanding dengan 723 orang pada tahun 2023.

Pada tahun 2024, KWAP meneruskan penyertaan dalam *Malaysia Short-Term Employment Programme (MySTEP)* yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM11.03 juta, di mana ianya termasuk dalam kos kakitangan.

Turut termasuk dalam Kos Kakitangan adalah perbelanjaan perubatan sebanyak RM11.72 juta (2023: RM10.30 juta) serta perbelanjaan latihan dan pembangunan sebanyak RM3.88 juta (2023: RM3.30 juta).

Perkhidmatan Profesional dan Fi

Perkhidmatan Profesional dan Fi berjumlah RM155.62 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 43.0% berbanding dengan RM108.82 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh yuran prestasi yang lebih tinggi kepada pengurus dana ekuiti luar, sejajar dengan pulangan yang diiktiraf daripada pelaburan mereka.

Perbelanjaan Cukai

Perbelanjaan Cukai KWAP berjumlah RM56.91 juta, iaitu 61.3% lebih tinggi berbanding dengan RM35.28 juta pada tahun 2023. Ini disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada pelaburan antarabangsa.

SAIZ DANA

Saiz Dana KWAP merangkumi Caruman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM29.00 bilion, Caruman Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak RM66.33 bilion, serta Rizab sebanyak RM115.77 bilion. Sebahagian daripada jumlah terkumpul caruman dan rizab ini diimbangi oleh jumlah pengeluaran terkumpul daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM25.50 bilion.

KWAP menutup tahun kewangan ini dengan Saiz Dana berjumlah RM185.60 bilion, yang meningkat sebanyak 9.3% berbanding dengan RM169.82 bilion pada tahun 2023.

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan Kesetaraan Tunai berjumlah RM6.89 bilion berbanding dengan RM5.32 bilion pada tahun kewangan sebelumnya. Daripada jumlah RM6.89 bilion tersebut, sebanyak RM5.41 bilion merupakan deposit dan simpanan dalam institusi kewangan berlesen.

MODAL KEWANGAN (SAMBUNGAN)

ULASAN PELABURAN

Ulasan Ekonomi

Pada tahun 2024, ekonomi global berdepan dengan tiga cabaran utama, iaitu trend inflasi yang tidak menentu, risiko politik, dan pergolakan geopolitik. Ekonomi pascapandemik kini berhadapan dengan cabaran inflasi yang belum pernah dialami oleh generasi ini. Walaupun inflasi dilihat telah mencapai kemuncaknya, bank-bank pusat utama masih berhati-hati menurunkan kadar dasar secara agresif disebabkan oleh kebimbangan terhadap peningkatan semula tekanan inflasi.

Akibatnya, kebanyakan ekonomi global memulakan tahun 2024 dengan dasar monetari yang ketat, dimana bank-bank pusat mengekalkan kadar faedah yang tinggi bagi memantau inflasi dan keadaan ekonomi. Ketidaktentuan terus wujud apabila para pembuat dasar kekal berhati-hati dan cuba mengimbangkan risiko kelembapan ekonomi dengan keperluan untuk mengawal tekanan inflasi yang berterusan. Pendekatan berhati-hati ini telah mendorong kepada strategi dan pandangan jangka panjang di banyak rantau, apabila bank-bank pusat menilai data inflasi dengan teliti, trend guna tenaga, serta pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Rizab Persekutuan mengekalkan kadar faedah pada paras yang agak tinggi berikutan dengan beberapa siri kenaikan agresif pada tahun 2022 dan 2023 bagi menangani inflasi. Walaupun penurunan kadar telah dilaksanakan sebanyak 50 mata asas yang hangat diperkatakan pada bulan September, ahli-ahli yang mengundi dalam jawatankuasa dasar kemudiannya mengurangkan kadar pemotongan kepada dua penurunan sebanyak 25 mata asas pada bulan November dan Disember. Bank-bank pusat utama lain, terutamanya *European Central Bank* dan *Bank of England*, turut mengambil pendekatan berhati-hati dan mengelak daripada melonggarkan dasar secara mendadak. Selain itu, *Bank of Japan* menaikkan kadar faedah secara mengejut buat kali pertama sejak tahun 2007 dan menamatkan dasar kadar faedah negatifnya bagi mengekang tekanan inflasi.

Oleh itu, dasar monetari pada masa hadapan dijangka terus bergantung pada data, yang sekali gus menambahkan unsur spekulasi bagi tahun 2025.

Tahun 2024 merupakan tahun pilihan raya dengan 64 negara, merangkumi 49% daripada jumlah populasi dunia. Isu inflasi ini telah memainkan peranan besar dalam keputusan pilihan raya tersebut, dan parti pemerintah di kebanyakan negara tewas dalam pilihan raya.

Tumpuan utama dunia tertumpu kepada pilihan raya Presiden Amerika Syarikat. Pentadbiran Trump yang bakal mengambil alih dijangka membawa ancaman dan peluang pada masa hadapan. Antara ancaman yang mungkin timbul ialah pengenaan tarif yang berpotensi mencetuskan perang dagang. Peluang boleh muncul dalam bentuk pemotongan

cukai di Amerika Syarikat serta pelonggaran peraturan. Implikasi dasar-dasar ini dijangka akan memberi kesan ketara kepada nilai dolar AS. Dolar AS yang kuat ataupun lemah mempunyai implikasi tersendiri, bukan sahaja terhadap Amerika Syarikat malah kepada seluruh dunia.

Sementara itu, ketegangan geopolitik yang berterusan, terutamanya di Timur Tengah, menambah lagi ketidaktentuan global. Sekiranya Amerika Syarikat mengamalkan dasar pengasingan diri dan perlindungan perdagangan, langkah tersebut berpotensi memperlahankan aliran perdagangan global, sekali gus memberi kesan negatif terhadap momentum pertumbuhan ekonomi dunia.

Pada peringkat domestik, KDNK Malaysia berkembang sebanyak 5.1% pada tahun 2024, meningkat berbanding dengan 3.5% pada tahun 2023. Pertumbuhan ini didorong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh, kadar pengangguran yang telah kembali ke paras prapandemik, serta kadar penyertaan tenaga buruh pada tahap tertinggi. Ini turut disokong oleh peningkatan aktiviti pelaburan hasil daripada inisiatif pemangkin di bawah pelan induk negara, serta pemulihan eksport yang sejajar dengan kitaran menaik dalam sektor teknologi.

Sementara itu, inflasi keseluruhan dan teras kekal rendah, yang mencatat purata sebanyak 1.8% pada tahun 2024, lebih rendah berbanding dengan 2.5% dan 3.0% yang direkodkan pada tahun 2023. Ini disebabkan oleh kesan minimum daripada pelarasan dasar domestik termasuk rasionalisasi subsidi diesel serta ketiadaan tekanan inflasi tarikan permintaan yang ketara. Sehubungan itu, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% sepanjang tahun, selaras dengan pertumbuhan KDNK yang kukuh dan trend inflasi yang terkawal.

Bagi tahun 2025, pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka kekal kukuh dengan sokongan oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dengan hasil pelaksanaan langkah-langkah peningkatan pendapatan serta kitaran menaik pelaburan. Faktor ini dijangka dapat mengurangkan sebahagian tekanan luaran daripada ketegangan geopolitik dan perdagangan. Inflasi dijangka meningkat namun kekal terkawal, memandangkan pelarasan dasar domestik termasuk rasionalisasi subsidi bahan api RON95 akan dilaksanakan secara bersasar.

Selaras dengan pengumuman inisiatif GEAR-uP, KWAP melaksanakan pelaburan secara strategik dalam pelbagai kelas aset bagi merangsang pertumbuhan saiz dana. Pada 31 Disember 2024, alokasi aset KWAP menunjukkan agihan efektif sebanyak 51.7% dalam ekuiti awam, 32.4% dalam pendapatan tetap, 5.2% dalam hartanah, 5.4% dalam ekuiti persendirian, 2.2% dalam infrastruktur dan baki 3.1% adalah dalam pasaran wang. Sejalan dengan usaha Kementerian Kewangan (MoF) melalui GEAR-uP untuk merencanakan pelaburan domestik, sebanyak 74.6% daripada portfolio

KWAP ditumpukan kepada pasaran tempatan, manakala baki 25.4% tertumpu kepada pelaburan antarabangsa. Strategi ini bukan sahaja menyokong pertumbuhan ekonomi negara tetapi turut memanfaatkan kelebihan KWAP yang memahami pasaran Malaysia.

Pada 31 Disember 2024, pendedahan KWAP dalam kelas aset ekuiti adalah RM96 bilion, iaitu 51.7% daripada jumlah keseluruhan aset KWAP dan kekal sebagai kelas aset terbesar. Daripada peruntukan tersebut, aset ekuiti domestik menyumbang sebahagian besar daripada pelaburan ekuiti keseluruhan pada kadar 71.0%, manakala baki 29.0% dilaburkan dalam pasaran ekuiti antarabangsa. Daripada keseluruhan pendedahan dalam aset ekuiti, sebanyak 84.7% diurus secara dalaman manakala bakinya diurus oleh Pengurus Dana Luar (EFM).

Sepanjang tahun yang dilaporkan, portfolio ekuiti mencatatkan TWRR sebanyak 21.9%, mengatasi penanda aras sebanyak 5.7% berbanding penanda aras gabungan sebanyak 16.2%. Portfolio ekuiti domestik dalaman pula mencatatkan TWRR sebanyak 23.0% berbanding dengan penanda aras 17.0%, mengatasi penanda aras itu sebanyak 6.0%. Sementara itu, Portfolio ekuiti antarabangsa dalaman pula mencapai TWRR sebanyak 17.6%, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak 12.8% dengan lebih pulangan 4.8%. Petunjuk-petunjuk prestasi ini membuktikan keberkesanan strategi pelaburan yang menekankan kepada kepelbagaian portfolio merentasi pelbagai sektor dan negara, digabungkan dengan pengimbangan semula secara aktif dan tepat pada masanya. Pendekatan berpelbagai ini telah membantu KWAP dalam mengharungi turun naik pasaran ekuiti, serta membuktikan keupayaan kami dalam menyesuaikan strategi pelaburan mengikut keadaan pasaran yang berbeza.

Di sebalik prestasi perlahan pasaran ekuiti domestik secara am, EFM ekuiti domestik telah mencatatkan TWRR sebanyak 24.6% secara kolektif, melebihi penanda aras Indeks FBM100 sebanyak 7.6%. Bagi pelaburan antarabangsa, EFM secara agregat merekodkan TWRR sebanyak 14.2%, iaitu mengatasi penanda aras sebanyak 1.4%. KWAP mengekalkan mesyuarat suku tahunan secara berkala bersama semua EFM ekuiti bagi menilai prestasi dan pematuhan, selain membincangkan strategi pelaburan serta prospek pasaran. Selain itu, lawatan dijalankan ke premis EFM yang berkaitan sepanjang tahun ini, manakala portfolio dalam senarai pemantauan telah dipantau dengan lebih teliti.

Pendapatan Tetap mewakili 32.4% daripada jumlah saiz dana KWAP. Portfolio ini merangkumi kelas-kelas sub-aset seperti Bon Kerajaan Domestik, Bon Korporat dan Pinjaman Domestik serta Bon Antarabangsa yang berfungsi sebagai pemberat prestasi pelaburan KWAP yang menjana pulangan stabil sepanjang tahun. Bagi tahun 2024, portfolio pendapatan tetap mencatatkan TWRR sebanyak 4.3%, yang disebabkan oleh hasil pelaburan semula yang lebih tinggi serta kenaikan keseluruhan nilai pasaran portfolio pada sepanjang tahun. Strategi bagi portfolio ini kekal tertumpu pada memaksimumkan

potensi portfolio pendapatan tetap yang berpelbagai sambil mengekalkan komitmen terhadap amalan pelaburan mampan.

Portfolio Hartanah yang mewakili 5.2% daripada jumlah saiz dana KWAP terdiri daripada 22 hartanah di pasaran domestik dan antarabangsa, empat tapak tanah dan projek pembangunan dalam negara serta sembilan dana hartanah. Sepanjang tahun ini, kami telah mengembangkan portfolio ini melalui pelaksanaan lima transaksi dengan komitmen yang bernilai kira-kira RM1.29 bilion.

Sebagai bukti komitmen KWAP yang berterusan terhadap prinsip ESG, 11 hartanah memperoleh pensijilan alam sekitar dan akreditasi kecekapan tenaga. Menara Integra, Kuala Lumpur telah dianugerahkan pensijilan *Platinum Core and Shell* daripada *Leadership in Energy & Environmental Design (LEED) US*. Ini membuktikan dedikasi KWAP terhadap amalan mampan dan pemuliharaan sumber. Pencapaian ini mengukuhkan komitmen KWAP terhadap pelaburan yang bertanggungjawab, selaras dengan aspirasi kami melangkah ke masa hadapan yang lebih mampan.

Portfolio ekuiti persendirian mewakili 5.4% daripada jumlah saiz dana. Portfolio ini kekal berdaya tahan sepanjang tahun 2024 dan telah menjana pulangan kukuh berikutan hasil daripada pemilihan teliti untuk pengurus dana kuartil yang terbaik. Portfolio ini mencatatkan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) bersih sebanyak 13.0%.

Komitmen RM500 juta bagi Dana Perintis turut dilaksanakan di bawah kelas aset ini. Dana Perintis merupakan peruntukan yang memberi tumpuan khusus kepada pembangunan pasaran domestik, syarikat pemula dan usahawan tempatan. Ini mencerminkan komitmen KWAP dalam menyokong usaha berterusan daripada Kerajaan untuk membangunkan ekosistem modal teroka tempatan. Dana ini turut berperanan sebagai rangka kerja pelaburan yang menggalakkan pemindahan pengetahuan dan pembangunan bakat tempatan.

KWAP kekal optimistik terhadap potensi pertumbuhan dalam sektor infrastruktur. Oleh itu, unit infrastruktur KWAP telah dipisahkan menjadi jabatan bebas yang memberi tumpuan khusus kepada pengurusan portfolio infrastruktur sebagai satu kelas aset. Portfolio ini kini mewakili 2.2% daripada jumlah saiz dana KWAP. Sepanjang tahun ini, pengurus dana kuartil terbaik KWAP yang menerima komitmen pelaburan KWAP telah mencatatkan IRR bersih sebanyak 9.4%.

Program infrastruktur kami giat meneroka peluang pelaburan bersama dan usaha tersebut membuahkan hasil dengan kejayaan penutupan pelaburan kami dalam sebuah pusat data yang berskala besar. Langkah ini sejajar dengan strategi kami yang tertumpu kepada perkhidmatan misi kritikal serta pembangunan infrastruktur domestik. Pelaburan dalam kemudahan infrastruktur adalah penting bagi negara membangun untuk meningkatkan keterhubungan, menggalakkan aktiviti perdagangan dan produktiviti yang lebih tinggi.

MODAL KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Senarai Pelaburan Hartanah KWAP

Kami telah melabur di dalam 22 hartanah dalam pasaran domestik dan antarabangsa serta empat tapak tanah dan pembangunan dalam negara.

Bil.	Hartanah	Geografi	Segmen Aset	Tarikh Pembelian	Jenis Pegangan
HARTANAH DOMESTIK					
1.	Menara Integra, Kuala Lumpur	Malaysia	Pejabat	31 Mac 2015	Pegangan Kekal
2.	Menara Capsquare, Kuala Lumpur	Malaysia	Pejabat	15 Disember 2016	Pegangan Kekal
3.	Mydin Mutiara Rini, Skudai, Johor	Malaysia	Runcit	22 Januari 2019	Pegangan Pajak
4.	Lot 20010, Jalan Stonor, Kuala Lumpur	Malaysia	Tanah	22 Disember 2015	Pegangan Pajak
5.	Lot 392, Jalan Changkat Kia Peng, Kuala Lumpur	Malaysia	Tanah	30 Oktober 2015	Pegangan Kekal
6.	Pulau Andaman, Pulau Pinang	Malaysia	Tanah	30 Mac 2017	Pegangan Kekal
7.	Compass, Kota Seri Langat, Selangor	Malaysia	Tanah	18 September 2020	20% Pegangan dalam Usahasama
8.	Pembinaan Khas untuk Penginapan Pekerja Bukit Minyak, Pulau Pinang	Malaysia	Penginapan Pekerja	4 Disember 2023	Pegangan Kekal
9.	Pembinaan Khas untuk Penginapan Pekerja Tampoi, Johor	Malaysia	Penginapan Pekerja	23 Februari 2024	Pegangan Kekal
10.	FEK II Kemudahan Pembuatan Wafer, Kulim II High-Tech Industrial Park, Kedah*	Malaysia	Perindustrian	15 Disember 2023	Pegangan Pajak
HARTANAH ANTARABANGSA					
11.	747 Collins Street, Melbourne	Australia	Pejabat	30 September 2013 dan 8 Februari 2018**	Pegangan Kekal
12.	133 Lenore Drive, Erskine Park, Sydney	Australia	Logistik	30 November 2014	Pegangan Kekal
13.	38 - 46 Bernara Road, Prestons, Sydney	Australia	Logistik	30 Julai 2015	Pegangan Kekal

Nota:

* KWAP, melalui anak syarikat milik penuhnya Harta Kulim Sdn Bhd, memiliki 33.33% daripada hartanah tersebut.

** KWAP memperoleh 40% pegangan dalam 747 Collins Street pada 30 September 2013, dan baki 60% pada 8 Februari 2018.

Bil.	Hartanah	Geografi	Segmen Aset	Tarikh Pembelian	Jenis Pegangan
HARTANAH ANTARABANGSA					
14.	145 Lenore Drive, Erskine Park, Sydney	Australia	Logistik	23 Disember 2015 dan 14 April 2017	Pegangan Kekal
15.	Amazon Coalville, Bardonia	United Kingdom	Logistik	30 April 2021	Pegangan Kekal
16.	10 Gresham Street, London	United Kingdom	Pejabat	24 Oktober 2012	Pegangan Pajak
17.	100 Cheapside, London	United Kingdom	Pejabat	20 Disember 2019	Pegangan Pajak
18.	The Chimes, Uxbridge, London	United Kingdom	Runcit	20 Jun 2014	Pegangan Kekal
19.	The Mill House, Edinburgh	United Kingdom	Kediaman Pelajar	3 Ogos 2018	Pegangan Kekal
20.	800 Bristol Road, Birmingham	United Kingdom	Kediaman Pelajar	7 Ogos 2018	Pegangan Kekal
21.	Symons House, Leeds	United Kingdom	Kediaman Pelajar	29 Jun 2020	Pegangan Kekal
22.	Crown House, Sheffield	United Kingdom	Kediaman Pelajar	29 Jun 2020	Pegangan Kekal
23.	Vita Student, York	United Kingdom	Kediaman Pelajar	17 Oktober 2023 dan 18 November 2024*	Pegangan Kekal
24.	82 Albion Gate, London	United Kingdom	Perumahan	27 Februari 2015	Pegangan Pajak
25.	9 Sherwood Court, Seymour Place, London	United Kingdom	Perumahan	27 Februari 2015	Pegangan Pajak
26.	Zalando Distribution Warehouse, Erfurt	Jerman	Logistik	5 Mei 2017	Pegangan Kekal

Nota:

* Ditukar kepada Pegangan Bebas pada 18 November 2024.

MODAL KEWANGAN (SAMBUNGAN)

ULASAN ANAK SYARIKAT

Sehingga penghujung tahun 2024, KWEST telah melaksanakan dua projek dengan jumlah Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM22 bilion, iaitu Fasa 1 Andaman Island di Pulau Pinang dan Compass @ Kota Seri Langat di Selangor. Projek-projek ini menyumbang GDV sebanyak RM21 bilion dan RM1 bilion.

Fasa 1 Andaman Island merupakan usaha sama antara KWEST (20%) dan Eastern & Oriental Berhad (80%), salah satu pemaju hartanah terkemuka di Malaysia. Pembangunan bersepadu pelbagai guna seluas 253 ekar ini dijangka menjadi destinasi mercu tanda di wilayah utara.

Tahun 2024 mencatat prestasi cemerlang bagi Fasa 1 Andaman Island, yang menyaksikan beberapa kejayaan utama seperti yang berikut:

Pencapaian Utama

- Fasa 1 dan Fasa 2 Fera dan Senna telah dilancarkan pada bulan Januari, yang merangkumi 69 unit kediaman jenis teres dan berkembar. Semua unit telah habis terjual, yang menyumbang kepada GDV sebanyak RM280 juta.
- Arica, projek pembangunan 380 unit hartanah dengan GDV yang berjumlah RM415 juta, telah terjual sepenuhnya pada tahun 2024, iaitu 12 bulan selepas pelancarannya pada Mac 2023.
- The Lume telah dilancarkan pada Julai 2024, mengandungi 261 unit pangsapuri servis dan mencatat kadar jualan sebanyak 42% menjelang akhir tahun dengan jumlah GDV yang dijangka mencecah RM635 juta.



Imej menunjukkan projek Andaman Island, Pulau Pinang

Kemampuan terus menjadi teras utama pembangunan Andaman Island dengan semua projek menerima Pensijilan Sementara Platinum GreenRE. Pada tahun 2024, The Lume dan Maris yang bakal dilancarkan pada tahun 2025 telah memperoleh pensijilan ini dalam kategori kediaman, mengukuhkan komitmen KWEST terhadap pembangunan yang bertanggungjawab.

Sementara itu, Compass @ Kota Seri Langat, sebuah perbandaran yang berfokuskan perindustrian seluas 220 ekar di Banting, Selangor, merupakan kerjasama strategik antara Permodalan Nasional Berhad (60%), KWEST (20%) dan AREA (20%). Projek ini menampilkan Presint PKS yang merangkumi 62 unit kilang jenis teres, berkembar, dan berasingan, selain lot-lot industri, serta Taman Perindustrian Berpengurusan (MIP) yang memenuhi keperluan perniagaan tempatan dan antarabangsa.


Sehingga Disember 2024, hampir separuh daripada unit di Presint PKS telah terjual dan beberapa tempahan lagi masih dalam proses untuk dimuktamadkan. Satu lagi pencapaian utama pembangunan ini adalah penjualan 17 ekar tanah kepada sebuah syarikat elektronik Jepun.

Selain pembangunan komersial, KWEST turut memajukan inisiatif tanggungjawab sosialnya, terutamanya Projek Wakaf, iaitu Pembangunan Berorientasikan Persaraan dengan kerjasama KWAP. Projek ini meneroka model kehidupan warga emas yang inovatif dan mampan di tanah wakaf bagi menangani keperluan populasi warga emas Malaysia melalui pembangunan yang inovatif.

Melangkah ke tahun 2025, KWEST menjangkakan momentum kukuh dengan beberapa pelancaran utama di Pulau Andaman. Antaranya ialah Maris, sebuah pembangunan 516 unit pangsapuri servis dengan GDV berjumlah RM707 juta, serta satu lagi pembangunan 1,080 unit pangsapuri servis dengan GDV sebanyak RM1.1 bilion. Selain itu, Fasa 3 dan Fasa 4 bagi Fera dan Senna akan menampilkan 68 unit kediaman atas tanah, termasuk rumah teres dan rumah berkembar, yang dijangka menyumbang GDV sebanyak RM288 juta.

Sementara itu, kerja-kerja pembangunan infrastruktur dalam MIP di Compass @ Kota Seri Langat dijangka bermula pada tahun 2025. KWEST turut menjangkakan semua unit akan berjaya terjual serta pembinaan unit-unit industri akan siap di Presint PKS.

PENDEDAHAN GEOGRAFI KAMI



Petunjuk Untuk Kelas Aset

■ Ekuiti
 ■ Ekuiti Persendirian /Infrastruktur
 ■ Pendapatan Tetap
 ■ Hartanah

PENDEDAHAN PELABURAN

53

Negara

MODAL INTELEK



PEMACU INOVASI DAN PENJANAAN NILAI

Modal intelek, yang lazimnya dianggap sebagai aset tidak ketara sesebuah organisasi, merangkumi himpunan pengetahuan, kemahiran, proses dan hubungan yang menggalakkan keupayaan untuk berinovasi dan menjana nilai. Berbeza dengan aset kewangan atau aset fizikal, modal intelek merujuk kepada sumber tidak ketara yang menyumbang kepada kejayaan jangka panjang. Bagi KWAP, modal intelek dinyatakan melalui kepakaran strategik, pengetahuan eksklusif, penyelesaian digital yang inovatif, serta hubungan yang terjalin kukuh dengan pihak berkepentingan dan rakan strategik.

KEMAJUAN MODAL INTELEK KWAP

Seiring dengan haluan Malaysia menuju status negara tua menjelang tahun 2048, pembangunan dan penerapan strategik modal intelek menjadi keutamaan bagi KWAP. Modal intelek merupakan teras yang menyokong misi KWAP untuk memastikan persaraan yang mampan. Kejayaan inisiatif kepimpinan pemikiran, impak penyelesaian digital inovatif seperti MyPesara, serta pengiktirafan yang diterima menerusi program Dana Perintis menyerlahkan komitmen

KWAP terhadap penciptaan, aplikasi dan perkongsian ilmu pengetahuan. Dengan melabur secara strategik serta memanfaatkan aset inteletiknya, KWAP berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus memacu perubahan yang bermakna, menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi negara serta kesejahteraan pihak berkepentingan dalam jangka panjang.

INISIATIF UTAMA MODAL INTELEK TAHUN 2024

KWAP sebagai Rakan Kepercayaan Kerajaan dalam Persaraan Mampan


Selaras dengan aspirasi Visi 2025, KWAP telah membangunkan Rangka Kerja Pemimpin Pemikiran pada tahun 2023 bagi merealisasikan hasratnya untuk menjadi peneraju pemikiran yang disegani dalam pembangunan sosioekonomi, khususnya dalam agenda persaraan mampan dan agenda pelaburan. Menerusi rangka kerja ini, KWAP diberikan panduan untuk memulakan, melaksanakan dan menyelaraskan inisiatif kepimpinan pemikirannya. Matlamatnya adalah untuk meletakkan KWAP sebagai penggalak ilmu pengetahuan dalam industri berkaitan, serta sebagai penasihat dan rakan strategik yang dipercayai oleh pembuat dasar dan penggubal keputusan utama.

Menggalas peranannya sebagai Teman Persaraan Anda, KWAP, dengan kerjasama Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing®), Universiti Putra Malaysia, telah melancarkan Laporan Agenda Strategik Persaraan yang berfungsi sebagai rujukan komprehensif bagi merancang persaraan mampan untuk penjawat awam, pesara, dan penerima pencen terbitan. Diterajui oleh KWAP pada tahun 2023, projek penyelidikan ini merupakan

sebahagian daripada memorandum persefahaman (MoU) dengan MyAgeing® bagi menggalakkan penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam hal-hal yang berkaitan dengan pencen. Projek ini juga menandakan usaha kerjasama kali kedua antara KWAP dan MyAgeing®.

Memandangkan Malaysia diunjurkan menjadi negara menua menjelang tahun 2030, laporan ini mencadangkan Rangka Kerja Agenda Strategik Kerjaya-Persaraan (CReSA), yang merangkumi empat teras utama, 12 strategi dan 78 cadangan inisiatif bagi mendorong pembaharuan strategik dalam sistem persaraan. Empat teras tersebut adalah Kesihatan, Keselamatan dan Perlindungan, Penyertaan dan Rangkaian Sosial, serta Pembelajaran Sepanjang Hayat, yang menyeru ke arah pendekatan menyeluruh dan berpandangan jauh yang bukan sahaja menangani jurang perkhidmatan sedia ada, malah turut mengambil kira amalan terbaik global dan pandangan pihak berkepentingan tempatan. Matlamat akhir rangka kerja ini adalah membentuk hala tuju yang mampan bagi menghadapi cabaran penuaan penduduk negara.

KWAP sebagai Rakan Kepercayaan Kerajaan dalam Persaraan Mampan (sambungan)



Pengiktirafan Global dalam Inovasi Keselamatan Sosial

Usaha inovatif KWAP telah meraih pengiktirafan antarabangsa yang signifikan bagi tahun ini. Semasa Forum Keselamatan Sosial Serantau (RSSF) untuk Asia dan Pasifik, acara utama anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) yang berlangsung di Riyadh, Arab Saudi dari 3 hingga 5 Disember 2024, KWAP telah dianugerahkan Sijil Kepujian dengan Penghargaan Khas bagi Amalan Terbaik ISSA. Anugerah berprestij ini mengiktiraf komitmen tidak berbelah bahagi KWAP dalam memperkasa perjalanan persaraan melalui ciri-ciri inovatif dan mesra pengguna dalam aplikasi MyPesara. Aplikasi ini menawarkan pengalaman persaraan yang mudah, bersifat diperibadikan dan lancar dengan menyediakan akses pantas kepada manfaat pencen, petua kesihatan dan kewangan, peluang bekerja semula untuk warga emas, serta lain-lain panduan kesejahteraan sosial, sekali gus mencerminkan keupayaan harta intelek KWAP dalam reka bentuk perkhidmatan digital.



Penyampaian Sijil Kepujian kepada KWAP bagi Amalan Terbaik ISSA di RSSF, Riyadh, Arab Saudi

MODAL INTELEK (SAMBUNGAN)

Pengiktirafan Global dalam Inovasi Keselamatan Sosial (sambungan)

Bagi memperkukuh kedudukannya di peringkat serantau, KWAP telah menerima pengiktirafan signifikan dalam Persidangan dan Mesyuarat Lembaga Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA) ke-41 yang berlangsung di Manila, Filipina, dari 25 sehingga 27 November 2024. KWAP menerima pengiktirafan yang membanggakan dalam kategori Tadbir Urus Pelaburan menerusi program transformatif Dana Perintis. Program perintis ini menerima pujian atas pendekatan yang inovatif dalam merencanakan semula ekosistem syarikat pemula niaga dan modal teroka di Malaysia melalui pemerkasaan perniagaan peringkat awal, pemacuan inovasi serta pengukuhan daya tahan ekonomi.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen teguh KWAP dalam mendorong inisiatif berimpak tinggi yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan keselamatan sosial di Malaysia, dengan memanfaatkan kepakaran intelektual dalam pelaburan strategik dan pembangunan ekosistem.

Melangkah ke hadapan, KWAP terus komited untuk memupuk inovasi, kerjasama dan daya tahan dalam mengharungi landskap keselamatan sosial yang sentiasa

berkembang bersama rakan serantau dan global. Keutamaan strategik bagi tahun 2025 akan terus dibina berasaskan modal intelektual kukuh yang telah dibangunkan pada tahun sebelumnya. Ini merangkumi pengukuhan kepimpinan pemikiran dalam bidang persaraan dan pelaburan mampan melalui kajian berwawasan yang berterusan serta cadangan terhadap dasar. Penambahbaikan berterusan dan promosi aplikasi MyPesara yang didorong oleh maklum balas pengguna dan kemajuan teknologi akan terus menjadi fokus utama dalam menawarkan pengalaman persaraan yang lebih lancar dan menyeluruh. KWAP juga akan memperluas impak program Dana Perintis dengan memanfaatkan pengalaman terdahulu serta modal intelek dalam bidang modal teroka untuk terus merangsang ekosistem inovasi negara. Selain itu, penglibatan aktif dalam forum keselamatan sosial antarabangsa serta kerjasama berterusan dengan institusi akademik dan badan industri akan terus menjadi unsur penting dalam memupuk pertukaran ilmu dan penerapan amalan terbaik global, bagi memastikan KWAP kekal sebagai peneraju inovasi keselamatan sosial.



KWAP menerima anugerah dalam kategori Tadbir Urus Pelaburan dalam Persidangan ke-41 ASSA di Manila, Filipina

MODAL PEMBUATAN



MEMACU KEMAJUAN DIGITAL DAN KEUNGGULAN OPERASI

Modal pembuatan yang merangkumi infrastruktur fizikal dan teknologi sesebuah organisasi merupakan pemangkin utama dalam penjana nilai. Bagi KWAP, pengurusan dan pembangunan modal pembuatan secara berkesan adalah penting bagi memastikan kecekapan operasi, melindungi data sensitif, serta menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada penerima manfaat. Elemen-elemen modal pembuatan ini menjadi asas kepada keupayaan KWAP untuk mengurus dan mengembangkan dana persaraan yang besar, menyediakan perkhidmatan yang cekap kepada pesara, menjamin keselamatan operasi dan datanya, serta memupuk inovasi.

STRATEGI TRANSFORMASI DIGITAL KWAP 2023-2025

Matlamat Digital
MEMACU KECERMERLANGAN DIGITAL

Misi
MENANAM BUDAYA CELIK DIGITAL

Objektif Transformasi Digital




Kematangan Digital secara keseluruhan berdasarkan kajian TERAS 5 adalah 3 daripada 5

- 01** Menyokong peningkatan pelaburan menerusi sistem-sistem digital
- 02** Mempertingkatkan pengalaman digital pelanggan melalui interaksi digital dan pengetahuan yang berasaskan kecerdasan buatan (AI)
- 03** Membaiki pulih kepercayaan pelanggan menerusi daya tahan siber
- 04** Memberi pelaburan dan perkhidmatan persaraan serta keupayaan analitik yang dipertingkatkan
- 05** Meningkatkan produktiviti kakitangan melalui penggunaan alat-alat AI
- 06** Menyokong usaha ESG menerusi pengurangan jejak tenaga alam sekitar dan tadbir urus digital yang baik

Teras Strategi Transformasi Digital

Teras strategi transformasi digital adalah elemen asas yang membantu dalam mencapai objektif transformasi digital



MODAL PEMBUATAN (SAMBUNGAN)

Secara amnya, modal pembuatan KWAP boleh dikategorikan kepada beberapa komponen utama:

Infrastruktur IT



Sistem teras dan rangkaian KWAP yang menyokong pengurusan pelaburan, termasuk pentadbiran pencen, keselamatan siber, dan fungsi pengurusan data.

Platform Digital



Saluran digital KWAP bagi penglibatan dengan pihak berkepentingan, termasuk aplikasi mudah alih MyPesara untuk pesara dan laman sesawang rasmi KWAP untuk orang ramai.

Infrastruktur Fizikal



Aset fizikal KWAP seperti ibu pejabatnya di Kuala Lumpur dan, jika berkenaan, pusat data yang menempatkan peralatan IT yang penting.

Peralatan



Peranti dan alatan KWAP yang menyokong kakitangan dalam tugas harian mereka seperti komputer riba dan sistem komunikasi.

KEMAJUAN MODAL PEMBUATAN KWAP

Pada tahun 2024, KWAP telah mencatat kemajuan yang ketara dalam memperkukuh modal pembuatannya melalui inisiatif transformasi digital yang strategik. Pelan Hala Tuju Transformasi Digital KWAP, yang berteraskan Strategi Transformasi Digital telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelaksanaan inisiatif digital. Pelan hala tuju ini berasaskan lima teras utama iaitu: Tadbir Urus dan Perkhidmatan Digital, Ketahanan Siber, Platform Teknologi, Pengurusan Data, dan Sistem Perniagaan Digital. Kelima-lima teras ini menyediakan rangka kerja yang tersusun bagi merealisasikan aspirasi KWAP untuk mencapai kecemerlangan digital.

Usaha di bawah teras ini merangkumi penaiktarafan sistem IT utama, pengukuhan keselamatan siber dan pemupukan budaya digital, yang membuktikan komitmen KWAP terhadap kecemerlangan operasi dan penciptaan nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan. Inisiatif yang sedang dilaksanakan dan inisiatif akan datang mencerminkan tumpuan berterusan KWAP dalam memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan kecekapan, keselamatan dan penyampaian perkhidmatan, sekali gus memperkukuh kedudukan KWAP sebagai sebuah organisasi dana persaraan yang berdaya tahan dan maju secara digital di Malaysia.



PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2024

Tahun 2024 menyaksikan pelaksanaan beberapa projek utama dan inisiatif berterusan yang membuka laluan KWAP ke arah pembentukan sebuah organisasi yang maju secara digital. Pencapaian yang berikut menunjukkan komitmen teguh KWAP dalam memperkukuh modal pembuatan melalui pelaksanaan strategi transformasi digital yang menyeluruh:



Kecekapan Dalaman dan Infrastruktur

- **Kemas Kini Peranti atau Sistem**

KWAP telah mengagihkan komputer riba baharu menerusi program sewaan peralatan yang direka untuk menyokong inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan mengurangkan sisa elektronik. Selain itu, teknologi Wi-Fi telah dinaik taraf kepada versi 6, manakala talian internet bagi pejabat di Kuala Lumpur dan Cyberjaya telah dipertingkatkan, sekali gus meningkatkan kelajuan, kesalinghubungan, keselamatan dan produktiviti warga kerja KWAP.

- **Tadbir Urus Teknologi Awan**

Rangka kerja tadbir urus dan dasar yang berkaitan dengan teknologi awan telah dilaksanakan, yang menandakan langkah ke arah memanfaatkan teknologi awan bagi meningkatkan skalabiliti dan kecekapan.

- **Peningkatan Keselamatan Siber**

KWAP telah memperkukuh perlindungan aset digital dan data pihak berkepentingan dengan melaksanakan langkah keselamatan siber yang maju serta ujian daya tahan simulasi terhadap ancaman siber, sehingga berjaya mengurangkan kadar kerentanan terhadap serangan pancingan data daripada 2.2% kepada 1.9%.

- **Pengurusan Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (API)**

KWAP telah melaksanakan pengurusan API bagi tujuan integrasi, dengan matlamat untuk melindungi maklumat sensitif serta membolehkan kawalan yang lebih baik terhadap capaian data tersebut.



Pengalaman Pelanggan dan Pihak Berkepentingan

- **Peningkatan Aplikasi Mudah Alih MyPesara**

Mengenal pasti peluang untuk menambah baik pengalaman pelanggan para pesara melalui platform digital KWAP, termasuk meneroka pengintegrasian AI bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

- **Anugerah Pengiktirafan Inovasi**

KWAP telah diiktiraf sebagai lapan finalis terbaik bagi *Enterprise Innovation Award* oleh ASEAN Innovation Business Platform (AIBP) 2024 menerusi penyertaan bertajuk "*Enhancing Digital Experience in Retirement Services*". Pengiktirafan ini menekankan pendekatan inovatif KWAP dalam memanfaatkan teknologi.



Pelaburan Strategik dan Pengurusan Aset

- **Sistem Pengurusan Pelaburan Dana**

Ini merangkumi perancangan projek dan pembentukan pasukan yang menunjukkan peningkatan ketara dalam keupayaan teras pelaburan KWAP.

- **Sistem Pengurusan Aset Pelaburan Hartanah**

Kemajuan diteruskan bagi Sistem Pengurusan Aset Pelaburan Hartanah, dengan Fasa 1 telah selesai manakala Fasa 2 masih lagi dalam pelaksanaan. Ini menunjukkan usaha berterusan KWAP dalam menambahbaik pengurusan pelaburan KWAP dalam aset hartanahnya.

MODAL PEMBUATAN (SAMBUNGAN)



Data dan Kecerdasan

- **Tadbir Urus dan Pelaporan Data**

Penubuhan rangka kerja tadbir urus data yang menyeluruh bagi memastikan pengurusan data dan pematuhan yang kukuh. Ini penting bagi membuat keputusan berinformasi serta pematuhan kepada kehendak pengawalseliaan.

- **Pengenalan Alat AI**

KWAP telah mendaftarkan pengguna untuk Microsoft 365 Copilot dan memulakan projek pembuktian konsep (*proof-of-concept*) bagi platform AI terpilih.

Melangkah ke hadapan, KWAP terus komited untuk memacu kecekapan, merangsang inovasi dan menyampaikan nilai kepada pihak berkepentingan melalui pembangunan modal pembuatan secara berterusan. Perjalanan transformasi digital dilihat sebagai usaha yang berterusan, dengan komitmen terhadap penambahbaikan berperingkat bagi infrastruktur dan keupayaan digital. Budaya celik digital yang semakin kukuh dalam organisasi menguatkan keyakinan KWAP terhadap keupayaannya untuk menyokong usaha pembinaan negara melalui penyampaian manfaat yang mampan kepada pihak berkepentingan.



Pemenang untuk Kempen Inovasi Digital 2024


MODAL INSAN



NILAI PEMACU DAN SOKONGAN DARIPADA PIHAK BERKEPENTINGAN PADA TAHUN 2024


Warga kerja adalah aset kami yang paling bernilai. Sumbangan mereka yang tidak kenal penat lelah adalah asas dalam memacu organisasi ke tahap yang lebih tinggi, melambangkan dedikasi dan semangat yang menjadi tunjang kejayaan KWAP. Sebagai pemain utama dalam keseluruhan rantai penciptaan nilai kami, komitmen padu dan kemahiran mereka menjadi asas pertumbuhan dan inovasi.

Jumlah Tenaga Kerja mengikut Lokasi*




■ Pejabat Kuala Lumpur ■ Pejabat Cyberjaya
■ Pejabat Prima Ekuiti (UK) Limited di United Kingdom

Purata Tahun Perkhidmatan




■ 1-3 tahun ■ 4-9 tahun ■ > 10 tahun

Kelayakan Profesional



■ Lepasan Ijazah/Pemegang Piagam CFA ■ Diploma
■ Ijazah/Kelayakan Profesional ■ Sijil

Pengambilan dan Pusing Ganti



■ Pengambilan Tenaga Kerja ■ Atrisi

* Jumlah tenaga kerja bagi Kumpulan KWAP termasuk KWEST dan PEUK

MODAL INSAN (SAMBUNGAN)

STRATEGI MODAL INSAN

Strategi Modal Insan kami dicipta bagi memupuk tenaga kerja yang dinamik dan berfikir maju, sejajar dengan nilai-nilai dan matlamat KWAP dalam memastikan kejayaan dan pertumbuhan yang berterusan. Pada asasnya, strategi ini tertumpu pada empat hasil sasaran yang menjadikan KWAP sebagai sebuah organisasi yang sedia masa hadapan.

Budaya mampan dan selari
bagi menghasilkan **tenaga kerja yang bermotivasi dan memberi komitmen**

Pembangunan dan **pengurusan prestasi** yang kukuh bagi memacu pencapaian matlamat perniagaan

Pengalaman digital sumber manusia yang dipertingkatkan dan memanfaatkan analitik data warga kerja

Menghasilkan **Tawaran Nilai untuk Kakitangan yang berkaitan dengan ESG** bagi menarik minat dan mengekalkan bakat-bakat

Kami menggariskan lapan Strategi Sumber Manusia untuk mencapai hasil-hasil sasaran kami:



DNA KWAP

- Memiliki ruang untuk berkembang
- Mempunyai niat yang betul
- Mewakili jenama KWAP

TERAS BUDAYA KERJA



Matlamat



Kepercayaan




Setiakawan

KEPELBAGAIAN, KESAKSAMAAN DAN KETERANGKUMAN

Kami komited dalam menyokong pasaran modal dengan tanggungjawab sosial. Di KWAP, kami melihat kekuatan dalam kepelbagaian serta memperjuangkan kesaksamaan dan keterangkuman sebagai teras asas pembinaan negara. Dengan memperjuangkan nilai-nilai ini, kami bukan sahaja menyediakan tempat kerja yang lebih baik, tetapi juga memberi impak yang bermakna untuk masyarakat dan negara.

Pengagihan Tenaga Kerja




¹ Jumlah tenaga kerja bagi Kumpulan KWAP

MODAL INSAN (SAMBUNGAN)

MELABUR DALAM MODAL INSAN


Selain daripada pengambilan bakat terbaik, KWAP secara berterusan melabur dalam modal insan dengan menyediakan peluang latihan dan pembangunan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka. Kami percaya pelaburan ini bukan sahaja meningkatkan prestasi kakitangan, tetapi juga meningkatkan kepuasan bekerja yang menyokong pertumbuhan kerjaya dan memperkukuh keupayaan mereka dalam mencipta nilai.



Skim Bantuan Pendidikan

KWAP percaya dengan pembelajaran sepanjang hayat dan bermatlamat untuk memperkasakan tenaga kerja kami menerusi latihan dan pendidikan berkualiti tinggi melalui Skim Bantuan Pendidikan (EAS) yang merupakan sebahagian daripada program pembelajaran dan pembangunan kakitangan. Skim ini dicipta bagi membantu kakitangan untuk menambah baik kemahiran dan meningkatkan keupayaan mereka dalam mencipta lebih banyak nilai untuk organisasi selain meningkatkan pembangunan kerjaya mereka.

Di bawah EAS, KWAP memberi sokongan untuk pelbagai program profesional dan pengajian tinggi:



Pada tahun 2024, EAS telah memperluaskan tawaran yang pada mulanya hanya program tempatan yang dijalankan secara sambilan kepada program pendidikan luar negara. Melalui inisiatif ini, kakitangan KWAP boleh memohon untuk melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) atau kursus kepimpinan jangka pendek di institut perniagaan terkemuka dunia secara sepenuh masa semasa tempoh cuti kerjaya mereka. Ini merupakan kemudahan yang ditawarkan oleh KWAP. Pada tahun ini juga, seramai lapan peserta EAS telah menamatkan pengajian mereka (enam program profesional dan dua program Sarjana). Ini termasuk seorang peserta yang berjaya menamatkan Sarjana Pentadbiran Perniagaan di bawah program pendidikan luar negara yang baru diperkenalkan. EAS turut merekodkan 12 pendaftaran baharu pada tahun 2024.

PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, KWAP telah melakar beberapa pencapaian penting dalam pendekatan pengurusan modal insan, dengan penekanan diberikan kepada penglibatan pihak berkepentingan serta pembangunan tenaga kerja dalaman. Inisiatif-inisiatif ini turut menyokong transformasi digital yang sedang dijalankan oleh KWAP, yang sejajar dengan matlamat pembangunan negara.

Selaras dengan objektif transformasi digitalnya, KWAP telah menjalin kerjasama strategik dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada tahun 2024. Kerjasama ini yang dimeterai melalui satu Memorandum Persefahaman (MoU) bertujuan untuk menggalakkan penerapan teknologi kecerdasan buatan (AI) serta meningkatkan keupayaan digital dalam kalangan warga kerja KWAP. Inisiatif ini sejajar dengan rangka kerja Malaysia MADANI, Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan 2021-2025 (AI-RMAP), serta Program Penerapan AI dalaman KWAP. Usaha-usaha ini

menyokong peningkatan produktiviti dan penambahbaikan kepada penyampaian perkhidmatan KWAP.

Selain itu, pelancaran inisiatif *Circular Economy Young Leaders for Change* (CYCLE) pada tahun 2024 mempamerkan usaha yang memberi fokus kepada penglibatan kakitangan muda dalam kepimpinan kemampanan. Program ini selari dengan komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) KWAP serta menggalakkan budaya bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam kalangan pemimpin masa hadapan KWAP.

Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan trend yang lebih luas dalam sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia, khususnya penekanan terhadap pembangunan bakat masa hadapan yang celik digital serta penambahbaikan kualiti perkhidmatan kepada pihak berkepentingan.

MODAL INSAN (SAMBUNGAN)

LIBAT URUS KAKITANGAN DAN PENJENAMAAN MAJIKAN

Program MySTEP



Para peserta semasa sesi bengkel latihan MySTEP

Sebagai sokongan kepada inisiatif kebangsaan yang bertujuan untuk menangani isu pengangguran dan meningkatkan kesiapsiagaan tenaga kerja, KWAP telah meneruskan pelaksanaan *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP) pada tahun 2024. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran dan pembangunan profesional rakyat Malaysia melalui penempatan pekerjaan jangka pendek yang disepadukan dengan latihan berstruktur dan berasaskan amali. Inisiatif ini sejajar dengan komitmen KWAP terhadap pembangunan negara melalui pembentukan tenaga kerja yang berdaya tahan dan sedia masa hadapan. Para peserta ditawarkan dengan persekitaran yang kondusif dan merangsang minda, lengkap dengan peluang pembangunan profesional, penempatan bergilir antara jabatan, serta pendedahan kepada tanggungjawab dunia sebenar.

Malaysia Career Fair 2024 (Graduan-UKEC)



Sesi interaksi bersama pelajar Malaysia semasa pameran di Graduan-UKEC

Sebagai sebahagian daripada inisiatif penjenamaan majikan yang berterusan, KWAP telah menyertai *Malaysian Career Fair 2024* yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London, United Kingdom, dari 2 sehingga 3 Mac 2024. Acara ini dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar Malaysia di United Kingdom dan Ireland (UKEC) serta GRADUAN Malaysia. Ini berfungsi sebagai platform strategik untuk berinteraksi dengan pelajar Malaysia dari lebih 68 universiti di seluruh UK yang mewakili lebih 17,000 bakat berpotensi. Menerusi inisiatif ini, KWAP berjaya mengenal pasti dan menerima masuk 11 orang profesional muda berpotensi tinggi yang kini menyumbang kepada usaha KWAP dalam memacu inovasi dan pertumbuhan mampan dalam seluruh organisasi.

Sesi Perkongsian Kerjaya bersama UNIRAZAK



Wakil KWAP bersama pelajar UNIRAZAK semasa sesi perkongsian kerjaya

Pada 5 September 2024, KWAP telah menyertai program Sesi Perkongsian Kerjaya anjuran UNIRAZAK yang diadakan di kampus utama universiti itu di Kuala Lumpur. Penyertaan ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan KWAP dalam pembangunan bakat dan kerjasama antara industri dan akademik. Semasa program tersebut, wakil daripada Jabatan Sumber Manusia KWAP telah menyampaikan ceramah kerjaya yang memberi tumpuan kepada strategi praktikal bagi pembangunan kerjaya, penerokaan peluang profesional, serta penetapan hala tuju kerjaya yang jelas. Sesi ini bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan pandangan dan pengetahuan yang berguna dalam menyokong peralihan mereka ke alam pekerjaan. Selain itu, Klinik *Curriculum Vitae* (CV) turut diadakan untuk memberi maklum balas dan bimbingan secara dekat bagi meningkatkan mutu dan keberkesanan *résumé* peserta, sekali gus menyokong kebolehpasaran mereka dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif.

Rangka Kerja dan Indeks Budaya

Menyedari perubahan demografi tenaga kerja KWAP yang kini majoritinya terdiri daripada Generasi Y dan Generasi Z, KWAP perlahan-lahan menyesuaikan budayanya bagi memenuhi keperluan tenaga kerja daripada pelbagai generasi. Rangka Kerja Budaya KWAP yang diluluskan pada 8 Mei 2024 merupakan langkah penting untuk perubahan ini yang menyediakan pendekatan yang lebih tersusun, strategik dan terancang dalam membentuk budaya organisasi. Rangka kerja ini diwujudkan bagi menetapkan piawaian tingkah laku yang jelas serta jangkaan persekitaran kerja dalam usaha memupuk budaya yang berasaskan matlamat dan bersifat progresif. Selain itu, ia menegaskan semula hakikat bahawa budaya adalah tanggungjawab kolektif yang mesti diterapkan secara aktif melalui kepimpinan, amalan di tempat kerja, dinamik pasukan, dan tindakan individu. Untuk menggerakkan perjalanan ini, tiga teras budaya dan tujuh indeks budaya telah diperkenalkan bagi mengukur pengalaman kakitangan dalam organisasi. Ini menandakan permulaan baharu dalam perjalanan budaya KWAP dengan mengubah momentum kepada satu gerakan bermakna untuk menjadi Tempat Kerja Pilihan yang sebenar.

Kajian Semakan Budaya

Susulan kelulusan Rangka Kerja Budaya, satu penilaian asas telah dijalankan bagi memahami keadaan semasa budaya tempat kerja di KWAP. Hasil penilaian menunjukkan bahawa budaya kerja secara umumnya berada pada tahap sihat, dengan skor budaya keseluruhan adalah sebanyak 80%, iaitu dalam julat sihat berbanding dengan piawaian industri. Penilaian ini turut mengenal pasti kekuatan utama serta bidang yang memerlukan penambahbaikan. Sebagai sebuah organisasi yang berteraskan pembelajaran, KWAP menggunakan pandangan ini untuk merancang siri intervensi berfokus bagi tahun 2025, dengan tujuan memperkukuh tingkah laku positif serta menangani jurang yang wujud agar budaya lebih selaras dengan aspirasi jangka panjang organisasi.

Pemupukan Budaya



Para peserta menikmati persembahan semasa Fasa 2 inisiatif libat urus

Bagi menerapkan tiga Teras Budaya Perubahan KWAP iaitu Matlamat, Kepercayaan, dan Semangat Setiakawan dalam organisasi, satu inisiatif libat urus dua fasa telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dan memacu komitmen di semua peringkat. Fasa pertama memperkenalkan PEKAverse, iaitu pengalaman Metaverse pertama di KWAP, di mana warga kerja tampil sebagai avatar dan meneroka Teras Budaya, di dalam permainan bertemakan kemampunan dengan menjawab kuiz secara interaktif. Fasa kedua yang bertemakan “*Make the Pledge, Spark the Change*” menampilkan kumpulan kepimpinan atasan yang membuat persembahan kreatif serta ikrar peribadi masing-masing, sekali gus menekankan peranan penting kepimpinan dalam membentuk budaya organisasi. Inisiatif menyeluruh ini telah menarik 418 peserta dan mencatat tahap kesedaran yang cemerlang iaitu sebanyak 90.3%.

MODAL INSAN (SAMBUNGAN)

KWAP Culturelympics 2024



Warga kerja dalam salah satu aktiviti interaktif KWAP Culturelympics

Pada 23 September 2024, KWAP telah menganjurkan *Culturelympics*, yang merupakan satu program direka secara strategik yang bermatlamat untuk meningkatkan penglibatan warga kerja terhadap tujuh indeks budaya KWAP yang berpaksikan tiga Teras Budaya Perubahan iaitu Tujuan, Kepercayaan dan Semangat Setiakawan. Diilhamkan daripada gaya pertandingan Olimpik, program ini menampilkan pelbagai aktiviti interaktif yang telah dirancang dengan teliti, antaranya LEGO Corner yang menggalakkan warga kerja meluahkan harapan mereka terhadap masa hadapan KWAP, serta aktiviti-aktiviti kemahiran dan berkumpulan seperti *Guessnastics*, *Speed and Spotlight*, *Diversity Pong*, dan *Human Foosball*. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 404 orang warga kerja, dan berjaya mencapai skor kesedaran terhadap teras budaya KWAP sebanyak 95.54%.

Program Bina Pasukan



Para peserta semasa aktiviti dalam Program Bina Pasukan KWAP 2024

Selepas beberapa tahun tertangguh akibat pandemik, Program Bina Pasukan KWAP 2024 menandakan kemunculan semula yang signifikan dan berimpak besar, selaras dengan pelancaran Rangka Kerja Budaya KWAP. Program yang diadakan di Pulau Pinang ini berjaya menyemarakkan semula tenaga, penglibatan dan kerjasama dalam kalangan peserta. Sebanyak 35 pasukan menunjukkan semangat dan kesepaduan yang tinggi sepanjang aktiviti, sekali gus memperkukuh teras budaya KWAP serta mengukuhkan komitmen kolektif yang akan memacu organisasi ke hadapan.

HR Marketplace (Eid Souk, dan Kesejahteraan Fizikal dan Mental)



Kakitangan KWAP yang menyertai program HR Marketplace

HR Marketplace membuka tirai tahun ini dengan penganjuran Eid Souk pada Mac 2024, yang menyediakan satu pusat sehenti meriah untuk persiapan Raya. Ini menampilkan jenama tempatan, pakaian perayaan, makanan, produk kecantikan, serta perkhidmatan zakat dan kewangan. Seterusnya, program untuk Kesejahteraan Fizikal & Mental pada Mei dan Jun 2024 menawarkan saringan kesihatan, rawatan penjagaan diri dan aktiviti kesejahteraan, di samping sesi konsultasi peribadi percuma bersama kaunselor bertauliah yang mencerminkan komitmen berterusan kami dalam menyokong kesejahteraan fizikal dan mental warga kerja.

Victory Team Mingling at Department (VITAMIN D)



Kakitangan KWAP semasa di program VITAMIN D

Inisiatif VITAMIN D telah memberikan ruang bagi setiap jabatan di KWAP kebebasan untuk merancang aktiviti berpasukan yang menyeronokkan dan bermakna. Matlamat inisiatif ini adalah untuk meningkatkan keterlibatan serta memupuk hubungan yang lebih erat dalam kalangan ahli pasukan di setiap jabatan.

Penambahbaikan *Employee Assistance Programme* (EAP)

Pada tahun 2024, KWAP telah melakukan penjenamaan semula dan penambahbaikan terhadap EAP dengan memperkenalkan PACT iaitu *Purposeful Assistance for Camaraderie and Trust*, yang selari dengan teras budaya KWAP. PACT mencerminkan komitmen KWAP untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat daripada segi psikologi dan menyokong kesejahteraan emosi warga kerja. Sebagai sebahagian daripada penambahbaikan ini, KWAP telah menjalin kerjasama dengan Naluri, yang merupakan sebuah penyedia kesihatan berasaskan digital yang terkemuka untuk menawarkan sokongan kesihatan mental dan kesejahteraan secara holistik. Warga kerja kini mempunyai akses kepada perkhidmatan kaunseling sulit, sumber profesional kesihatan mental, serta bimbingan kesejahteraan melalui platform digital yang mesra pengguna. Inisiatif ini turut dipromosikan melalui pelbagai acara menarik dan komunikasi dalaman yang berkesan bagi memastikan tahap kesedaran yang tinggi serta aksesibiliti kepada warga kerja. PACT telah berjaya dilancarkan dan dihebahkan di seluruh KWAP, sekali gus membawa kepada peningkatan ketara dalam kesedaran serta penggunaan perkhidmatan sokongan kesihatan mental.

Penjenamaan Majikan dan Pengiktirafan



Wakil KWAP menerima anugerah di HR Excellence Awards



KWAP menerima anugerah di The BrandLaureate Brand of the Year Awards

KWAP aktif menyertai program anugerah industri yang berprestij dan menerima pelbagai pengiktirafan, selaras dengan usaha berterusannya dalam memperkukuh penjenamaan majikan organisasi. Platform ini memperkukuh kedudukan KWAP sebagai majikan pilihan dengan menyediakan peluang strategik untuk menampilkan amalan pengurusan bakat yang progresif serta menegaskan komitmennya dalam membina tenaga kerja yang berdaya tahan dan berteraskan matlamat.

Pada tahun 2024, KWAP telah diberi penghormatan melalui beberapa program anugerah berprestij dengan pencapaian dalam kategori-kategori berikut:

- **HR Excellence Awards oleh Human Resources Online:** [Anugerah Perak] Best HR Team (GLC)
- **The BrandLaureate Brand of the Year Awards:** [Juara] HR-PDL Branding – Excellence in Human Resource & Talent Management
- **Life at Work Awards oleh TalentCorp Malaysia:** [Naib Juara] Talent Sustainability – Sdn. Bhd./PKS/Sektor Awam
- **Malaysia's 100 Leading Graduate Employers Awards:** [Anugerah Perak] Kategori Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan


Pengiktirafan ini menyerlahkan dedikasi tidak berbelah bahagi KWAP dalam memupuk bakat, mendorong inovasi dalam amalan pengurusan modal insan, serta memberi pengalaman kerja yang bermakna dan menyumbang kepada pertumbuhan profesional warga kerjanya.

MODAL INSAN (SAMBUNGAN)

Program Keistimewaan Kesihatan KWAP

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan KWAP terhadap kesejahteraan warga kerjanya, Program Keistimewaan Kesihatan KWAP telah diperkenalkan bagi menyokong manfaat perubatan sedia ada dengan menyediakan akses kepada pelbagai perkhidmatan penjagaan kesihatan pada kadar istimewa korporat untuk warga kerja dan ahli keluarga mereka. Inisiatif sukarela ini disokong melalui kerjasama dengan pelbagai penyedia perkhidmatan kesihatan yang menawarkan keistimewaan tambahan termasuk perlindungan insurans mampu milik, diskaun bagi rawatan mata dan pergigian, perkhidmatan ortopedik, saringan kesihatan, pakej berpantang dan rawatan kesihatan. Dicipta agar fleksibel dan inklusif, program ini membolehkan warga kerja mengurus keperluan kesihatan mereka melebihi kelayakan asas yang ditetapkan.

Antara sorotan utama ialah:



KWAP terus mengutamakan kebajikan warga kerja menerusi program ini dengan menyediakan sokongan penjagaan kesihatan yang menyeluruh dan mudah diakses.

Program KWAP Young Talent (KYT)

Program KYT merupakan inisiatif utama KWAP yang direka untuk melahirkan pemimpin masa hadapan dengan mempercepatkan pembangunan graduan baharu berpotensi tinggi. Program berprestij selama dua tahun ini menyerlah melalui pendekatan yang disasarkan dan menyeluruh, yang membekalkan golongan profesional muda dengan kemahiran kritikal, pemikiran strategik, dan pengalaman yang diperlukan untuk berjaya dalam landskap kerja masa kini yang dinamik. KYT bukan sekadar program untuk graduan, ia merupakan satu perjalanan transformatif yang membentuk golongan profesional muda sebagai pemangkin perubahan dan kepimpinan di dalam dan di luar KWAP.

Program ini mencerminkan penambahbaikan berterusan selama satu dekad serta penyesuaian terhadap keperluan tenaga kerja dan persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Dengan saiz kohort yang kecil dan terpilih, iaitu sekitar 20 peserta pada setiap tahun, menjamin perhatian yang diperibadikan, pelan pembangunan yang disesuaikan, serta pengalaman pembelajaran yang berkualiti tinggi. Matlamat akhir Program KYT adalah melahirkan profesional yang tangkas dan mudah menyesuaikan diri, yang bersedia bukan sahaja untuk menghadapi cabaran hari ini malah untuk menerajui inovasi masa hadapan. Dengan lebih 175 graduan setakat ini, program ini terbukti sebagai penggerak pembangunan bakat yang mampan dan penyumbang kepada agenda pembangunan negara.

Program Pembangunan Kakitangan

KWAP komited untuk membina kecekapan yang kukuh dalam organisasi dengan melabur dalam program pembangunan berstruktur bagi melahirkan bakat berpotensi tinggi dan pemimpin atasan. Inisiatif-inisiatif ini adalah berteraskan Kecekapan Kepimpinan dan DNA Kepimpinan KWAP, yang menyediakan peserta dengan kemahiran penting untuk memimpin secara berkesan serta memacu kecemerlangan organisasi.

- **Pendidikan Eksekutif Bertaraf Dunia**
Pembangunan kepimpinan di KWAP merangkumi pendidikan eksekutif bertaraf dunia di institusi global terkemuka seperti Saïd Business School, University of Oxford, Harvard Business School, London Business School, dan INSEAD. Selain pendidikan formal, KWAP turut menggabungkan pembelajaran yang berasaskan pengalaman, bimbingan bersasar, dan program *mentor-mentee* bagi mempercepatkan persediaan peserta untuk menggalas peranan kepimpinan. Setakat ini, seramai 32 individu berprestasi tinggi telah menamatkan program penggantian kepimpinan yang komprehensif, termasuk sesi bimbingan yang dipantau yang memberikan manfaat kepada kedua-dua *mentor dan mentee*.
- **Penggiliran Peranan dalam Kalangan Ketua Jabatan**
Inisiatif ini memperkukuh pemahaman yang merentasi fungsi dalam kalangan pemimpin, menggalakkan inovasi dan mengukuhkan kolaborasi antara jabatan. Tiga pemimpin kanan telahpun melengkapkan penggiliran penempatan mereka sebelum bersara, sekali gus menyumbang pandangan berharga mereka serta memupuk budaya empati dan keupayaan menyesuaikan diri dalam kalangan pemimpin baharu.
- **Perancangan Penggantian Dalaman**
Menyedari perubahan demografi Malaysia ke arah populasi yang semakin menua, KWAP telah memberi keutamaan kepada perancangan penggantian dalaman bagi memastikan kesinambungan kepimpinan dan pemeliharaan pengetahuan dalam institusi. Dengan membangunkan pemimpin masa hadapan dari kalangan warga kerjanya, KWAP menegaskan komitmen terhadap kelestarian jangka panjang dan kecemerlangan.
- **The ArticLeader Series**
Satu kursus intensif selama empat bulan yang merangkumi bimbingan berkumpulan dalam kemahiran pembentangan dan pengucapan awam telah dijalankan terutamanya untuk pemimpin peringkat pengurusan pertengahan daripada pelbagai jabatan. Selain itu, seramai 21 orang Naib Presiden telah menamatkan kursus selama tiga bulan yang turut merangkumi sesi *Group Coaching Presentation* dan *Group Coaching Public Speaking*. Pembentangan akhir telah diadakan pada awal Februari 2025 dengan kehadiran ketua-ketua jabatan serta barisan kepimpinan tertinggi KWAP.
- **Kursus Bahasa Inggeris Komprehensif**
Satu kursus Bahasa Inggeris yang komprehensif selama tiga bulan telah diadakan khususnya untuk kakitangan bukan eksekutif dan eksekutif dengan matlamat untuk mempertingkatkan kemahiran bertutur dan penulisan dalam Bahasa Inggeris. Seramai 38 orang warga kerja telah mendaftar dan menjalani ujian penempatan pada September 2024. Mereka kemudiannya dibahagikan kepada dua kelas. Sebanyak tujuh sesi kelas, termasuk satu penilaian akhir, telah dijalankan dari September sehingga Disember 2024 untuk pejabat KWAP di Kuala Lumpur dan Cyberjaya. Sesi maklum balas selepas latihan telah diadakan pada Januari 2025 bagi membincangkan kemajuan peserta dan mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan.
- **Program The LeadersLift**
Program ini menawarkan antara enam sehingga lapan kursus kepimpinan pada tahun 2024 dan 2025 yang disasarkan kepada semua pengurus pertengahan. Sepanjang tahun 2024, sebanyak tujuh sesi latihan dalaman telah dijalankan, yang meliputi keempat-empat aspek Kecekapan Kepimpinan KWAP dan melibatkan penyertaan seramai 200 orang Penolong Naib Presiden.
- **Siri Dewan Bahasa dan Pustaka**
KWAP turut bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi melaksanakan empat sesi latihan dalaman. Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran penulisan Bahasa Malaysia kakitangan KWAP, memastikan konsistensi, profesionalisme, dan keyakinan dalam menyampaikan mesej melalui pelbagai dokumen korporat, laporan dan saluran komunikasi.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN



MENGERATKAN HUBUNGAN UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN BERSAMA

PENGURUSAN CARUMAN

KWAP menjalankan pengurusan, pentadbiran, dan kutipan caruman daripada pelbagai sumber, termasuk Kerajaan Persekutuan, Syer Kerajaan serta caruman majikan daripada badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, dan agensi, selaras dengan undang-undang yang berkaitan. Sehingga 31 Disember 2024, caruman telah diterima daripada 508 majikan (2023: 489), melibatkan 179,404 penjawat berpencen (2023: 177,716). Jumlah caruman yang dikutip sepanjang tahun 2024 adalah sebanyak RM2.78 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 2.58% berbanding RM2.71 bilion yang dikutip pada tahun 2023. Tunggakan tertunggak setakat 31 Disember 2024 berjumlah RM14,446 berbanding RM15,000 pada tahun sebelumnya, iaitu kurang daripada 1% daripada jumlah keseluruhan caruman majikan yang dikutip bagi tahun tersebut.

Kunci utama kejayaan operasi ini ialah hubungan yang kukuh dengan pihak berkepentingan. Sepanjang tahun 2024, KWAP telah berinteraksi dengan 383 majikan, mewakili hampir 80% daripada pihak berkepentingan yang membuat caruman. Usaha libat urus ini telah menghasilkan kadar kepuasan purata sebanyak 96%, sekali gus menunjukkan komitmen KWAP terhadap kecemerlangan perkhidmatan dan pengukuhan keyakinan.

Selain daripada libat urus yang lebih meluas dengan pihak berkepentingan, pemantauan proaktif dan aktiviti pentadbiran KWAP telah menghasilkan kutipan semula caruman sebanyak RM1.57 juta melalui libat urus bersama 44 majikan. Inisiatif ini mencerminkan dedikasi KWAP dalam melindungi caruman pencen dan memastikan kemampunan dana untuk jangka panjang.

Pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baharu oleh Kerajaan turut diambil maklum. Walaupun menyedari potensi cabaran terutamanya berkaitan dengan pengiraan caruman majikan, KWAP turut mengenal pasti peluang untuk memajukan teknologi bagi meningkatkan kecekapan proses. Dengan mengutamakan inovasi dan mengekalkan kerjasama kukuh bersama pihak berkepentingan, keberkesanan operasi yang berterusan dapat dicapai.




KWAP turut giat mempersiapkan pihak berkepentingan bagi menghadapi perubahan teknologi masa hadapan. Susulan forum “Merintis Evolusi Corak Kerja” pada tahun 2023, inisiatif ini diteruskan dengan program “*Employer Outreach*” pada tahun 2024. Ini menekankan kepada usaha mempersiapkan majikan yang membuat caruman untuk menghadapi sistem caruman baharu dan pendigitalan yang bakal diperkenalkan.

Tahun 2024 mencatatkan peningkatan dalam bilangan majikan yang mencarum dan bilangan penjawat awam yang berpencen. Justeru itu, libat urus secara langsung bersama pihak berkepentingan utama telah dipergiatkan. Aktiviti operasi dilaksanakan di semua peringkat kerja, termasuk lawatan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan kementerian bagi meningkatkan pemahaman terhadap pengurusan caruman. Libat urus berimpak tinggi bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMANTAH) pada suku terakhir 2024 telah membincangkan isu operasi kritikal dan penempatan pegawai bagi memastikan pematuhan peraturan serta penyesuaian dengan amalan terbaik.

Keutamaan terus diberikan kepada libat urus bersama majikan yang mencarum, dengan penekanan kepada pemantapan proses pengurusan caruman dari kedua-dua perspektif. Inisiatif ini membuktikan komitmen KWAP terhadap pembinaan hubungan kukuh dengan pihak berkepentingan dan pencapaian kecemerlangan operasi.

Bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan yang semakin berkembang serta kemajuan teknologi, pengukuhan kemahiran sumber manusia, khususnya dalam aspek interaksi dengan pihak berkepentingan, telah diberikan keutamaan. Selain itu, kerjasama strategik turut diwujudkan untuk memantau pergerakan pegawai yang memberi kesan kepada kutipan caruman. Sistem penjejakan pegawai yang dipinjamkan juga telah dipertingkatkan bagi mengurangkan tunggakan dan memastikan kecekapan operasi.

Mengorak langkah ke hadapan, KWAP terus komited mempersiapkan warga kerjanya dengan pemikiran yang berasaskan pertumbuhan berterusan dan daya penyesuaian. KWAP memastikan kesiapsiagaan dalam menghadapi kemajuan teknologi dengan melengkapkan warga kerja dengan kemahiran yang diperlukan serta menggalakkan budaya inovasi. Selaras dengan ekosistem pencen negara yang terus berkembang, KWAP komited untuk menyokong agenda kerajaan serta memperkukuh peranannya sebagai rakan industri yang boleh dipercayai dalam membentuk masa hadapan sistem pencen negara yang mampan.



MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

10 Pencarum Tertinggi setakat 31 Disember 2024

Bil.	Pencarum	RM (juta)
1.	Universiti Teknologi Mara	186.72
2.	Majlis Amanah Rakyat	102.58
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia	79.91
4.	Universiti Putra Malaysia	55.78
5.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	47.08
6.	Universiti Teknologi Malaysia	45.49
7.	Universiti Malaya	43.77
8.	Hospital Universiti Sains Malaysia	40.71
9.	Universiti Sains Malaysia	35.51
10.	Pusat Perubatan Universiti Malaya	29.79

10 Pencarum Tertinggi mengikut Kategori



Pihak Berkuasa Tempatan
1 Majikan



Penjagaan Kesihatan
2 Majikan




Pendidikan Tinggi
6 Majikan



Agensi Kerajaan /
Badan Berkanun
1 Majikan

Pecahan Majikan




508

MAJIKAN

Pada 31 Disember 2024

Pecahan Bilangan Majikan Pencarum dan Kakitangan



Badan Berkanun
132,863 Kakitangan


Pihak Berkuasa Tempatan
46,230 Kakitangan

Agensi Kerajaan
311 Kakitangan

179,404

KAKITANGAN

Pada 31 Disember 2024



PENGURUSAN PENCEN

Sebagai agensi yang dilantik oleh kerajaan untuk pengurusan pencen, KWAP memainkan peranan penting dalam memastikan pengagihan faedah persaraan kepada pesara dan tanggungan mereka dilaksanakan dengan tepat dan pantas. Tanggungjawab ini dikawalselia oleh Kerajaan Malaysia melalui Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA), yang menetapkan sasaran prestasi yang jelas bagi pembayaran pencen, faedah persaraan, dan tuntutan yang berkaitan. SLA mewajibkan pemprosesan pembayaran yang termasuk pencen bulanan, gratuiti, faedah terbitan, dan bantuan mengurus jenazah dalam tempoh masa tertentu bagi menjamin kesejahteraan kewangan pesara dan ahli keluarga mereka.

KWAP terus memenuhi komitmen perkhidmatan ini dengan pencapaian purata skor berwajaran sebanyak 99.77% pada tahun 2024, meningkat daripada 99.38% pada tahun 2023. Prestasi yang melebihi penanda aras minimum 95% ini mencerminkan komitmen berterusan terhadap kecekapan operasi dan keandalan dalam penyampaian perkhidmatan kepada pesara.

Pelarasan Pencen melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)

Susulan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Ogos 2024 mengenai pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM), penjawat awam dijangka menerima pelarasan gaji yang akan dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu pada Disember 2024 dan Januari 2026.

Pesara juga akan turut menerima pelarasan pencen yang selaras dengan pelaksanaan SSPA.

KWAP telah berjaya melaksanakan Pelarasan Pencen Fasa 1 SSPA kepada lebih daripada 800,000 penerima pencen. Pembayaran telah dibuat pada 18 Disember 2024, selaras dengan tempoh pelaksanaan yang ditetapkan.

Pelarasan Pencen Fasa 2 akan dilaksanakan pada Januari 2026.

Pelaksanaan Modul Baru berkaitan Pengurusan Hutang dalam Sistem Power Gen-2 (PG2)

Bagi meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan yang sentiasa bertambah, pelbagai penambahbaikan proses kerja telah dilaksanakan sepanjang tahun. Salah satu inisiatif utama ialah pelaksanaan modul baru berkaitan pengurusan hutang dalam Sistem PG2 pada Mac 2024. Penaiktarafan sistem ini telah mengautomasi dan menyeragamkan proses pengurusan hutang yang sebelum ini dijalankan secara manual bagi meningkatkan kecekapan dan ketepatan dalam pengesanan serta pengurusan hutang tertunggak. Sistem ini membolehkan pengeluaran surat pemakluman dan peringatan secara terus, sekali gus mempertingkatkan keberkesanan pemantauan status hutang. Kejayaan pelancaran modul ini menandakan satu langkah penting dalam penambahbaikan kecekapan operasi dan perkhidmatan kepada pesara dan penerima pencen. Penambahbaikan lanjut dan penerokaan ciri tambahan sistem ini masih dalam perancangan.

Inisiatif Pengemaskinian Maklumat 2024 bagi Pesara yang Menetap di Australia, India dan Singapura

Pada Jun 2024, satu Inisiatif Pengemaskinian Maklumat telah dilaksanakan, yang melibatkan 480 pesara yang menetap di Australia, India dan Singapura. Inisiatif ini memerlukan pesara mengemukakan pengesahan status hidup dan maklumat berkaitan bagi memastikan ketepatan rekod serta mengelakkan penipuan atau ketirisan dana. Sehingga 31 Disember 2024, seramai 438 daripada 480 pesara (91%) telah memberi maklum balas yang membolehkan proses pengesahan dilaksanakan serta memastikan kelancaran pembayaran pencen. Inisiatif ini telah memberi impak positif dalam pengurusan dana pencen melalui penyaluran bayaran yang lebih tepat dan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan kepada pesara yang menetap di luar negara.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

Peningkatan Kesiapsiagaan Persaraan melalui Taklimat Pencen di Seluruh Negara

Pada tahun 2024, KWAP telah berjaya melaksanakan 43 sesi taklimat berkaitan dengan pencen di seluruh Malaysia yang telah dihadiri seramai 2,057 peserta termasuk pesara, bakal pesara, dan pihak berkepentingan utama. Sesi taklimat ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan panduan penting mengenai proses yang berkaitan agar para peserta lebih bersedia menghadapi fasa persaraan.

Sesi ini juga telah memperkukuh pemahaman tentang Akta Pencen dan implikasinya, sekali gus melengkapkan para peserta dengan maklumat yang diperlukan untuk menghadapi kehidupan selepas persaraan dengan lebih yakin. Menerusi sesi libat urus ini, KWAP terus membuktikan komitmennya dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan sesuai pada masanya kepada pihak berkepentingan serta menjawab isu-isu utama berkaitan dengan prosedur persaraan.

Melalui kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan kumpulan pesara, KWAP telah meningkatkan kesedaran terhadap kelayakan pencen serta amalan terbaik dalam perancangan persaraan. Usaha ini bukan sahaja memperkasa individu dengan pengetahuan penting, malah turut menyumbang kepada pembentukan komuniti pesara yang lebih berpengetahuan dan bersedia.

Perancangan masa hadapan merangkumi peluasan inisiatif libat urus dengan memanfaatkan platform bersemuka dan digital bagi memastikan capaian yang lebih meluas. Melalui kerjasama berterusan bersama agensi-agensi berkaitan, KWAP berhasrat mengoptimumkan lagi sumber pendidikan berkaitan dengan pencen bagi menyokong proses peralihan persaraan yang lancar kepada semua pesara bawah bidang kuasanya.



Pegawai KWAP menerangkan kriteria kelayakan bagi faedah pencen semasa sesi taklimat

Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Dokumentasi Persaraan Berserta Contoh Kuiri 2024



Pengarah Bahagian Pencen JPA dan Ketua Jabatan Bahagian Perkhidmatan Persaraan KWAP bergambar bersama para peserta selepas sesi bengkel berakhir



Muka Hadapan "Garis Panduan Dokumentasi Persaraan Berserta Contoh Kuiri"

KWAP dengan kerjasama JPA telah menganjurkan "Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Dokumentasi Persaraan dan Contoh-Contoh Kuiri 2024" pada 5–6 Februari 2024.


Objektif bengkel ini adalah untuk mengurangkan kesilapan dalam dokumentasi dengan memberikan panduan kepada agensi dan penerima faedah mengenai prosedur yang betul semasa mengemukakan dokumen, seterusnya meningkatkan kecekapan dalam pemprosesan. Beberapa pegawai pemprosesan KWAP dan JPA telah menghadiri bengkel ini.

Pada 23 Disember 2024, satu garis panduan bertajuk "Garis Panduan Dokumentasi Persaraan Berserta Contoh Kuiri Bilangan 1 Tahun 2024" telah dimuat naik ke portal JPA sebagai rujukan asas bagi jabatan dan agensi yang menguruskan kes-kes kuiri yang lazim. Dokumen setebal 85 muka surat ini merupakan garis panduan pertama seumpamanya yang menghimpunkan Akta-akta, pekeliling, dan arahan yang berkaitan, berserta dengan contoh-contoh kesilapan yang terpelih.

Program Jelajah MyPesara 2024

Program Jelajah MyPesara merupakan satu inisiatif libat urus bersama pihak berkepentingan yang diperkenalkan pada tahun 2023 dengan kerjasama JPA. Inisiatif ini menyediakan platform perkongsian maklumat kepada pesara, bakal pesara, dan penerima pencen berkaitan dengan isu-isu dalam ekosistem persaraan. Program ini turut memperkukuh kerjasama strategik bersama pelbagai agensi kerajaan dan wakil masyarakat.

Pada tahun 2024, sebanyak 17 siri Jelajah MyPesara telah dilaksanakan di 17 lokasi di seluruh Malaysia. Lebih daripada 4,000 peserta telah mengambil bahagian dengan fokus kepada kesedaran dan perkongsian maklumat berkaitan dengan penipuan, pengurusan kewangan, kesihatan, gaya hidup sihat, perancangan harta dan wasiat, serta aktiviti berkaitan hobi.



MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)


Rakan strategik yang terlibat dalam program 2024 termasuk AmanahRaya Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, Lembaga Tabung Haji, Tabung Haji Travel, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, serta semua kerajaan negeri di Malaysia.

Selain seminar yang dijalankan selama satu hari, program ini turut menampilkan inisiatif Ziarah MyPesara. Inisiatif ini mengenal pasti pesara yang menerima pencen bulanan kurang daripada RM1,500, mereka yang menghidap penyakit kronik atau bersara atas sebab kesihatan, serta mereka yang mempunyai anak Orang Kelainan Upaya (OKU). Bantuan telah disalurkan kepada 107 penerima



di seluruh negara dalam bentuk alat bantuan mobiliti, peralatan perubatan, makanan tambahan kesihatan, dan bakul makanan bagi meringankan beban mereka.

Selain itu, Program Kembara MyPesara telah diperkenalkan pada tahun 2024 dengan memberi fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang berkaitan dengan pencen kepada pesara dan penerima pencen di luar bandar. Sebagai permulaan, program ini telah dilaksanakan di Perak, Sarawak, Pahang dan Johor. Ini memberi manfaat kepada lebih 2,000 individu melalui pelbagai perkhidmatan seperti penggantian kad pesara, khidmat nasihat, borang berkaitan dengan pencen, serta akses kepada aplikasi mudah alih MyPesara.

DEMOGRAFI PENERIMA PENCEN PADA 31 DISEMBER 2024




Penerima Pencen mengikut Jantina




■ Lelaki ■ Perempuan



Penerima Pencen mengikut Tahun




Penerima Pencen Terbitan mengikut Tahun



Penerima Pencen mengikut Kaum



Penerima Pencen mengikut Kaum




* Lain-lain merujuk kepada kaum selain Melayu, Cina, Bumiputera dan India

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)


Penerima Pencen: Agihan mengikut Umur



Pesara




Penerima Pencen Terbitan




Penerima Pencen Terbitan: Agihan mengikut Lokasi dan Jantina



Pesara



Penerima Pencen Terbitan





■ Lelaki ■ Perempuan

Evolusi Aplikasi Mudah Alih MyPesara: Komitmen terhadap Penambahbaikan Berterusan

Pada tahun 2024, Aplikasi Mudah Alih MyPesara terus berfungsi sebagai platform utama bagi penerima pencen untuk mengakses maklumat terkini yang berkaitan dengan pencen di bawah Sistem Sarana Perkhidmatan Awam (SSPA). Aplikasi ini menyediakan maklumat yang menyeluruh termasuk gaji terakhir yang diterima, jumlah Pemberian Khas kepada Pesara (PKKP), serta kemas kini lain yang berkaitan.

Dengan setiap penambahan ciri baharu dan penambahbaikan, MyPesara terus komited dalam menyediakan alat digital yang memudahkan perjalanan kehidupan selepas persaraan bagi para pesara.

Kerjasama strategik bawah inisiatif MyPesara mula diperkenalkan pada tahun 2018. Sejak itu, kerjasama ini telah menawarkan produk dan perkhidmatan yang menarik serta bermanfaat pada kadar diskaun secara konsisten, khususnya untuk pengguna MyPesara dalam kalangan komuniti pesara. Selain itu, inisiatif pengambilan semula kerja turut diperkenalkan bagi menyokong pesara yang ingin kembali ke alam pekerjaan dengan menyediakan peluang dan panduan yang disesuaikan mengikut keperluan mereka.



*Muka Menu Utama yang
Dipertingkat bagi Aplikasi
Mudah Alih MyPesara*

MEMACU PERUBAHAN MELALUI INISIATIF CSR YANG BERORIENTASIKAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Dipandu oleh prinsip “Teman Persaraan Anda”, inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menggerakkan perubahan yang memperkasakan hasrat dalam mencapai matlamat negara yang mampan, inklusif dan makmur. Inisiatif ini sejajar dengan empat teras transformasi Rangka Kerja Madani, iaitu Ekosistem Pencen, Ekosistem Pelaburan, Pembinaan Negara, dan Kemampanan. Melalui galakan terhadap persaraan yang produktif, pihak berkepentingan diperkasa untuk terus terlibat dalam kegiatan bermasyarakat, sekali gus meningkatkan kesejahteraan mereka sambil menyumbang kepada komuniti. Inisiatif-inisiatif sepanjang tahun 2024 ini membuka laluan ke arah kehidupan persaraan yang bermakna dan memberi impak, yang selaras dengan matlamat pembangunan mampan dan kemakmuran negara secara menyeluruh.

Inisiatif Ramadan Kasih KWAP



Sukarelawan KWAP berkumpul bersama di masjid untuk menjayakan aktiviti Ihya Ramadan

Sebanyak 16 inisiatif bawah Kasih KWAP telah memberi manfaat kepada hampir 2,000 pihak berkepentingan dalaman dan luaran, yang melibatkan penyertaan seramai 86 warga kerja. Antara inisiatif utama termasuk “*A Step Nearer to the Creator – Tazkirah Ramadan*” bersama para penceramah terkenal serta “Iqra Ramadan” dengan sesi bacaan Al-Quran mingguan yang menarik penyertaan hampir 300 orang. Buah kurma turut diedarkan kepada kakitangan KWAP, ahli lembaga, pesara dan pihak berkepentingan. Inisiatif Prihatin MyPesara ini melibatkan 50 sukarelawan yang berinteraksi dengan 150 pesara bagi menyampaikan maklumat, mempromosikan program serta mengagihkan pek Hari Raya. Kutipan derma untuk Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta telah berjaya mengumpulkan

lebih RM1,000, diikuti lawatan kebajikan yang melibatkan aktiviti menghias asrama, berbuka puasa bersama dan sesi penyampaian tazkirah. Program Ihya Ramadan yang dijalankan di dua buah kampung menyaksikan sukarelawan memasak dan mengagihkan 1,200 pek bubur lambuk, membersihkan masjid dan tanah perkuburan, menziarahi rumah asnaf serta menganjurkan sesi tazkirah diikuti dengan majlis berbuka puasa bersama komuniti.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

Pakej Agihan MyPesara Prihatin



Sukarelawan KWAP menyampaikan pakej bantuan keperluan asas kepada seorang pesara

Dilancarkan ketika pandemik COVID-19 sebagai KWAP Prihatin, inisiatif CSR ini menyokong pesara yang terjejas dengan bantuan barangan keperluan asas dan bekalan penjagaan kesihatan. Sukarelawan KWAP telah menyampaikan pakej prihatin, memberi bantuan serta berinteraksi secara langsung untuk berkongsi maklumat dan mengemas kini rekod pesara. Pada tahun 2024, inisiatif ini telah diperluas, yang merangkumi sambutan khas untuk pesara yang berumur 100 tahun ke atas semasa sambutan hari kebangsaan. Sehingga kini, hampir 2,000 pesara telah menerima pakej ini dan ramai antara mereka menzahirkan penghargaan atas usaha murni ini.

KWAP Sejiwa

Inisiatif KWAP Sejiwa merupakan program khas selama dua bulan yang berlangsung dari Ogos sehingga September bersempena dengan sambutan Hari Merdeka dan Hari Malaysia. Inisiatif ini dijalankan untuk memupuk semangat patriotisme serta melibatkan penyertaan aktif daripada pihak berkepentingan secara dalaman dan luaran. KWAP Sejiwa berjaya melibatkan lebih daripada 350 pesara serta pelbagai pihak berkepentingan meraikan kemerdekaan negara sambil memperkukuh komitmen KWAP terhadap keterlibatan komuniti dan tanggungjawab sosial. Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi meraikan sambutan ini, termasuk:



Bengkel Labu Sayong

Para peserta menyelami seni pembuatan labu sayong, satu warisan budaya Malaysia yang kaya yang turut menggalakkan kemampanan alam sekitar melalui penggunaan bahan semula jadi serta teknik tradisional. Seramai 148 warga kerja telah menyertai bengkel selama dua jam ini, di mana mereka berpeluang menzahirkan kreativiti masing-masing serta terlibat dalam aktiviti santai yang membantu mengurangkan tekanan.



Bazar MyPesara

KWAP telah bekerjasama dengan Intermark Mall, di bawah kelolaan Pavillion REIT sebagai sebahagian daripada kempen Merdeka yang bertema “Kuala Lumpur: A Journey Through Time – Arts & Literature.” Seramai 14 pesara telah diberikan kesempatan untuk menjual pelbagai jenis produk tempatan buatan sendiri dari 22 Ogos hingga 5 September 2025 di ruang legar utama. Inisiatif ini turut menyokong pesara dalam memperkenalkan hasil karya mereka sambil menggalakkan orang awam untuk mengenali dan menghargai produk buatan Malaysia, hasil kerja daripada golongan pesara.



Edisi MyPesara Prihatin Merdeka & Hari Malaysia

Seramai 61 sukarelawan telah digerakkan untuk mengagihkan pakej MyPesara Prihatin Edisi Merdeka & Hari Malaysia kepada pesara berusia 100 tahun ke atas dan mereka yang lahir pada tahun 1957. Inisiatif yang penuh prihatin ini bertujuan untuk memenuhi keperluan dan keinginan pesara. Melalui pemberian hadiah yang ditempah khas ini, inisiatif ini membawa kegembiraan dan meningkatkan kesejahteraan para pesara sambil mengukuhkan komitmen KWAP terhadap kebajikan mereka.

KWAP Sejiwa



Warga kerja KWAP berkumpul semasa perarakan

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 – Perarakan Peringkat Kebangsaan

Seramai 25 warga kerja mewakili KWAP dalam perarakan peringkat kebangsaan, bersama 125 wakil daripada GLC dan GLIC lain dalam Kontingen GLC/GLIC. Perarakan di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2024 ini melibatkan lebih 17,000 peserta, 59 kontingen, 24 pasukan pancaragam dan 439 aset ketenteraan dan diserikan oleh kehadiran Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim. Dalam acara ini, KWAP telah bekerjasama dengan Fakulti Seni Lukis dan Reka Bentuk, UiTM, untuk mereka pakaian perarakan yang mencerminkan budaya KWAP sambil menggabungkan unsur warisan Malaysia.



Salah satu penyertaan kreatif dalam pertandingan ini menunjukkan semangat perpaduan patriotik semua rakyat Malaysia yang diraikan, yang berlatarbelakangkan landskap bandar Kuala Lumpur dan menara berkembar ikonik

Pertandingan Kapsyen Foto Jiwa Merdeka

Buat julung kalinya, KWAP telah melancarkan pertandingan kapsyen foto dalam talian melalui platform media sosialnya yang mengajak rakyat Malaysia untuk menzahirkan semangat patriotik melalui fotografi dan penceritaan di bawah tema 'Malaysia Madani, Jiwa Merdeka.' Pertandingan yang dijalankan selama sebulan yang menyediakan platform untuk menzahirkan kreativiti dan ekspresi ini mendapat sambutan baik daripada individu dari pelbagai latar belakang. Inisiatif ini menerima respons yang menggalakkan, dengan pelbagai penyertaan kreatif daripada orang ramai, termasuk sumbangan yang membangkitkan semangat daripada pesara. Pertandingan ini bukan sahaja meraikan warisan Malaysia yang kaya tetapi turut memupuk semangat perpaduan dan rasa bangga dalam kalangan peserta.

Karnival Kampung Angkat Madani



Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP menyertai aktiviti tradisional semasa di karnival

Dirasmikan oleh Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan merangkap Pengerusi KWAP, Karnival Kampung Angkat Madani yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan ini merupakan satu inisiatif transformasi yang bertujuan untuk mempertingkatkan infrastruktur setempat dan kesejahteraan komuniti. Berlangsung di SK Kampung La, Mukim Hulu Besut, Terengganu, program mega ini menghimpunkan 22 Jabatan dan Agensi Kerajaan bawah Kementerian Kewangan untuk memberikan impak positif dan berkekalan kepada 10 kampung di Mukim Hulu Besut. Program yang memberi penekanan kepada penglibatan secara langsung dan impak sosial ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam merangsang pembangunan luar bandar yang mampan serta meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Sebagai sebahagian daripada komitmennya, KWAP telah menggerakkan seramai 27 sukarelawan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif CSR yang memberi manfaat langsung kepada pesara, pelajar, dan penduduk kampung. Usaha ini termasuk pengagihan pakej MyPesara Prihatin kepada 50 pesara di Hulu Besut, yang memastikan mereka memperoleh akses kepada keperluan harian asas. Melalui program Kembali ke Sekolah KWAP, seramai 150 pelajar dari SK Kampung Keruak menerima kelengkapan sekolah asas untuk menyokong pendidikan mereka. Aktiviti tambahan seperti gunting rambut percuma untuk pelajar dan penduduk, aktiviti gotong-royong di kawasan sekolah, serta kaunter maklumat dan perkhidmatan bergerak MyPesara untuk hal-hal berkaitan dengan persaraan turut memperhebat impak Karnival ini yang memberi manfaat kepada lebih 5,000 pelajar, penduduk kampung, pesara dan bakal pesara.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

Misi Bantuan Banjir GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN)



Sukarelawan mengagihkan pakej bantuan keperluan asas dengan menggunakan bot semasa misi bantuan banjir

KWAP membuktikan komitmennya untuk menyokong inisiatif GLC Demi Rakyat dan Negara serta GDRN dalam membantu mangsa yang terjejas akibat banjir di Pantai Timur, khususnya di Kelantan dan Terengganu.

Sebagai sebahagian daripada Misi Bantuan Banjir MyPesara Prihatin 2024, bantuan bernilai RM350,000 telah disalurkan kepada hampir 2,000 mangsa termasuk pesara dan keluarga mereka, pelajar sekolah, serta komuniti setempat. Bantuan ini memberi tumpuan kepada memenuhi keperluan harian penting seperti makanan, pakaian, barangan penjagaan diri, peralatan rumah serta kelengkapan sekolah. Seramai 13 sukarelawan telah digerakkan untuk mengagihkan pakej bantuan di Kampung Bakong Pak Itam di Pasir Mas, Taman Seri Bayu dan Taman Sri Dalam Rhu di Tumpat, Kampung Gong Kapas, Kampung Pak Bongsu, Kampung Gong Redang, Kampung Beoh di daerah Telong, serta Kampung Pak Mali, Kampung Gong Tungai, dan Kampung Bakong di daerah Gunong, yang semuanya terletak di Bachok.

Inisiatif ini selaras dengan usaha meluas GDRN dan rakan strategiknya, termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Daerah Tumpat dan Bachok, Persatuan Pesara, wakil kampung, serta organisasi bukan kerajaan (NGO) yang komited menangani krisis bencana alam di kawasan terjejas.

Program Penanaman Satu Juta Pokok Cahaya Berembang



Sukarelawan sedang menjalankan aktiviti penanaman pokok bakau di sepanjang Sungai Panjang

Inisiatif yang bermula pada tahun 2018 dengan penanaman 50 pokok bakau di sepanjang Sungai Panjang bersama UKM ini telah berkembang secara konsisten dari tahun ke tahun, kecuali semasa tempoh pandemik. Pada tahun 2024, satu komitmen selama sedekad (2024–2034) untuk menanam satu juta pokok bakau telah dilancarkan. Ini mencerminkan iltizam terhadap kemampanan dan pemeliharaan biodiversiti, khususnya dalam mempertingkatkan ekosistem kelip-kelip serta memupuk pembangunan sosioekonomi dan komuniti.

Program ini bermula dengan penanaman 1,000 pokok bakau di sepanjang Sungai Panjang dengan sokongan Majlis Daerah Sabak Bernam, 23 sukarelawan KWAP, dan ahli komuniti tempatan termasuk pesara. Sejak pelancaran, lebih 2,000 pokok telah ditanam, menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar dan memupuk kesedaran terhadap amalan kemampanan.

Selain usaha yang melibatkan alam sekitar, sukarelawan turut menziarahi pesara di kawasan tersebut untuk mengagihkan pakej prihatin, berkongsi maklumat mengenai fungsi KWAP serta memaklumkan program berkaitan dengan pesara yang akan diadakan. Mereka juga turut serta dalam aktiviti menyaksikan kelip-kelip. Inisiatif ini mencerminkan pendekatan menyeluruh terhadap kemampanan dengan menggabungkan pemulihan ekologi dan penglibatan komuniti. Melangkah ke hadapan, KWAP berhasrat untuk memperluaskan program ini ke kawasan pemuliharaan kelip-kelip yang berpotensi di negeri-negeri lain sebagai pengukuhan komitmen terhadap kemampanan alam sekitar dan sosial dalam jangka panjang.



Gambar sukarelawan berkumpul selepas sesi berakhir

Acara Korporat



Mandat Ketua Pegawai Eksekutif kepada Pengurus Dana Luar

Pada tahun 2024, Ketua Pegawai Eksekutif KWAP telah memberi mandat yang jelas kepada pengurus dana luar untuk menyelaraskan usaha mereka dengan objektif pelaburan jangka panjang organisasi menerusi sesi libat urus tahunan bersama pengurus dana luar KWAP. Mandat yang disampaikan secara hibrid kepada hampir 100 pengurus ini menegaskan semula keutamaan strategik KWAP dan komitmen terhadap kecemerlangan.

Fokus utama mandat ini ialah kemampunan, yang menekankan pengintegrasian prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam strategi pelaburan. Pendekatan ini sejajar dengan visi KWAP dalam melaksanakan pelaburan yang bertanggungjawab dan memberi impak yang bermakna. Piawai prestasi yang ketat turut diperkenalkan, yang mewajibkan pengurus dana untuk mencapai keputusan yang konsisten dan berkualiti tinggi selain menyesuaikan diri dengan dinamik pasaran yang sentiasa berubah.

Dengan menetapkan jangkaan yang jelas, KWAP membuktikan komitmennya terhadap pertumbuhan yang mampan serta memperkukuh reputasinya sebagai pelabur institusi yang progresif dan bertanggungjawab.



Lawatan Rasmi oleh Uganda National Social Security Fund (NSSF)

Pada 23 Mac 2024, KWAP telah menerima kunjungan daripada National Social Security Fund (NSSF),

Uganda, bagi sesi lawatan penanda aras yang berkaitan dengan pencen. Ahli delegasi menyertai sesi tersebut sebagai sebahagian daripada lawatan mereka ke Malaysia. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pandangan berkenaan dengan transformasi sistem pencen, pertumbuhan pelaburan, dan kepuasan pelanggan dalam usaha membentuk visi strategik NSSF menjelang tahun 2035.

Sesi tersebut turut merangkumi perbincangan mengenai strategi korporat, perkhidmatan pencen, dan kecekapan operasi, serta menyediakan platform untuk perkongsian ilmu. Lawatan ini bukan sahaja memperkukuh persefahaman antara KWAP dan NSSF malah turut meletakkan asas kepada kerjasama masa hadapan dalam memperkasa sistem pencen pada peringkat global.



Lawatan Rasmi oleh Kenya Pension Association

Pada 19 April 2024, Finnet Trust Service Limited, sebuah perunding utama dalam perkhidmatan pencen dan kewangan di Kenya, bersama Moi Teaching & Referral Hospital (MTRH), telah melawat pejabat KWAP di Cyberjaya bagi sesi penanda aras. Lawatan ini bertujuan untuk mendapat pencerahan mengenai struktur pentadbiran KWAP, penyaluran bayaran pencen, penyediaan penjagaan kesihatan untuk pesara, serta projek perumahan mampu milik bagi menyokong pelan transformasi MTRH untuk tahun 2024–2028.

Sesi ini merangkumi perbincangan serta lawatan ke kaunter perkhidmatan pelanggan KWAP, dengan tumpuan terhadap proses tuntutan perubatan dan inisiatif integrasi data. Lawatan ini menghasilkan pertukaran ilmu yang bermakna dan mengukuhkan peluang kerjasama masa hadapan dalam memperkukuh sistem pencen dan keselamatan sosial.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

Acara Korporat



Pelancaran Dana Pemacu di *Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF)*

KWAP telah mengambil bahagian dalam *Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF)* yang berprestij, yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Antara acara utama forum ini adalah pelancaran Dana Pemacu yang telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, selaku Menteri Kewangan II. Dana Pemacu merupakan strategi pelaburan ekuiti persendirian yang memberi fokus kepada Malaysia, menyasarkan sektor ekonomi utama termasuk keterjaminan makanan, pendidikan, ekonomi penuaan dan penjagaan kesihatan, peralihan tenaga, ekonomi digital, keterangkuman kewangan, serta bidang berimpak tinggi lain, di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI.

KWAP telah melabur sebanyak USD640 juta (RM3 bilion) dalam pelaburan patuh Syariah yang merangkumi 50% daripada keseluruhan komitmen modal Dana Pemacu berjumlah USD1.28 bilion (RM6 bilion). Sebagai sebuah dana pencen terkemuka, KWAP telah menyertai sesi perkongsian ilmu dengan mengetengahkan strategi pelaburan mampan dan komitmennya terhadap kewangan beretika. Menerusi Dana Pemacu sebagai strategi pelaburan utama, KWAP menegaskan komitmennya untuk mencapai pulangan optimum bagi menyokong Kerajaan dalam menguruskan liabiliti pencen secara mampan.



Majlis Menandatangani MoU antara KWAP & UMK

Pada Jun 2024, KWAP telah mengambil langkah penting dalam memajukan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kerjasama strategik ini memberi tumpuan kepada bidang utama seperti Geran Penyelidikan, Rangka Kerja Tadbir Urus dan Etika AI, serta pembangunan model bahasa tempatan yang memperkukuh kedudukan Malaysia dalam inovasi AI.

Selain penyelidikan, MoU ini turut menekankan Pertukaran Kepakaran, Penempatan Pelajar, dan penubuhan Makmal Gen-AI KWAP yang bertujuan merangsang ekosistem kukuh dalam perkongsian ilmu dan kemajuan teknologi antara KWAP dan UMK. Antara kemajuan utama yang dicapai termasuk pelaksanaan Automasi Proses Robotik (RPA) bagi mempermudah aliran kerja dan integrasi biometrik untuk meningkatkan keselamatan dan akses, serta pengembangan portal Semakan Pesara bagi membolehkan pesara mengakses perkhidmatan penting dengan lebih lancar.

Acara Korporat



Lawatan Rasmi Menteri Kewangan II ke KWAP

Pada 21 November, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, telah mengadakan lawatan sulung ke pejabat KWAP di Menara Integra, Kuala Lumpur. Lawatan ini bertujuan untuk bertemu dan berinteraksi dengan warga kerja KWAP serta mendapatkan maklumat mengenai operasi dan aktiviti pelaburan KWAP.

YB Senator Datuk Seri telah disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed, bersama barisan pengurusan kanan.

Sebagai sebahagian daripada lawatan tersebut, YB Senator Datuk Seri turut melawat beberapa jabatan, sekali gus memberi peluang kepada warga KWAP untuk berinteraksi secara langsung dengan beliau dan berkongsi maklumat mengenai inisiatif semasa serta sumbangan utama KWAP.



Karnival dan Riadah MyPesara 2024

Pada 29 dan 30 November 2024, Karnival MyPesara 2024 telah berlangsung buat julung kalinya di Johor Bahru, negeri yang mencatatkan bilangan pesara ketiga tertinggi. Karnival ini merupakan salah satu acara utama KWAP, yang bertujuan memperkukuh reputasi KWAP, memupuk hubungan yang lebih erat bersama pesara dan pihak berkepentingan, serta menyelaraskan inisiatif utama yang sejajar dengan bidang tumpuan komunikasi seperti pelaburan, kecemerlangan operasi, dan penglibatan pesara.

Bazaar MyPesara telah memberikan peluang kepada 54 pesara untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka yang meningkatkan pendedahan jenama serta membantu dalam mencapai khalayak yang lebih luas. Pada masa yang sama, inisiatif ini menggalakkan pesara untuk kekal aktif dan produktif semasa persaraan, sambil menjana pendapatan tambahan bagi menyokong kelangsungan hidup mereka. Karnival ini turut disertai oleh 48 organisasi korporat dan agensi kerajaan sebagai pempamer yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang dicipta khusus untuk warga emas, yang merangkumi aspek kesihatan, keusahawanan, kewangan, hobi, rekreasi, keterlibatan sosial dan kemampunan.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Timbalan Menteri Kewangan II, telah merasmikan karnival ini bagi pihak Perdana Menteri yang menyerahkan kepentingan acara tersebut. Sepanjang dua hari karnival ini berlangsung, pelbagai aktiviti telah diadakan di lokasi tertutup dan terbuka termasuk mewarna batik, permainan tradisional, pertandingan mewarna, melukis mural, zoo haiwan jinak, ceramah kerohanian dan motivasi, cabutan bertuah, serta hiburan daripada selebriti jemputan.

Edisi Johor kali ini turut memperkenalkan subaktiviti istimewa iaitu Riadah MyPesara, yang mencipta pencapaian apabila KWAP menerima pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR) atas penyertaan pesara terbanyak dalam aktiviti mewarna batik. Seramai 810 pesara telah mengambil bahagian dan berjaya menyiapkan aktiviti tersebut dalam masa kurang daripada empat jam. Pencapaian ini membuktikan minat yang semakin meningkat dalam kalangan pesara untuk terlibat dalam aktiviti pascapersaraan yang menggalakkan gaya hidup aktif serta menyumbang kepada kesejahteraan mental dan kesihatan secara keseluruhan.

Acara ini menarik kehadiran lebih 20,000 pengunjung, membuktikan kejayaannya dalam merapatkan hubungan dengan komuniti khususnya pesara serta memberi impak positif dalam kehidupan mereka selepas bersara. Penyertaan yang memberangsangkan ini mengukuhkan lagi komitmen KWAP dalam memperkasa dan menyokong pesara melalui inisiatif yang berimpak dan menarik, selaras dengan slogannya iaitu Teman Persaraan Anda.

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN (SAMBUNGAN)

Acara Korporat



Anugerah MyPesara 2024

KWAP telah menganjurkan Anugerah MyPesara 2024 pada 11 Disember 2024 di Putrajaya. Ini meneruskan tradisi KWAP dalam mengiktiraf dan meraikan pesara atas sumbangan mereka yang tidak ternilai kepada masyarakat dan negara. Acara tahunan ini menjadi platform untuk menghargai individu yang telah memberi impak luar biasa menerusi kesungguhan serta pencapaian mereka dalam pelbagai bidang.

Hadiah utama telah dianugerahkan kepada Encik Mazlan bin Hashim atas usaha cemerlang beliau dalam memartabatkan seni pertahanan diri

tradisional dan warisan budaya melalui dokumentari dan penerbitan. Usaha beliau telah meraih pengiktirafan antarabangsa termasuk penyertaan dalam Festival Kampung Melayu di Roermond, Belanda. Beliau turut memenangi kategori Penglibatan Sosial & Komuniti. Pemenang lain yang turut diberi penghargaan termasuk Encik Mohamed Soder bin Rahmad bawah Kategori Pendidikan yang diiktiraf atas usaha menggunakan platform media sosial seperti YouTube dan TikTok untuk berkongsi ilmu dan kandungan motivasi, selain menjalankan webinar dan syarahan. Bagi Kategori Keusahawanan pula, Dr. Mohamad bin Mustafa menerima anugerah atas kejayaannya mewujudkan peluang pekerjaan melalui perniagaan restoran daging kambing dan usaha agropelancongan, di samping memberikan latihan kepada pelajar dan usahawan baharu.

Sebagai pemenang hadiah utama, Encik Mazlan menerima RM50,000, trofi dan sijil. Pemenang bagi setiap kategori menerima RM10,000, manakala penerima hadiah saguhati menerima RM3,000, bersama trofi dan sijil.

Dengan hampir 200 penyertaan, Anugerah MyPesara 2024 bukan sahaja meraikan para pesara cemerlang ini malah turut memberi inspirasi kepada masyarakat. Ini mengukuhkan tanggapan bahawa era persaraan bukanlah satu pengakhiran, tetapi permulaan kepada babak baharu yang penuh dengan peluang untuk berkembang, memberi impak dan menyumbang semula kepada masyarakat.

MODAL SEMULA JADI



MENUJU MASA HADAPAN YANG MAMPAN

Modal semula jadi merujuk kepada sumber alam sekitar dan ekosistem yang memberi sumbangan penting kepada sesebuah organisasi dan masyarakat. Bagi KWAP, ini merangkumi komitmennya dalam menangani perubahan iklim, mengurangkan jejak karbon, serta melabur secara bertanggungjawab untuk mencapai pulangan yang mampan. Usaha menangani risiko iklim semasa dan masa hadapan merupakan bahagian yang penting dalam model operasi KWAP sebagai pelabur jangka panjang yang bertanggungjawab.

KEMAJUAN MODAL SEMULA JADI KWAP

KWAP mengamalkan pendekatan pelbagai dimensi dalam menangani cabaran alam sekitar serta mengintegrasikan kemampanan dalam operasi dan portfolio pelaburannya.



Peralihan kepada Sifar Bersih

KWAP komited untuk mencapai sifar bersih pelepasan karbon dan telah menetapkan sasaran bagi mengurangkan pelepasan karbon dalam semua portfolio pelaburannya. Pada tahun 2023, KWAP telah menjalankan penilaian secara menyeluruh terhadap pelepasannya yang merangkumi Pelepasan bagi Perniagaan dan Pelepasan yang Dibiayai bagi mewujudkan garis dasar untuk pengukuran dan pengurusan pada masa hadapan. Pendekatan holistik KWAP terhadap sasaran sifar bersih merangkumi perancangan strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi pengurangan pelepasan melalui tadbir urus yang aktif, pelaburan dalam penyelesaian iklim, serta penyelarasan portfolio bagi menyokong ekonomi global yang sifar bersih.



Mengurus Rumah Hijau Gas (GHG) Pelepasan

Bagi mengurus profil pelepasan karbon secara berkesan, KWAP telah menetapkan tahun 2022 sebagai tahun asas bagi pelepasan yang dibiayainya. Ini menjadi asas bagi penetapan sasaran pengurangan, pemantauan kemajuan dekarbonisasi serta penilaian keberkesanan inisiatif iklim dalam KWAP dan portfolio pelaburannya. Pada tahun 2024, KWAP telah menambah baik kaedah pengiraan pelepasan yang dibiayai, yang membawa kepada semakan semula garis dasar tahun 2022 daripada 6.3 juta tCO₂e kepada 9.02 juta tCO₂e. Kemaskini ini mencerminkan usaha dalam meningkatkan kualiti data, ketepatan metodologi, dan ketelusan pelaporan.

Pada tahun 2024, KWAP telah memulihkan pelepasan Skop 2 di peringkat syarikat untuk pejabat korporatnya dengan beralih kepada sumber tenaga boleh diperbaharui bagi 84% penggunaan tenaga di Menara Integra di bawah *Green Electricity Tariff* (GET) oleh TNB, yang meliputi lima tingkat pejabat secara keseluruhan.



Melabur Dalam Aset-aset Peralihan

Komitmen KWAP terhadap kemampanan alam sekitar dinyatakan melalui pelaburannya dalam sektor penjanaan tenaga mampan dan boleh diperbaharui menerusi Vantage Solar UK Limited (VSUK).

Pada tahun 2017, KWAP, dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad, telah melabur dalam VSUK yang mengendalikan 24 tapak solar fotovolta (PV) dengan jumlah kapasiti sebanyak 365 MW di seluruh United Kingdom. Pada tahun 2024, VSUK menjana 322 GWh melalui projek-projek penjanaan tenaga solar PV berskala besar. Jumlah ini bersamaan dengan keperluan tenaga untuk membekalkan kira-kira 111,000 isi rumah setahun. Walaupun terdapat sedikit penurunan sebanyak 6.5% berbanding dengan tahun sebelumnya yang disebabkan oleh sinaran suria yang lebih rendah, pencapaian ini tetap membuktikan komitmen KWAP dalam menangani perubahan iklim.

06

KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS

Profil Ahli Lembaga	99
Profil Ahli Panel Pelaburan	106
Profil Pengurusan Kanan	111
Penyata Tadbir Urus Korporat	119
Penyata Pengurusan Risiko dan Pematuhan	130
Penyata Audit Dalam	144
Integriti dan Tadbir Urus	145

PROFIL AHLI LEMBAGA



DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(a) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007
Pengerusi

Encik Adnan Zaylani telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2024. Beliau kini merupakan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) sejak September 2023.

Sepanjang kerjayanya selama 30 tahun bersama BNM, beliau telah terlibat dalam pelbagai bidang perbankan pusat yang terdiri daripada pelaburan dan pasaran kewangan, dasar pertukaran asing, kewangan Islam dan pembangunan sektor kewangan. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pasaran Kewangan, ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Perbadanan Pengurusan Kecairan Islam Antarabangsa, dan Lembaga Pengarah Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam.

Encik Adnan Zaylani memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Dasar Awam dari Blavatnik School of Government, University of Oxford, United Kingdom. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi Pasaran Global dan Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dari London School of Economics di United Kingdom.

Datuk Johan Mahmood Merican telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWAP pada 27 Februari 2023.

Beliau merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Sebelum pelantikan tersebut, beliau telah memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan sejak Mac 2022.

Datuk Johan Mahmood Merican pernah menyandang pelbagai jawatan Kerajaan termasuk Pengarah Belanjawan, Pejabat Belanjawan Negara di Kementerian Kewangan; Timbalan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU), dan Ketua Pegawai Eksekutif di Talent Corporation Malaysia. Sebelum beliau berkhidmat dalam Kerajaan pada tahun 2004, beliau telah bertugas selama sembilan tahun dalam sektor swasta dalam bidang kewangan korporat dan perakaunan.

Datuk Johan Mahmood Merican merupakan Akauntan Bertauliah di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan berkelulusan Ijazah Ekonomi dari University of Cambridge, United Kingdom.



ENCIK ADNAN ZAYLANI BIN MOHAMAD ZAHID

Wakil Bank Negara Malaysia
Seksyen 6(4)(b) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

PROFIL AHLI LEMBAGA (SAMBUNGAN)

Datuk Ramzi telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 8 April 2024.

Datuk Ramzi berpengalaman hampir 30 tahun dalam perkhidmatan awam. Beliau pernah berkhidmat di Bahagian Pentadbiran, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau ketika di Kementerian Kewangan adalah termasuk Penolong Pengarah Kanan, Ketua Penolong Pengarah, Ketua Bahagian dan Timbalan Pengarah Belanjawan. Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha, Perbendaharaan (Pengurusan) di Kementerian Kewangan pada 23 Januari 2024.

Datuk Ramzi memiliki Diploma dalam Pentadbiran Awam (1996) dari INTAN, Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Pentadbiran (1992) dari Universiti Utara Malaysia, serta Ijazah Sarjana Seni (2005) dari Hiroshima University, Jepun.



DATUK RAMZI BIN MANSOR

Wakil Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(c) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007



**DATUK HAJAH NIK AMLIZAN
MOHAMED**

Ketua Pegawai Eksekutif (Ahli Ex-Officio)
Seksyen 6(4)(d) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

Datuk Nik Amlizan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 2 November 2020.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sejak September 2018. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Pelaburan KWAP dan berkhidmat di organisasi ini dengan memikul pelbagai peranan sejak mula menyertai KWAP pada tahun 2007.

Kerjaya profesional beliau menjangkau lebih 30 tahun dalam bidang perkhidmatan kewangan dan dana persaraan, mengawasi fungsi pelaburan yang merentasi semua kumpulan aset dan beliau turut mempunyai pengalaman luas dalam industri pengurusan dana, perubahan transformasi dan pengurusan perubahan serta tadbir urus korporat.

Beliau kini merupakan Pengerusi Majlis Pelabur Institusi Malaysia dan ahli Institut Integriti Malaysia. Beliau ialah ahli Lembaga di Prima Ekuiti (UK) Limited dan KWEST Sdn Bhd, yang kedua-duanya merupakan anak syarikat milikan penuh KWAP.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi/Perakaunan dari Claremont McKenna College, Amerika Syarikat pada tahun 1991. Beliau juga telah menamatkan Program Pengurusan Lanjutan dari Harvard Business School pada tahun 2023.

Datuk Mohd Shahrin dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 8 April 2024.

Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam selama 28 tahun dengan bermula sebagai Penolong Setiausaha di Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan pada 15 Januari 1996. Pada Disember 1997, beliau menamatkan pengajian Diploma dalam Pentadbiran Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan seterusnya berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia di Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2004, beliau diberikan tanggungjawab dalam pasukan khas untuk menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, sehingga jabatan tersebut berjaya beroperasi.

Pada Disember 2005, selepas memperoleh Ijazah Sarjana, Datuk Mohd Shahrin telah ditugaskan ke Bahagian Perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Ketua Penolong Pengarah bagi mengurus pembangunan kerjaya dan kenaikan pangkat untuk Kumpulan Sokongan II. Pada Mac 2008, beliau ditugaskan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia di Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Ketua Penolong Setiausaha. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah di Bahagian Transformasi Sektor Awam, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Mohd Shahrin kemudiannya memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian di Bahagian Pentadbiran, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), sebelum dilantik sebagai Pengarah di Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Usahawan (MEDAC). Bermula Disember 2018, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Kanan, Cawangan Dasar dan Perundingan, Bahagian Perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada 1 Disember 2023, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Datuk Mohd Shahrin memperoleh Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Sumber Manusia dari University of Surrey, United Kingdom, pada tahun 2005. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa Arab dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang diperoleh pada tahun 1994, serta Diploma dalam Pentadbiran Awam yang diperoleh pada tahun 1997.



DATUK MOHD SHAHRIM BIN HUSSIN

Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

PROFIL AHLI LEMBAGA (SAMBUNGAN)



DATUK NOR YATI BINTI AHMAD

Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

Datuk Nor Yati Ahmad dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 6 November 2023. Beliau kini berkhidmat sebagai Akauntan Negara Malaysia, yang berkuat kuasa pada 18 September 2023. Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan pernah berkhidmat dalam pelbagai jabatan di peringkat negeri dan persekutuan sepanjang 30 tahun perkhidmatan beliau.

Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Felo kepada *Certified Practising Accountants Australia* (FCPA Australia). Beliau juga merupakan ahli dalam beberapa badan profesional, termasuk Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (International Public Sector Accounting Standards Board), Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

Sepanjang kerjayanya, beliau telah terlibat secara aktif dalam pelbagai kumpulan kerja, khususnya dalam bidang perakaunan, termasuk pembangunan piawaian perakaunan. Kini, beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Kerajaan. Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Perakaunan Sektor Awam bagi Institut Akauntan Malaysia serta Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam.

Selain itu, beliau telah dilantik sebagai ahli lembaga kepada beberapa badan berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLO) di Malaysia. Terkini, beliau telah dilantik sebagai Profesor Adjung di Universiti Teknologi MARA (UITM), Malaysia.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Perakaunan dan Kewangan dari University of Adelaide, Australia, dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.

Dato' Azmi dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2024.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat sendirian berhad termasuk Transnational Insurance Brokers Sdn Bhd, Bayo Pay Sdn Bhd dan ECS Solution Sdn Bhd.

Beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif pertama di SME Bank, yang melebihi empat tahun serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif di Bumiputera-Commerce Bank Berhad dimana beliau telah berkhidmat lebih 26 tahun dalam pelbagai jabatan. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Bank Muamalat Malaysia Berhad dari tahun 2009 sehingga tahun 2018.

Dato' Azmi memegang Ijazah Ekonomi B.A. (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia dan Ijazah Kehormat Kedoktoran dalam Pentadbiran Perniagaan dari UKM pada 16 Ogos 2006.



DATO' AZMI BIN ABDULLAH

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007



**YM RAJA DATIN PADUKA TEH
MAIMUNAH BINTI
RAJA ABDUL AZIZ**

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2024.

YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah mempunyai lebih dari 30 tahun pengalaman dalam perkhidmatan kewangan yang merangkumi Pelaburan, Perbankan Borong, Perbankan Islam dan Perbankan Digital. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif AEON Bank, bank digital Islam pertama di Malaysia. Terdahulu, beliau merupakan Pengarah Urusan Perbankan Borong Kumpulan AmBank dan Ketua Pegawai Eksekutif AmlInvestment Bank. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Islamic Bank Berhad dan Ketua Operasi bagi Inovasi Digital dan Perbankan Transaksi di Kumpulan Perbankan Hong Leong. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pasaran Islam Global di Bursa Malaysia, Ketua Pegawai Korporat dan Ketua Perniagaan Antarabangsa di Kuwait Finance House Malaysia, Pengarah Kanan di Bank Alkhair Bahrain serta Ketua Perbankan Pelaburan di RHB Investment Bank.

YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah juga pernah berkhidmat dalam Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (agensi pengurusan aset dan pemulihan hutang negara Malaysia) semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1998 dan juga CIMB Investment Bank selama hampir 10 tahun dalam bahagian hutang dan permulaan ekuiti dan jualan ekuiti. Beliau memulakan kerjayanya di KPMG Peat Marwick Consultants.

Beliau kini merupakan Pengarah Berkepentingan Awam dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah Bursa Malaysia Berhad. Beliau juga menganggotai Jawatankuasa Peraturan dan Konflik serta Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia Berhad.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dengan Kepujian dari University of East London, United Kingdom, dan telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari universiti yang sama. YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah merupakan Felo Chartered Banker (Institut Chartered Banker Asia) dan Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam (Institut Profesional Kewangan Islam Bertauliah).

PROFIL AHLI LEMBAGA (SAMBUNGAN)

Dato' Maznah dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2023.

Beliau memiliki lebih 30 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan dengan sebuah bank pelaburan dan Kumpulan Syarikat DRB-HICOM Berhad.

Beliau merupakan Pengarah di Malayan Flour Mill Berhad, Innature Berhad, Opus Asset Management Sdn Bhd dan Pavilion REIT Management Sdn Bhd. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai pengarah di pelbagai syarikat termasuk Boustead Heavy Industries Corporation Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, FELCRA, United Overseas Bank Berhad, dan Kumpulan Syarikat DRB-HICOM Berhad yang merangkumi sektor automotif, perkhidmatan, perkhidmatan kewangan, serta hartanah dan infrastruktur. Beliau juga merupakan bekas Pengerusi Awanbiru Technology Berhad dan ahli Lembaga Pengarah Tadbir Urus di Universiti Malaysia Sains Komputer dan Kejuruteraan (UNIMY).

Sebelum itu, beliau pernah memegang jawatan sebagai Naib Presiden Eksekutif di Kenanga Investment Bank Berhad, Ketua Kewangan Korporat dan Pelaburan Utama di bawah Hong Leong Financial Group, Pengarah Kumpulan Kanan - Kewangan dan Nasihat Korporat di DRB-HICOM Berhad, Pengarah Eksekutif Hal Ehwal Korporat di Master-Carriage (Malaysia) dan Pengurus Kewangan dan Nasihat Korporat di Amanah Merchant Bank Berhad.

Dato' Maznah ialah Ahli Majlis Eksekutif Economic Club of Kuala Lumpur dan berkhidmat sebagai Pemegang Amanah Yayasan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik serta Ahli Seumur Hidup dalam Women's Institute of Management.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Northern Illinois University, Amerika Syarikat serta Ijazah Sarjana Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Central Michigan University, Amerika Syarikat.



DATO' MAZNAH BINTI ABDUL JALIL

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007



ENCIK ABDUL RAHMAN BIN MOHD NORDIN

Wakil Pencarum
Seksyen 6(4)(g) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

Encik Abdul Rahman telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2024.

Beliau kini merupakan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), dan telah memegang jawatan ini sejak tahun 2019. Beliau juga merupakan Presiden KESUKMA (Kesatuan Kakitangan Am Universiti Kebangsaan Malaysia) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.

PELETAKAN JAWATAN/PERSARAAN AHLI LEMBAGA

BIL.	NAMA AHLI LEMBAGA	TARIKH PELETAKAN JAWATAN/BERSARA
1	Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad	1 April 2024
2	Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh	12 November 2024

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN



**DATO' MOHAMAD NASIR
BIN AB LATIF**

Pengerusi Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(a) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

Dato' Mohamad Nasir dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2021.

Dato' Mohamad Nasir memulakan kerjayanya dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1982 dan memegang beberapa jawatan sebelum dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada Mei 2013. Jawatan yang disandangnya termasuk Pegawai Penguatkuasa Negeri antara 1990 hingga 1995, Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus Kanan di Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi antara 1995 hingga 2003, dan Pengurus Besar Jabatan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa pada Julai 2009 sebelum menjadi Ketua Pelaburan KWSP pada tahun 2013. Beliau bersara sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP pada 31 Disember 2019.

Dato' Mohamad Nasir kini merupakan Pengerusi RHB Islamic Bank Berhad, PLUS Malaysia Berhad, United Plantation Berhad dan Malaysia Resources Corporation Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah RHB Bank Berhad dan Yinson Holdings Berhad.

Dato' Mohamad Nasir berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1989. Beliau kemudiannya memperoleh Diploma Perakaunan dan Kewangan daripada Association of Chartered Certified Accountants pada 1996 dan Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari University of Sterling, United Kingdom pada tahun 1999.

Encik Mohammad Reezal dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2021.

Beliau kini berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha, (Dasar Cukai Tidak Langsung dan GST), Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Sebelum memegang jawatan terkini, beliau ialah Timbalan Ketua Ekonomi (Makroekonomi) di Bahagian Fiskal dan Ekonomi, MOF selepas memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun di MOF.

Encik Mohammad Reezal memulakan kerjayanya pada tahun 1999 sebagai seorang Akauntan dalam Kerajaan Negeri Kedah. Kemudian pada tahun 2000, beliau menyertai MOF sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Ekonomi dan Analisis Antarabangsa. Beliau pernah menjadi Ketua Strategi, Pejabat Dasar Fiskal di Bahagian Fiskal dan Ekonomi, MOF. Beliau telah berkhidmat dengan MOF selama 20 tahun dan memegang pelbagai jawatan terutamanya yang berkaitan dengan penggubalan dasar fiskal dan pengurusan makroekonomi serta memantau prestasi kewangan dan tadbir urus badan berkanun Kerajaan Persekutuan. Beliau turut berkhidmat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Dasar dan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala, yang berkaitan dengan pemantauan pematuhan pada perjanjian perdagangan pelbagai hala dan rundingan perdagangan antarabangsa.



**ENCIK MOHAMMAD REEZAL
BIN AHMAD**

Wakil Kementerian Kewangan
Seksyen 7(2)(c) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

Encik Mohammad Reezal kini memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif di Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dari National Graduate Institute for Policy Studies (GRIPS), Tokyo, Jepun pada tahun 2011.



**DATO' NOORAZMAN
BIN ABD AZIZ**

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

Dato' Noorazman telah menjadi ahli Panel Pelaburan KWAP sejak 23 Julai 2019, mewakili sektor swasta.

Beliau kini merupakan Pengerusi CTOS Digital Berhad, Sun Life Malaysia Assurance Berhad, Sun Life Malaysia Takaful Berhad, selain menjadi ahli Lembaga Pengarah di Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan MUFG Bank (Malaysia) Berhad.

Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM, cabang yaysan Kumpulan UEM, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF). Pada tahun 2005, Dato' Noorazman telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pencapaian Jurubank Asia pertama bagi Kewangan Islam.

Dato' Noorazman memulakan kerjayanya sebagai penganalisis pelaburan di Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1982. Beliau meninggalkan PERNAS tiga tahun kemudian untuk memulakan kerjaya cemerlang selama 25 tahun bersama Citigroup dalam bidang perbankan korporat, pelaburan, perbendaharaan dan pasaran kewangan. Dalam tempoh inilah beliau dipinjamkan ke Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di mana beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dan Ketua Pegawai Operasi Bursa Saham Kuala Lumpur Berhad. Selepas tempoh pinjaman tersebut, beliau menyertai Citibank Berhad semula sebagai Pengarah Urusan, Ketua Korporat dan Bank Pelaburan. Pada tahun 2005, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad dan kemudiannya menjadi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Holdings Berhad. Beliau meninggalkan BIMB Holdings pada tahun 2007 untuk mengasas bersama dan menjadi Pengarah Urusan di FajrCapital Limited, firma ekuiti persendirian berasaskan Syariah berpangkalan di Dubai dan seterusnya menyertai Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan sehingga beliau bersara pada Jun 2019.

Dato' Noorazman juga menganggotai lembaga penasihat firma ekuiti persendirian Ancora Fund Management Co., Indonesia dan Creador Sendirian Berhad yang berpangkalan di Malaysia.

Dato' Noorazman memegang Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Louisiana State University, Amerika Syarikat. Beliau mempunyai keahlian dalam badan-badan profesional seperti Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF), Malaysia, Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM), dan Australian Institute of Corporate Directors (AICD), Australia.

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN (SAMBUNGAN)

Encik Anthony Lim Choon Eng dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2021.

Selama kerjayanya, pengalaman Encik Anthony Lim merentasi perbankan korporat dan pelaburan, pasaran modal dan perbendaharaan, serta pengurusan risiko dan ekuiti persendirian. Beliau memulakan kerjayanya bersama Kumpulan Perbankan ANZ, Australia pada tahun 1987 sebagai peniaga dalam pasaran kadar faedah dan pasaran modal dan kemudiannya menyertai St. George Bank, Australia yang meliputi pasaran pendapatan tetap dan derivatif. Beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1994 dan dilantik sebagai Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Futures Sdn Bhd untuk menubuhkan perniagaan derivatif kewangan di bawah Kumpulan Maybank.

Pada tahun 2000, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif/Ketua Kumpulan, Pengurusan Risiko, dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi, Maybank Investment Bank (terdahulu dikenali sebagai Aseambankers Malaysia Berhad) pada tahun 2005 sehingga 2009, yang bertanggungjawab ke atas kewangan, teknologi maklumat, operasi dan pematuhan kawal selia dan pengurusan risiko. Beliau kemudiannya menyertai Implico GmbH, Jerman dan Malaysia dari tahun 2010 sehingga tahun 2014 sebagai Pelabur/Pengarah Ekuiti Persendirian. Pada tahun 2011, beliau menyertai Sumitomo Mitsui Banking Corporation Berhad, Malaysia sebagai Pengarah Bebas dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif untuk bank yang sama dari tahun 2015 sehingga tahun 2020.

Encik Anthony Lim merupakan Pengerusi di Bank of America Malaysia Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Pengarah Bukan Eksekutif CGC Digital Sdn Bhd, yang merupakan anak syarikat CGC.

Encik Anthony Lim berkelulusan Ijazah Sarjana dalam Kewangan Gunaan dari Macquarie University, Sydney dan merupakan Felo Institut Perbankan dan Kewangan Australia, Australia. Beliau merupakan Jurubank Bertauliah dengan Institut Jurubank Bertauliah Asia dan telah menghadiri kedua-dua Program Pengurusan Lanjutan dan Program Kepimpinan Kanan di Wharton School of Business, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat.



**ENCIK ANTHONY
LIM CHOON ENG**

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007



**PUAN ZAIDA KHALIDA
BINTI SHAARI**

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

Puan Zaida Khalida dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2024.

Puan Zaida memulakan kerjaya sebagai pengamal undang-undang pada tahun 1991 bersama Tetuan Zain & Co. Pada tahun 1997, beliau menyertai Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai penasihat undang-undang kepada kumpulan kewangan korporat dan kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Kanan Pematuhan dan Ketua Jabatan Undang-undang. Beliau juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat PNB. Beliau menyertai Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) pada Januari 2007 sebagai Naib Presiden Kanan Pelaburan dan dilantik sebagai Pengarah Pelaburan pada April 2009. Semasa di Khazanah, beliau bertanggungjawab untuk menyelia pelaburan-pelaburan hartanah dan pendidikan Khazanah. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Pelaburan di Khazanah sehingga Januari 2019. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan AMIR, sebuah organisasi bukan bermotifkan keuntungan yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti di sekolah-sekolah awam, bermula 1 Jun 2020 hingga 30 Jun 2022. Pada 1 Julai 2022, beliau dilantik sebagai Penasihat untuk Yayasan AMIR. Beliau juga merupakan Penasihat untuk Mereka, sebuah badan pendidikan alternatif yang bertujuan untuk menyiapkan golongan belia dengan kemahiran digital serta kemahiran-kemahiran lain untuk masa hadapan.

Terkini, Puan Zaida merupakan ahli Lembaga Pengarah di UEM Sunrise Berhad, MNRB Holdings Berhad, Cement Industries of Malaysia Berhad, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, dan AEON Co. (M) Berhad.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari University of Warwick, United Kingdom pada tahun 1989 dan diterima sebagai Peguambela Bertauliah di Gray's Inn, United Kingdom pada tahun 1990 serta Majlis Peguam Malaysia pada tahun 1991. Pada tahun 2009, beliau memperoleh Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari University of Strathclyde, United Kingdom.

YM Tunku Afwida dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 15 Julai 2024.

YM Tunku Afwida pernah menyandang pelbagai jawatan kanan di bank-bank pelaburan. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif di Kenanga Investment Bank Berhad dari tahun 2006 hingga 2008. Terdahulu, dari tahun 2003 sehingga 2006, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif di MIMB Investment Bank Berhad (kini Hong Leong Investment Bank Berhad) manakala dari tahun 1995 sehingga tahun 2003, beliau merupakan Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Pelaburan di Commerce Asset Fund Managers Sdn Bhd. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Bebas Kanan di Telekom Malaysia Berhad sebelum bersara pada Mei 2024. Selain itu, beliau merupakan seorang Pengarah dan pemegang saham di Asia Equity Research Sdn Bhd dari tahun 2015 sehingga tahun 2022.

Terkini, beliau merupakan Pengerusi di Affin Hwang Investment Berhad serta ahli Lembaga Pengarah di ENRA Group Berhad, SAM Engineering, Equipment (M) Berhad dan DXN Holdings Berhad.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Ekonomi dan Perakaunan dari City University London, United Kingdom, dan merupakan Akauntan Bertauliah dari Institute of Chartered Accountants in England and Wales, serta ahli Institut Akauntan Malaysia.



**YM TUNKU AFWIDA
BINTI TUNKU ABDUL MALEK**

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN (SAMBUNGAN)



DATUK HAJAH NIK AMLIZAN MOHAMED

Ketua Pegawai Eksekutif
Setiausaha Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(d) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007

Datuk Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP sejak 2 November 2020. Profil penuh beliau tersedia pada muka surat 100.

PELETAKAN JAWATAN/PERSARAAN AHLI PANEL PELABURAN

BIL.	NAMA AHLI PANEL PELABURAN	TARIKH PELETAKAN JAWATAN/BERSARA
1	Encik Mohamed Nazri bin Omar	29 Februari 2024
2	Dato' Mohamed Ross bin Mohd Din	1 Jun 2024

PROFIL PENGURUSAN KANAN



DATUK HAJAH NIK AMLIZAN MOHAMED

Ketua Pegawai Eksekutif

Datuk Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 2 November 2020. Profil penuh beliau tersedia pada muka surat 100.

ENCIK HAZMAN HILMI BIN SALLAHUDDIN

Ketua Pegawai Pelaburan

Encik Hazman Hilmi dilantik sebagai Ketua Pegawai Pelaburan KWAP pada 3 Januari 2022. Beliau sebelum ini merupakan Pengarah Urusan Damansara Assets Sdn Bhd (DASB), iaitu sebuah anak syarikat hartanah milik penuh Johor Corporation (JCorp) dan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AMAL Malaysia Airlines yang merupakan sebuah syarikat milik penuh anak syarikat Malaysia Aviation Group.

Sebelum itu, beliau telah berkhidmat selama 12 tahun di Khazanah Nasional Berhad di mana beliau memegang pelbagai jawatan di organisasi tersebut, termasuk sebagai Naib Presiden Kanan di Khazanah Europe Investment Limited yang berpangkalan di London, Naib Presiden Khazanah di Turkey Regional Office yang berpangkalan di Istanbul.

Beliau berkelulusan MEng (Kepujian Kelas Pertama) dalam Kejuruteraan, Ekonomi dan Pengurusan dari Balliol College, Universiti Oxford, United Kingdom, serta MSc dalam Penyelidikan Operasi dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom.

ENCIK NAZAIFUL AFFENDI BIN ZAINAL ABIDIN

Ketua Pegawai Strategi dan Perkhidmatan

Encik Nazaiful Affendi dilantik sebagai Ketua Pegawai Strategi dan Perkhidmatan KWAP pada 1 November 2024.

Dengan lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang strategi pelaburan dan penyelidikan merangkumi pelbagai pasaran dan kelas aset, Encik Nazaiful Affendi pernah memegang jawatan Ketua Jabatan Strategi Portfolio dan Penyelidikan serta lain-lain jawatan penting dalam KWAP sepanjang 16 tahun lepas.

Sebelum menyertai KWAP, kepakaran analitikal beliau digilap menerusi pelbagai peranan penyelidikan di beberapa organisasi termasuk Suruhanjaya Sekuriti, Kumpulan Guthrie Berhad, serta Alliance Merchant Bank, antara lainnya.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Kewangan serta Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan pengkhususan dalam Kewangan dan Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

PROFIL PENGURUSAN KANAN (SAMBUNGAN)



PUAN ZARINA BINTI HALIM

Ketua Pegawai Perkhidmatan Persaraan

Puan Zarina dilantik sebagai Ketua Pegawai Perkhidmatan Persaraan, KWAP pada 2 Januari 2024.

Terdahulu, beliau merupakan Ketua Pegawai Korporat di Hektar Asset Management Sdn Bhd, iaitu REIT Management Company untuk Bursa Malaysia yang disenaraikan sebagai Hektar REIT. Sebelum itu, beliau memegang pelbagai jawatan di Prolink Development Sdn Bhd serta anak-anak syarikat OptixLab Sdn Bhd di bawah UEM Group.

Terkini, Puan Zarina merupakan ahli dalam beberapa institusi termasuk Institut Pengarah-pengarah Korporat Malaysia (ICDM), Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Inisiatif Pelaporan Global GRI serta Pakar Pelaporan Kelestarian Bertauliah di bawah ICSP.

Semasa berkhidmat dengan Hektar REIT, beliau memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan kini merupakan Pengurus Hartanah berdaftar, ditadbir oleh Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah, dan Pengurus Harta (BOVEAP), Malaysia. Beliau

juga merupakan Ahli Profesional Bertauliah GRI serta Pakar Pelaporan Kelestarian Bertauliah di bawah *Institute of Certified Sustainability Practitioners*.

Pada 1993, Puan Zarina memperoleh ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan dari University of Manchester, United Kingdom. Beliau kemudian memperoleh ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Undang-undang dari University of London, United Kingdom, pada tahun 2011.

ENCIK MAZ MIRZA BIN MOHD AMINURASHID

Ketua Pegawai Digital

Encik Maz Mirza dilantik sebagai Ketua Pegawai Digital KWAP pada 3 Oktober 2022. Beliau mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam sektor Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber, dan pernah memegang beberapa jawatan kepimpinan utama termasuk Ketua IT di Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) dan Puspakom, serta pelbagai jawatan kanan dalam Kumpulan Sime Darby.

Beliau terus menerajui transformasi digital KWAP dengan memberi tumpuan kepada inovasi, kemampanan dan kerjasama strategik yang berorientasikan masa hadapan. Sebagai Ketua Pegawai Digital, beliau telah mengemudi Bahagian Digital agar sejajar dengan keutamaan KWAP yang sentiasa berkembang, dengan memastikan inisiatif digital menghasilkan nilai yang boleh diukur dengan jelas kepada organisasi.

Encik Maz Mirza telah memainkan peranan penting dalam membentuk kepimpinan digital melalui penglibatan aktif dalam dialog strategik dan menyumbang kepada platform kepimpinan pemikiran berpengaruh yang mendorong inovasi dan transformasi dalam arena digital. Sumbangan beliau telah meletakkan KWAP sebagai sebuah institusi berpandangan jauh yang komited terhadap inovasi yang bertanggungjawab, transformasi digital dan pertumbuhan yang selari dengan ESG. Melalui penglibatan bersama pihak berkepentingan utama dalam sektor awam dan swasta, beliau terus memperjuangkan pendekatan kolaboratif yang memacu kemajuan digital yang mampan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Sains Komputer dari University of Cambridge, United Kingdom, yang dianugerahkan pada tahun 1997.



ENCIK AZLAN BIN HUSSIN

Ketua Jabatan Ekuiti

Encik Azlan mempunyai lebih dari 27 tahun pengalaman dalam pengurusan portfolio. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif di MIDF Amanah Asset Management Berhad di mana beliau berjaya mengembangkan aset di bawah pengurusan kepada RM4 bilion daripada saiz awal sebanyak RM300 juta.

Beliau memulakan kerjayanya di SBB Asset Management sebagai Penganalisis Pelaburan dan kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Naib Presiden Pelaburan yang menguruskan portfolio berjumlah RM800 juta.

Seterusnya, beliau menyertai AmanahRaya-JMF Asset Management sebagai Pengurus Besar untuk Pelaburan Ekuiti di mana beliau menguruskan portfolio bernilai RM1 bilion daripada dana amanah, kerajaan negeri, korporat dan termasuk KWSP. Beliau juga bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan garis panduan pelaburan keseluruhan untuk AmanahRaya Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan dari Southbank University, London. Beliau ialah akauntan bertauliah dan memperoleh ACCA dari Emile Woolf College, London, United Kingdom.

ENCIK MOHAMED KHABIR REEZA BIN MUSTAFFA

Ketua Jabatan Pendapatan Tetap

Encik Mohamed Khabir mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun dalam pasaran kewangan yang merangkumi pelbagai institusi seperti kawal selia, pembangunan serta pengurusan dana.

Beliau memulakan kerjayanya di Bank Negara Malaysia dan kemudiannya berkhidmat di SME Development Bank di mana beliau mengetuai Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Universiti Teknologi MARA, Malaysia dan merupakan ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM).

ENCIK SAIFULBAHRI BIN HASSAN

Ketua Jabatan Ekuiti Persendirian

Encik Saifulbahri mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam bidang Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka. Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam pelaburan ekuiti persendirian dan modal teroka daripada pelbagai peringkat dalam pembangunan perniagaan sehingga keperluan pembiayaannya. Beliau juga aktif dalam meluaskan ekosistem pelaburan persendirian domestik dan antarabangsa dengan penglibatan pihak berkepentingan sehingga membina hubungan ekosistem antarabangsa.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University of Missouri-Kansas City, Amerika Syarikat dan memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

PROFIL PENGURUSAN KANAN (SAMBUNGAN)



ENCIK AHMAD SHAKIR BIN MOHD ASRI

Ketua Jabatan Hartanah

Encik Ahmad Shakir mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun dalam pelbagai jawatan, dengan lebih dari 10 tahun dalam bidang pelaburan yang merentasi kelas aset yang berbeza. Beliau telah menyertai Jabatan Hartanah pada tahun 2019 selepas berkhidmat sebagai Pegawai Utama di Prima Ekuiti (UK) Limited, anak syarikat milik KWAP di United Kingdom. Terdahulu, beliau telah menyertai KWAP sebagai Pengurus Dana Ekuiti pada tahun 2014 selepas hampir tujuh tahun di Bank Negara Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan dari University of Warwick, United Kingdom. Encik Ahmad Shakir juga merupakan pemegang Chartered Financial Analyst (CFA).

ENCIK PREMRAJ JANARDANAN

Ketua Jabatan Infrastruktur

Encik Premraj menyumbang pengetahuan dan kepakaran yang meluas dalam organisasi dengan pengalaman melebihi 20 tahun yang merangkumi bidang pengurusan pelaburan, pembangunan harta tanah, kejuruteraan dan perundingan pengurusan.

Sebelum menyertai KWAP, beliau memulakan kerjaya dalam bidang perundingan pengurusan di McKinsey & Co. serta The Boston Consulting Group. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pembangunan Perbandaran Bersepadu Batam, di Sinarmasland yang merupakan pemaju harta tanah terbesar di Indonesia, sebelum dilantik sebagai pengurus portfolio hartanah luar negara dan domestik KWAP.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Sains Elektrik dan Kejuruteraan, serta Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Sains Pengurusan (Kewangan) dari Massachusetts Institute of Technology (MIT), Amerika Syarikat.

ENCIK KHAIRUL AZWA BIN KAMALUL BAHRIN

Ketua Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Encik Khairul Azwa mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam sektor kewangan, di mana 25 tahun daripadanya adalah dalam pengurusan risiko, tadbir urus dan pematuhan. Beliau memulakan kerjaya dalam Perbendaharaan Bank di Bank Commerce (M) Berhad, yang merangkumi perdagangan produk kewangan sebelum memegang pelbagai peranan dalam pengurusan risiko, termasuk pengurusan risiko derivatif, pengurusan liabiliti aset dan fungsi kawalan perbendaharaan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perundangan (Kepujian) dari University of Liverpool serta Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Wales, United Kingdom. Beliau merupakan seorang Pengurus Risiko Kewangan Bertauliah (FRM) yang diakreditasi oleh Global Association of Risk Professionals (GARP). Beliau juga diterima pada tahun 2023 sebagai ahli Bertauliah Chartered Institutes of Islamic Finance Professional dengan memegang gelaran sebagai Ahli Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam (CPIF) pada tahun 2024.



ENCIK MOHD FAIZAL BIN MOHD YUSOF

Ketua Jabatan Strategi Korporat

Encik Mohd Faizal mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan, strategi dan perancangan korporat, kewangan korporat dan khidmat nasihat kewangan. Beliau memulakan kerjaya di PricewaterhouseCoopers di mana beliau mempunyai lebih tujuh tahun pengalaman dalam menyediakan khidmat audit kewangan berkanun dan khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat multinasional, entiti-entiti tersenarai dan swasta khususnya dalam sektor perladangan, pengguna dan pembuatan industri, pembangunan hartanah dan infrastruktur.

Beliau menyertai Felda Global Ventures (FGV) pada tahun 2010 di mana beliau memimpin pasukan kewangan korporat dalam Tawaran Awam Awal (IPO) untuk Malayan Sugar Manufacturing (MSM) Berhad dan FGV Berhad. Beliau kemudiannya menyertai KWAP sebagai Naib Presiden Kewangan Korporat pada tahun 2014.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, dengan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari Royal Melbourne Institute of Technology University, Australia dan menjadi ahli CPA Australia sejak tahun 2005.

ENCIK SYED ALI HAIDAR BIN SYED SHAHABUDDIN

Ketua Jabatan Undang-Undang
Kumpulan

Encik Syed Ali Haidar mempunyai lebih dari 29 tahun pengalaman dalam pelbagai peranan yang merangkumi amalan guaman, sektor komersial, industri perbankan dan industri dana Persaraan dari 10 tahun terakhir. Beliau memulakan latihan dan kerjayanya dalam amalan guaman pada tahun 1996 di Messrs Albar Zulkifly dan Yap, dan seterusnya di Messrs Lee Choon Wan & Co sebelum menubuhkan firma guaman di bawah nama Messrs Shahabuddin Hon & Aziz, di mana beliau mengamalkan undang-undang korporat dan komersial, badan penasihat korporat, perbankan korporat, pasaran modal dan litigasi sekuriti. Beliau kemudiannya menceburi sektor komersial dan berkhidmat sebagai Naib Presiden Eksekutif Perkhidmatan Korporat di sebuah syarikat sendiri berhad dalam pengurusan fasiliti tempat letak kenderaan dan penyelesaian digital.

Sebelum menyertai KWAP pada April 2015, beliau berkhidmat di KAF Investment Bank Berhad selama 12 tahun sebagai Ketua Undang-Undang dan Hal Ehwal Korporat dan ahli lembaga pengarah KAF Research Sdn Bhd (sebuah syarikat penyelidikan pelaburan dalam KAF Group) dari tahun 2005 hingga awal 2015.

Beliau telah dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada Januari 1998.

Beliau memegang kelulusan LL.B (Hons) dari Universiti Glamorgan, Wales, United Kingdom pada tahun 1994 dan memperoleh Sijil Amalan Guaman, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia pada tahun 1996.

PUAN SITI ILMIAH BINTI RAMLI

Ketua Jabatan Sumber Manusia

Puan Siti Ilmiah mempunyai lebih 30 tahun pengalaman sebagai pengamal sumber manusia dan perundangan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Perunding Bersekutu dan penasihat undang-undang di Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dimana kepakaran beliau tertumpu kepada hal-hal pekerjaan, menyediakan perkhidmatan perundingan dan nasihat kepada ahli MEF, serta mewakili majikan di Mahkamah Perusahaan. Beliau kemudiannya menyertai industri insurans dan perbankan dan pernah berkhidmat di OCBC Bank Malaysia, Malaysia National Insurance, Maybank Berhad serta Etiqa Insurance dan Takaful.

Beliau berkelulusan LL.B (Hons) dari University of London, United Kingdom dan memegang Sijil Amalan Guaman (CLP) daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang, Malaysia.

PROFIL PENGURUSAN KANAN (SAMBUNGAN)



ENCIK HAMKHUSHAIRI BIN JAHARI

Ketua Jabatan Audit Dalam

Encik Hamkhushairi mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun bekerja dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau ialah Pengurus Kanan Audit Negara di Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Pengurus Risiko Kanan di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat di Bank Negara Malaysia sebagai Penyelia Kanan untuk beberapa tahun.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya dan memperolehi Sijil Audit Dalam dan Risiko Perniagaan dari Institut Juruaudit Dalam Berkanun, United Kingdom. Beliau ialah Akauntan Berkanun di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Juruaudit Dalam Berkanun, United Kingdom.

ENCIK MOHD NASIR BIN AB. HADI

Ketua Pejabat Integriti dan Tadbir Urus

Sebelum menyertai KWAP, Encik Mohd Nasir merupakan Ketua Pendidikan Integriti dan Komunikasi, Kumpulan Integriti Petronas sejak tahun 2013.

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai pengamal antirasuah sewaktu berkhidmat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sejak tahun 1984 hingga tahun 2005. Beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sebagai Ketua Penolong Setiausaha pada tahun 2001 sehingga 2003.

Beliau mempunyai lapan tahun pengalaman sebagai pengamal Perhubungan Perindustrian sewaktu berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Dalam Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari tahun 2005 sehingga 2013. Beliau telah menjadi Ahli Panel Mahkamah Perindustrian Kuala Lumpur dari tahun 2010 sehingga tahun 2012.

Beliau merupakan Ahli Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeIO) sejak tahun 2012 dan Presiden ACeIO dari tahun 2016 hingga 2018. Beliau merupakan lepasan Ijazah Sarjana Muda LL.B (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

ENCIK MUHAMAD HAFIZ BIN ABAS

Ketua Jabatan Perkhidmatan Persaraan

Encik Muhamad Hafiz berpengalaman melebihi 25 tahun dalam bidang audit dalam, pengurusan risiko serta pengurusan operasi. Sebelum berkhidmat di KWAP, beliau merupakan ketua pengurusan risiko di RHB Insurance Berhad dan juruaudit dalam di Public Bank Berhad.

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Ekonomi dari New York University, Amerika Syarikat dan memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.



**PUAN FAROZA
BINTI MOHAMED SOHOR**

Ketua Jabatan Caruman

Puan Faroza mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam Tadbir Urus, Transformasi, Penambahbaikan Proses Perniagaan, Sistem Maklumat Pengurusan dan Pengurusan Data.

Sebelum menyertai KWAP pada tahun 2013, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Sistem Maklumat Pengurusan di Asian Finance Bank Berhad (AFB), sebuah Bank Islam yang disokong oleh Qatar Islamic Bank Group dan kini dikenali sebagai MBSB Bank Berhad.

Sebelum itu, beliau telah berkhidmat di AmBank Malaysia di mana beliau mengurus dan menerajui pinjaman berkanun tidak berbayar dan laporan pengurusan untuk perbankan pelanggan dengan melaksanakan peningkatan aplikasi perniagaan untuk produk konvensional dan perbankan Islam.

Beliau memegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Sains Gunaan Pelaburan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2008 dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) dari Oklahoma State University, Oklahoma, Amerika Syarikat pada tahun 1996. Beliau juga memperolehi Diploma Perbankan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1992.

**PUAN NAJIHAH
BINTI MOHAMAD NORWI**

Ketua Jabatan Akaun
dan Kewangan

Puan Najihah mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun sebagai akauntan korporat dalam pelbagai sektor iaitu insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan seorang akauntan korporat di MMC Berhad serta akauntan projek di syarikat subsidiarinya.

Beliau merupakan seorang akauntan bertauliah, ahli CPA Australia dan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam Perakaunan dan Kewangan dari Monash University, Australia.

**ENCIK MD HAYRANI
BIN MIRESO**

Ketua Jabatan Perbendaharaan
Korporat

Encik Md Hayrani menyertai KWAP pada tahun 2007. Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman sebagai akauntan serta dalam pengurusan perbendaharaan dan pendapatan tetap dalam sektor perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pengurus di Bahagian Perbendaharaan, Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan di Bank Simpanan Nasional.

Beliau memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia dan berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan ahli Akauntan Berkanun di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia.

PROFIL PENGURUSAN KANAN (SAMBUNGAN)



ENCIK ABDUL RAZAK BIN JABAR

Ketua Jabatan Strategi Digital dan
Perkhidmatan

Encik Abdul Razak mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam industri Teknologi Maklumat. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan perunding kanan di sebuah syarikat tempatan dan syarikat multinasional yang melaksanakan perisian dan sistem dalam industri perkhidmatan kewangan.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat) dari Charles Sturt University, Australia. Beliau juga merupakan Juruaudit Utama Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001 yang diperakui, dan mempunyai sijil di ITIL v3 Foundation dan COBIT v5.

PUAN NOR FARIDAH BINTI AMIN

Ketua Jabatan Komunikasi Strategik

Puan Nor Faridah merupakan graduan pemasaran dengan pengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang jualan, pemasaran dan promosi, komunikasi dan pengurusan acara.

Sebelum menyertai KWAP, beliau pernah berkhidmat di Asia Unit Trusts Berhad dan Prudential BSN Takaful, bagi mengendalikan pemasaran, penjenamaan dan komunikasi.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dari Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.

PUAN NORISWATI BINTI SALLEH

Ketua Jabatan Operasi Pelaburan

Puan Noriswati mempunyai lebih 15 tahun pengalaman berkhidmat dengan bank-bank asing terkemuka di Malaysia, khususnya dalam operasi sokongan, pendaftaran pelanggan dan khidmat pelanggan. Antara peranan utama yang pernah disandang oleh beliau ialah menerajui penubuhan Perkhidmatan Pelanggan di Deutsche Bank (Malaysia) Bhd pada tahun 1998.

Beliau membawa pengalaman berharga semasa berkhidmat dengan Suruhanjaya Tinggi British di Malaysia, di mana beliau menerajui bahagian Biasiswa dan Diplomasi Awam dengan kerjasama erat bersama British Council.

Sebelum menyertai KWAP pada 2015, beliau berkhidmat di Bank of New York Mellon, Pejabat Perwakilan Kuala Lumpur, di bahagian dana pencen serta Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs).

Beliau memegang Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of East London serta Diploma dalam bidang Ekonomi dari University of London, United Kingdom.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

KOMPOSISI LEMBAGA

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berkelayakan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi dengan pelbagai latar belakang, mewakili Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia dan wakil pencarum yang penting untuk pencapaian strategik keseluruhan KWAP.

Seksyen 6 Akta 662 (Akta KWAP) menetapkan bahawa Lembaga harus terdiri daripada ahli-ahli berikut, yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Pengerusi, yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) Seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) Seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli ex-officio;
- (v) Tiga orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) Tiga orang dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan dan kewangan; dan
- (vii) Seorang wakil daripada pencarum kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia

Profil ringkas setiap Ahli Lembaga dibentangkan pada muka surat 99 sehingga 105 dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini.

Berikut adalah pelantikan, peletakan jawatan dan persaraan ahli Lembaga Pengarah bagi tahun 2024.

- (i) Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad telah meletak jawatan pada 1 April 2024. Menteri Kewangan kemudiannya telah melantik Datuk Ramzi bin Mansor sebagai wakil daripada Kementerian Kewangan pada 8 April 2024;
- (ii) Datuk Mohd Shahrim bin Hussin telah dilantik sebagai ahli Lembaga yang baharu, mewakili Kerajaan Malaysia pada 8 April 2024, bagi mengisi kekosongan setelah Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim meletak jawatan pada 15 Disember 2023; dan

- (iii) Terdapat kekosongan jawatan ahli Lembaga di bawah Akta, Seksyen 6(4)(e) susulan daripada persaraan Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, yang berkuat kuasa dari 12 November 2024.

PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bagi mengikut Akta KWAP dan sebagai salah satu daripada tadbir urus korporat dan amalan-amalan terbaik seperti disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG), yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP adalah berbeza dan terpisah.

Pengerusi bertanggungjawab terutamanya untuk menjalankan dan memastikan keberkesanan mesyuarat Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif, yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap operasi harian, pentadbiran dan pengurusan KWAP yang termasuk pemantauan keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan Panel Pelaburan yang mengikut Akta KWAP.

Seksyen 9 (1) Akta KWAP menyatakan bahawa Lembaga hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif dengan terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang diberikan atau ditetapkan ke atas beliau oleh Akta ini atau sebagaimana yang diberikan atau ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh pihak pengurusan dalam mengendalikan pentadbiran harian KWAP dan kakitangannya. Ketua Pegawai Eksekutif juga ialah seorang ahli ex-officio Lembaga serta Setiausaha Panel Pelaburan.

TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA

Di bawah Seksyen 6 Akta KWAP, Lembaga harus bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan KWAP. Lembaga adalah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, menetapkan hala tuju strategik dan mengawasi pengurusan KWAP dengan memberi fokus terhadap melindungi dan meningkatkan kepentingan pencarum dan pihak berkepentingan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Selaras dengan tanggungjawab berkanun dan sebagai salah satu daripada fungsinya, Lembaga merangka dan menentukan pentadbiran dan pengurusan dasar-dasar dan prosedur-prosedur untuk memastikan KWAP mencapai objektif dengan berjaya dan cemerlang.

KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN

Menstruktur Lembaga yang Berprestasi Tinggi

KWAP berhasrat untuk mewujudkan struktur Lembaga yang selaras dengan keperluan organisasi. Bagi membolehkan Lembaga beroperasi dengan berkesan dan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya dalam hal-hal berkaitan, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga membantu dalam memenuhi fungsi pengawasan. Terma rujukan bagi setiap Jawatankuasa Lembaga mentakrif peranan jawatankuasa dengan komposisi untuk melengkapkan keperluan Lembaga. Ahli-ahli Lembaga dipilih berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Akta KWAP. Prestasi Lembaga, secara keseluruhan dan setiap ahli individu, dinilai dan dikaji secara berkala.

Memastikan Keberkesanan Operasi dan Interaksi Lembaga

Keberkesanan operasi dan interaksi Lembaga memerlukan mesyuarat yang produktif. KWAP memastikan semua maklumat Lembaga adalah berkualiti dan terkini, yang selaras dengan tadbir urus yang baik dan amalan terbaik agar Lembaga boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diterima. Kepercayaan diperolehi melalui interaksi yang positif, dinamik dan komunikasi terbuka antara Lembaga dengan pihak Pengurusan.

Memenuhi Peranan dan Tanggungjawab Asas Lembaga

Lembaga memberi panduan kepada pihak Pengurusan dalam membangunkan strategi korporat dan hala tuju dasar dan menetapkan sasaran bagi prestasi dan pengurusan. Ia mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh di samping mengamalkan fungsi pemantauan. Ia juga mengawasi kemajuan pemimpin masa hadapan organisasi dan tenaga kerja bagi memastikan kesinambungan dan menguruskan risiko organisasi. Lembaga memastikan tanggungjawab kepada pihak berkepentingan dipenuhi dengan menerima pakai perspektif mereka dalam membuat keputusan serta mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah.

Mesyuarat Lembaga

Akta KWAP menetapkan Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap suku tahun. Walau bagaimanapun, seperti lazimnya, Lembaga berusaha untuk bermesyuarat secara kerap dengan minimum lapan kali setahun, untuk perancangan hala tuju strategik KWAP, perancangan perniagaan dan bajet, laporan prestasi serta untuk mengkaji semula prestasi KWAP. Mesyuarat tambahan diadakan untuk membincangkan hal-hal yang penting dan memerlukan perhatian segera. Notis yang mencukupi diberikan tepat pada masanya bagi semua mesyuarat berjadual dan tambahan bagi Lembaga.

Pada tahun kewangan 2024, sembilan mesyuarat Lembaga dan satu Mesyuarat Lembaga Khas telah diadakan. Prosiding untuk semua mesyuarat Lembaga termasuk isu berbangkit, soalan-soalan yang dikemukakan dan maklum balas yang berkaitan turut dibentangkan dan direkod dalam minit-minit mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa yang berkenaan. Sekiranya perlu, keputusan akan dibuat melalui pengedaran pekeliling. Keputusan melalui pengedaran pekeliling memerlukan kelulusan majoriti mudah yang akan dilaporkan semasa mesyuarat Lembaga yang berikutnya untuk makluman.

Kehadiran Ahli Lembaga untuk tahun 2024 dinyatakan bawah:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Datuk Johan Mahmood Merican Pengerusi	10/10
2.	Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad (*Meletak jawatan pada 1 April 2024)	*0/3
3.	Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh (*Bersara pada 12 November 2024)	*3/8
4.	Datuk Nor Yati binti Ahmad	8/10
5.	Datuk Ramzi bin Mansor (*Dilantik pada 8 April 2024)	*5/7
6.	Datuk Mohd Shahrim bin Hussin (*Dilantik pada 8 April 2024)	*5/7
7.	Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid	7/10

Bil.	Nama	Kehadiran
8.	Dato' Azmi bin Abdullah	10/10
9.	YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz	7/10
10.	Dato' Maznah binti Abdul Jalil	10/10
11.	Encik Abdul Rahman bin Haji Mohd Nordin	10/10
12.	Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed	9/10

Pihak Lembaga bertanggungjawab untuk kejayaan jangka masa panjang KWAP dan juga kepada pihak berkepentingan dalam memastikan KWAP diurus dengan berkesan dan mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan. Pihak Lembaga menunaikan tanggungjawab ini melalui mesyuarat Lembaga dan memberi fokus kepada beberapa bidang khusus seperti strategi, tadbir urus dan prestasi.

PANEL PELABURAN

Akta KWAP menetapkan penubuhan Panel Pelaburan, badan yang bertanggungjawab bagi hal-hal berkenaan dengan pelaburan dana, yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(1) Akta KWAP. Panel Pelaburan secara amnya bertanggungjawab untuk mengesyorkan dasar-dasar dan strategi-strategi pelaburan yang relevan untuk kelulusan Lembaga. Selain itu, Panel Pelaburan mempunyai kuasa dan had seperti yang dinyatakan di bawah Akta KWAP, Dasar Pelaburan KWAP, Garis Panduan Pelaburan dan/atau lain-lain dasar berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut, sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 7(2) Akta, dan akan dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Pengerusi yang juga merupakan Pengerusi Lembaga atau seorang individu lain yang mungkin dilantik oleh Menteri Kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta KWAP);
- (ii) Wakil daripada Kementerian Kewangan (Seksyen 7(2)(c) Akta KWAP);
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan menjadi Setiausaha Panel Pelaburan (Seksyen 7(2)(d) Akta KWAP); dan

- (iv) Empat orang daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan (Seksyen 7(2)(e) Akta KWAP).

Profil ringkas bagi setiap Ahli Panel Pelaburan dibentang pada muka surat 106 sehingga 110 dalam Laporan Bersepadu ini.

Tugas Utama dan Tanggungjawab Panel Pelaburan

Panel Pelaburan ditadbir oleh Seksyen 7(1) Akta dan bertanggungjawab terutamanya bagi meluluskan hala tuju strategik KWAP yang berkaitan dengan semua hal-hal pelaburan termasuk strategi dasar pelaburan, garis panduan dan pengagihan aset, serta hala tuju atau keputusan-keputusan untuk semua cadangan-cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya jika diperlukan, Panel Pelaburan akan melaporkan aktiviti-aktivitinya kepada Lembaga dan akan bertindak mengikut dasar umum yang mungkin dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Mesyuarat Panel Pelaburan

Pada tahun 2024, 11 mesyuarat Panel Pelaburan dan sembilan Mesyuarat Khas Panel Pelaburan telah diadakan. Ringkasan kehadiran mesyuarat Ahli-ahli Panel Pelaburan dibentangkan seperti dalam jadual berikut:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Dato' Mohamad Nasir bin Ab Latif Pengerusi	20/20
2.	Encik Mohammad Reezal bin Ahmad	20/20
3.	Dato' Noorazman bin Abd Aziz	17/20
4.	Encik Mohammed Nazri bin Omar (*Meletak jawatan pada 29 Februari 2024)	*3/4
5.	Dato' Mohamed Ross bin Mohd Din (*Meletak jawatan pada 1 Jun 2024)	*5/9
6.	Encik Anthony Lim Choon Eng	17/20
7.	Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed	19/20
8.	Puan Zaida Khalida binti Shaari (*Dilantik pada 1 Mac 2024)	*15/15

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

Bil.	Nama	Kehadiran
9.	YM Tunku Afwida binti Tunku Dato' A. Malek (*Dilantik pada 15 Julai 2024)	*8/9

PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta KWAP, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan selepas tamat tempoh tersebut, mereka layak untuk dilantik semula. Elaun dan imbuhan Lembaga dan Panel Pelaburan ditetapkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2024, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan masing-masing menerima jumlah imbuhan sebanyak RM974,605 dan RM581,000.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga dalam menjalankan tugasnya, ahli Lembaga telah mewujudkan pelbagai jawatankuasa bagi menyelia perkara-perkara khusus yang berkaitan dengan operasi KWAP iaitu Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Integriti, Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan, Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga diberikan kuasa untuk bertindak bagi pihak Lembaga menurut Terma Rujukan yang disediakan dalam Piagam Lembaga dan Panel Pelaburan.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, pelbagai perkara telah dibincangkan, disahkan, diluluskan dan dicadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Susulan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga akan memberi pihak Lembaga ringkasan keputusan utama, perkara-perkara yang dibincangkan dan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga serta mesyuarat-mesyuarat Panel Pelaburan akan dibentangkan kepada pihak Lembaga untuk makluman. Oleh itu, ahli-ahli bukan jawatankuasa sentiasa dimaklumkan dengan usaha yang dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga.

Butiran aktiviti Jawatankuasa Lembaga semasa tahun kewangan 2024 digariskan seperti di bawah:

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) ditubuhkan bagi menyelia proses laporan kewangan dan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan KWAP selain membantu Lembaga dalam menilai kecukupan kawalan dalam proses-proses dan prosedur-prosedur yang dilaksanakan agar sejajar dengan undang-undang, peraturan dan kawal selia yang berkaitan serta arahan-arahan dan garis panduan yang ditetapkan oleh badan-badan kawal selia yang berkaitan.

Keahlian

Sehingga kini, BAC terdiri daripada lima orang ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli yang dilantik oleh Lembaga:

1. Dato' Azmi bin Abdullah – Pengerusi
2. Dato' Maznah binti Abdul Jalil – Ahli
3. Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh – Ahli
(Bersara pada 12 November 2024)
4. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad – Ahli
(Bersara pada 1 April 2024)
5. Datuk Nor Yati binti Ahmad – Ahli
6. Datuk Mohd Shahrim Hussin – Ahli
(Dilantik pada 8 April 2024)

Empat mesyuarat BAC dan tiga mesyuarat BAC Khas telah diadakan sepanjang tahun 2024.

Tugas dan Tanggungjawab BAC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BAC:

- (i) Penyata Kewangan
 - (a) Untuk menyemak dan membuat cadangan kepada Lembaga mengenai penyata kewangan Kumpulan KWAP dan/atau KWAP, mengikut kes yang berkenaan, untuk kelulusan Lembaga, dengan penekanan khusus pada:
 - (i) perubahan atau pelaksanaan perubahan dasar perakaunan utama;

- (ii) perkara-perkara penting yang diketengahkan termasuk isu pelaporan kewangan, pertimbangan penting yang dibuat oleh pengurusan, peristiwa atau transaksi yang signifikan dan luar biasa, serta bagaimana perkara-perkara ini ditangani; dan
 - (iii) pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang lain.
 - (b) Untuk menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga sebarang perubahan terhadap Polisi Kewangan (FP) dan/atau Garis Panduan Kewangan (FG) serta Polisi dan Garis Panduan Cukai.
- (ii) Audit Dalam
- a) Untuk menyemak dan meluluskan Pelan Audit Dalam, termasuk menilai sumber audit dalam yang diperlukan bagi mencapai pelan tersebut;
 - b) Untuk menyemak prestasi Jabatan Audit Dalam (IAD) berbanding Pelan Audit Dalam dan meluluskan sebarang perubahan material kepada Pelan Audit Dalam;
 - c) Untuk menilai sistem kawalan dalaman melalui semakan laporan audit dalam yang dijalankan ke atas Kumpulan KWAP/KWAP, mengikut kes, dan memastikan pengurusan mengambil tindakan pembetulan yang perlu dengan segera untuk menangani kelemahan kawalan, ketidakpatuhan kepada undang-undang, keperluan peraturan, polisi dan isu lain yang dikenal pasti oleh IAD;
 - d) Untuk memerhati sebarang perbezaan penting, jika ada, antara Ketua IAD dan Pengurusan lain, tanpa mengira sama ada perbezaan tersebut telah diselesaikan, bagi mengenal pasti sebarang impak yang mungkin timbul terhadap proses audit atau penemuan audit;
 - e) Untuk menyemak dan mencadangkan pelantikan, pertukaran, pembaharuan dan pemberhentian Ketua IAD kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga (BNRC) sebelum kelulusan akhir Lembaga;
 - f) Untuk menyemak dan meluluskan Kad Skor IAD yang dicadangkan bagi penilaian prestasi tahunan;
 - g) Untuk menyemak dan meluluskan penilaian prestasi tahunan Ketua IAD;
- h) Untuk menyemak dan meluluskan Piagam Audit Dalam setiap tahun bagi memastikan bahawa IAD mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
 - i) Untuk memastikan bahawa IAD mempunyai kedudukan yang sewajarnya dalam KWAP serta mempunyai kuasa, sumber dan kecekapan yang mencukupi untuk melaksanakan tugasnya;
 - j) Untuk memastikan bahawa IAD mempunyai program jaminan dan penambahbaikan kualiti, dan bahawa hasil daripada penilaian berkala ini ditangani dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit (BAC);
 - k) Untuk meluluskan pelantikan penilai jaminan kualiti luaran bebas bagi menjalankan semakan jaminan kualiti setiap lima tahun, dan hasil semakan tersebut ditangani dan dibentangkan kepada BAC; dan
 - l) Untuk menyemak dan meluluskan sebarang perubahan utama dalam metodologi dan proses audit.
- (iii) Audit Luaran
- a) Untuk membincangkan dan menyemak bersama juruaudit luar sebelum audit dimulakan, mengenai sifat dan skop audit tersebut;
 - b) Untuk memantau dan menilai kebebasan juruaudit luar, termasuk meluluskan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar;
 - c) Untuk menyemak bantuan yang diberikan oleh pihak Pengurusan kepada juruaudit luar;
 - d) Untuk mengekalkan komunikasi yang tetap, tepat pada masanya, terbuka dan jujur dengan juruaudit luar, serta mengarahkan juruaudit luar melaporkan kepada BAC mengenai perkara-perkara penting;
 - e) Untuk menilai sistem kawalan dalaman melalui semakan laporan juruaudit luar dan memastikan pihak Pengurusan telah mengambil tindakan pembetulan yang perlu secara tepat pada masanya bagi menangani penemuan dan syor audit luaran; dan
 - f) Untuk memantau dan menilai keberkesanan juruaudit luar, termasuk mengadakan pertemuan dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan untuk membincangkan sebarang isu utama dan mendapatkan maklum balas.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(iv) Tanggungjawab Lain

- Untuk mempertimbangkan penemuan utama hasil siasatan audit dalam dan maklum balas pihak pengurusan;
- Untuk mengarah dan memantau sebarang siasatan audit yang akan dijalankan oleh juruaudit dalaman atau mana-mana pihak bebas serta menyemak hasil siasatan tersebut;
- Untuk menyemak dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai semua transaksi pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam KWAP;
- Untuk menyemak sebarang pendapat pihak ketiga berkaitan dengan reka bentuk dan keberkesanan sistem kawalan dalaman KWAP; dan
- Untuk mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga

Kehadiran Mesyuarat BAC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Dato' Azmi bin Abdullah - Pengerusi	7/7
2.	Dato' Maznah binti Abdul Jalil	7/7
3.	Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh (*Bersara pada 12 November 2024)	*3/6
4.	Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad – Ahli (*Bersara pada 1 April 2024)	*1/2
5.	Datuk Nor Yati binti Ahmad	3/7
6.	Datuk Mohd Shahrim bin Hussin (*Dilantik pada 8 April 2024)	*4/4

JAWATANKUASA LEMBAGA INTEGRITI

Jawatankuasa Lembaga Integriti (BIC) ditubuhkan bagi membantu Lembaga dalam menyelia pelaksanaan fungsi-fungsi integriti, pencegahan rasuah, dan tadbir urus di dalam KWAP dan/atau anak-anak syarikat KWAP, mengikut kes dan pemantauan isu-isu berkaitan, dan memastikan tindakan-tindakan yang mencukupi untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus yang baik dalam organisasi.

Keahlian

Sehingga kini, BIC terdiri daripada empat ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz – Ahli
(Bersara pada 27 Mei 2024)
- Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh – Ahli
(Dilantik semula daripada ahli kepada pengerusi pada 27 Mei 2024 dan Bersara pada 12 November 2024)
- Dato' Azmi bin Abdullah – Ahli
(Dilantik pada 27 Mei 2024)
- Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin – Ahli
(Meletak jawatan pada 27 Mei 2024)
- Datuk Nor Yati binti Ahmad – Ahli
- Datuk Mohd Shahrim bin Hussin – Ahli
(Dilantik pada 8 April 2024)

Empat mesyuarat BIC telah diadakan sepanjang tahun 2024.

Tugas Utama dan Tanggungjawab BIC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BIC:

- Menyemak dan meluluskan rangka kerja, strategi, pelan, dasar, prosedur dan perkara lain yang berkaitan dengan fungsi integriti, antirasuah dan tadbir urus serta, jika perlu, mencadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- Memantau isu-isu keseluruhan berkaitan rasuah, salah laku dan kelakuan tidak beretika dalam organisasi;
- Memastikan langkah-langkah untuk pencegahan rasuah, integriti dan tadbir urus yang baik dalam KWAP telah dibangunkan;
- Menyelia pelaksanaan fungsi integriti, antirasuah dan tadbir urus dalam KWAP bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan;
- Menyemak dan meluluskan Kad Skor Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) yang dicadangkan bagi penilaian prestasi tahunan;

- f) Menyemak dan mencadangkan pelantikan, pertukaran, penyambungan dan pemecatan Ketua IGO untuk kelulusan akhir BRNC dan Lembaga
- g) Menyemak dan meluluskan penilaian prestasi tahunan Ketua IGO; dan
- h) Mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang diketengahkan oleh Lembaga

Kehadiran Mesyuarat BIC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah binti Raja Abdul Aziz (*Meletak jawatan pada 27 Mei 2024)	*2/2
2.	Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh (*Dilantik semula daripada Ahli kepada Pengerusi pada 27 Mei 2024 dan bersara pada 12 November 2024)	*3/3
3.	Dato' Azmi bin Abdullah (*Dilantik sebagai ahli pada 27 Mei 2024)	*2/2
4.	Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin (*Meletak jawatan pada 27 Mei 2024)	*2/2
5.	Datuk Nor Yati binti Ahmad	3/4
6.	Datuk Mohd Shahrin bin Hussin (*Dilantik pada 27 Mei 2024)	*2/2

JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO DAN PEMATUHAN

Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan (BRCC) ditubuhkan bagi membantu Lembaga menyemak strategi-strategi pengurusan risiko, menentukan kebolehterimaan risiko, menyemak rangka kerja pengurusan risiko, dasar-dasar dan had, menyemak pendedahan risiko dan menyelia keseluruhan pengurusan risiko.

Keahlian

Sehingga kini, BRCC terdiri daripada lima orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

1. Dato' Maznah binti Abdul Jalil – Pengerusi
2. Dato' Azmi bin Abdullah – Ahli
3. Encik Adnan Zaylani bin Mohd Zahid – Ahli
4. YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah binti Raja Abd Aziz – Ahli
5. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad – Ahli
(*Meletak jawatan pada 1 April 2024)
6. Datuk Nor Yati binti Ahmad – Ahli
(*Dilantik pada 27 Mei 2024)

Enam mesyuarat BRCC telah diadakan sepanjang tahun 2024.

Tugas dan Tanggungjawab BRCC:

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BRCC:

- a) Menentukan selera risiko dan mencadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- b) Menyemak rangka kerja dan dasar pengurusan risiko serta pematuhan dan mencadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan;
- c) Menyemak garis panduan pengurusan risiko dan pematuhan;
- d) Meluluskan had risiko, dan mengemukakan kepada Lembaga apabila perlu;
- e) Memastikan proses pengurusan risiko dan pematuhan yang berkesan dengan mencadangkan kawalan bagi risiko yang wujud dalam produk, aktiviti, proses dan sistem;
- f) Meluluskan Dasar Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan (BCM);
- g) Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang mencukupi disediakan untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko bagi pengurusan risiko yang berkesan dalam KWAP dan/atau Kumpulan KWAP, jika berkenaan;

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

- h) Melaporkan kepada Lembaga sebarang penipuan atau penyelewengan yang disyaki, sebarang ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman atau pelanggaran undang-undang, peraturan dan perintah yang disyaki yang diketahui dan cukup penting untuk dibawa kepada perhatian Lembaga;
- i) Menyemak pendedahan risiko KWAP dan kawalan mitigasi;
- j) Menyemak, menilai dan jika berkaitan, meluluskan cadangan berkaitan pematuhan KWAP terhadap mana-mana undang-undang, peraturan dan sebagainya yang berkenaan, termasuk pematuhan terhadap undang-undang privasi data;
- k) Mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang diketengahkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat BRCC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Dato' Maznah binti Abdul Jalil - Pengerusi	6/6
2.	Dato' Azmi bin Abdullah	6/6
3.	Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid	3/6
4.	YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah binti Raja Abd Aziz	3/6
5.	Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad (*Meletak jawatan pada 1 April 2024)	*1/1
6.	Datuk Nor Yati binti Ahmad (*Dilantik pada 27 Mei 2024)	*2/4

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN LEMBAGA (BNRC)

Sebagai sebuah jawatankuasa di bawah Lembaga, BNRC secara amnya bertanggungjawab untuk menyemak, menilai dan jika berkaitan, memberi nasihat, membuat syor dan/atau memaklumkan kepada Lembaga tentang perkara-perkara seperti yang ditetapkan dalam Terma Rujukan BNRC.

BNRC bertanggungjawab kepada Lembaga atas prestasinya.

Keahlian

Sehingga kini, BNRC terdiri daripada lima orang ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad – Pengerusi
(Meletak jawatan pada 1 April 2024)
- Datuk Ramzi bin Mansor – Pengerusi
(Dilantik pada 27 Mei 2024)
- Dato' Azmi bin Abdullah – Ahli
- Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid – Ahli
- Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin – Ahli
- Dato' Maznah binti Abdul Jalil – Ahli

Tiga mesyuarat BNRC dan tiga mesyuarat BNRC khas telah diadakan sepanjang tahun 2024.

Tugas Utama dan Tanggungjawab BNRC

Berikut adalah antara tugas dan tanggungjawab BNRC:

Tanggungjawab Utama

- a) Menyemak dasar dan/atau rangka kerja yang berkaitan dalam menentukan pelantikan dan imbuhan bagi pegawai serta kakitangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dan mencadangkan kepada Lembaga mengenai imbuhan berdasarkan prestasi bagi kakitangan KWAP. Dalam hal ini, BNRC boleh mendapatkan nasihat profesional bebas serta sebarang maklumat lain yang diperlukan dalam menentukan dasar dan/atau rangka kerja tersebut;
- b) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga tentang dasar KWAP mengenai imbuhan eksekutif, termasuk menentukan pakej imbuhan khusus dan terma pekerjaan (termasuk hak pencen, jika ada) serta menetapkan pemberian insentif berasaskan prestasi bagi sesetengah eksekutif kanan.

- c) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga berkaitan dasar dan amalan berhubung pengambilan, pengekalan dan pemberhentian pekerja bagi kategori berikut:
 - i) Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KWAP atau Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, mengikut kes yang tertentu;
 - ii) Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat KWAP; dan
 - iii) Pengurusan Kanan KWAP dan/atau anak syarikat KWAP, mengikut kes yang tertentu, serta tempoh perkhidmatan yang berkaitan;
- d) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai objektif, matlamat dan penilaian prestasi pekerja bagi kategori berikut:
 - i) Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KWAP atau Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, mengikut kes yang tertentu;
 - ii) Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat KWAP; dan
 - iii) Pengurusan Kanan KWAP dan/atau anak syarikat KWAP, mengikut kes yang tertentu, yang berada di bawah kontrak pekerjaan;
- e) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga mengenai tahap dan komposisi imbuhan bagi pekerja kategori berikut:
 - i) Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KWAP atau Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, mengikut kes yang tertentu;
 - ii) Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat KWAP; dan
 - iii) Pengurusan Kanan KWAP dan/atau Kumpulan KWAP, mengikut kes yang tertentu, agar KWAP dapat menarik dan mengekalkan bakat yang sesuai dengan kaliber, pengalaman dan kualiti yang diperlukan untuk mengurus KWAP dengan berjaya. Tahap dan komposisi imbuhan hendaklah disusun supaya ganjaran dikaitkan dengan prestasi korporat dan individu;
 - iv) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga tentang imbuhan pengarah anak syarikat KWAP.

Sumber Manusia

- a) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai keperluan minimum kakitangan KWAP dari segi kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kompetensi teras lain;
- b) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan kakitangan KWAP;
- c) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai kod etika dan disiplin kakitangan KWAP;
- d) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai mekanisma penilaian rasmi keberkesanan kakitangan KWAP;
- e) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai pelantikan, pembaharuan kontrak, kenaikan pangkat, penamatan atau pemberhentian bagi kategori berikut:
 - i) Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KWAP atau Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, mengikut kes yang tertentu;
 - ii) Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat KWAP; dan
 - iii) Pengurusan Kanan KWAP dan/atau anak syarikat KWAP, mengikut kes yang tertentu;
- f) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai perancangan penggantian dan pengurusan bakat bagi pekerja kategori berikut:
 - i) Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KWAP atau Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, mengikut kes yang tertentu;
 - ii) Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat KWAP; dan
 - iii) Pengurusan Kanan KWAP dan/atau anak syarikat KWAP, mengikut kes yang tertentu;
- g) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga sebarang cadangan berkaitan imbuhan, faedah, termasuk kontrak perkhidmatan dan pembayaran pampasan serta terma pekerjaan bagi kakitangan kategori berikut:
 - i) Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KWAP atau Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, mengikut kes yang berkenaan;
 - ii) Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat KWAP; dan
 - iii) Pengurusan Kanan KWAP dan/atau anak syarikat KWAP, mengikut kes yang berkenaan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

- h) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga mengenai komitmen pampasan/pembayaran pampasan pemberhentian bagi kakitangan KWAP, sekiranya berlaku penamatan awal kontrak pekerjaan/perkhidmatan; dan
- i) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai pencalonan dan pelantikan untuk mana-mana jawatan yang melapor kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KWAP atau Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, mengikut kes yang berkenaan.

Fungsi Lain

- a) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai skim bayaran berkaitan prestasi bagi KWAP;
- b) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai dasar dan skop perjanjian perkhidmatan eksekutif, pembayaran penamatan dan pampasan;
- c) Mengawasi sebarang perubahan besar dalam tenaga kerja KWAP;
- d) Menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai rangka kerja, atau dasar umum dan cadangan pakej imbuhan seperti elaun, faedah, ganjaran, penghargaan dan pampasan bagi ahli Panel Pelaburan dan Lembaga. Dasar atau rangka kerja berkaitan hendaklah didokumentasikan dan sebarang perubahan tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan akhirnya Menteri Kewangan; dan
- e) Mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat BNRC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad – Pengerusi (*Meletak jawatan pada 1 April 2024)	*2/3
2.	Datuk Ramzi bin Mansor – Pengerusi (*Dilantik pada 27 Mei 2024)	*3/3
3.	Dato' Azmi bin Abdullah	6/6
4.	Dato' Maznah binti Abdul Jalil	3/6
5.	Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid	5/6
6.	Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin	6/6

JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN

Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC) ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya untuk menilai cadangan perolehan yang berkaitan dengan operasi.

Keahlian

Sehingga kini, BPC terdiri daripada lima orang ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah binti Raja Abd Aziz – Pengerusi
- Dato' Maznah binti Abdul Jalil – Ahli
- Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh – Ahli
(Bersara pada 12 November 2024)
- Encik Adnan Zaylani bin Mohd Zahid – Ahli
- Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin – Ahli
- Datuk Ramzi bin Mansor – Ahli
(Dilantik pada 27 Mei 2024)

Tiga mesyuarat BPC dan lima mesyuarat khas BPC telah diadakan sepanjang tahun 2024.

Tugas Utama dan Tanggungjawab BPC:

Antara tugas dan tanggungjawab BPC adalah seperti berikut:

- a) Menyemak pendaftaran penender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Perkhidmatan Kontraktor, iklan jempunan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (jika perlu), jadual tender yang disediakan oleh Jawatankuasa Pembukaan Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan dan sebagainya;
- b) Memastikan proses perolehan mematuhi semua etika perolehan, dasar, garis panduan rangka kerja dan/atau prosedur yang ditetapkan dalam KWAP dan/atau Kumpulan KWAP, jika berkenaan;
- c) Menyemak kemampuan teknikal dan kewangan penender. Semasa penilaian tender, cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu diikuti dengan cadangan kewangan;

- d) Untuk mempertimbangkan dan mencadangkan pelantikan yang memberi manfaat kepada KWAP, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk/barang dan/atau perkhidmatan, tempoh selesai penghantaran, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan;
- e) Untuk memutuskan proses tender semula atau mencadangkan sebarang kaedah perolehan lain, jika BPC mendapati prosedur perolehan tidak mengikut peraturan atau disyaki terdapat ketidakpatuhan dalam proses tender;
- f) Untuk mempertimbangkan dan meluluskan tender dengan syarat cadangan tersebut telah dibuat oleh Jawatankuasa Perolehan dengan majoriti mudah dan berada dalam had yang diluluskan oleh BPC;
- g) Untuk mempertimbangkan dan meluluskan sebarang sebut harga yang diakui oleh Jawatankuasa Perolehan yang melebihi had sebut harga; dan
- h) Untuk mempertimbangkan isu perolehan lain seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat BPC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1.	YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah binti Raja Abd Aziz	8/8
2.	Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh (*Bersara pada 12 November 2024)	*3/4
3.	Dato' Maznah binti Abdul Jalil	8/8
4.	Encik Adnan Zaylani bin Mohd Zahid	6/8
5.	Encik Abdul Rahman bin Mohd Nordin	8/8
6.	Datuk Ramzi bin Mansor (*Dilantik pada 27 Mei 2024)	*3/4

JAWATANKUASA LEMBAGA TATATERTIB

Jawatankuasa Lembaga Tatatertib (BDC) bertanggungjawab membincangkan kes-kes disiplin dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas kakitangan sejajar dengan Dasar dan Garis Panduan Disiplin KWAP.

Keahlian

Tiada ahli dilantik oleh Lembaga kerana tiada mesyuarat BDC diadakan sepanjang 2024.

Komposisi BDC

BDC haruslah dianggotai oleh tiga ahli Lembaga iaitu Pengerusi yang merupakan pengerusi BNRC dan dua lagi ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Selaras dengan peranan KWAP yang semakin meluas dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan sepanjang 18 tahun yang lalu, profil risiko KWAP turut berkembang seiring dengan peningkatan saiz dan tahap kompleksiti organisasi. Mengambil kira persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah membawa pelbagai bentuk ancaman dan peluang sepanjang tempoh ini, KWAP telah melabur dalam pembangunan keupayaan dan kapasiti pengurusan risikonya bagi menyokong pencapaian misi dan visi serta Objektif Strategiknya. KWAP komited untuk terus maju ke hadapan dengan menguruskan sebarang bentuk ancaman dan merebut peluang untuk mencipta nilai sambil terus melindungi KWAP.

TADBIR URUS DAN PENGAWASAN RISIKO

KWAP mengamalkan model Tiga Barisan Pertahanan bagi memastikan tadbir urus dan pengawasan risiko yang berkesan. Gambaran keseluruhan bagi setiap barisan pertahanan adalah seperti berikut:

1. Barisan Pertahanan Pertama:
 - Unit Perniagaan: Pengurus dan kakitangan yang mengurus secara langsung risiko dalam bidang masing-masing. Kawalan dilaksanakan dan isu diselesaikan secara terus.
2. Barisan Pertahanan Kedua:
 - Pengurusan Risiko dan Pematuhan: Memberi sokongan dan pengawasan kepada barisan pertama. Polisi dibangunkan, pematuhan terhadap peraturan dijamin, serta panduan yang berkaitan dengan risiko diberikan.
3. Barisan Pertahanan Ketiga:
 - Audit Dalam: Memberi jaminan secara bebas terhadap tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Menilai barisan pertahanan pertama dan kedua, dan melaporkan sebarang penemuan kepada pengurusan kanan dan ahli lembaga.

Lembaga memikul tanggungjawab utama terhadap pengurusan risiko dan kawalan dalaman organisasi. Sebahagian daripada tanggungjawab kepimpinan ahli lembaga adalah untuk menetapkan nada daripada pihak atasan dengan memupuk budaya kesedaran risiko untuk semua peringkat KWAP serta memastikan kawalan dalaman yang mencukupi dan amalan pengurusan risiko yang kukuh dilaksanakan bagi mengurus risiko utama secara berkesan. Selain itu, ahli lembaga turut menggalakkan kesedaran terhadap risiko dan tatacara perniagaan yang beretika,

dengan memastikan pertimbangan risiko disepadukan dalam proses membuat keputusan strategik serta dalam operasi harian. Komitmen terhadap pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh adalah bertujuan untuk mengurus dan mengurangkan risiko dalam tahap toleransi risiko yang boleh diterima, yang selaras dengan mandat statutori, objektif serta dasar dan prosedur KWAP seperti yang digariskan dalam Penyata Selera Risiko (RAS) KWAP.

Lembaga disokong oleh Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan (BRCC) yang dianggotai oleh ahli-ahli lembaga, serta Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan (RCC) yang terdiri daripada pihak pengurusan kanan KWAP. BRCC merupakan badan tadbir urus utama yang bertanggungjawab untuk amalan pengurusan risiko dan pematuhan KWAP, serta memberi panduan strategik bagi memastikan amalan pengurusan risiko adalah sejajar dengan objektif perniagaan syarikat, keperluan kawal selia dan jangkaan pihak berkepentingan. Selain itu, RCC berperanan sebagai jawatankuasa di peringkat pengurusan yang menyokong pelaksanaan amalan pengurusan risiko dan pematuhan dalam seluruh organisasi. RCC berfungsi sebagai badan penasihat yang memastikan aktiviti pengurusan risiko dilaksanakan dengan berkesan pada peringkat pentadbiran.

RANGKA KERJA DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO

Pendekatan pengurusan risiko KWAP dilaksanakan melalui pengamalan Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) sebagai strategi teras dalam seluruh organisasi. Pendekatan ini dibentuk untuk mengenal pasti peristiwa yang berpotensi menjejaskan entiti dan menguruskan risiko dalam had selera risiko KWAP, sekali gus memberi jaminan yang munasabah terhadap kebarangkalian pencapaian objektif strategik KWAP.

RAS mentakrifkan pendirian KWAP terhadap aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan, justeru menjadi panduan kepada strategi serta proses membuat keputusan KWAP. RAS turut menetapkan keupayaan dan kapasiti KWAP untuk mengambil risiko dalam konteks objektif pelaburan dan toleransi risiko. RAS disokong oleh struktur tadbir urus yang kukuh dan diteguhkan lagi dengan pelbagai rangka kerja, dasar, garis panduan dan prosedur operasi piawai.

Rangka Kerja dan Dasar Risiko Kemampanan merupakan dokumen utama yang menetapkan Pelan Hala Tuju Kemampanan KWAP. Dengan mematuhi dokumen ini, KWAP membuktikan komitmennya terhadap matlamat kemampanan nasional dan dalaman melalui pengurusan risiko yang proaktif.

SUMBER MANUSIA DAN PROSES DALAM PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Tanggungjawab utama Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMCD) di KWAP adalah memudahkan dan memantau pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan serta menyediakan penyeliaan bebas terhadap aktiviti pengurusan risiko di KWAP. RMCD terdiri daripada empat bahagian iaitu: Risiko Perniagaan, Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM), Risiko Operasi dan Penipuan, Risiko Pelaburan dan Pematuhan. RMCD melapor terus kepada Lembaga KWAP melalui BRCC, yang diberi mandat untuk menyelia pengurusan risiko dan pematuhan dalam KWAP serta anak-anak syarikatnya.

RMCD sentiasa berhati-hati dalam pengurusan risiko aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan dengan berpandukan nada daripada pihak atasan dan Dasar RAS KWAP. Dasar RAS disokong oleh struktur tadbir urus yang kukuh dengan garis pelaporan bebas antara unit pengambil risiko dan unit kawalan.

RMCD melabur dalam pembangunan modal insan, merangka dasar yang jelas, dan mengekalkan operasi yang kukuh serta berteraskan kesedaran risiko melalui pelaburan yang signifikan dalam sistem kawalan dan automasi. Struktur tadbir urus yang kukuh dalam jabatan ini memastikan garis pelaporan yang jelas antara jabatan bagi mengelakkan konflik kepentingan serta mengekalkan kebebasan dan integriti setiap fungsi dalam KWAP.

KWAP juga memanfaatkan teknologi secara meluas untuk mengendalikan pelbagai analisis portfolio dan analisis senario bagi memenuhi keperluan pengurusan risiko portfolio pelaburannya. Untuk tujuan ini, KWAP melanggan sistem risiko pelaburan yang diintegrasikan dengan sistem pengurusan pelaburan dan pembekal data pasaran bagi tujuan analitik risiko. Langkah-langkah untuk menangani risiko utama yang dijana digunakan untuk pelaporan dan tafsiran pihak pengurusan. Selain itu, KWAP turut melabur dalam sistem Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) dan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM) bagi mengautomatiskan fungsi-fungsi utama, sekali gus memastikan proses pengurusan risiko yang lebih lancar, cekap dan pantas.

AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2024

Proses Pengurusan Risiko Perniagaan yang Dipertingkatkan

Susulan daripada pengintegrasian piawaian Pengurusan Risiko – Garis Panduan ISO 31000:2018 pada tahun 2023, RMCD telah menyelaraskan semula Dasar Korporat KWAP secara strategik dengan Dasar Pengurusan Risiko dan memasukkannya dalam Kad Skor Seimbang (BSC) KWAP. Daripada langkah ini, beberapa inisiatif telah diperkenalkan pada tahun 2024 untuk mempertingkatkan pemantauan dan penilaian risiko yang merentasi keseluruhan organisasi, termasuklah Kapasiti Risiko, Petunjuk Risiko Utama dan Matriks Risiko. Usaha-usaha ini sejajar dengan komitmen RMCD untuk terus memupuk dan mengekalkan budaya risiko yang kukuh dalam KWAP.

Libat Urus dan Ceramah Kesedaran Berkaitan dengan Pengurusan Risiko

Pemeriksaan kesedaran risiko, di samping memastikan organisasi serta warga kerjanya sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan semasa dan amalan terbaik, merupakan fokus berterusan KWAP. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi memupuk kesedaran dan amalan pengurusan risiko yang baik dalam kalangan warga KWAP seperti:

- Dengan kelulusan semakan terhadap matriks risiko, parameter, penyata selera risiko, petunjuk risiko utama (KRI) dan pelan rawatan risiko pada Tahun Kewangan 2023, RMCD telah menguar-uarkan penambahbaikan ini secara berkesan kepada semua warga KWAP bagi memastikan kefahaman yang jelas dan pelaksanaan dalam seluruh organisasi.
- RMCD telah melancarkan beberapa modul Pengurusan Risiko dalam *Learning Management System* (LMS) KWAP bagi memupuk budaya celik risiko dalam kalangan kakitangan. Lebih 90% kakitangan berjaya menamatkan kursus ini dalam tempoh sebulan, sekali gus meningkatkan tahap pengetahuan dan amalan pengurusan risiko secara signifikan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN (SAMBUNGAN)

Libat Urus dan Ceramah Kesedaran Berkaitan dengan Pengurusan Risiko

- RMCD, dengan kerjasama Jabatan Audit Dalam serta Pejabat Integriti dan Tadbir Urus, telah menganjurkan *Risk & Governance Week 2024*. Acara yang bertemakan “*Embracing Risk and Compliance Culture*” ini menampilkan lima sesi ceramah, perkongsian ilmu serta aktiviti interaktif seperti mencari harta karun, teka silang kata, kuiz dan tayangan dokumentari. Acara ini menerima maklum balas positif sebanyak 97% daripada para peserta, sekali gus mencerminkan kejayaannya dalam memupuk kesedaran terhadap risiko dan pematuhan dalam kalangan warga KWAP.
- RMCD juga telah melaksanakan beberapa inisiatif utama bagi memastikan pematuhan terhadap Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri. Garis panduan ini, yang dilancarkan pada 9 Ogos 2024, menyediakan rangka kerja pengurusan dan tadbir urus bagi Badan Berkanun Persekutuan. KWAP telah mencapai pematuhan penuh terhadap keperluan ini, yang membuktikan komitmennya terhadap amalan tadbir urus yang kukuh serta sokongannya terhadap inisiatif kerajaan dalam memperkukuh tadbir urus dan integriti.
- RMCD telah menganjurkan beberapa sesi ceramah yang bertemakan objektif khusus setiap bahagian, seperti berikut:
 - i. **Pelaksanaan Berkesan Pengurusan Risiko ISO 31000:2018:** Ceramah ini meningkatkan pemahaman warga kerja KWAP terhadap rangka kerja risiko baru serta pengintegrasian dalam operasi perniagaan secara menyeluruh bagi memastikan pendekatan pengurusan risiko yang lebih bersepadu.
 - ii. **Taklimat untuk Pegawai Perhubungan Pematuhan:** Taklimat ini memperkukuh kefahaman para pegawai mengenai peranan dan tanggungjawab mereka, memastikan pematuhan terhadap keperluan pematuhan di semua jabatan serta memberi pandangan penting berkenaan aktiviti pematuhan.
 - iii. **Ceramah Polisi Pertukaran Asing:** Dikendalikan oleh pegawai Bank Negara Malaysia, sesi ini meningkatkan kefahaman kakitangan mengenai Polisi Pertukaran Asing bagi memastikan pematuhan dalam Bahagian Pelaburan, Jabatan Perbendaharaan Korporat (CTD), dan RMCD.
 - iv. **Risiko Teknologi Baharu dan Pematuhan terhadap Akta Keselamatan Siber 2024:** Sesi ini melibatkan inisiatif kesedaran dan pendidikan dalam kalangan warga KWAP yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 506) yang diperkenalkan oleh Agensi Keselamatan Siber Negara Malaysia (NACSA) yang bertujuan untuk memupuk budaya pematuhan budaya pematuhan terhadap keselamatan siber.

Lawatan Risiko dan Pematuhan ke Hartanah KWAP/Syarikat-syarikat Bersekutu / Pelaburan Berpotensi

RMCD telah melakukan lawatan ke hartanah milik KWAP serta pejabat pengurus dana luar (pasaran awam dan juga swasta) bagi memastikan penilaian dan pengawasan risiko dijalankan secara bebas. Pada tahun 2024, RMCD turut melawat pengurus dana ekuiti persendirian, serta melawat hartanah semasa dan yang berpotensi untuk pemerolehan, bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai pasaran dan aset tertentu. Lawatan libat urus bersama pengurus aset, penasihat pelaburan serta pengurus dana dalaman ini bertujuan memastikan pengurusan pelaburan, pematuhan dan hal ehwal risiko dilaksanakan dengan berkesan, serta memastikan langkah-langkah berkaitan seperti pengenalpastian risiko, kawalan dan tindakan mitigasi yang relevan telah dilaksanakan.

Peningkatan dan Penambahbaikan untuk Pengurusan Risiko Pelaburan Pasaran Swasta

Pada tahun 2024, RMCD telah melaksanakan penambahbaikan menyeluruh terhadap Soal Selidik mengenai Penilaian Risiko (RAQ) bagi kelas aset Pasaran Swasta yang bertujuan untuk mengoptimumkan kecekapan tanpa menjejaskan ketelitian proses. Borang RAQ yang ditambah baik ini direka khusus bagi mencerminkan keunikan setiap kelas aset, sekali gus memperkukuh proses usaha wajar sebelum pelaburan dibuat. Walaupun RAQ telah lama menjadi komponen penting dalam operasi RMCD, penambahbaikan ini telah meningkatkan keberkesanan usaha wajar dengan memberi tumpuan kepada aspek pengenalpastian, penilaian serta pengintegrasian pengajaran daripada pengalaman lalu. Melangkah ke hadapan, RMCD kekal komited terhadap penambahbaikan berterusan RAQ dan proses pengurusan risiko dalaman demi memastikan perlindungan yang berterusan terhadap kepentingan pihak berkepentingan.

PENGURUSAN RISIKO PERNIAGAAN (ERM)


Prinsip asas bagi menguruskan risiko di KWAP dikawal oleh prinsip-prinsip dan komponen-komponen utama dalam Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) yang dijelaskan dalam kedua-dua Rangka Kerja ERM dan Polisi ERM untuk menyokong pengurusan risiko yang cemerlang dan holistik dalam KWAP.

KWAP mengguna pakai Pengurusan Risiko ISO 31000:2018 sebagai panduan dalam melaksanakan amalan pengurusan risikonya. KWAP telah berjaya mengemas kini dan menambah baik Rangka Kerja ERM agar sejajar dengan piawaian ISO. Rangka kerja yang disemak semula

ini merangkumi prinsip, komponen utama serta proses yang diperlukan untuk pengurusan risiko yang berkesan, dan telah dikongsikan kepada semua warga kerja. Usaha ini selari dengan matlamat jangka panjang RMCD dalam memupuk budaya risiko yang sihat dalam organisasi.

Berpandukan kepada piawaian dan komponen ISO 31000:2018, ERM memastikan pengurusan risiko disepadukan di seluruh organisasi dengan menghubungkan objektif strategik dan hasil sasaran KWAP kepada kategori risiko yang relevan, iaitu Risiko Strategik, Risiko Kewangan, Risiko Operasi, dan Risiko Pematuhan.

VISI KWAP 2025



Bagi menyokong dan memperkukuh rangka kerja dan dasar ERM, KWAP mengguna pakai dua pendekatan utama dalam mengurus risiko perniagaan. Pendekatan-pendekatan ini memastikan pengurusan risiko dilaksanakan secara menyeluruh melalui:

- Profil Risiko Korporat (CRP)
- Profil Risiko Jabatan (DRiP)

Profil Risiko Korporat (CRP)

Penilaian dan pengurusan risiko dalam perniagaan dilaksanakan melalui pemantauan dan pelaporan CRP. CRP telah digunakan sebagai platform dengan pendekatan yang konsisten untuk mengenal pasti, menilai, mengurus dan melaporkan risiko rentas fungsi yang relevan kepada KWAP dalam usaha mencapai objektif strategik dan hasil sasarannya. Laporan CRP menumpukan kepada bahagian yang berpotensi memberi ancaman dan risiko serta memerlukan perhatian dan tindakan segera. Melalui CRP, risiko dikenal pasti dengan pelbagai kaedah termasuk temu bual, audit jabatan, makluman *ad hoc* dan mesyuarat. Pemilik Risiko dikehendaki mengemukakan maklumat terkini bulanan kepada RMCD mengenai kemajuan dan pelan tindakan bagi setiap risiko yang dikenal pasti untuk tujuan pelaporan kepada RCC, BRCC dan Lembaga.

Profil Risiko Jabatan (DRiP)

Di KWAP, pengurusan risiko di peringkat jabatan dilaksanakan pada setiap tahun melalui penilaian DRiP. Proses ini melibatkan penyertaan daripada semua jabatan dan fungsi yang diwakili oleh Pegawai Perhubungan Risiko (RLO). Semasa penilaian, RLO akan menyemak aktiviti dan proses utama jabatan masing-masing untuk mengenal pasti potensi risiko, menilai keberkesanan kawalan sedia ada, serta mencadangkan penambahbaikan atau kawalan tambahan sekiranya perlu. RMCD menggunakan DRiP sebagai pendekatan pengurusan risiko yang proaktif, yang membolehkan organisasi mengenal pasti dan menangani isu berpotensi secara terperinci sebelum ia menjadi masalah yang besar.

Pendekatan yang sistematik ini membantu mengurus risiko merentasi semua aktiviti, seterusnya menyokong keputusan strategik yang lebih bermaklumat, pelaksanaan perubahan yang berjaya, dan peningkatan kecekapan operasi.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN (SAMBUNGAN)

PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran merujuk kepada risiko kerugian yang tidak dijangka akibat perubahan nilai aset kewangan yang berpunca daripada pergerakan kadar faedah, harga ekuiti dan pertukaran mata wang asing.

Pengurusan risiko pasaran di KWAP berasaskan dasar Risiko Pasaran, garis panduan, sistem risiko dan kawalan risiko yang sedia ada, yang dilaksanakan untuk menyokong pengurusan risiko pasaran yang kukuh dan secara menyeluruh. Di samping itu, RMCD menyediakan semakan risiko yang bebas terhadap cadangan pelaburan, dan juga pelaporan risiko pelaburan secara berkala kepada pihak pengurusan atasan.

Kawalan Risiko Pasaran

Kawalan Risiko Pasaran mewakili satu siri had risiko yang dilaksanakan untuk menguruskan aktiviti pengambilan risiko pasaran. Ia disemak dan diselaraskan secara berkala untuk mencerminkan perubahan dinamik strategi dan persekitaran pelaburan KWAP. Kawalan risiko pasaran utama digambarkan seperti di bawah:

Had Nilai pada Risiko

Untuk mengurus potensi kerugian yang mungkin berlaku akibat pergerakan kadar dan harga pasaran dalam jangka masa tertentu berdasarkan tahap keyakinan yang ditetapkan.

Had Durasi yang Diubah Suai

Untuk mengurus kepekaan atau perubahan nilai sekuriti atau portfolio sebagai respons terhadap perubahan kadar faedah. Ia juga berasaskan konsep bahawa kadar faedah dan harga bon bergerak dalam arah yang bertentangan. Analisis kepekaan ini digunakan untuk menentukan kesan perubahan 1% dalam kadar faedah terhadap harga sesuatu bon.

Latihan Ujian Tekanan

Untuk menilai tahap kerapuhan portfolio pelaburan terhadap peristiwa tekanan pasaran yang lepas serta senario untuk sebarang kebarangkalian.

Produk Lindung Nilai dan Derivatif


Pelbagai kontrak derivatif digunakan untuk mengurus pendedahan risiko pasaran terhadap pelaburan KWAP terutamanya berkaitan pergerakan mata wang dan kadar faedah. Instrumen derivatif yang digunakan bagi menguruskan pendedahan tersebut adalah termasuk pertukaran silang mata wang (*Cross Currency Swaps*), swap kadar faedah (*Interest Rate Swaps*) dan kontrak hadapan mata wang asing (*FX Forward*). KWAP menggunakan *FX Forward* bagi melindungi nilai dan mengurangkan turun naik mata wang ke atas pelaburan asing KWAP.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kebarangkalian untuk hilang modal atau pendapatan daripada kegagalan penjamin, pihak rakan niaga, atau pengeluar sekuriti untuk memenuhi kewajipan kontrak mengikut terma yang dipersetujui.

Pengurusan risiko kredit bertujuan untuk mengekalkan pendedahan risiko kredit pada tahap yang boleh diterima dan memastikan bahawa pulangan yang diterima adalah selari dengan risiko yang diambil. RMCD bertanggungjawab dalam membangunkan, mempertingkatkan dan menyampaikan polisi-polisi, garis panduan dan kaedah-kaedah pengurusan risiko kredit yang berkesan dan konsisten dalam seluruh KWAP bagi memastikan piawaian yang sewajarnya tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko-risiko tersebut. Ini dilaksanakan terutamanya menerusi Polisi-Polisi Pengurusan Risiko Kredit dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Kredit. Amalan-amalan industri terbaik

diterapkan melalui kemas kini yang berterusan mengenai polisi-polisi, garis panduan, dan proses-proses risiko kredit dengan matlamat untuk mengurangkan penjejasan dan kerugian kredit. RMCD telah menetapkan, antara lain, had dan garis panduan yang berkaitan bagi:



PENGURUSAN RISIKO PASARAN SWASTA

Pelaburan pasaran swasta KWAP merangkumi Ekuiti Persendirian, Infrastruktur, Hartanah dan Pembangunan Hartanah. Memandangkan sifat aset-aset ini tidak cair dan berjangka panjang, pengurusan risiko yang berkesan adalah amat penting pada kedua-dua peringkat pra-pelaburan dan pasca pelaburan.

Ekuiti Persendirian

Pengurusan risiko dalam Ekuiti Persendirian pada asasnya bergantung kepada pemilihan pengurus atau rakan pelaburan yang berkualiti tinggi serta strategi pelaburan yang kukuh. Penilaian pra-pelaburan memberi tumpuan kepada pengenalanpastian rakan pelaburan yang mempunyai rekod prestasi yang baik, kepentingan yang sejajar, dan pendekatan pelaburan yang berdisiplin. Penyeliaan risiko pasca pelaburan menumpukan kepada ketahanan operasi, pematuhan peraturan dan kemampunan kewangan. Memandangkan aset infrastruktur bersifat jangka panjang dan tidak cair, pemantauan risiko secara aktif adalah penting dalam mengurangkan cabaran yang berkaitan dengan perubahan pasaran, perubahan peraturan dan prestasi aset.

Infrastruktur

Pelaburan infrastruktur memerlukan penilaian pra-pelaburan yang teliti terhadap pengurus atau rakan pelaburan, strategi, daya maju aset, dan potensi pulangan jangka panjang. Pengawasan risiko pasca pelaburan memberi tumpuan kepada ketahanan operasi, pematuhan terhadap peraturan, dan kemampunan kewangan. Disebabkan sifat aset infrastruktur yang berjangka panjang dan tidak cair, pemantauan risiko secara aktif adalah penting untuk mengurangkan cabaran yang berkaitan dengan peralihan pasaran, perubahan peraturan, dan prestasi aset.

Hartanah

Portfolio hartanah KWAP dipelbagaikan secara strategik merentasi pasaran domestik dan antarabangsa. Pengurusan risiko dalam kelas aset ini berpusat kepada pembinaan portfolio dengan memanfaatkan kepelbagaian geografi dan jenis aset bagi mengoptimumkan pulangan terlaras risiko. Pelaburan hartanah secara asasnya bersifat jangka panjang, dengan risiko yang lebih tertumpu kepada aspek struktur berbanding transaksi. Selain pendedahan

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN (SAMBUNGAN)

terhadap pergerakan harga hartanah, usaha mengekalkan pendapatan sewaan yang stabil melalui pengurusan pajakan yang berkesan serta kawalan kos tetap menjadi keutamaan utama.

Pembangunan Hartanah

Pembangunan hartanah mempunyai risiko yang berbeza berbanding dengan pelaburan hartanah langsung. Risikonya merangkumi kos pembangunan, kelulusan undang-undang, turun naik permintaan pasaran, dan cabaran pelaksanaan projek. Pendekatan pengurusan risiko yang berhemah melibatkan usaha wajar pra-pelaburan yang menyeluruh, pemantauan berterusan terhadap kos dan jadual pelaksanaan, serta penentuan kedudukan pasaran secara strategik bagi mengurangkan impak kemerosotan kitaran dan memastikan hasil projek yang mampan.

Usaha Wajar Pra-pelaburan

Proses usaha wajar pra-pelaburan yang kukuh merupakan teras kepada rangka kerja pengurusan risiko pasaran swasta KWAP. Proses ini dibentuk untuk memastikan pelaburan yang berpotensi sejajar dengan mandat pelaburan dan objektif Alokasi Aset Strategik (SAA) KWAP sambil mengurangkan risiko utama yang berkaitan dengan pelaburan pasaran swasta.

Mekanisme utama dalam proses usaha wajar KWAP bagi pelaburan pasaran swasta ialah Soal Selidik Penilaian Risiko (RAQ) yang disesuaikan mengikut setiap kelas aset. Soal selidik ini menyediakan pendekatan yang berstruktur dan sistematik untuk menilai pengurus pelaburan, rakan pelaburan dan syarikat penerima pelaburan yang berpotensi. Penilaian ini memberi tumpuan kepada rangka kerja tadbir urus mereka, kawalan pengurusan risiko, dan pematuhan kepada amalan terbaik industri, bagi memastikan pelaburan disokong oleh pengawasan yang kukuh dan kaedah mitigasi risiko yang berkesan.

Pengurusan Risiko Pasca Pelaburan

Memandangkan sifat pasaran swasta yang tidak cair dan berjangka panjang, pengurusan risiko pasca pelaburan adalah penting bagi mengekalkan daya tahan portfolio dan mengoptimumkan pulangan. KWAP mengamalkan pendekatan proaktif dalam pemantauan dan mitigasi risiko, yang membolehkan pengenalan awal terhadap isu berpotensi serta pelaksanaan langkah pembetulan secara tepat pada masanya.

Dengan mengintegrasikan langkah-langkah pengurusan risiko yang menyeluruh ini, KWAP mengukuhkan ketahanan pelaburan pasaran swastanya, memastikan kemampanan dan penciptaan nilai jangka panjang sambil melindungi kepentingan pemegang kepentingan.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI (ORM)

ORM di KWAP memberi tumpuan kepada usaha mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko yang berkaitan dengan operasi perniagaan. Ia merupakan sebahagian daripada proses Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) yang bertujuan untuk mengurus kerugian yang berpotensi atau kerugian sebenar disebabkan kelemahan atau kegagalan proses dalaman, individu, sistem atau peristiwa luaran. Ini merangkumi, tetapi tidak terhad kepada penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan transaksi, pelanggaran undang-undang serta peraturan, dan risiko terhadap kesihatan serta keselamatan warga kerja. Pengurusan risiko operasi yang tidak optimum juga boleh membawa kepada risiko bereputasi kepada KWAP.

Pelaporan Peristiwa Risiko Operasi (ORE)

KWAP menggunakan pelaporan ORE bagi bertindak balas dan mengurus kerugian operasi yang berpunca daripada peristiwa risiko sebenar secara berkesan. Selain memantau insiden yang berkaitan dengan risiko, laporan ORE juga digunakan untuk mengenal pasti punca utama insiden dan melaksanakan penambahbaikan yang diperlukan bagi mengelakkan insiden sama berulang. Jika dilaksanakan dengan berkesan, ORE bukan sahaja akan menghasilkan tindak balas yang lebih baik terhadap kejadian risiko, malah turut memperkukuh pengurusan risiko.

Pada tahun 2024, tiada peristiwa risiko besar memberi kesan kepada operasi KWAP memandangkan majoriti ORE telah diperbetulkan dengan segera. Antara langkah-langkah proaktif yang diambil untuk menangani ORE yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- Pasukan telah memudahcarakan perbincangan antara pihak-pihak terlibat bagi mengurangkan risiko dan mengelakkan insiden daripada berulang;
- Analisis punca utama dan pengesahan terhadap proses utama yang berkaitan dengan peristiwa risiko bagi mempertingkatkan kawalan risiko serta memastikan peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat ditakrif dengan jelas;
- Pasukan telah membentangkan ORE yang dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kepimpinan Kanan (SLC), RCC dan BRCC bagi memastikan semua isu ditangani dengan sewajarnya; dan

- Pasukan telah menjejak dan memantau ORE yang belum diselesaikan bersama pihak-pihak berkaitan untuk memastikan tindakan mitigasi dilaksanakan bagi meminimumkan kemungkinan untuk insiden berulang.

Program Pengurusan Risiko Penipuan

Program Pengurusan Risiko Penipuan (FRMP) dibangunkan untuk memperlihatkan jangkaan Lembaga dan Pengurusan Kanan serta komitmen mereka terhadap integriti tinggi dan nilai etika dalam menguruskan risiko penipuan dan rasuah di KWAP secara berkesan.

Selaras dengan penubuhan Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) pada tahun 2019, Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) telah diterapkan dalam rangka kerja pengurusan risiko. RMCD dan IGO telah bekerjasama dalam menjalankan penilaian risiko penipuan dan rasuah serta mengadakan bengkel tahunan untuk semua jabatan, fungsi dan anak syarikat KWAP. Kedua-dua jabatan ini terus menyemai kesedaran mengenai risiko penipuan dan rasuah melalui program latihan dan sesi cabaran bersama semua jabatan, fungsi dan anak syarikat KWAP.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BCM)

BCM terus menjadi tumpuan utama di KWAP. Pengurusan krisis, perancangan di luar jangka dan pembangunan senario adalah untuk memastikan kesinambungan dan pemulihan proses-proses perniagaan kritikal KWAP yang berpunca daripada gangguan atau krisis. KWAP telah mengautomasikan sebahagian aktiviti BCM dan melaksanakan pendekatan yang berstruktur dan mampan dalam pengurusan kesinambungan perniagaan.

Pada tahun 2024, selaras dengan objektif strategik dan hasil sasaran, KWAP telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti yang bukan sahaja bertujuan untuk mengesahkan kesinambungan operasi kritikal, malah mengenal pasti jurang berpotensi dan bidang yang memerlukan penambahbaikan. Hasil daripada aktiviti ini adalah sejajar dengan aliran kerja semakin berstruktur serta dibentangkan kepada RCC dan BRCC, selaras dengan Dasar BCM KWAP.

Aktiviti BCM berikut telah dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2024:

- Semakan tahunan terhadap Penilaian Risiko (RA) yang merentasi organisasi dan Analisis Impak Perniagaan (BIA) di peringkat jabatan bagi memastikan ia selaras dengan keperluan operasi semasa dan strategi ketahanan organisasi.
- Latihan dan program kesedaran untuk warga kerja KWAP yang berkaitan dengan prinsip BCM, pengurusan kitar hayat serta perancangan tindak balas strategik bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan organisasi.
- Latihan BCM dan Pemulihan Bencana (DR) sama ada yang telah dirancang atau dilakukan secara mengejut, yang melibatkan sistem dan fungsi perniagaan kritikal yang dijalankan dalam persekitaran langsung dan bukan langsung bagi menilai keberkesanan pemulihan proses perniagaan utama sekiranya berlaku krisis atau gangguan operasi besar.
- Latihan “Call Tree” untuk entiti di KWAP bagi menguji dan mengesahkan protokol komunikasi.
- Semakan terhadap Toleransi Kehilangan Data bagi proses perniagaan kritikal untuk menentukan tahap maksimum kehilangan data yang boleh diterima.
- Semakan kebergantungan kepada pihak ketiga yang membantu pasukan Digital dalaman dalam menyelenggara sistem yang menjadi hos kepada proses perniagaan kritikal KWAP.

PENGURUSAN RISIKO KEMAMPAHAN

Risiko kemampuhan ditakrifkan sebagai potensi kesan negatif terhadap keuntungan organisasi yang berpunca daripada impak kemampuhan yang merugikan dan perubahan iklim. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, isu kemampuhan dan ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) telah menjadi keutamaan di peringkat global, nasional dan organisasi. Bagi menyokong agenda kemampuhan negara, KWAP telah membangunkan Pelan Hala Tuju Kemampuhan KWAP.

Pelan hala tuju tersebut secara jelas menggariskan komitmen kemampuhan KWAP untuk melaksanakan lima lkrar Kemampuhan dan tujuh Hasil Sasaran. Rangka Kerja Risiko Kemampuhan dan Dasar Risiko Kemampuhan yang telah diwujudkan pada tahun 2023 merupakan dokumen tadbir urus yang berperanan sebagai panduan utama bagi Pelan Hala Tuju Kemampuhan KWAP ini.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN (SAMBUNGAN)

Rangka Kerja dan Dasar Risiko Kemampunan merupakan elemen penting dalam rangkuman risiko kemampunan dalam proses Pengurusan Risiko Perniagaan Patuh kepada ISO 3100:2018 kami, yang membawa pendekatan sistematik dalam mengenal pasti, menilai dan bertindak balas terhadap risiko-risiko kemampunan dalam operasi pelaburan dan perniagaan bagi memastikan objektif kemampunan kami tercapai. Secara ringkasnya, Rangka Kerja dan Dasar Risiko Kemampunan menangani risiko-risiko yang berkaitan dengan ESG dan iklim, konteks kawal selia, prinsip-prinsip risiko kemampunan serta penyeliaan tanggungjawab dan pengurusan risiko.

Dengan membangunkan dan mematuhi rangka kerja dan Dasar Risiko Kemampunan, KWAP menunjukkan komitmen terhadap negara dan matlamat kemampunan menerusi pendekatan yang proaktif bagi mengenal pasti dan menguruskan semua bentuk risiko kemampunan yang berkaitan.

Secara ringkasnya, RMCD menyediakan garis panduan bagi KWAP sebagai sebuah organisasi untuk beroperasi, berinovasi dan berusaha mencapai objektif strategiknya, sambil mengekalkan komitmen yang kukuh terhadap kemampunan.

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi kekal sebagai fungsi teras yang amat penting dalam KWAP. Kegagalan fungsi pematuhan dalam kes berprofil tinggi di Malaysia dan luar negara telah menekankan impak berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap kewangan dan reputasi.

Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan isu-isu risiko pematuhan iaitu risiko sekatan undang-undang atau kawal selia, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi akibat kegagalan mematuhi semua undang-undang, peraturan, kod tatalaku dan piawaian atau amalan terbaik.

Objektif utama pematuhan bukan sahaja untuk memelihara reputasi KWAP agar sentiasa berdaya saing, tetapi juga untuk mengekalkan dan meningkatkan reputasi serta nilai saham KWAP. Untuk mencapai objektif ini, matlamat Bahagian Pematuhan adalah untuk mengukur dan mengurus risiko pematuhan organisasi secara berkesan bagi memenuhi jangkaan daripada semua pihak berkepentingan. Rangka Kerja Pematuhan menyediakan asas kepada aspirasi ini yang dilaksanakan pada tahun 2010 dan disemak semula pada tahun 2022 dimana asas-asas fungsi pematuhan telah dirancang. Dalam menguruskan pelaksanaan Rangka Kerja Pematuhan, Pematuhan merupakan cabang teras kepada tiga barisan pertahanan model.

Skop Pematuhan

a) Pematuhan Kawal Selia


Ini merangkumi kawal selia dan garis panduan luar yang wajib dipatuhi oleh KWAP seperti Akta Parlimen, Dekri Kementerian Kewangan, kawal selia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan lain-lain badan kawal selia. Kehendak-kehendak kawal selia ini akan diterapkan dalam proses-proses dan amalan-amalan dalaman bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kawal selia tersebut.

b) Pematuhan Dalaman

Ini merangkumi pematuhan kepada Rangka Kerja, Polisi-Polisi, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh KWAP. Tugas memastikan pematuhan kawal selia/dalamam diamanahkan kepada Unit Perniagaan selaku barisan pertahanan pertama, dan sebarang potensi ketidakpatuhan harus dikenalpasti sebelum peristiwa tersebut berlaku, dan perlu ditangani serta dilaporkan kepada unit Pematuhan. Ini akan diutamakan mengikut piawaian tadbir urus korporat yang baik.

Proses Pematuhan

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berhubung kait dengan perkembangan pematuhan dalam peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta polisi dan prosedur KWAP. Rajah di bawah menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.



Pengenal-pastian	Mengenal pasti peraturan kawal selia yang relevan dan kehendak-kehendak dalaman yang perlu dipatuhi oleh unit-unit perniagaan.
Penilaian	Menilai peraturan kawal selia yang relevan serta kehendak-kehendak dalaman bagi memastikan pematuhan kepada unit-unit perniagaan.
Perakuan	Pengesahan separuh tahun dan/atau tahunan menerusi Senarai Semak Pematuhan Kendiri dan pengisytiharan sebarang insiden ketidakpatuhan semasa tempoh laporan.
Pemantauan dan Pelaporan	Memantau kawalan dan proses. Melaporkan sebarang insiden ketidakpatuhan kepada Barisan Pengurusan.
Pengesahan	Menjalankan semakan pematuhan berkala bagi menilai ketepatan Senarai Semak Pematuhan Kendiri yang telah diluluskan menerusi semakan sampel.

Nilai Pematuhan

Seiring dengan perubahan model perniagaan, kemunculan teknologi baharu dan peningkatan pelaburan baharu kelas aset, kecekapan operasi juga menerima tumpuan hebat. Sebelum ini, KWAP tidak pernah terdedah kepada banyak risiko. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga dan pengurusan kanan telah menyatakan sokongan dan kerjasama penuh bagi menjadikan pematuhan sebagai satu keutamaan. Pihak Lembaga dan pengurusan kanan menjalankannya dengan menetapkan arahan daripada peringkat atasan bagi mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengamalkan tingkah laku beretika. Semua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan pengurusan kanan tidak memberi kompromi terhadap pelanggaran pematuhan ini. Unit Pematuhan menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP.

Budaya pematuhan ini juga telah diperluaskan kepada pengurus dana luar (EFM) kami. EFM kami perlu mengisytiharkan pematuhan mereka secara bulanan kepada Perjanjian Pengurusan Pelaburan KWAP dan melaporkan dengan segera kepada KWAP mengenai sebarang pelanggaran terhadap Mandat Pelaburan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan bahawa semua EFM sentiasa mematuhi garis panduan yang dikenakan ke atas mereka. Selain itu, EFM juga dikehendaki untuk mengenai parameter untuk kehendak-kehendak pematuhan yang terkandung dalam sistem yang berkaitan secara bulanan.

Dasar Tembok Penghalang

KWAP telah melaksanakan Dasar Tembok Penghalang sejak tahun 2014. Dasar Tembok Penghalang KWAP diperkenalkan untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif dalam KWAP untuk mengurangkan risiko perdagangan dalaman dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan. Ini juga untuk membantu KWAP dalam memastikan bahawa pemilikan maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif tidak menimbulkan risiko ataupun risiko percanggahan tanggapan antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja.

PENYATA **PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN (SAMBUNGAN)**

Senarai Semak Pematuhan Kendiri secara Automatik

KWAP telah melaksanakan senarai semak pematuhan kendiri secara automatik di mana semua proses pengesahan dilakukan menerusi satu sistem pematuhan. Sistem pematuhan ini merangkumi kehendak-kehendak kawal selia dan dalaman. Senarai semak pematuhan kendiri akan dilengkapi oleh pegawai perhubungan pematuhan jabatan berkenaan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan mereka menerusi sistem tersebut. Pengesahan ini dilakukan secara dwi-tahunan untuk semua jabatan-jabatan yang berkaitan dengan pelaburan dan untuk jabatan-jabatan lain termasuk anak-anak syarikat KWAP secara tahunan.

Latihan Semakan Pematuhan

Bagi memastikan tahap keyakinan yang tinggi terhadap proses pematuhan, KWAP telah melaksanakan inisiatif Semakan Pematuhan, dimana latihan semakan berkala dijalankan ke atas jabatan-jabatan dalam KWAP. Tujuan latihan ini adalah untuk memastikan ketepatan daripada senarai semak pematuhan diri yang diisytiharkan dan dikemukakan oleh jabatan masing-masing melalui sistem pematuhan. Latihan ini dijalankan dengan melaksanakan ujian sampel ke atas keperluan yang ditetapkan dalam senarai semak pematuhan kendiri.

Lawatan Risiko dan Pematuhan ke EFM

KWAP telah melawat para EFM sejak tahun 2017, memulakan lawatan ke EFM antarabangsa pada tahun 2023 dan memulakan kitaran ketiga lawatan ke EFM domestik pada tahun 2024. Lawatan ini bertujuan untuk memastikan aktiviti dan amalan EFM mematuhi mandat Pelaburan yang diluluskan, di samping memastikan kawalan risiko dalaman mereka berfungsi dan tersedia. Selain itu, lawatan ke EFM antarabangsa memberi peluang kepada KWAP untuk mempelajari amalan-amalan terbaik bagi kawalan risiko dan pematuhan.

Depositori Pematuhan Kawal Selia

Pasukan Pematuhan telah membangunkan Depositori Pematuhan Kawal Selia untuk KWAP dan anak-anak syarikatnya. Depositori ini telah diterbitkan di Portal Intranet KWAP pada September 2022 dan dikemas kini secara berkala apabila terdapat perubahan peraturan atau pengenalan peraturan baru. Ia merupakan depository dalam talian yang membolehkan pengguna mencari keperluan kawal selia yang terpakai kepada semua jabatan di KWAP

dan anak-anak syarikat KWAP. Depositori ini merangkumi semua keperluan kawal selia, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Parlimen, Dekri Menteri Kewangan, Pekeliling Perkhidmatan serta keperluan kawal selia yang dikeluarkan oleh badan pengawalseliaan.

Saringan Know Your Counterparty (KYC)

Pasukan pematuhan menjalankan saringan dan pemeriksaan KYC untuk rakan niaga KWAP. Latihan saringan ini adalah untuk mengenal pasti jenayah kewangan iaitu Pencegahan Pengubahan Wang Haram/ Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) risiko kawal selia dan risiko bereputasi untuk rakan niaga yang mungkin berupaya meletakkan KWAP dalam kerumitan. Ini merupakan satu langkah yang diambil dengan pematuhan dalam memastikan pasukan untuk mengenal pasti tanda bahaya dalam saringan KYC yang menyemak identiti atau latar belakang sebenar rakan niaga, mengesan potensi penipuan kewangan, pendedahan politik atau rasuah, dan menghalang KWAP daripada dipergunakan untuk aktiviti jenayah seperti pengubahan wang haram. Pada tahun 2023, pasukan Pematuhan mengambil inisiatif untuk menyemak dan mempertingkatkan proses saringan KYC, termasuk dokumen-dokumen intelek serta mekanisme-mekanisme kawalan yang berkaitan. Pada tahun 2024, pasukan Pematuhan telah melanggan satu lagi platform KYC bagi meningkatkan keupayaan KYC dalam menentukan Pemilik Benefisial Utama bagi entiti atau pelaburan tertentu.

Prinsip-prinsip Tadbir Urus yang Baik (PGG)

PGG dilancarkan pada 15 April 2022 oleh Kementerian Kewangan (MOF). Ia dibangunkan bagi menyokong inisiatif dalam mempertingkatkan piawaian-piawaian dan amalan-amalan tadbir urus dan kemampunan di semua Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC). PGG berfungsi sebagai rujukan tunggal bagi amalan-amalan dasar tadbir urus dan kemampunan yang wajib untuk digunakan oleh GLIC.

Pasukan Pematuhan kami telah menerajui inisiatif untuk mengenal pasti jabatan-jabatan yang relevan di KWAP bagi memenuhi keperluan PGG. Program itu kemudiannya dibangunkan bagi menangani sebarang jurang yang dikenal pasti dan memastikan pematuhan terhadap tarikh akhir pada 15 April 2025 seperti yang ditetapkan oleh PGG. Pada suku kedua tahun 2024, KWAP telah mematuhi sepenuhnya keperluan yang ditetapkan oleh PGG.

RISIKO DAN PELUANG-PELUANG UTAMA PADA TAHUN 2025

KWAP menyedari kewujudan pelbagai risiko yang boleh menjejaskan ekonomi dan pasaran kewangan global pada tahun 2025 serta tahun-tahun yang akan datang. Dengan membuat jangkaan tinjauan dan trajektori risiko bagi sesuatu tahun merupakan satu tugas yang mencabar. Walaupun berdepan cabaran akibat ketidaktentuan geopolitik terhadap ekonomi global, beberapa potensi risiko yang dijangka memberi kesan kepada KWAP pada tahun 2025 dan seterusnya adalah seperti berikut:

Risiko	Penerangan	Tindakan Utama
 Faktor ekonomi dan ketidaktentuan	Ekonomi global terus mengalami tekanan akibat inflasi yang berterusan, kadar faedah yang tidak menentu, gangguan rantai bekalan, serta dasar perdagangan yang sentiasa berubah terutamanya antara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan China. Pada masa yang sama, kemunculan teknologi baru termasuk Kecerdasan Buatan (AI), blok rantai (<i>blockchain</i>), bioteknologi dan tenaga boleh diperbaharui sedang melakar semula dinamik ekonomi dan mempengaruhi arah aliran pasaran global.	• Melaksanakan penilaian dalaman secara berkala terhadap risiko yang berpunca daripada faktor ekonomi atau geopolitik serta potensi impaknya terhadap pelaburan. • Mengadakan sesi libat urus secara berkala dengan pengurus dana luar dan syarikat berkaitan kerajaan lain bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai unjuran ekonomi dan prospek industri. • Menetapkan petunjuk ekonomi utama untuk memantau tanda-tanda awal ketidaktentuan ekonomi. • Memantau perkembangan dan prospek pasaran secara berterusan.
 Risiko geopolitik	Risiko geopolitik kekal tinggi berlatarbelakangkan ketegangan yang semakin meningkat antara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China dan Rusia dengan implikasi jangka panjang yang dijangka berterusan melangkaui tahun 2024. Pilihan raya yang akan berlangsung di negara-negara ekonomi utama berpotensi mencetuskan ketidaktentuan pasaran dalam jangka pendek, manakala konflik serantau dan bencana alam turut menambahkan lagi ketidakpastian terhadap kestabilan ekonomi global.	• Menambah baik proses pelaburan secara berterusan termasuk mengintegrasikan ESG ke dalam semua pelaburan. • Komited untuk tidak melabur dalam syarikat yang terlibat dalam pembuatan senjata dan industri sensitif lain, sejauh mana yang boleh. • Mengamalkan pendekatan seimbang dalam menilai dan memberi respons secara dinamik terhadap potensi impak terhadap pelaburan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN (SAMBUNGAN)

Risiko	Penerangan	Tindakan Utama
 Risiko keselamatan siber	Apabila kebergantungan terhadap teknologi digital semakin meningkat, risiko keselamatan siber turut bertambah serius. Teknologi yang sedang berkembang, termasuk AI, sedang dieksploitasi oleh pihak berniat jahat yang meningkatkan ancaman seperti pancingan data (<i>phishing</i>), perisian tebusan (<i>ransomware</i>) dan serangan dari dalam organisasi. Ancaman siber yang semakin meningkat ini boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang besar, gangguan operasi dan penurunan produktiviti.	KWAP telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurus risiko keselamatan siber secara berkesan, iaitu: • Rangka Kerja Keselamatan Siber & Pengurangan Pancingan Data: KWAP telah melaksanakan Rangka Kerja dan Program Keselamatan Siber yang komprehensif untuk mengurus risiko siber dan mengukuhkan kawalan keselamatan. Ini termasuk program kesedaran keselamatan yang kerap untuk warga kerja. Hasilnya, kadar risiko pancingan data KWAP beransur-ansur menurun daripada 7.8% pada tahun 2022 kepada 2.2% pada tahun 2023 dan seterusnya kepada 1.9% pada tahun 2024 iaitu jauh di bawah paras purata industri sebanyak 4.6%. • Simulasi Perisian Tebusan & Alat Tindak Balas Rangkaian: KWAP menjalankan simulasi serangan perisian tebusan untuk menguji kesediaannya dalam bertindak balas terhadap ancaman. Selain itu, KWAP telah menggunakan alat pengesanan dan tindak balas rangkaian untuk tindak balas yang pantas terhadap serangan siber. • Penilaian Kendiri Garis Dasar Keselamatan Siber: KWAP juga telah menjalankan Penilaian Kendiri Garis Dasar Keselamatan Siber yang dimandatkan oleh Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan Malaysia (NACSA) bawah Akta Keselamatan Siber 2024. Penilaian ini merangkumi pelbagai elemen seperti keselamatan perhubungan pembekal, pengurusan kapasiti, keselamatan perisian dan aplikasi, serta ujian dan simulasi. Inisiatif ini mencerminkan komitmen KWAP untuk mengekalkan postur keselamatan siber yang kukuh dan memastikan perlindungan aset dan maklumat digitalnya.

Risiko	Penerangan	Tindakan Utama
 Risiko kemampanan	Risiko ESG merangkumi peristiwa atau keadaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang berpotensi memberi impak signifikan terhadap keuntungan organisasi sekiranya berlaku, yang berpunca daripada kesan buruk ke atas kemampanan. Risiko yang berkaitan dengan iklim, iaitu subset kepada risiko ESG, secara khusus merujuk kepada potensi kesan negatif perubahan iklim, termasuk ancaman kepada nyawa manusia, mata pencarian, kesihatan, infrastruktur dan aset-aset sosio-ekonomi.	• Mewujudkan Rangka Kerja Risiko Kemampanan dan Polisi Risiko Kemampanan sebagai dokumen yang mengawal Pelan Hala Tuju Kemampanan KWAP. • Menentukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang boleh diukur untuk memantau matlamat prestasi dan kemampanan. • Menerbitkan laporan kemampanan yang menunjukkan kemajuan dalam mencapai sasaran kemampanan yang ditetapkan.

Bersandarkan faktor-faktor di atas, KWAP akan terus mengutamakan pengurangan risiko dan pembinaan daya tahan pada tahun 2025. Ini akan dicapai melalui pelaburan berterusan dalam infrastruktur risiko, teknologi canggih, keselamatan siber, inisiatif kemampanan dan perancangan luar jangka yang komprehensif. Melalui kerjasama dan komunikasi dalaman yang teguh, KWAP berazam untuk mencapai tahap ketangkasan dan tindak balas maksimum terhadap keadaan pasaran yang sentiasa berubah.

KWAP menjangkakan transformasi digital yang berterusan di dalam dan di seluruh organisasi. Transformasi ini akan diiringi oleh penerapan amalan mampan yang dipercepatkan, yang dipandu oleh pewujudan Rangka Kerja Risiko Kemampanan dan Dasar Risiko Kemampanan. Selain itu, tumpuan terhadap tanggungjawab sosial dan alam sekitar akan dipertingkatkan sejajar dengan komitmen KWAP terhadap pembangunan mampan.

Selaras dengan Pengurusan Risiko ISO 31000:2018, KWAP akan terus melakukan inovasi dalam Infrastruktur Risikonya.

Ini termasuk memperkenalkan langkah pengurangan risiko baharu dan merombak rangka kerja tadbir urus risiko semasa KWAP untuk memastikan semua risiko diurus dengan berkesan dan pantas.

Perkara penting yang perlu diakui adalah kesukaran meramal masa hadapan. Peristiwa yang tidak dijangka boleh memberi kesan kepada prospek risiko dan hala tuju strategik bagi tahun 2025. KWAP komited untuk sentiasa peka, menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan, dan membuat keputusan berinformasi berdasarkan maklumat terkini dan nasihat pakar. Dengan memberi tumpuan kepada risiko dan peluang utama ini, KWAP berhasrat untuk membina daya tahan dan memacu pertumbuhan yang mampan pada tahun 2025 dan seterusnya.

Kesimpulannya, pendekatan proaktif KWAP terhadap pengurusan risiko dan kemampanan bukan sahaja akan melindungi pelaburan tetapi juga menyumbang kepada matlamat yang lebih luas iaitu pembangunan ekonomi yang mampan. Dedikasi KWAP terhadap penambahbaikan dan inovasi berterusan akan memastikan KWAP kekal berdaya tahan dan responsif menghadapi persekitaran global yang dinamik.

PENYATA AUDIT DALAM

GAMBARAN KESELURUHAN

Jabatan Audit Dalam menyediakan perkhidmatan perunding secara bebas, dengan objektif yang terjamin untuk menambah nilai dan menambah baik operasi KWAP. Misi audit dalam adalah untuk meningkatkan dan melindungi nilai organisasi dengan memberi jaminan objektif dan berdasarkan risiko, nasihat dan wawasan. Fungsi audit dalam adalah untuk membantu mencapai objektif dengan membawa kaedah berdisiplin dan sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan.

KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Audit Dalam melapor secara fungsinya kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) dan pentadbirannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Aturan pelaporan semasa bagi Audit Dalam membolehkan tanggungjawab aktiviti dipenuhi dan tidak mengganggu tanggungjawab hakiki Ketua Audit Dalam kepada BAC.

Status bebas Jabatan Audit Dalam tidak dipertikaikan sepanjang tahun lalu. Tiada sekatan terhadap skop kerja, sumber dan akses Jabatan Audit Dalam sepanjang tahun tersebut.

Ketua Audit Dalam menyedari bahawa sekiranya berlaku sekatan besar terhadap skop fungsi audit dalam, ia akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit.

SKOP KERJA

Skop fungsi audit dalam termasuk, tetapi tidak terhad, kepada pemeriksaan objektif ke atas bukti untuk tujuan memberi penilaian bebas kepada BAC, barisan pengurusan dan pihak luar tentang kelengkapan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalam KWAP.

Skop kerja sekunder Jabatan Audit Dalam merangkumi perkara berikut:

- Menjalankan penyiasatan khas; dan
- Bertindak sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa projek terpilih yang diwujudkan untuk membangunkan atau melaksanakan sistem-sistem atau proses-proses baharu. Penyertaan sedemikian adalah terhad kepada memberi nasihat dalam hal-hal kawalan dan tidak menghalang Audit Dalam daripada mengaudit sistem atau proses tersebut.

Audit Dalam terus mengamalkan pendekatan perancangan audit berdasarkan risiko dan mengutamakan fungsi-fungsi audit dalam mengikut peringkat risiko audit. Sebanyak 13 laporan audit telah dikeluarkan pada tahun 2024 berbanding dengan 12 laporan audit pada tahun 2023. Status isu-isu audit tertunggak dilaporkan kepada pihak pengurusan pada setiap bulan dan kepada BAC pada setiap suku tahun. Jabatan Audit Dalam terus memantau pelaksanaan pelan tindakan sebagaimana dipersetujui oleh pihak pengurusan. Bagi tahun 2024 dan 2023, tiada pelan tindakan tertunggak dilaporkan kepada BAC.

PENCAPAIAN TAHUN 2024

Pada tahun 2024, Jabatan Audit Dalam terus cemerlang dengan menganjurkan sesi Perkongsian Ilmu Luaran bersama agensi-agensi kerajaan lain iaitu Jabatan Audit Dalam Lembaga Tabung Haji, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sesi ini berkongsi pandangan mengenai strategi penilaian risiko audit dalam, proses audit dan metodologi audit. Jabatan Audit Dalam juga terus melaksanakan Program Juruaudit Jemputan yang berperanan sebagai inisiatif latihan kepimpinan bagi melahirkan pemimpin masa hadapan KWAP. Selain itu, satu sesi kesedaran telah diadakan mengenai amalan tadbir urus baik dengan memanfaatkan tingkah laku kumpulan untuk menerapkan budaya tadbir urus dalam KWAP secara berkesan telah berjaya dijalankan oleh Jabatan Audit Dalam.

TADBIR URUS DAN INTEGRITI

GAMBARAN KESELURUHAN

Di KWAP, integriti merupakan teras kepada nilai-nilai kami, dan kami mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah. Di bawah Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO), kami melaksanakan mekanisme pengurusan aduan yang kukuh, termasuk dasar, prosedur, langkah pencegahan dan inisiatif yang berkaitan, sambil memupuk budaya etika dan integriti dalam kalangan warga kerja bagi melindungi kepentingan organisasi serta memastikan kemampuhan perniagaan. Pada tahun 2024, komitmen ini telah dizahirkan melalui pelbagai inisiatif utama dan pencapaian yang dilaksanakan dan/atau diuruskan oleh IGO KWAP.

PELANCARAN KOD ETIKA DAN TATAKELOLA PERNIAGAAN KWAP

Kod Etika dan Tatakelola Perniagaan KWAP telah dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 13 Jun 2024. Kod ini berfungsi sebagai panduan umum kepada semua warga kerja KWAP untuk bertindak selaras dengan peraturan, nilai teras dan etika yang telah ditetapkan oleh KWAP. Ini merupakan bukti komitmen teguh kami terhadap integriti, profesionalisme, akauntabiliti dan amalan perniagaan yang beretika.

MEJA BANTUAN IGO

Meja Bantuan IGO, yang dilancarkan pada 28 Jun 2024, merupakan sebahagian daripada inisiatif pendigitalan KWAP yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kebolehsasaran jejak. Ia membolehkan warga kerja KWAP membuat pengisytiharan secara dalam talian sebagaimana yang disyaratkan oleh dasar antirasuah dan polisi korupsi kami, termasuk yang berkaitan dengan pemberian hadiah, hiburan dan konflik kepentingan. Selain itu, ia turut merangkumi Pengisytiharan Integriti serta pengesahan dan pengakuan terhadap Kod Etika dan Tatakelola Perniagaan KWAP. Selain membuat pengisytiharan, pengguna juga boleh mengakses dan menjejaki status permohonan mereka, dari peringkat awal sehingga selesai.

ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN PENCEGAHAN RASUAH (ABMS)

Sejak 3 Disember 2021, KWAP telah diperakui dengan pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam mengurus risiko rasuah dan penyelewengan bagi memastikan operasi perniagaan berjalan dengan lancar. Pada tahun 2024, KWAP berjaya mengekalkan pensijilan ini selepas melalui audit pensijilan semula yang merangkumi

jabatan-jabatan di pejabat Kuala Lumpur dan Cyberjaya, serta anak-anak syarikatnya, KWEST Sdn Bhd dan Prima Ekuiti (UK) Limited. Pensijilan semula ini berkuat kuasa mulai 5 Disember 2024.

PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI KWAP 2021 - 2025

KWAP telah melancarkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP) 2021 - 2025 pada 24 Februari 2021. Pelan ini mengandungi 57 inisiatif yang dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh lima tahun. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk menangani isu-isu dan risiko-risiko integriti, tadbir urus dan rasuah di KWAP. Setakat penghujung tahun 2024, yang merupakan tahun ketiga pelaksanaan pelan ini, 75% atau 43 daripada keseluruhan inisiatif tersebut telah dilaksanakan.

POLISI ANTIRASUAH DAN KORUPSI

Beberapa dasar-dasar, prosedur-prosedur dan garis panduan baharu dan sedia ada telah dibangunkan dan disemak agar kekal relevan dan berkesan untuk pencegahan rasuah dan tadbir urus yang baik. Pada tahun 2024, penambahbaikan utama telah dibuat terhadap dasar KWAP yang berkaitan dengan hadiah dan hiburan, konflik kepentingan, serta antirasuah dan korupsi. Selain itu, kami memperkenalkan garis panduan baru untuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) di KWAP dan mengemaskini garis panduan penyiasatan sedia ada.

LATIHAN DAN KESEDARAN

Sepanjang tahun pelaporan, kami terus memberi fokus terhadap meningkatkan kesedaran mengenai dasar antirasuah KWAP dan perkara yang berkaitan dengan integriti secara lebih meluas. Ini dilaksanakan melalui pelbagai platform, termasuk mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif, taklimat dasar, ceramah integriti, buletin bulanan INTEGRITI & U, komunikasi emel, serta sambutan hari integriti dan antirasuah di peringkat nasional dan antarabangsa.

Berikut adalah sorotan utama inisiatif latihan dan program kesedaran yang dijalankan pada tahun 2024:

i. Latihan Luar untuk Ahli Lembaga KWAP, Panel Pelaburan dan Ahli Lembaga KWEST

Kami menganjurkan sesi latihan luar bertajuk "*What Amounts to a Conflict of Interest for Directors?*" untuk ahli lembaga dan ahli panel pelaburan KWAP, serta ahli lembaga KWEST. Sesi yang dikendalikan oleh Asia

TADBIR URUS DAN INTEGRITI (SAMBUNGAN)

School of Business (ASB) ini telah berlangsung pada 10 Jun 2024. Inisiatif ini bertujuan memberi pendedahan lanjut mengenai potensi konflik kepentingan yang dihadapi oleh ahli lembaga dan ahli panel pelaburan KWAP, serta ahli lembaga KWEST.

ii. Program Jangkauan Rakan Niaga KWAP

Pada 19 September, kami menganjurkan Program Jangkauan Rakan Niaga KWAP yang dihadiri oleh pengurus dana KWAP dan KWEST, broker, pengurus aset, pembekal dan rakan niaga luar. Pembentangan yang telah disampaikan adalah bertajuk “KWAP’s Anti-Corruption Controls and Measures: Your Roles” oleh Encik Zulazuan bin Pilus dari IGO, diikuti ceramah oleh Encik Iskandar bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengenai “Fair Play in Procurement: Tackling Bid-Rigging with Integrity”.

iii. Latihan Dalam Talian untuk Kakitangan KWAP

Modul e-pembelajaran kedua, “Whistleblowing 101: Reporting with Confidence,” yang dibangunkan secara dalaman pada tahun 2023, telah dilancarkan melalui Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) pada Ogos 2024 untuk semua kakitangan KWAP. Seterusnya, modul e-pembelajaran ketiga dan keempat – “Conflict of Interest” dan “KWAP No Gift Policy: P.O.L.I.T.E. Guideline” – turut dibangunkan secara dalaman. Modul konflik kepentingan menekankan kepentingan ketelusan dalam membuat keputusan dan keperluan untuk mengelakkan situasi yang boleh menjejaskan integriti. Sementara itu, modul P.O.L.I.T.E. membincangkan amalan menerima hadiah serta menegaskan tanggapan untuk hadiah yang boleh diterima. Kedua-dua modul ini dilancarkan kepada semua kakitangan pada Disember 2024.

iv. Hari Integriti KWAP 2024

Hari Integriti KWAP 2024 telah diadakan pada 17 Disember 2024 dengan tema “Sow Ethics, Reap Integrity”. Sebagai sebahagian daripada acara tersebut, satu sesi ceramah yang berkaitan dengan integriti telah diadakan, yang menampilkan Dato’ Anis Rizana binti Mohd Zainudin, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Sesi beliau menekankan akan kepentingan kepimpinan berprinsip dan tadbir urus yang baik dalam memupuk integriti serta memacu kecemerlangan organisasi.

v. Ceramah Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah

Beberapa ceramah oleh penceramah luar telah diadakan untuk warga kerja pada tahun 2024 seperti berikut:

- “Organisational Governance Pitfalls: Lessons Learned” oleh Tan Sri Dato’ Setia Haji Ambrin bin Buang, bekas Ketua Audit Negara Malaysia pada 8 Mac 2024;
- “Sustainable Success: Embedding Ethics in Your Organisational DNA” oleh Cik Eulis Rachmatiah, Pendukung Etika pada 13 Jun 2024; dan
- “Integrity Sheriff: Keeping the Workplace in Check,” oleh Dr. Haji Mazlan bin Ahmad, Penasihat Panel Semakan Operasi di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 10 September 2024.

PEMBERIAN MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)

Mekanisme pemberian maklumat yang ditubuhkan dalam KWAP mengukuhkan usaha kami untuk mencegah rasuah dan memupuk budaya integriti serta akauntabiliti. Mekanisme yang diuruskan oleh IGO ini membolehkan warga kerja KWAP dan orang awam untuk menyuarakan kebimbangan mengenai salah laku dengan niat yang baik. Perlindungan warga kerja dijamin daripada sebarang tindakan balas, dan semua laporan dikendalikan dengan tahap kerahsiaan yang paling tinggi.

Maklumat yang berkaitan dengan salah laku, sama ada diterima melalui saluran pemberian maklumat atau sumber lain yang termasuk pemberi maklumat tanpa nama, akan dikendalikan selaras dengan dasar dan prosedur operasi standard KWAP yang berkaitan dengan pemberian maklumat.

Saluran pemberian maklumat KWAP adalah seperti berikut:

- e-Borang di laman sesawang KWAP dan platform dalaman lain
- E-mel:
 - whistleblow@kwap.gov.my
 - bic@kwap.gov.my (untuk laporan mengenai kakitangan IGO)
- Talian terus: 03-2174 8090
- Temu janji bersama pegawai IGO
- Hantaran surat fizikal kepada IGO: Pejabat Integriti dan Tadbir Urus, Aras 35, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

07

PENYATA KEWANGAN

Pensijilan Ketua Audit Negara	148
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	152
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	153
Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif	154
Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan	156
Penyata-Penyata Perubahan dalam Ekuiti	158
Penyata-Penyata Aliran Tunai	160
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	163

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Hartanah dan peralatan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos, setelah ditolak amaun cukai yang ditanggung, kecuali jika cukai tersebut tidak dapat diperolehi balik daripada kerajaan. Sekiranya cukai yang ditanggung tidak dapat diperolehi balik daripada kerajaan, cukai tersebut diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos perolehan hartanah dan peralatan. Kos bagi sesuatu item hartanah dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan diterima oleh Kumpulan dan KWAP dan kosnya boleh dinilai dengan yakin.

Selepas pengiktirafan asal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Kos asal sesuatu item hartanah dan peralatan yang diiktiraf adalah termasuk harga beli dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung yang ditanggung untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk membolehkannya berfungsi mengikut cara yang ditetapkan oleh Kumpulan dan KWAP. Kos juga termasuk kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak.

Jika terdapat keperluan untuk menggantikan sebahagian besar daripada item hartanah dan peralatan, bahagian tersebut diiktiraf sebagai aset individu dengan jangka hayat penggunaan serta susut nilai tersendiri. Begitu juga, sekiranya terdapat pemeriksaan utama, kos penggantian bagi item hartanah atau peralatan diiktiraf dalam nilai dibawa item tersebut, tertakluk kepada kriteria pengiktirafan yang ditetapkan. Kos-kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Renovasi Pejabat	16.67%
Komputer	20.00%
Lukisan	20.00%
Perabot dan Peralatan Pejabat	20.00%
Peralatan Gimnasium	20.00%
Kenderaan	20.00%
Peralatan Elektronik	33.33%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.6 Hartanah Dan Peralatan (Sambungan)

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada, antara lain, kerja-kerja pengubahsuaian yang sedang dijalankan dan penambahbaikan atau penaiktarafan sistem maklumat yang sedang dijalankan. Kerja dalam kemajuan dan lukisan bukan berasaskan lukisan air dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusut nilai sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan KWAP akan menilai sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya ada, analisa dilaksanakan bagi menentukan sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih sepenuhnya. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, nilai aset akan dirosot nilai ke nilai boleh pulih. Dasar berkaitan dengan rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya perlu.

Item hartanah dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian aset selepas penyahiktirafan aset diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf, sekiranya ada.

2.7 Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan asal

Aset kewangan diiktiraf apabila Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Instrumen kewangan pada asalnya diiktiraf oleh Kumpulan dan KWAP pada nilai saksama termasuk, bagi instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi ("FVTPL"), kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan perolehan instrumen kewangan atau liabiliti kewangan, sekiranya ada. Klasifikasi instrumen kewangan dan liabiliti kewangan adalah ditentukan pada pengiktirafan asal.

Belian dan jualan lazim aset kewangan diiktiraf pada tarikh penyelesaian akaun. Kaedah ini diguna pakai secara konsisten bagi semua belian dan jualan aset kewangan di dalam kategori yang sama.

(b) Klasifikasi dan penilaian berikutan

Kumpulan dan KWAP mengguna pakai MFRS 9 dan aset kewangan telah diklasifikasikan berdasarkan kepada kategori-kategori berikut– Kos Yang Dilunaskan, Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI") dan FVTPL.

Jika tiada perbezaan ketara untuk terma, rundingan semula atau pengubahsuaian tidak akan mengakibatkan penyahiktirafan, dan Kumpulan dan KWAP mengira semula nilai dibawa kasar berdasarkan aliran tunai disemak bagi aset kewangan tersebut dan mengiktiraf keuntungan atau kerugian daripada pengukuran semula dalam penyata untung atau rugi. Nilai dibawa kasar baharu dikira semula dengan mendiskaunkan aliran tunai yang diubah suai pada kadar faedah efektif asal atau kadar faedah efektif diselaraskan kredit untuk aset kewangan kredit terjejas dibeli atau asal ("POCI").

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (Sambungan)

(b) Klasifikasi dan penilaian berikutan (Sambungan)

Klasifikasi bagi instrumen hutang dan ekuiti adalah mengikut keperluan seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Instrumen hutang

Instrumen hutang adalah instrumen yang menepati definisi liabiliti kewangan dari perspektif penerbit. Klasifikasi dan penilaian instrumen hutang adalah bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan KWAP bagi pengurusan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Berdasarkan kepada faktor diatas, Kumpulan dan KWAP mengklasifikasikan instrumen hutang mengikut salah satu daripada tiga (3) kategori penilaian berikut:

Kos Yang Dilunaskan

Aset kewangan yang dipegang bagi kutipan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili *Pembayaran Semata-mata Pembayaran Principal dan Faedah* ("SPPI"), dan bukan dikelaskan sebagai FVTPL, dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan berdasarkan kepada kaedah pulangan berkesan. Nilai dibawa aset diselaraskan dengan kerugian rosot nilai yang diiktiraf dan dinilai berdasarkan kepada model Kerugian Kredit yang Dijangka ("ECL"). Pendapatan faedah dari aset kewangan yang dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Kerugian yang timbul dari rosot nilai aset instrumen kewangan diiktiraf sebagai Peruntukan Rosot Nilai dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Kerugian yang timbul dari rosot nilai aset kewangan selain daripada instrumen kewangan diiktiraf sebagai Peruntukan Rosot Nilai Aset Lain dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

FVOCI

Aset kewangan yang dipegang bagi tujuan kutipan aliran tunai kontraktual dan jualan aset berikutnya di mana aliran tunai aset tersebut mewakili SPPI, dan bukan diklasifikasikan sebagai FVTPL, dinilai pada FVOCI. Perubahan pada nilai saksama diiktiraf melalui Pendapatan Komprehensif Lain, kecuali pengiktirafan kerugian rosot nilai dinyatakan berdasarkan model ECL, pendapatan faedah dan untung atau rugi kadar tukaran mata wang ke atas Kos Yang Dilunaskan bagi aset kewangan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah yang diperolehi semasa aset kewangan berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, untung atau rugi terkumpul yang diiktiraf terdahulu dalam Pendapatan Komprehensif Lain diklasifikasikan semula sebagai untung atau rugi dalam Keuntungan dan Kerugian Daripada Jualan Pelaburan.

FVTPL

Aset kewangan yang tidak memenuhi syarat bagi Kos Yang Dilunaskan atau FVOCI, termasuklah aset kewangan Dipegang Untuk Dagangan ("HFT") dan derivatif, dinilai pada FVTPL. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian aset kewangan tersebut yang dinilai semula pada FVTPL dan tidak merupakan sebahagian daripada hubungan lindung nilai, diiktiraf sebagai Keuntungan dan Kerugian Daripada Jualan Pelaburan dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah yang diperolehi semasa aset kewangan berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (Sambungan)

(b) Klasifikasi dan penilaian berikutan (Sambungan)

1. Instrumen hutang (Sambungan)

Penilaian model perniagaan

Kumpulan dan KWAP menilai objektif model perniagaan aset kewangan yang dipegang pada tahap portfolio yang mencerminkan kaedah pengurusan dan laporan kepada pihak pengurusan yang terbaik. Faktor-faktor yang dipertimbangkan merangkumi polisi dan objektif portfolio dan amalan operasi polisi tersebut. Secara terperinci, samada strategi pihak pengurusan adalah bagi penjana pendapatan faedah kontrak, penyelenggaraan profil kadar faedah tertentu, padanan tempoh aset kewangan kepada tempoh liabiliti kewangan yang membiayai aset tersebut atau penjana aliran tunai melalui penjualan aset kewangan.

Faktor-faktor lain yang akan dipertimbangkan termasuk kekerapan, jumlah dan tempoh jualan terdahulu, penilaian prestasi aset kewangan dan laporan kepada pihak pengurusan utama serta penilaian dan pengurusan risiko.

Reklasifikasi instrumen hutang

Reklasifikasi instrumen hutang oleh Kumpulan dan KWAP dilaksanakan apabila dan hanya apabila terdapat perubahan dalam model perniagaan yang menguruskan aset tersebut.

2. Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti adalah instrumen yang memenuhi definisi ekuiti dari perspektif penerbit; iaitu, instrumen yang tidak mempunyai obligasi kontrak untuk membayar dan membuktikan kepentingan residual dalam aset bersih penerbit.

Pada pengiktirafan asal, Kumpulan dan KWAP boleh memilih untuk mengklasifikasikan pelaburan ekuiti yang tidak dipegang untuk tujuan dagangan sebagai FVOCI tanpa pilihan untuk ditarik balik. Klasifikasi tersebut ditentukan atas dasar instrumen ke instrumen di mana nilai saksama untung atau rugi diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan tidak direklasifikasikan ke untung atau rugi, termasuk juga semasa pelupusan. Dividen yang diperoleh ketika instrumen ekuiti berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Dividen dalam Penyata Pendapatan Komprehensif setelah hak untuk menerima pembayaran ditentukan.

Keuntungan dan kerugian instrumen ekuiti pada FVTPL diiktiraf sebagai Keuntungan atau Kerugian Daripada Jualan Pelaburan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif selepas penyahiktirafan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (Sambungan)

(c) Reklasifikasi Aset Kewangan

Aset kewangan bukan derivatif boleh direklasifikasi oleh Kumpulan dan KWAP daripada kategori FVTPL (selain daripada instrumen ekuiti), dalam keadaan yang jarang berlaku, jika aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan jualan dan pembelian semula dalam tempoh masa yang terdekat. Justeru, aset kewangan yang memenuhi definisi Pinjaman dan Belum Terima boleh direklasifikasikan oleh Kumpulan dan KWAP daripada kategori FVTPL atau FVOCI sekiranya terdapat tujuan dan keupayaan oleh Kumpulan dan KWAP untuk memegang aset kewangan sehingga masa hadapan atau tempoh matang.

Instrumen hutang direklasifikasikan oleh Kumpulan dan KWAP apabila, dan hanya apabila terdapat perubahan dalam model perniagaan yang menguruskan aset tersebut.

2.8 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan mengikut kandungan pengaturan kontrak yang dimeterai serta definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, di bawah skop MFRS 9, diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Kumpulan dan KWAP mengklasifikasikan liabiliti kewangan mengikut kategori-kategori berikut – Kos Yang Dilunaskan atau FVTPL. Liabiliti kewangan diklasifikasikan dan dinilai pada Kos Yang Dilunaskan, kecuali:

- (i) liabiliti kewangan pada FVTPL; dan
- (ii) jaminan kontrak kewangan dan komitmen pinjaman.

Kos Yang Dilunaskan

Liabiliti kewangan yang dikeluarkan oleh Kumpulan dan KWAP diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada Kos Yang Dilunaskan, di mana hasil daripada kandungan pengaturan kontrak oleh Kumpulan dan KWAP melibatkan obligasi bagi Kumpulan dan KWAP untuk melaksanakan pemberian tunai atau aset kewangan yang lain kepada pemilik atau menepati obligasi selain daripada tukaran nilai tunai atau aset kewangan lain yang telah ditetapkan.

Liabiliti kewangan bukan derivatif pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama pembayaran yang diterima setelah ditolak kos transaksi yang berkaitan, sekiranya ada. Selepas pengiktirafan asal, liabiliti kewangan bukan derivatif dinilai pada nilai Kos Yang Dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Kos Yang Dilunaskan dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium dari pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian besar daripada kaedah kadar faedah efektif. Liabiliti kewangan dinilai pada nilai Kos Yang Dilunaskan termasuk deposit dari pelanggan, deposit dari bank, perjanjian pembelian balik, sekuriti hutang yang dikeluarkan dan pinjaman dana lain.

FVTPL

Liabiliti Kewangan pada FVTPL merangkumi derivatif kewangan yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Derivatif kewangan dinyatakan pada nilai saksama, di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Perbezaan pertukaran mata wang adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian bersih derivatif tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.8 Liabiliti Kewangan (Sambungan)

Liabiliti Kewangan Lain

Pinjaman dinyahiktiraf dari Penyata Kedudukan Kewangan apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, sekiranya ada, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Yuran yang dibayar atas penubuhan fasiliti pinjaman diiktiraf sebagai kos transaksi bagi pinjaman tersebut yang terhad kepada kebarangkalian besar sebahagian atau kesemua fasiliti tersebut akan digunakan. Dalam kes ini, yuran ditangguhkan sehingga berlakunya pengeluaran pinjaman. Sekiranya tiada bukti bahawa kebarangkalian besar atau kesemua fasiliti itu akan digunakan, yuran tersebut akan dipermodalkan sebagai pra-bayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh fasiliti tersebut.

2.9 Penyahiktirafan Aset Dan Liabiliti Kewangan

Kumpulan dan KWAP menyahiktiraf aset kewangan apabila aliran tunai kontrak aset kewangan tersebut tamat tempoh atau hak terimaan aliran tunai kontrak telah dipindahkan kepada pihak lain di dalam transaksi yang melibatkan pemindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan. Faedah hasil daripada pemindahan aset kewangan yang diwujudkan atau dikekalkan oleh Kumpulan dan KWAP diiktiraf sebagai aset atau liabiliti yang berasingan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf dari Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan KWAP setelah pelepasan, pembatalan atau tamat tempoh obligasi yang dinyatakan dalam kontrak.

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara selepas ditolak overdraf bank. Kesetaraan tunai termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang tidak kurang 90 hari dari tarikh pembelian.

2.11 Sewaan

(i) Definisi sewaan

Sebuah kontrak adalah, atau mengandungi, sewaan sekiranya kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi suatu tempoh masa sebagai gantian untuk pertimbangan. Untuk menilai sama ada sesebuah kontrak memberi hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, Kumpulan menilai sama ada:

- kontrak melibatkan penggunaan aset yang dikenal pasti – ini mungkin dinyatakan secara jelas ataupun tersirat, dan sepatutnya dapat dibezakan secara fizikal ataupun mewakili segala keupayaan sebuah aset yang berbeza secara fizikal dengan ketara. Sekiranya pembekal mempunyai hak penggantian substantif, aset tersebut tidak dikenal pasti;

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.11 Sewaan (Sambungan)

(i) Definisi Sewaan (Sambungan)

- pelanggan mempunyai hak untuk memperoleh segala manfaat ekonomi yang diperoleh daripada penggunaan aset sepanjang tempoh penggunaan dengan ketara; dan
- pelanggan mempunyai hak untuk mengarah penggunaan aset tersebut. Pelanggan mempunyai hak ini apabila pelanggan mempunyai hak untuk membuat keputusan yang paling relevan dengan mengubah cara dan tujuan aset tersebut digunakan. Dalam kes di mana keputusan mengenai cara dan tujuan aset tersebut digunakan telah ditetapkan, pelanggan mempunyai hak untuk mengarahkan penggunaan aset tersebut sekiranya pelanggan tersebut mempunyai hak untuk mengendalikan aset; atau pelanggan mereka bentuk aset tersebut dengan cara yang menetapkan cara penggunaan dan tujuannya.

Pada permulaan atau pentaksiran semula kontrak yang mengandungi komponen sewaan, Kumpulan memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada setiap komponen sewaan dan bukan sewaan atas dasar harga tersendiri relatif. Walau bagaimanapun, untuk sewaan hartanah di mana Kumpulan adalah penyewa, Kumpulan memilih untuk tidak mengasingkan komponen bukan sewaan dan akan mengambil kira komponen sewaan dan bukan sewaan sebagai satu komponen sewaan.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Sebagai penyewa

Kumpulan mengiktiraf aset hak-atas-penggunaan dan liabiliti sewaan pada tarikh permulaan sewaan. Pada mulanya, aset hak-atas-penggunaan diukur pada kos, iaitu terdiri daripada amaun awal liabiliti sewaan diselaraskan untuk sebarang bayaran penyewaan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan, ditambah sebarang kos langsung awal yang tertanggung dan anggaran kos untuk membongkar dan membuang aset sandaran tersebut atau untuk membaiki pulih aset sandaran atau tapak lokasinya, ditolak sebarang insentif penyewaan yang diterima.

Liabiliti sewaan pada awalnya diukur pada nilai semasa bayaran penyewaan yang belum dibayar pada tarikh permulaan, didiskaunkan menggunakan kadar faedah tersirat dalam sewaan atau, jika kadar tersebut tidak boleh ditentukan dengan mudah, menggunakan kadar pinjaman tambahan entiti Kumpulan masing-masing.

Bayaran penyewaan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti sewaan terdiri daripada berikut:

- pembayaran tetap, termasuk pembayaran tetap dasar ditolak sebarang insentif belum diterima;
- bayaran penyewaan berubah yang bergantung kepada suatu indeks atau kadar, pada awalnya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- amaun yang dijangka belum bayar di bawah jaminan nilai sisa;
- harga laksana di bawah pilihan pembelian yang agak yakin dilaksanakan oleh Kumpulan; dan
- penalti penamatan awal sebuah sewaan melainkan Kumpulan agak yakin tidak akan tamat awal.

Kumpulan tidak memasukkan bayaran sewaan berubah yang berkaitan dengan prestasi masa depan atau penggunaan aset sandaran daripada liabiliti sewaan. Sebaliknya, bayaran tersebut dikenal pasti di dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana prestasi atau penggunaan berlaku.

Kumpulan telah memilih untuk tidak mengenal pasti aset hak penggunaan dan liabiliti sewaan untuk sewaan jangka pendek yang mempunyai tempoh sewaan 12 bulan atau kurang dan sewaan aset nilai rendah. Kumpulan mengenal pasti bayaran penyewaan berkaitan dengan sewaan tersebut sebagai perbelanjaan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh sewaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.11 Sewaan (Sambungan)

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal (Sambungan)

Sebagai tuan sewa

Sebagai tuan sewa, Kumpulan menetapkan sama ada setiap sewaan adalah sewaan kewangan atau sewaan operasi pada tarikh permulaan sewaan.

Untuk mengelaskan setiap sewaan, Kumpulan membuat penilaian keseluruhan sama ada sewaan tersebut memindahkan risiko dan ganjaran sampingan dengan ketara kepada pemilikan aset sandaran. Jika ini berlaku, sewaan tersebut adalah sewaan kewangan; jika tidak, sewaan tersebut adalah sewaan operasi.

Jika suatu pengaturan mengandungi komponen sewaan dan bukan sewaan, Kumpulan mengguna pakai *MFRS 15: Revenue From Contract with Customers* ("MFRS 15") untuk memperuntukkan pertimbangan di dalam kontrak berdasarkan harga jualan tersendiri.

Sebagai tuan sewa pertengahan, Kumpulan mengambil kira faedahnya di dalam sewaan utama dan sewaan sampingan. Kumpulan menilai klasifikasi sewaan sebuah sewaan sampingan dengan merujuk kepada aset hak penggunaan yang timbul daripada sewaan utama, bukan merujuk kepada aset sandaran. Jika sewaan utama adalah sewaan jangka pendek di mana Kumpulan mengguna pakai pengecualian yang dijelaskan di atas, sewaan sampingan akan diklasifikasikan sebagai sewaan operasi.

(iii) Pengukuran berikutan

Sebagai penyewa

Aset hak-atas-penggunaan kemudiannya disusut nilai atas dasar garis lurus dari tarikh permulaan hingga akhir hayat berguna aset hak-atas-penggunaan tersebut atau akhir tempoh sewaan, mana-mana yang datang dahulu. Anggaran tempoh hayat berguna aset hak penggunaan ditentukan atas dasar sama seperti hartanah, loji dan peralatan. Aset hak-atas-penggunaan juga dikurangkan secara berkala dengan kerugian rosotnilai, jika ada, dilaraskan untuk pengukuran semula liabiliti sewaan.

Liabiliti sewaan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Liabiliti diukur semula apabila ada perubahan bayaran penyewaan masa depan timbul daripada perubahan indeks atau kadar, ada penyemakan bayaran penyewaan tetap dasar, atau ada perubahan anggaran Kumpulan jangkaan amaun belum bayar di bawah jaminan nilai sisa, atau Kumpulan mengubah penilaian sama ada akan melaksanakan pilihan pembelian, penyambungan atau penamatan.

Apabila liabiliti sewaan diukur semula, pelarasan sepadan dibuat pada amaun dibawa aset hak penggunaan, atau direkodkan dalam untung atau rugi jika amaun dibawa aset hak penggunaan telah dikurangkan kepada sifar.

Sebagai tuan sewa

Kumpulan mengenal pasti bayaran penyewaan diterima di bawah sewaan operasi sebagai pendapatan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh sewaan sebagai sebahagian daripada "Pendapatan Pelaburan Kasar".

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.12 Pelaburan Hartanah

Pelaburan Hartanah terdiri daripada tanah, hartanah siap dan hartanah sedang dibina (“IPUC”) yang dipegang untuk tujuan kenaikan modal atau sewaan atau kedua-duanya, dan secara amnya tidak diduduki untuk kegunaan atau berada dalam operasi Kumpulan. Pelaburan hartanah diklasifikasikan sebagai pelaburan jangka panjang dengan pengiktirafan asal pada nilai kos termasuk kos urus niaga.

Selepas pengiktirafan asal, pelaburan hartanah dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada, kecuali hartanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad dan IPUC yang tidak disusut nilai. IPUC tidak disusut nilai kerana aset tersebut belum bersedia untuk digunakan. Pelaburan hartanah lain disusut nilai mengikut anggaran jangka hayat ekonomi. Kadar susut nilai hartanah pegangan bebas adalah 99 tahun pada asas garis lurus. Dasar bagi pengiktirafan dan penilaian kerugian rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 2.18.

Perbelanjaan susulan dipermodalkan kepada nilai dibawa aset hanya apabila kemungkinan manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir ke Kumpulan dan KWAP serta kos item tersebut boleh dinilai dengan yakin. Semua kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai belanja apabila ditanggung. Sekiranya sebahagian daripada pelaburan hartanah diganti, nilai dibawa bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai pelaburan hartanah disemak semula pada setiap tahun kewangan, dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila penggunaan terhenti di mana tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusan dan penamatan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan atau penamatan pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun pelupusan atau penamatan, sekiranya ada.

Pindahan kepada atau daripada pelaburan hartanah dilaksanakan apabila dan hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaan pelaburan hartanah. Bagi pindahan daripada pelaburan hartanah kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pelaburan hartanah tersebut pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan hartanah, pelaburan hartanah tersebut diakaunkan mengikut dasar perakaunan bagi hartanah dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.6 sehingga tarikh perubahan dalam kegunaan.

Hartanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad tidak disusut nilai dan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai, sekiranya ada.

Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan belum dilaksanakan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disempurnakan dalam kitaran operasi yang normal. Tanah tersebut dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa dan dinyatakan pada kos.

Susut nilai bagi pelaburan hartanah diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Bangunan	2.50%
Tanah Pegangan Pajak (berdasarkan tempoh pegangan pajak)	1.01%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.13 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapat obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) yang disebabkan oleh peristiwa terdahulu di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa sumber ekonomi akan dialirkan keluar bagi menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi boleh dinilai dengan yakin.

Sekiranya berlaku pembayaran balik peruntukan kepada Kumpulan dan KWAP, pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik dikenal pasti. Tiada pengiktirafan peruntukan bagi kerugian operasi masa hadapan.

Untuk sejumlah obligasi yang sama, kebarangkalian aliran keluar diperlukan bagi pembayaran ditentukan dengan mengambil kira kelas obligasi secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun kebarangkalian aliran keluar berkaitan dengan mana-mana item di dalam kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan dinilai pada nilai semasa anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus untuk obligasi tersebut. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Penyataan semula peruntukan dilaksanakan sekiranya tiada kebarangkalian pengaliran keluar sumber ekonomi untuk tujuan penyelesaian obligasi.

2.14 Kos Pinjaman

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset layak sekiranya kos tersebut berkait secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Permodalan kos pinjaman bermula dengan pelaksanaan aktiviti penyediaan aset bagi tujuan kegunaan aset tersebut atau berlakunya perbelanjaan dan kos pinjaman semasa jualan sedang dilaksanakan. Kos pinjaman dipermodalkan sehingga sebahagian besar aset telah siap dibina untuk tujuan kegunaan atau jualan aset tersebut.

Keuntungan pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan sementara pinjaman tersebut sebelum perbelanjaan ke atas aset layak, adalah ditolak daripada kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan.

Kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh kos ditanggung. Kos pinjaman terdiri daripada faedah dan kos lain yang ditanggung berhubung dengan pinjaman dana.

2.15 Pengiktirafan Hasil Dan Pendapatan

Hasil dan pendapatan diiktiraf pada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan dialirkan masuk dan boleh dinilai dengan yakin. Hasil dan pendapatan dinyatakan pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

(a) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila terdapat hak untuk menerima pembayaran.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.15 Pengiktirafan Hasil Dan Pendapatan (Sambungan)

(b) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah bagi aset kewangan diklasifikasi sebagai FVOCI diukur dengan mengguna pakai kadar faedah efektif ke atas nilai dibawa kasar aset kewangan kecuali aset kewangan yang menghadapi rosot nilai kredit. Bagi aset kewangan yang menghadapi rosot nilai kredit, kadar faedah efektif diguna pakai keatas nilai dibawa bersih aset kewangan (selepas ditolak peruntukan kerugian).

Pendapatan faedah bagi aset kewangan diklasifikasi sebagai FVTPL diiktiraf berdasarkan pengaturan kontrak.

(c) Keuntungan atau kerugian pelupusan pelaburan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pelaburan diiktiraf apabila semua syarat-syarat perjanjian yang membawa kepada penjualan pelaburan dipenuhi.

(d) Pendapatan sewaan daripada pelaburan hartanah

Pendapatan sewaan yang diterima daripada pelaburan hartanah (bangunan dan tempat letak kereta) di bawah sewaan operasi diiktiraf melalui kaedah garis lurus sepanjang tempoh sewaan. Insentif sewaan yang dikurniakan diiktiraf sebagai bahagian penting keseluruhan pendapatan sewaan sepanjang tempoh sewaan.

Pendapatan sewaan daripada sewaan sampingan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tempoh laporan pendapatan itu diterima.

(e) Pendapatan caj perkhidmatan

Pendapatan caj perkhidmatan diiktiraf dalam tempoh perakaunan di mana perkhidmatan diberikan dan pelanggan menerima dan menggunakan faedah yang diberikan oleh Kumpulan dan KWAP, dan Kumpulan dan KWAP mempunyai hak penerimaan kepada bayaran untuk perkhidmatan tersebut.

(f) Pendapatan utiliti

Pendapatan dari caj penghawaan dingin hawa dan air sejuk diiktiraf semasa penghawa dingin dan air sejuk dibekalkan kepada pelanggan dan pelanggan menerima dan mengguna pakai bekalan tersebut, dan Kumpulan dan KWAP mempunyai hak penerimaan kepada bayaran untuk bekalan tersebut.

2.16 Cukai Pendapatan

(a) Cukai semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa dinyatakan pada amaun boleh pulih yang dijangka akan diterima daripada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang diguna pakai bagi pengiraan amaun boleh pulih adalah berdasarkan kadar dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali cukai yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti.

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Seksyen 127[3A] Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi semua pendapatan daripada punca domestik serta cukai pegangan di bawah Seksyen 107A (1) dan Seksyen 109 bagi faedah dan pendapatan kelas khas. Segala pendapatan daripada punca antarabangsa adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang cukai negara asal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.16 Cukai Pendapatan (Sambungan)

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda adalah peruntukan yang menggunakan kaedah liabiliti berdasarkan kepada perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa aset dan liabiliti tersebut bagi tujuan laporan kewangan pada tarikh laporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda berpunca daripada pengiktirafan asal muhibah atau pengiktirafan asal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta, pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau untung atau rugi sebelum cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, di mana pelaksanaan penyataan semula perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan dinyatakan semula pada masa hadapan.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai dan kerugian cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan, pada tahap di mana kebarangkalian besar bahawa keuntungan boleh cukai boleh digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak kredit cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan dan kerugian cukai kredit boleh dimanfaatkan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang berpunca daripada pengiktirafan asal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta, pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara akan dinyatakan semula pada masa hadapan dan keuntungan boleh cukai akan membolehkan penggunaan perbezaan sementara tersebut.

Nilai dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada tahap di mana tiada kebarangkalian besar bahawa terdapat keuntungan boleh cukai yang mencukupi untuk membolehkan penggunaan semua atau sebahagian aset cukai tertunda. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf kepada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan membolehkan penggunaan aset cukai tertunda tersebut.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dinyatakan pada kadar cukai yang dijangka akan diguna pakai pada tahun aset direalisasi atau penyelesaian liabiliti berdasarkan transaksi kadar cukai dan undang-undang cukai yang berkuat kuasa atau sebahagian besarnya berkuat kuasa pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Cukai tertunda tersebut diiktiraf berdasarkan yang berkaitan sama ada dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti. Cukai tertunda yang berpunca daripada gabungan perniagaan diselaraskan ke atas muhibah yang berkaitan semasa pengambilalihan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.16 Cukai Pendapatan (Sambungan)

(b) Cukai tertunda (Sambungan)

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya terdapat hak yang sah untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa, di mana aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda tersebut adalah berkaitan dengan entiti boleh cukai yang sama serta pihak berkuasa cukai yang sama.

2.17 Mata Wang Asing

(a) Mata wang fungsian dan persembahan

Penyata Kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan dinyatakan berdasarkan mata wang utama dalam persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata Kewangan digabungkan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") sebagai mata wang fungsian dan persembahan bagi Kumpulan dan KWAP.

(b) Transaksi dan baki dalam mata wang asing

Transaksi mata wang asing dinyatakan berdasarkan mata wang fungsian bagi KWAP dan syarikat subsidiari masing-masing di mana pengiktrafan asal mata wang fungsian tersebut adalah berdasarkan kadar tukaran mata wang pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasi dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang semerta pada tarikh laporan.

Perbezaan kadar tukaran mata wang yang terhasil daripada penyelesaian item kewangan atau pada terjemahan item kewangan pada tarikh laporan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif kecuali perbezaan kadar tukaran mata wang daripada item kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi luar negara. Item kewangan tersebut pada asalnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan digabungkan di bawah Rizab Pertukaran Mata Wang Asing dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Perubahan pada nilai saksama sekuriti kewangan yang didenominasi dalam mata wang asing yang diklasifikasikan sebagai FVTPL dianalisa di antara perbezaan terjemahan berikutan daripada perubahan Kos Yang Dilunaskan dan perubahan lain dalam nilai dibawa sekuriti tersebut. Perbezaan terjemahan yang berkaitan dengan perubahan Kos Yang Dilunaskan diiktiraf dalam untung atau rugi, dan perubahan lain dalam nilai dibawa diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang dinyatakan pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang pada tarikh asal transaksi. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang dinyatakan pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang berikutan daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun tersebut, kecuali bagi perbezaan yang berikutan daripada terjemahan item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian yang berkaitan diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.17 Mata Wang Asing (Sambungan)

(c) Kendalian asing

Hasil kewangan dan kedudukan kewangan kendalian asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza dengan mata wang persembahan Ringgit Malaysia dalam Penyata Kewangan digabungkan adalah diterjemahkan kepada mata wang persembahan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti kendalian asing diterjemahkan pada kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan Komprehensif diterjemahkan pada kadar tukaran purata bagi tahun kewangan tersebut; dan
- Semua perbezaan kadar tukaran mata wang diiktiraf secara langsung dalam Pendapatan Komprehensif Lain melalui rizab pertukaran mata wang asing.

Sekiranya sesuatu kendalian asing dilupuskan, perbezaan kadar tukaran mata wang terkumpul terdahulu berkaitan dengan kendalian asing tersebut yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan dikumpulkan dalam komponen ekuiti yang berasingan, direklasifikasi daripada ekuiti kepada Penyata Pendapatan Komprehensif (sebagai pelarasan reklasifikasi) apabila keuntungan atau kerugian pelupusan diiktiraf.

Bagi pelupusan separa syarikat subsidiari yang melibatkan kendalian asing, bahagian bersekadar untuk perbezaan pertukaran mata wang terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain disalurkan kepada Kepentingan Tak Mengawal kendalian asing tersebut. Bagi pelupusan separa kendalian asing yang lain, bahagian bersekadar perbezaan pertukaran mata wang terkumpul terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain direklasifikasi kepada Penyata Pendapatan Komprehensif.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang berikutan daripada pengambilalihan kendalian asing diiktiraf sebagai aset dan liabiliti kendalian asing tersebut dan diterjemahkan mengikut kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan. Perbezaan pertukaran yang berikutan daripada pengiktirafan muhibah dan nilai saksama diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

2.18 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Penilaian rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan keperluan rosot nilai aset. Sekiranya terdapat tanda-tanda rosot nilai atau keperluan untuk penilaian rosot nilai, jangkaan nilai boleh pulih dianggarkan bagi aset yang berkaitan.

Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset setelah ditolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan i.e. Unit Penjanaan Tunai ("CGU").

Dalam penilaian nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus kepada aset tersebut. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, aset tersebut dinyatakan pada nilai boleh pulih. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU pada asalnya diperuntukan untuk mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukan kepada unit atau kumpulan unit tersebut, sekiranya ada, diikuti oleh pengurangan amaun dibawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit pada asas pro-rata. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.18 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

Penilaian rosot nilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan sama ada keperluan kerugian rosot nilai terdahulu masih lagi wujud atau telah berkurangan. Penyataan semula kerugian rosot nilai terdahulu hanya dilaksanakan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang diguna pakai untuk menentukan nilai boleh pulih aset bagi pengiktirafan kerugian rosot nilai terdahulu. Bagi situasi ini, nilai dibawa aset dinaikkan kepada nilai boleh pulih. Walau bagaimanapun, kenaikan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa aset yang telah ditentukan setelah ditolak susut nilai, di mana tiada pengiktirafan kerugian rosot nilai terdahulu. Penyataan semula rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Tiada penyataan semula bagi kerugian rosot nilai ke atas muhibah dalam tempoh yang berikutnya.

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan

Kumpulan dan KWAP menilai ECL berdasarkan kepada asas pandang hadapan yang berkaitan dengan aset kewangan yang dinyatakan pada Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI. Kaedah rosot nilai yang diguna pakai bergantung sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan.

ECL merupakan anggaran kewajaran kebarangkalian bagi perbezaan diantara nilai semasa aliran tunai berdasarkan kontrak dan nilai semasa aliran tunai yang dijangka akan diterima oleh Kumpulan dan KWAP, dalam baki tempoh hayat instrumen kewangan tersebut.

Penilaian ECL menggambarkan:

- jumlah yang adil dan kewajaran kebarangkalian bagi jumlah yang ditentukan melalui penilaian dari pelbagai kemungkinan;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang boleh didapati tanpa kos atau usaha pada tarikh laporan mengenai peristiwa lalu, situasi semasa serta anggaran situasi ekonomi masa hadapan.

Aset kewangan POCI ialah aset yang mengalami kemerosotan kredit pada pengiktirafan asal. Bagi aset kewangan POCI, ECL dimasukkan ke dalam pengiraan kadar faedah efektif pada pengiktirafan asal. Akibatnya, aset kewangan POCI tidak membawa elaun rosot nilai pada pengiktirafan asal. Amaun yang diiktiraf sebagai elaun kerugian selepas pengiktirafan asal adalah sama dengan perubahan dalam sepanjang hayat ECL sejak pengiktirafan asal aset.

(a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI

Terdapat tiga (3) kategori aset kewangan yang diambil kira pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI yang menggambarkan risiko kredit dan penentuan peruntukan kerugian pinjaman bagi setiap kategori.

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan KWAP menyatakan ECL melalui peruntukan kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan 12 bulan ECL dengan syarat tiada peningkatan risiko kredit yang signifikan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan sejak dari pengiktirafan asal. Bagi instrumen kewangan yang lain, peruntukan kerugian yang diperlukan adalah bersamaan dengan ECL sepanjang hayat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (Sambungan)

(a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI (Sambungan)

Ringkasan berkaitan dengan model ECL bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

(i) Peringkat 1: 12 Bulan ECL

Bagi pendedahan kredit di mana tiada peningkatan signifikan pada risiko kredit sejak pengiktirafan asal dan tiada rosot nilai kredit sejak permulaan, sebahagian daripada ECL sepanjang hayat yang berkaitan dengan kebarangkalian besar berlakunya peristiwa kemerosotan di dalam tempoh 12 bulan berikutnya akan diiktiraf.

(ii) Peringkat 2: Sepanjang Hayat ECL – tiada rosot nilai kredit

Bagi pendedahan kredit di mana terdapat peningkatan signifikan pada risiko kredit sejak pengiktirafan asal tetapi tiada rosot nilai kredit sejak permulaan, sepanjang hayat ECL diiktiraf. Peningkatan risiko kredit dianggap signifikan apabila pembayaran balik faedah dan/atau pokok tertunggak telah melebihi tempoh 30 hari tetapi kurang daripada 89 hari.

(iii) Peringkat 3: Sepanjang Hayat ECL – terdapat rosot nilai kredit

Penilaian rosot nilai kredit bagi aset kewangan dilaksanakan apabila berlakunya satu atau lebih peristiwa di mana anggaran aliran tunai aset masa hadapan terjejas. Memandangkan kriteria yang diguna pakai adalah bersamaan dengan kriteria di bawah MFRS 139, tiada perubahan dalam kaedah KWAP bagi peruntukan spesifik. Oleh yang demikian, sepanjang hayat ECL diiktiraf bagi aset kewangan yang mempunyai rosot nilai kredit.

Bagi aset kewangan, Kumpulan dan KWAP mengakaunkan risiko kredit mengikut penepatan masa berdasarkan peruntukan ECL yang sesuai, di mana pengiraan kadar ECL mengambil kira kadar kerugian sejarah bagi setiap kategori aset kewangan dan diselaraskan dengan data makro ekonomi pandang hadapan. Tiada perubahan signifikan bagi teknik anggaran atau andaian sepanjang tempoh laporan.

Tiada perubahan signifikan kepada teknik anggaran atau anggaran sepanjang tempoh laporan.

Peningkatan signifikan risiko kredit

Kumpulan dan KWAP menilai kebarangkalian penjejasan bagi aset kewangan pada pengiktirafan asal sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan sepanjang setiap tempoh laporan. Dalam penilaian sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan, Kumpulan dan KWAP membandingkan risiko penjejasan ke atas aset kewangan pada tarikh laporan dengan risiko penjejasan pada pengiktirafan asal dengan mengambil kira semua informasi pandang hadapan yang munasabah dan disokong.

Antara petunjuk yang diambil kira adalah seperti berikut:

- kadar kredit dalaman;
- kadar kredit luaran (selagi ada); dan
- perubahan merosot yang signifikan di dalam perniagaan, kewangan atau keadaan ekonomi samada yang nyata atau jangkaan yang dijangka akan mengakibatkan perubahan signifikan bagi memenuhi obligasi penghutang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.19 Rosot Nilai Aset Kewangan (Sambungan)

(a) Instrumen kewangan yang diperakaunkan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dan FVOCI (Sambungan)

Peningkatan signifikan risiko kredit (Sambungan)

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) adalah merupakan sebahagian daripada model kadar dalaman.

Tanpa mengambil kira analisa diatas, peningkatan risiko kredit dianggap signifikan sekiranya pembayaran kontrak oleh penghutang adalah tertunggak melebihi dari 30 hari.

Pengecualian risiko kredit rendah

Instrumen kewangan yang mempunyai syarat-syarat yang dinyatakan di bawah dianggap mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh laporan:

- mempunyai risiko penjejasan yang rendah;
- keupayaan yang kukuh oleh peminjam bagi memenuhi obligasi aliran tunai dalam jangka masa terdekat; dan
- perubahan negatif yang tidak semestinya mengurangkan keupayaan peminjam untuk membuat pembayaran bila perlu.

Definisi penjejasan dan rosot nilai kredit aset kewangan

Kumpulan dan KWAP mentakrifkan penjejasan instrumen kewangan, selari dengan definisi rosot nilai kredit, apabila aset kewangan tersebut memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

a) Kriteria kuantitatif:

Kegagalan pihak berkaitan untuk melaksanakan pembayaran kontrak dalam masa 90 hari pembayaran.

b) Kriteria kualitatif:

Memenuhi kriteria kebarangkalian besar hutang tidak dibayar oleh pihak berkaitan yang menggambarkan kesulitan kewangan yang signifikan oleh penghutang seperti:

- melanggar perjanjian kewangan;
- konsesi dari peminjam berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang;
- kebarangkalian besar bankrupsi atau penyusunan semula kewangan;
- penghutang yang insolven; dan
- kehilangan pasaran utama bagi aset kewangan disebabkan oleh kesulitan kewangan.

Kumpulan dan KWAP menilai rosot nilai kredit bagi setiap instrumen kewangan atas dasar individu.

(b) Hapuskira aset kewangan

Aset kewangan bagi Kumpulan dan KWAP dihapuskira, secara keseluruhan atau sebahagiannya, apabila segala usaha pemulihan tidak berhasil dan berkesimpulan bahawa pemulihan adalah tidak munasabah. Jangkaan pemulihan yang tidak munasabah dinilai berdasarkan ketiadaan sumber pendapatan atau aset yang boleh menjana aliran tunai masa hadapan yang mencukupi bagi membiayai amaun pembayaran oleh penghutang. Aset kewangan yang masih lagi tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan boleh dihapuskira oleh Kumpulan dan KWAP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.20 Derivatif Instrumen Kewangan

Derivatif pada asalnya diiktiraf pada tarikh kontrak derivatif dimenterai dengan menggunakan nilai saksama dan dinilai semula menggunakan nilai saksama pada setiap tarikh laporan. Perubahan pada nilai saksama instrumen derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf dengan serta merta dalam untung atau rugi termasuk untung atau rugi bersih atas perubahan nilai saksama derivatif tersebut.

2.21 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan social ("PERKESO"), caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") atau caruman pencen dan bayaran gratuiti kepada pekerja kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan tersebut dilaksanakan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang kemudiannya meningkatkan kelayakan pekerja untuk pampasan ketidakhadiran yang akan datang. Sementara itu, pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Manfaat jangka panjang

Bayaran manfaat jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan manfaat pekerja atas dasar terakru dalam tahun semasa Penyata Pendapatan Komprehensif. Pada masa yang sama, amaun tersebut diiktiraf sebagai liabiliti yang dikategorikan sebagai faedah pekerja dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jenis-jenis faedah jangka panjang yang diiktiraf berdasarkan asas akrual adalah seperti berikut:

- Bayaran anugerah cuti gantian; dan
- Manfaat perubatan pesara.

Pengiraan manfaat perubatan pesara adalah berdasarkan penilaian aktuari tahunan yang dilaksanakan oleh penilai luar.

2.22 Pengiraan Nilai Saksama

Instrumen kewangan seperti derivatif dan pelaburan kewangan, dinyatakan pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan. Nilai saksama instrumen kewangan yang dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan dinyatakan dalam Nota 35 kepada Penyata Kewangan.

Nilai saksama adalah amaun yang akan diterima daripada jualan aset atau amaun yang dibayar bagi pemindahan liabiliti dalam transaksi yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi jualan aset atau pemindahan liabiliti dilaksanakan sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.22 Pengiraan Nilai Saksama (Sambungan)

Pasaran utama atau pasaran yang paling menguntungkan hendaklah boleh diakses oleh Kumpulan dan KWAP. Nilai saksama aset atau liabiliti diukur dengan menggunakan andaian yang diambil kira oleh peserta pasaran dalam menentukan harga aset atau liabiliti, serta andaian bahawa peserta pasaran akan bertindak mengikut kepentingan ekonomi yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira kebolehan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi melalui penggunaan aset secara terbaik atau jualan kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara terbaik.

Kumpulan dan KWAP menggunakan teknik penilaian yang dianggap bersesuaian dengan keadaan di mana data yang mencukupi boleh didapati untuk penilaian nilai saksama, dengan memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan serta meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Aset dan liabiliti di mana nilai saksama diukur atau dinyatakan dalam Penyata Kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama berikut, berdasarkan tahap input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1: Sebut harga (tidak dilaras) harga pasaran di dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama;
- Tahap 2: Teknik penilaian di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung; dan
- Tahap 3: Penilaian teknik di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap pengukuran nilai saksama yang tidak boleh diperhatikan.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan secara berulang, penilaian semula bagi kategori aset dan liabiliti dilaksanakan bagi menentukan sama ada berlakunya pemindahan aset di antara tahap dalam hierarki (berdasarkan input paras terendah dari segi kepentingan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh laporan.

2.23 Aset Luar Jangka Dan Liabiliti Luar Jangka

Aset luar jangka merupakan aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWAP. Tiada pengiktirafan bagi aset luar jangka, hanya pendedahan mengenai kewujudan aset tersebut di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak boleh dijangka. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWAP atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka mungkin juga timbul melalui kes yang amat jarang berlaku di mana liabiliti tidak diiktiraf disebabkan oleh ketidakupayaan untuk dinilai dengan yakin. Tiada pengiktirafan bagi liabiliti luar jangka, hanya pendedahan dalam Penyata Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. POLISI PERAKAUNAN MATERIAL (SAMBUNGAN)

2.24 Instrumen Kewangan Yang Diofset

Aset dan liabiliti kewangan diofset di mana jumlah bersih dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapat hak kuatkuasa secara sah untuk mengofset jumlah yang telah diiktiraf serta hasrat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti pada masa yang sama. Hak kuatkuasa tersebut tidak boleh bergantung kepada peristiwa masa depan dan boleh dikuatkuasakan dalam operasi biasa perniagaan dan sekiranya berlaku penjejasan, ketidakmampuan bayar atau muflis.

2.25 Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun

KWAP menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

2.26 Caruman Pencen

Caruman pencen diiktiraf apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agensi Lain serta syer kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008. Denda atas caruman lewat bayar diiktiraf dan diakaunkan mengikut asas tunai.

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING

Penyediaan Penyata Kewangan digabungkan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian oleh Kumpulan dan KWAP yang memberi kesan kepada amaun pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti serta pendedahan yang disertakan dan pendedahan berkenaan dengan aset dan liabiliti luar jangka selaras dengan MFRS yang berkaitan. Ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran boleh menyebabkan keputusan yang mengakibatkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa bagi aset atau liabiliti yang terlibat pada masa hadapan.

Pertimbangan yang dibuat oleh Kumpulan dan KWAP dalam mengaplikasikan polisi akaun, andaian penting berkaitan dengan masa hadapan dan sumber-sumber ketidakpastian jangkaan lain pada tarikh laporan yang mempunyai risiko besar dalam mengakibatkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti yang terlibat bagi tempoh tahun kewangan seterusnya adalah seperti yang dibincangkan di bawah:

(a) Rosot nilai atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu

Semakan ke atas penilaian bukti objektif bagi rosot nilai pelaburan dilaksanakan pada setiap tarikh laporan. Faktor-faktor seperti, antara lain, penurunan berpanjangan di antara nilai saksama indikatif dan nilai dibawa, perubahan signifikan dengan kesan yang menjejaskan pelaburan serta kemerosotan prestasi kewangan pelaburan adalah dipertimbangkan bagi mengenal pasti bukti objektif bagi rosot nilai, sekiranya ada.

Pertimbangan yang dibuat oleh Kumpulan dan KWAP dalam pemilihan kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai terdiskaun, nilai boleh realis bersih aset dan purata kaedah nisbah harga perolehan sektor yang bergantung kepada sifat serta industri pelaburan tersebut.

Dengan pemilihan kaedah penilaian yang sesuai, andaian-andaian tertentu dilaksanakan bagi menjangka amaun pelaburan boleh pulih masa hadapan. Andaian yang dibuat adalah termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, peningkatan pendapatan, kadar diskaun yang diguna pakai bagi mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan yang menerapkan risiko yang relevan serta jangkaan hasil masa hadapan bagi peristiwa terdahulu yang berkait dengan pelaburan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Rosot nilai aset bukan kewangan

Rosot nilai aset bukan kewangan dilaksanakan apabila nilai dibawa aset atau CGU melebihi nilai boleh pulih, iaitu nilai lebih tinggi antara nilai saksama setelah ditolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Pengiraan nilai saksama setelah ditolak kos jualan adalah berdasarkan data yang sedia ada daripada transaksi jualan mengikat, yang dikendalikan dengan transaksi urus niaga tulus bagi aset-aset yang serupa atau harga pasaran yang boleh diperhatikan setelah ditolak kos tambahan untuk pelupusan aset. Pengiraan nilai sedang digunakan adalah berdasarkan model aliran tunai terdiskaun di mana aliran-aliran tunai diperolehi daripada bajet lima (5) tahun hadapan dan tidak termasuk aktiviti penyusunan semula yang belum dipersetujui oleh Kumpulan dan KWAP atau pelaburan masa hadapan yang ketara yang boleh meningkatkan prestasi aset dalam CGU yang diuji. Nilai boleh pulih adalah paling sensitif terhadap kadar diskaun yang diguna pakai bagi model aliran tunai terdiskaun dan juga jangkaan aliran masuk tunai masa hadapan serta kadar pertumbuhan yang diguna pakai bagi tujuan ekstrapolasi.

(c) Rosot nilai aset kewangan

Kumpulan dan KWAP meneliti instrumen pendapatan tetap yang ditetapkan sebagai pelaburan pada FVOCI atau kos yang dilunaskan yang terdedah kepada rosot nilai di bawah MFRS 9 pada setiap Tarikh laporan bagi mencerminkan perubahan risiko kredit pelaburan kewangan yang tidak diklasifikasi sebagai FVTPL. MFRS 9 menggabungkan maklumat berpandangan hadapan dan sejarah, terkini dan ramalan ke dalam anggaran ECL.

Analisa rosot nilai merangkumi penilaian pengurusan berikut:

- (i) Penentuan sama ada pelaburan terjejas berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, kesukaran penerbit atau obligor, kemerosotan kualiti kredit penerbit atau obligor; dan
- (ii) Penentuan ECL yang mencerminkan:
 - Jumlah yang tidak berat sebelah dan kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan;
 - Nilai masa wang; dan
 - Maklumat munasabah dan disokong yang sedia ada tanpa kos atau usaha tidak wajar pada tarikh laporan mengenai keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa depan.

(d) Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima daripada jualan aset atau dibayar bagi pemindahan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengiraan nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa transaksi jualan aset atau pemindahan liabiliti berlaku sama ada di dalam pasaran utama aset atau liabiliti tersebut atau jika ketiadaan pasaran utama, di dalam pasaran yang paling menggalakkan bagi aset atau liabiliti tersebut.

Nilai saksama aset atau liabiliti diukur menggunakan anggaran yang diguna pakai oleh peserta pasaran untuk menilai aset atau liabiliti tersebut, dengan anggapan bahawa peserta pasaran bertindak mengikut kepentingan ekonomi yang terbaik.

Jika ketiadaan pasaran aktif, nilai saksama instrumen kewangan ditentukan dengan menggunakan kaedah penilaian yang dianggap sesuai dengan keadaan di mana terdapat data yang mencukupi serta sedia ada bagi pengiraan nilai saksama, dengan memaksimumkan penggunaan input relevan yang boleh diperhati serta meminimalkan penggunaan input yang tidak boleh diperhati.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Obligasi manfaat perubatan pesara

Nilai semasa obligasi manfaat perubatan pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian yang digunakan untuk menentukan kos bersih bagi manfaat perubatan pesara termasuk kadar diskaun dan kos perubatan sebenar yang ditanggung dalam tahun kewangan dengan had tuntutan kos perubatan seorang pesara sehingga RM3,000 setahun. Perubahan dalam andaian akan memberi kesan ke atas nilai dibawa obligasi manfaat perubatan pesara.

Kadar diskaun yang sesuai ditentukan setiap tahun apabila penilaian aktuari dilaksanakan setiap 3 tahun. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan bagi 31 Disember 2024 di mana kadar faedah digunakan bagi menentukan anggaran semasa jangkaan keluaran aliran tunai masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi manfaat perubatan pesara.

Kadar kos perubatan adalah berdasarkan kos perubatan sebenar yang dibelanjakan oleh Kumpulan dan KWAP.

4. PENDAPATAN/(KERUGIAN) PELABURAN/BUKAN PELABURAN

Pendapatan Kumpulan dan KWAP adalah seperti berikut:

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Pendapatan Pelaburan Kasar	8,067,274	7,026,678	7,747,997	6,752,774
Kerugian Bukan Pelaburan				
Pendapatan Operasi Lain	41,038	41,984	30,516	32,241
(Kerugian)/Keuntungan Bersih Daripada Tukaran Mata Wang Asing	(1,408,929)	973,227	(1,408,929)	973,219
Kerugian Bersih Daripada Instrumen Kewangan Derivatif	(7,790)	(1,124,342)	47,424	(1,089,605)
	(1,375,681)	(109,131)	(1,330,989)	(84,145)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

4. PENDAPATAN/(KERUGIAN) PELABURAN/BUKAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

Termasuk dalam pendapatan pelaburan kasar adalah pendapatan atau kerugian bersih untuk item berikut:

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember	31 Disember	31 Disember	31 Disember
	2024	2023	2024	2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan Dividen				
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	1,544,752	1,369,093	1,544,752	1,369,093
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	1,414,889	1,336,018	1,414,889	1,336,018
	2,959,641	2,705,111	2,959,641	2,705,111
Pendapatan Jualan Pelaburan				
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	1,390,084	823,918	1,390,084	823,918
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	46,328	27,782	46,328	27,782
	1,436,412	851,700	1,436,412	851,700
Pendapatan Faedah				
Aset Kewangan pada Kos Yang Dilunaskan	778,964	741,639	778,964	741,639
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	35,490	37,373	35,490	37,373
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	1,843,767	1,804,328	1,843,767	1,804,328
Pasaran Wang, Deposit dan Lain-lain	329,676	311,794	312,767	320,878
	2,987,897	2,895,134	2,970,988	2,904,218
Pendapatan Sewaan	521,280	440,638	7,439	-
Pelaburan dalam Subsidiari, Syarikat Bersukutu dan Kepentingan Usaha Sama	6,030	13,343	213,644	181,345
Pendapatan Lain-lain	156,014	120,752	159,873	110,400
	8,067,274	7,026,678	7,747,997	6,752,774

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

5. PERBELANJAAN OPERASI

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2024	31 Disember 2023	31 Disember 2024	31 Disember 2023
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos Pekerja	A	177,575	163,883	169,180	153,183
Perbelanjaan Hartanah		122,083	96,618	8,011	6,659
Servis Dan Yuran Profesional		204,689	154,922	154,196	107,396
Yuran Audit		3,435	2,972	505	479
Fi Dan Imbuhan Pengarah		2,965	945	919	945
Caj Susut Nilai		226,376	203,079	8,431	4,313
Caj Perlunasan		8,278	13,418	16,672	21,842
Cukai Pegangan dan Tidak Langsung		56,914	35,281	56,914	35,281
Bantuan Pengurusan		1,854	2,103	1,854	2,103
Caj Sewa		3,971	7,165	9,115	7,140
Perbelanjaan Operasi Lain		35,586	35,273	28,749	24,685
		843,726	715,659	454,546	364,026

Nota A – Kos Pekerja:

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2024	31 Disember 2023	31 Disember 2024	31 Disember 2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Gaji Dan Elaun	122,692	112,223	115,843	102,903
Potongan Berkanun	26,295	24,919	25,747	24,202
Lain-Lain	28,588	26,741	27,590	26,078
	177,575	163,883	169,180	153,183

Pada 31 Disember 2024, bilangan pekerja Kumpulan adalah 771 (2023: 740) di mana 753 (2023: 723) daripada jumlah tersebut adalah pekerja KWAP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

6. CUKAI

	Kumpulan	
	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Cukai Semasa		
Cukai Pendapatan Luar	718	465
Cukai Tertunda		
Cukai Pendapatan Luar	2,001	(7)
Perbelanjaan Cukai Bagi Tahun Semasa	2,719	458

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan kepada keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai statut bagi Kumpulan dan KWAP adalah seperti berikut:

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Keuntungan Sebelum Cukai	12,958,817	9,548,669	12,967,515	9,652,764
Cukai Pada Kadar Statut Malaysia pada 24% (2023: 24%)	3,110,116	2,291,681	3,112,204	2,316,663
Pendapatan Tidak Dikenakan Cukai	(3,109,398)	(2,291,216)	(3,112,204)	(2,316,663)
Elaun Modal Pada Lebihan Susut Nilai	2,001	(7)	-	-
Perbelanjaan Cukai Bagi Tahun Semasa	2,719	458	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

7. HARTANAH DAN PERALATAN

	Ubahsuai Pejabat RM'000	Komputer RM'000	Perabot, Peralatan Pejabat Dan Lukisan RM'000	Peralatan Gimnasium RM'000	Kenderaan RM'000	Peralatan Elektrik RM'000	Kerja Dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan								
Kos								
Pada 1 Januari 2024	22,734	14,183	25,444	390	834	218	12,555	76,358
Penambahan	4,688	141	5,781	-	-	-	6,968	17,578
Pemindahan	4,926	105	2,390	-	-	1,734	(10,646)	(1,491)
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-	-	-	(845)	(845)
Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing	-	-	(88)	-	-	-	-	(88)
Pada 31 Disember 2024	32,348	14,429	33,527	390	834	1,952	8,032	91,512
Susut Nilai Berkumpul								
Pada 1 Januari 2024	22,594	9,542	19,488	386	419	116	-	52,545
Caj Susut Nilai Bagi Tahun Semasa	833	1,448	1,886	1	91	360	-	4,619
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-
Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing	-	-	(69)	-	-	-	-	(69)
Pada 31 Disember 2024	23,427	10,990	21,305	387	510	476	-	57,095
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember 2024	8,921	3,439	12,222	3	324	1,476	8,032	34,417
KWAP								
Kos								
Pada 1 Januari 2024	22,656	14,136	15,383	390	834	218	11,808	65,425
Penambahan	15	132	86	-	-	-	6,968	7,201
Pemindahan	4,926	105	1,665	-	-	1,734	(9,921)	(1,491)
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-	-	-	(845)	(845)
Pada 31 Disember 2024	27,597	14,373	17,134	390	834	1,952	8,010	70,290
Susut Nilai Berkumpul								
Pada 1 Januari 2024	22,512	9,512	12,917	386	420	116	-	45,863
Caj Susut Nilai Bagi Tahun Semasa	444	1,443	268	1	91	360	-	2,607
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2024	22,956	10,955	13,185	387	511	476	-	48,470
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember 2024	4,641	3,418	3,949	3	323	1,476	8,010	21,820

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

7. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Ubahsuai Pejabat RM'000	Komputer RM'000	Perabot, Peralatan Pejabat Dan Lukisan RM'000	Peralatan Gimnasium RM'000	Kenderaan RM'000	Peralatan Elektrik RM'000	Kerja Dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan								
Kos								
Pada 1 Januari 2023	22,734	15,520	22,912	386	679	125	4,611	66,967
Penambahan	-	524	2,092	4	227	70	12,309	15,226
Pemindahan	-	1,372	9	-	227	23	(4,075)	(2,444)
Pelarasan/Pelupusan	-	(3,233)	-	-	(299)	-	(290)	(3,822)
Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing	-	-	431	-	-	-	-	431
Pada 31 Disember 2023	22,734	14,183	25,444	390	834	218	12,555	76,358
Susut Nilai Berkumpul								
Pada 1 Januari 2023	21,231	11,499	17,611	386	664	92	-	51,483
Caj Susut Nilai Bagi Tahun Semasa	1,363	1,265	2,156	-	54	24	-	4,862
Pelarasan/Pelupusan	-	(3,222)	-	-	(299)	-	-	(3,521)
Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing	-	-	(279)	-	-	-	-	(279)
Pada 31 Disember 2023	22,594	9,542	19,488	386	419	116	-	52,545
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember 2023	140	4,641	5,956	4	415	102	12,555	23,813
KWAP								
Kos								
Pada 1 Januari 2023	22,656	15,491	15,374	386	679	125	4,611	59,322
Penambahan	-	506	-	4	227	70	11,562	12,369
Pemindahan	-	1,372	9	-	227	23	(4,075)	(2,444)
Pelarasan/Pelupusan	-	(3,233)	-	-	(299)	-	(290)	(3,822)
Pada 31 Disember 2023	22,656	14,136	15,383	390	834	218	11,808	65,425
Susut Nilai Berkumpul								
Pada 1 Januari 2023	21,149	11,474	12,766	386	664	92	-	46,531
Caj Susut Nilai Bagi Tahun Semasa	1,363	1,260	151	-	54	24	-	2,852
Pelarasan/Pelupusan	-	(3,222)	-	-	(298)	-	-	(3,520)
Pada 31 Disember 2023	22,512	9,512	12,917	386	420	116	-	45,863
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember 2023	144	4,624	2,466	4	414	102	11,808	19,562

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

8. PERISIAN KOMPUTER

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember	31 Disember	31 Disember	31 Disember
	2024	2023	2024	2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos				
Pada 1 Januari	59,286	57,005	59,164	56,882
Penambahan	1,044	100	1,044	101
Pelupusan	-	(263)	-	(263)
Pemindahan	1,477	2,444	1,477	2,444
Pada 31 Disember	61,807	59,286	61,685	59,164
Pelunasan Terkumpul				
Pada 1 Januari	49,816	37,060	49,719	36,965
Caj Bagi Tahun Semasa	7,861	13,019	7,848	13,017
Pelupusan	-	(263)	-	(263)
Pada 31 Disember	57,677	49,816	57,567	49,719
Nilai Buku Bersih Pada 31 Disember	4,130	9,470	4,118	9,445

Perisian komputer merangkumi bayaran lesen, kos secara langsung lain bagi menyediakan aset untuk kegunaan serta yuran profesional yang berkait secara langsung dengan pembawaan aset kepada keadaan sedia guna.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

9. PELABURAN HARTANAH DAN TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN HARTANAH

(a) Pelaburan Hartanah

	Kumpulan		KWAP	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Tanah Dan Bangunan				
Kos				
Pada 1 Januari	9,404,731	8,002,068	316,446	235,261
Penambahan	315,983	866,321	157,270	81,185
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	(196,311)	536,342	-	-
Pada 31 Disember	9,524,403	9,404,731	473,716	316,446
Susut Nilai Berkumpul				
Pada 1 Januari	1,368,982	1,095,993	11,690	10,229
Caj Susut Nilai	221,757	198,217	5,824	1,461
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	(82,642)	74,772	-	-
Pada 31 Disember	1,508,097	1,368,982	17,514	11,690
Kerugian Rosot Nilai				
Pada 1 Januari	395,822	375,742	-	-
(Pembalikan)/Caj Rosot Nilai	(49,259)	40,886	-	-
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	(13,607)	(20,806)	-	-
Pada 31 Disember	332,956	395,822	-	-
Amaun Dibawa Pada 31 Disember	7,683,350	7,639,927	456,202	304,756
Nilai Saksama	10,749,932	10,629,902	509,000	351,000

Tiada sekatan ke atas pelaburan hartanah yang direalisasikan serta tiada obligasi kontrak sama ada untuk membeli, membina atau membangunkan sebarang pelaburan hartanah atau untuk pembaikan, penyelenggaraan dan penambahbaikan hartanah bagi Kumpulan dan KWAP.

Nilai saksama pelaburan hartanah Kumpulan dan KWAP pada 31 Disember 2024 masing-masing berjumlah RM10,749.9 juta dan RM509.0 juta (2023: RM10,629.9 juta dan RM351.0 juta) yang ditentukan berdasarkan penilaian yang dibuat pada setiap tarikh laporan.

Penilaian dilaksanakan oleh pegawai penilai luar yang mempunyai akreditasi dan pengalaman terkini dalam bidang penilaian tanah dan hartanah. Penilaian yang dilaksanakan adalah berdasarkan kaedah perbandingan yang melibatkan jualan hartanah yang serupa, analisa dan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi nilai dan harga hartanah tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

9. PELABURAN HARTANAH DAN TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN HARTANAH (SAMBUNGAN)

(b) Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember	31 Disember	31 Disember	31 Disember
	2024	2023	2024	2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah				
Kos:				
Pada 1 Januari	785,578	761,972	-	-
Penambahan	30,817	23,606	-	-
Pada 31 Disember	816,395	785,578	-	-

10. ASET HAK-ATAS-PENGGUNAAN

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember	31 Disember	31 Disember	31 Disember
	2024	2023	2024	2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Bangunan				
Kos				
Pada 1 Januari	64,156	58,047	60,301	-
Penambahan tahun semasa	248	-	-	-
Pelarasan	-	-	-	60,301
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	(2,565)	6,109	-	-
Pada 31 Disember	61,839	64,156	60,301	60,301
Tolak: Pelunasan				
Pada 1 Januari	1,678	1,138	8,825	-
Caj susut nilai	418	399	8,824	8,825
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	(73)	141	-	-
Pada 31 Disember	2,023	1,678	17,649	8,825
Amaun Dibawa Bersih Pada 31 Disember	59,816	62,478	42,652	51,476

Kumpulan menyewa sebuah bangunan di London, United Kingdom, bagi tempoh 153 tahun bermula 24 November 2014. Bayaran sewaan dikemas kini setiap tahun berdasarkan kadar yang lebih tinggi antara 'ground rent' minima dan 'Landlords Premium' sebanyak 7.00% daripada sewaan.

KWAP menyewa sebuah bangunan di Kuala Lumpur, Malaysia, dengan bayaran sewaan kadar tetap bagi tempoh tiga (3) tahun, dengan pilihan untuk memperbaharui sewaan selepas tarikh tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	KWAP	
	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Saham Tidak Tersiar Harga Di Malaysia	2,566,134	2,538,527
Saham Tidak Tersiar Harga Di Luar Malaysia	6,345,485	5,757,994
	8,911,619	8,296,521
Tolak: Peruntukan Kerugian Rosot Nilai	(1,075,124)	(1,075,124)
	7,836,495	7,221,397

Butir-butir syarikat subsidiari, termasuk negara dimana ianya diperbadankan adalah seperti berikut:

Nama	Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan	Kepentingan Pemilikan Efektif		Kepentingan Tak Mengawal		Aktiviti Utama
		2024 %	2023 %	2024 %	2023 %	
KWAP Managed Investment Trust 3	Australia	100.0	100.0	-	-	Pengurusan amanah pelaburan
KWAP Managed Investment Trust 4	Australia	100.0	100.0	-	-	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Ekuiti (UK) Limited	United Kingdom	100.0	100.0	-	-	Servis pengurusan dana
Prima Harta (Jersey) Unit Trust	Jersey	99.6	99.6	0.4	0.4	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Harta U (Jersey) Limited	Jersey	100.0	100.0	-	-	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Harta 2 (Jersey) Unit Trust	Jersey	100.0	100.0	-	-	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Harta 3 (Lux) S.á.r.l	Luxembourg	100.0	100.0	-	-	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Harta 4 (Jersey) Unit Trust	Jersey	99.6	99.6	0.4	0.4	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Harta 4 U (Jersey) Limited	Jersey	100.0	100.0	-	-	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Harta 5 (Jersey) Unit Trust	Jersey	99.8	99.8	0.2	0.2	Pengurusan amanah pelaburan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

11. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butir-butir syarikat subsidiari, termasuk negara dimana ianya diperbadankan adalah seperti berikut: (Sambungan)

Nama	Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan	Kepentingan Pemilikan Efektif		Kepentingan Tak Mengawal		Aktiviti Utama
		2024 %	2023 %	2024 %	2023 %	
Prima Harta 5 (Jersey) Limited	Jersey	100.0	100.0	-	-	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Harta 6 (Jersey) Unit Trust	Jersey	99.9	99.9	0.1	0.1	Pengurusan amanah pelaburan
Prima Harta 6 (Jersey) Limited	Jersey	100.0	100.0	-	-	Pengurusan amanah pelaburan
Capsquare Tower Sdn Bhd	Malaysia	100.0	100.0	-	-	Pengurusan hartanah
KWEST Sdn Bhd	Malaysia	100.0	100.0	-	-	Pembangunan hartanah
Harta Integra Berkat Sdn Bhd	Malaysia	100.0	100.0	-	-	Pengurusan hartanah
Harta Rini Sdn Bhd	Malaysia	100.0	100.0	-	-	Pengurusan hartanah
Harta Kulim Sdn Bhd	Malaysia	100.0	-	-	-	Pengurusan hartanah
Harta Residensi Sdn Bhd	Malaysia	100.0	-	-	-	Pengurusan hartanah

* Semua syarikat subsidiari tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia.

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Saham Pada Kos, Saham Tidak Tersiar Harga	1,421,412	1,025,478	1,040,690	1,008,190
	1,421,412	1,025,478	1,040,690	1,008,190
Bahagian Rizab Selepas Pengambilalihan	58,825	240,397	-	-
	1,480,237	1,265,875	1,040,690	1,008,190
Tolak: Peruntukan Kerugian Rosot Nilai	(56,066)	(10,482)	(66,548)	(10,482)
	1,424,171	1,255,393	974,142	997,708

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Butir-butir syarikat bersekutu di bawah KWAP, termasuk negara di mana ianya diperbadankan adalah seperti berikut:

Nama	Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan	Kepentingan Pemilikan Efektif		Modal Perakaunan Digunakan	Aktiviti Utama
		2024 %	2023 %		
Aerodyne Ventures Sdn. Bhd.	Malaysia	5.83	5.83	Kaedah Ekuiti	Perisian dan perkhidmatan
EDOTCO Group Sdn. Bhd.	Malaysia	5.29	5.29	Kaedah Ekuiti	Infrastruktur komunikasi
Vantage Solar Investment S.á.r.l	Luxembourg	45.00	45.00	Kaedah Ekuiti	Pengeluar tenaga solar bebas
Asia Pacific Education Group	Malaysia	19.50	20.70	Kaedah Ekuiti	Pendidikan
Lapasar Sdn. Bhd.	Malaysia	7.47	-	Kaedah Ekuiti	Perdagangan barang pengguna
Bateriku (M) Sdn. Bhd.	Malaysia	4.90	-	Kaedah Ekuiti	Perdagangan dan perkhidmatan

Aerodyne Ventures Sdn. Bhd., EDOTCO Group Sdn. Bhd., Asia Pacific Education Group, Lapasar Sdn. Bhd. dan Bateriku (M) Sdn. Bhd. diiktiraf sebagai syarikat bersekutu kepada Kumpulan berdasarkan kewujudan pengaruh penting dalam entiti tersebut. MFRS 128 mendefinisikan pengaruh penting sebagai kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat tetapi tiada kawalan atau kawalan bersama untuk polisi tersebut.

Butiran syarikat bersekutu di bawah KWEST Sdn. Bhd., termasuk negara di mana ianya diperbadankan adalah seperti berikut:

Nama	Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan	Kepentingan Pemilikan Efektif		Modal Perakaunan Digunakan	Aktiviti Utama
		2024 %	2023 %		
Compass IP Sdn. Bhd.	Malaysia	20.00	20.00	Kaedah Ekuiti	Pembangunan hartanah

Butiran Syarikat bersekutu di bawah KWAP MIT 4, termasuk negara di mana ianya diperbadankan adalah seperti berikut:

Nama	Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan	Kepentingan Pemilikan Efektif		Modal Perakaunan Digunakan	Aktiviti Utama
		2024 %	2023 %		
LOGOS Australia Logistics Venture (LALV) Trusts	Australia	10.00	-	Kaedah Ekuiti	Pegangan pelaburan

Pada 31 Oktober 2024, KWAP MIT 4 telah melabur dalam LALV Trusts yang mempunyai pelaburan di dalam 10 aset amanah di LACP Portfolio dengan jumlah sebanyak RM410.0 juta atau AUD147.5 juta (termasuk kos ketekunan wajar yang dimodalkan dan kos duti setem) yang mewakili 10% jumlah kepentingan ekuiti dalam setiap aset amanah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan bagi syarikat bersekutu yang material bagi Kumpulan adalah seperti berikut:

	EDOTCO Group Sdn. Bhd.	
	2024	2023
	RM'000	RM'000
Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan		
Jumlah Aset	12,155,984	12,583,168
Jumlah Liabiliti	(9,014,258)	(9,548,539)
Jumlah Aset Bersih	3,141,726	3,034,629
Kepentingan Tak Kawal	(528,600)	(503,781)
Jumlah Aset Bersih tidak termasuk Kepentingan Tak Kawal	2,613,126	2,530,848
Petikan Daripada Penyata Pendapatan Komprehensif		
Jumlah Pendapatan	2,857,164	2,475,224
Keuntungan/(Kerugian) selepas Cukai bagi Tahun Kewangan Semasa	410,764	(972,428)
(Kerugian)/Pendapatan Komprehensif Lain bagi Tahun Kewangan Semasa	(277,195)	61,028
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif bagi Tahun Kewangan Semasa	133,569	(911,400)
Dividen Diterima daripada Syarikat Bersekutu bagi Tahun Kewangan Semasa	-	-
Bahagian Milik Kumpulan dalam %	5.29	5.29
Bahagian Aset Bersih Milik Kumpulan	166,197	160,532
Muhibah	461,931	461,931
Amaun Dibawa	628,128	622,463

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan bagi syarikat bersekutu KWEST Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

	Compass IP Sdn. Bhd.	
	2024	2023
	RM'000	RM'000
Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Digabungkan		
Jumlah Aset	475,066	453,187
Jumlah Liabiliti	(335,518)	(317,020)
Jumlah Aset Bersih	139,548	136,167
Kepentingan Tak Kawal	-	-
Jumlah Aset Bersih tidak termasuk Kepentingan Tak Kawal	139,548	136,167
Petikan Daripada Penyata Pendapatan Komprehensif		
Jumlah Pendapatan	113,588	37,254
Keuntungan selepas Cukai bagi Tahun Kewangan Semasa	3,381	3,346
Pendapatan Komprehensif Lain bagi Tahun Kewangan Semasa	-	-
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi Tahun Kewangan Semasa	3,381	3,346
Dividen Diterima daripada Syarikat Bersekutu bagi Tahun Kewangan Semasa	-	-
Bahagian Milikan dalam Syarikat Bersekutu	20%	20%
Perkongsian Bahagian Kewangan Syarikat Bersekutu	676	669

Selain daripada syarikat bersekutu yang dinyatakan di atas, Kumpulan juga mempunyai kepentingan dalam beberapa syarikat bersekutu yang tidak material secara individu yang diambil kira menggunakan kaedah ekuiti.

	2024	2023
	RM'000	RM'000
Jumlah Amaun Dibawa untuk Syarikat Bersekutu yang Tidak Material Secara Individual	796,043	632,930
Amaun Agregat Bahagian Kumpulan:		
Kerugian Pada Tahun Semasa	(166,908)	(59,814)
(Kerugian)/Pendapatan Komprehensif Lain	(14,664)	3,228
Jumlah Kerugian Komprehensif	(181,572)	(56,586)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

13. PELABURAN DALAM KEPENTINGAN USAHA SAMA

	Kumpulan	
	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Saham Pada Kos,		
Saham Tidak Tersiar Harga Di Luar Malaysia	-	-
Saham Tidak Tersiar Harga Di Malaysia	1,000	1,000
	1,000	1,000
Bahagian Rizab Selepas Pengambilalihan	14,865	5,017
	15,865	6,017
Tolak: Peruntukan Kerugian Rosot Nilai	-	-
	15,865	6,017

Butir-butir kepentingan usaha sama, kesemuanya diperbadankan di Malaysia, adalah seperti berikut:

Nama	Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan	Kepentingan Pemilikan Efektif		Modal Perakaunan Digunakan	Kegiatan Utama
		2024 %	2023 %		
Tap Crunch Sdn Bhd	Malaysia	50.00	50.00	Kaedah Ekuiti	Entiti pemegangan pelaburan

Pelaburan Kumpulan dan KWAP dalam Tap Crunch Sdn. Bhd. berjumlah RM5.00.

Butir-butir kepentingan usaha sama subsidiari adalah seperti berikut:

Nama	Negara Diperbadankan/ Lokasi Utama Perniagaan	Kepentingan Pemilikan Efektif		Modal Perakaunan Digunakan	Kegiatan Utama
		2024 %	2023 %		
Persada Mentari Sdn Bhd	Malaysia	20.00	20.00	Kaedah Ekuiti	Perkhidmatan pembangunan hartanah

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

13. PELABURAN DALAM KEPENTINGAN USAHA SAMA (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan bagi setiap agregat usaha sama yang material bagi Kumpulan adalah seperti berikut:

	2024 RM'000	2023 RM'000
Jumlah Amaun Dibawa untuk Syarikat Usaha Sama yang Tidak Material Secara Individual	15,865	6,017
Amaun Agregat Bahagian Kumpulan:		
Pendapatan Tahun Semasa	9,847	3,262

14. PINJAMAN DAN BELUM TERIMA

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000	31 Disember 2024 RM'000	31 Disember 2023 RM'000
Bukan Semasa				
Pinjaman Dan Belum Terima				
- Pinjaman Komersil	266,046	372,886	266,046	372,886
- Pinjaman Kepada Pihak Berkaitan	-	-	-	275,008
Belum Terima Jangka Panjang	18,330	20,813	-	-
	284,376	393,699	266,046	647,894
Semasa				
Pinjaman Dan Belum Terima				
- Pinjaman Komersil	106,060	112,935	106,060	112,935

Pinjaman Dan Belum Terima kepada institusi korporat adalah tertakluk kepada kadar faedah di antara 4.67% hingga 4.71% (2023: 3.60% hingga 4.71%) setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

14. PINJAMAN DAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

(a) Pergerakan peruntukan Pinjaman dan Belum Terima

Tiada peruntukan kerugian rosot nilai bagi Pinjaman dan Belum Terima (2023: Tiada).

Semua Pinjaman Dan Belum Terima diklasifikasikan sebagai Tahap 1 dalam penilaian ECL.

(b) Kesan pergerakan jumlah peruntukan baki bawa kebawah bagi kerugian rosot nilai

Tiada nilai bersih pengiraan semula peruntukan kerugian rosot nilai bagi tahun semasa (2023: Tiada).

(c) Maklumat dan kesan modifikasi penilaian bagi peruntukan kerugian rosot nilai

Tiada modifikasi pinjaman yang memberi impak kepada pengiraan peruntukan rosot nilai bagi tahun semasa (2023: Tiada).

(d) Hapuskira di bawah aktiviti penguatkuasaan

Tiada amaun kontraktual yang tertunggak bagi aset kewangan yang dihapuskira bagi tahun semasa (2023: Tiada).

15. INSTRUMEN HUTANG PADA KOS YANG DILUNASKAN

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember	31 Disember	31 Disember	31 Disember
	2024	2023	2024	2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan				
Pada 31 Disember 2024	16,578,514	16,621,391	16,578,514	16,621,391
	16,578,514	16,621,391	16,578,514	16,621,391

(a) Reklasifikasi instrumen hutang pada kos yang dilunaskan

Tiada reklasifikasi instrumen hutang pada kos yang dliunaskan bagi tahun semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

15. INSTRUMEN HUTANG PADA KOS YANG DILUNASKAN (SAMBUNGAN)

(b) Perubahan peruntukan instrumen hutang pada kos yang dilunaskan

Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan	Jangkaan kerugian kredit 12-bulan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2023	2	2
Penilaian semula peruntukan kerugian bersih	243	243
Pada 31 Disember 2023/1 Januari 2024	245	245
Penilaian semula peruntukan kerugian bersih	(37)	(37)
Pada 31 Disember 2024	208	208

Tiada perolehan aset kewangan yang mempunyai rosot nilai kredit pada pengiktirafan asal dan bagi tahun semasa dan seterusnya tiada pengiktirafan bagi ECL.

(c) Kesan bagi pergerakan nilai dibawa kasar peruntukan kerugian rosot nilai

Peruntukan kerugian rosot nilai mencerminkan penilaian ECL yang menggunakan kaedah tiga (3) peringkat berdasarkan MFRS 9, seperti yang diterangkan di dalam bahagian polisi perakaunan signifikan.

Nilai dibawa kasar bagi instrumen hutang pada kos yang dilunaskan menurun sebanyak RM42.9 juta disebabkan oleh pembelian bersih instrumen kewangan pada tahun semasa.

Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan	Jangkaan kerugian kredit 12-bulan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2023	16,372,543	16,372,543
Aset kewangan baru asalan atau dibeli	687,050	687,050
Penyahiktirafan aset kewangan	(432,482)	(432,482)
Pergerakan pertambahan diskaun	(5,720)	(5,720)
Pada 31 Disember 2023/1 Januari 2024	16,621,391	16,621,391
Aset kewangan baru asalan atau dibeli	166,619	166,619
Penyahiktirafan aset kewangan	(209,000)	(209,000)
Pergerakan pertambahan diskaun	(496)	(496)
Pada 31 Disember 2024	16,578,514	16,578,514

(d) Hapuskira di bawah aktiviti penguatkuasaan

Tiada amaun kontrak yang tertunggak bagi aset kewangan yang dihapuskira bagi tahun semasa (2023: Tiada).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

16. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember	31 Disember	31 Disember	31 Disember
	2024	2023	2024	2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Bukan Semasa				
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama				
Melalui Untung Atau Rugi	811,909	667,167	811,909	639,431
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama				
Melalui Untung Atau Rugi				
- Disebut Harga	56,954,502	46,313,723	56,954,502	46,313,723
- Tidak Disebut Harga	13,595,810	11,074,235	13,595,810	11,074,235
	70,550,312	57,387,958	70,550,312	57,387,958
Semasa				
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama				
Melalui Untung Atau Rugi	299,210	208,558	477,447	433,144

17. INSTRUMEN HUTANG PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember	31 Disember	31 Disember	31 Disember
	2024	2023	2024	2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama				
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	42,274,778	42,675,911	42,274,778	42,675,911
	42,274,778	42,675,911	42,274,778	42,675,911

(a) Reklasifikasi instrumen hutang pada FVOCI

Tiada reklasifikasi bagi instrumen hutang pada FVOCI bagi tahun semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

17. INSTRUMEN HUTANG PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMBUNGAN)

(b) Perubahan peruntukan instrumen hutang pada FVOCI

Amaun Dibawa Kasar Instrumen Hutang Pada FVOCI	Jangkaan kerugian kredit 12- bulan RM'000	Jangkaan kerugian kredit (ditaksir secara berkumpulan belum terjejas kredit) RM'000	Jumlah RM'000
		Jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat (ditaksir secara berkumpulan belum terjejas kredit)	
Pada 1 Januari 2023	15	5,105	5,120
Pindahan disebabkan oleh baki awal aset kewangan yang dikenal pasti:			
Pengukuran semula ECL bersih	(78)	33,472	33,394
Aset kewangan baru asalan atau dibeli	6,042	-	6,042
Penyahiktirafan aset kewangan	71	328	399
Pada 31 Disember 2023/1 Januari 2024	6,050	38,905	44,955
Pindahan:			
Pengukuran semula ECL bersih	(667)	(37)	(704)
Aset kewangan baru asalan atau dibeli	1,332	-	1,332
Penyahiktirafan aset kewangan	(918)	(3,319)	(4,237)
Pada 31 Disember 2024	5,797	35,549	41,346

Tiada ECL tidak didiskaunkan bagi aset kewangan yang mempunyai rosot nilai kredit pada pengiktirafan asal yang diperoleh sepanjang tahun.

(c) Kesan pergerakan nilai dibawa kasar bagi peruntukan kerugian rosot nilai

Peruntukan kerugian rosot nilai mencerminkan penilaian ECL yang menggunakan kaedah tiga (3) peringkat berdasarkan MFRS 9, seperti yang diterangkan di dalam bahagian polisi perakaunan signifikan. Penerangan seterusnya melibatkan kesan perubahan yang signifikan bagi nilai dibawa kasar instrumen hutang pada FVOCI sepanjang tahun semasa terhadap peruntukan kerugian rosot nilai Kumpulan dan KWAP berdasarkan model ECL.

Secara keseluruhannya jumlah peruntukan kerugian rosot nilai menurun sebanyak RM3.6 juta berbanding dengan baki mula pada awal tahun. Penurunan bersih tersebut adalah didorong oleh pergerakan peruntukan jangkaan kerugian yang sebelum ini dikira daripada jangkaan kerugian kredit 12 bulan, kepada kerugian kredit jangka hayat dan penyahiktirafan aset kewangan tersebut.

Nilai dibawa kasar bagi instrumen hutang pada FVOCI menurun terutamanya disebabkan oleh perkara berikut:

- pergerakan dalam penilaian bagi tahun semasa; dan
- penyahiktirafan bagi tahun semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

17. INSTRUMEN HUTANG PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMBUNGAN)

c) Kesan pergerakan nilai dibawa kasar bagi peruntukan kerugian rosot nilai (Sambungan)

Amaun Dibawa Kasar Instrumen Hutang Pada FVOCI	Jangkaan kerugian kredit 12- bulan RM'000	Jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat (ditaksir secara berkumpulan belum terjejas kredit) RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2023	39,197,360	5,020	39,202,380
Pindahan:			
- Dipindah ke ECL sepanjang hayat belum terjejas kredit – peruntukan kolektif	(67,093)	67,093	-
Aset kewangan baru asalan atau dibeli	8,866,173	-	8,866,173
Penyahiktirafan aset kewangan	(6,303,808)	(1,751)	(6,305,559)
Perubahan turun naik tukaran dan lain-lain	927,827	(14,910)	912,917
Pada 31 Disember 2023/1 Januari 2024	42,620,459	55,452	42,675,911
Pindahan:			
Aset kewangan baru asalan atau dibeli	5,302,248	-	5,302,248
Penyahiktirafan aset kewangan	(5,659,427)	(3,317)	(5,662,744)
Perubahan turun naik tukaran dan lain-lain	(50,116)	9,479	(40,637)
Pada 31 Disember 2024	42,213,164	61,614	42,274,778

(d) Hapuskira di bawah aktiviti penguatkuasaan

Tiada amaun kontrak yang tertunggak bagi aset kewangan yang dihapuskira bagi tahun semasa (2023: Tiada).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

18. INSTRUMEN EKUITI PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2024	31 Disember 2023	31 Disember 2024	31 Disember 2023
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Bukan Semasa				
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama				
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain				
- Ekuiti Tersiar Harga	38,328,947	34,295,157	38,328,947	34,295,157
	38,328,947	34,295,157	38,328,947	34,295,157

Struktur portfolio yang menggabungkan klasifikasi aset kewangan pada FVTPL dan pada FVOCI adalah sejajar dengan risiko profil dan tahap risiko Kumpulan dan KWAP.

Dividen yang diiktiraf dari pegangan pelaburan instrumen ekuiti pada FVOCI dan pada FVTPL sepanjang tempoh laporan adalah masing-masing sebanyak RM1,414.9 juta (2023: RM1,336.0 juta) dan RM1,544.8 juta (2023: RM1,369.1 juta).

Pelupusan instrumen pelaburan ekuiti yang dinilai pada FVOCI

Sepanjang tahun, terdapat pelupusan instrumen ekuiti pada FVOCI dengan jumlah keuntungan terealisasi sebanyak RM116.6 juta (2023: RM6.5 juta) yang direkodkan di dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

19. ASET DAN LIABILITI KEWANGAN DERIVATIF

	Kumpulan			KWAP		
	Nilai Nominal RM'000	Aset/ (Liabiliti) RM'000	Aset/ (Liabiliti) RM'000	Nilai Nominal RM'000	Aset/ (Liabiliti) RM'000	Aset/ (Liabiliti) RM'000
2024						
Aset Bukan Semasa						
Derivatif Untuk Lindung Nilai:						
Aset Kewangan:						
Swap Kadar Faedah	97,442	2,556	2,556	-	-	-
Aset Semasa						
Derivatif Untuk Lindung Nilai:						
Aset Kewangan:						
Kontrak Kadar Tukaran Hadapan	531,542	3,067		531,542	3,067	
Swap Kadar Faedah	969,719	12,480		-	-	
Waran Dan Hak	-	6,689	22,236	-	6,689	9,756
Liabiliti Semasa						
Liabiliti Kewangan:						
Swap Kadar Faedah	-					
